



**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGAL KEDUA
MESYUARAT KETIGA**

Bil. 43

Selasa

22 Oktober 2019

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 11)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Perbekalan 2020	(Halaman 50)
USUL-USUL:	
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Dari pada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 49)
Anggaran Pembangunan 2020	(Halaman 50)

**MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL KEDUA
MESYUARAT KETIGA**

Selasa, 22 Oktober 2019

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai] minta Perdana Menteri menyatakan adakah kerajaan berhasrat untuk mengawal selia sektor ekonomi gig, contohnya berkait skim pembayaran Syarikat Foodpanda, demi membela nasib dan kebajikan pekerja-pekerja ekonomi gig.

Perdana Menteri [Tun Dr. Mahathir bin Mohamad]: Tuan Yang di-Pertua, sebagai mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, *gig economy* adalah sistem pasaran terbuka, di mana pekerja bebas, dengan izin, *independent workers* mengikat kontrak kerja untuk melaksanakan sesuatu projek dalam jangka masa tertentu dan kebiasaannya dilaksanakan secara *freelance*. Ia kini menjadi trend semasa dan kerajaan mendapati *gig economy* mampu menjadi sumber pertumbuhan ekonomi baharu dan memberi peluang kepada rakyat meningkatkan pendapatan serta taraf hidup mereka.

Sebagai satu trend yang baru, di mana pekerjaan kini lebih fleksibel, kerajaan menghadapi cabaran dalam penjagaan kebajikan para pekerja yang terlibat dengan *gig economy* ini berikutan hubungan *master and servant* dan hubungan pekerjaan, dengan izin, *employment relationship* dengan majikan yang kurang jelas. Malah, kerajaan sedar akan implikasi *gig economy* ini terhadap ekonomi tradisional serta perlindungan hak pekerja. Justeru, kerajaan telah mengambil beberapa inisiatif berikut dengan objektif untuk memanfaatkan *gig economy* dan dalam masa yang sama, kepentingan pengguna dan pekerja kekal terjamin.

Antara inisiatif tersebut adalah:

- (i) penubuhan jawatankuasa khas dianggotai oleh Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal

Pengguna. Jawatankuasa ini akan merangka penyelesaian jangka panjang terhadap isu-isu berkaitan *gig economy* di negara ini;

- (ii) Kementerian Sumber Manusia akan menjalankan kajian terperinci daripada segi takrifan perundangan berhubung terma-terma dan syarat-syarat pekerjaan dalam industri kategori *gig economy*, selaras dengan perubahan trend ekonomi di bawah perkembangan Industri 4.0;
- (iii) melaksanakan *regulatory sandbox* untuk dikaji oleh semua badan *regulatory* ataupun *regulators*, termasuk Bank Negara Malaysia sebagai langkah memenuhi trend masa hadapan dalam menggalakkan aktiviti berkaitan teknologi baru; dan
- (iv) memberikan tumpuan kepada *gig economy* sebagai sumber pertumbuhan ekonomi baru, mampan dan inklusif dalam merangka Rancangan Malaysia Ke-12, 2021-2025.

Terima kasih.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Seperti yang kita sedia maklum, di kalangan pemandu ataupun *riders* Foodpanda ada 13,000 yang bekerja. Di GrabFood ada lebih kurang 10,000, di *Grab drivers* ada lebih kurang 150,000. *World Bank* pula menganggarkan 26 peratus daripada rakyat Malaysia yang bekerja akan bekerja sebagai *freelance*. Maksudnya, ekonomi gig ini adalah satu ekonomi yang besar. Saya ucapkan tahniah.

Cuma persoalannya, adakah jawatankuasa ini juga akan menyentuh perkara-perkara seperti isu KWSP, isu PERKESO? Ini kerana ramai yang bekerja, panjang masanya. Seseengah mereka bekerja 12 hingga 13 jam, tanpa berhenti untuk mendapatkan gaji yang agak baik, dalam RM6,000 ke RM7,000. Jadi, bagaimana pandangan kerajaan dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tentang *work and life balance*? Sebagai seorang doktor, mungkin boleh berikan pandangan juga. Terima kasih.

Tun Dr. Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, memang kerajaan amat prihatin terhadap nasib pekerja yang terlibat dalam *gig economy* ini. Bagi pekerja biasa, sudah ada peraturan-peraturan berkenaan dengan simpanan wang dan pencen serta KWSP. Akan tetapi bagi *gig economy* ini yang tidak mengikut apa-apa peraturan yang

dikenali sekarang ini, kerajaan terpaksa memeriksa apakah kepentingan pekerja-pekerja terlindung ataupun tidak.

■1010

Pada masa ini, kita masih membuat kajian kerana sistem ini adalah sistem yang baharu yang dibuat kerana perhubungan yang mudah boleh dibuat antara pekerja dengan majikan. Ini cara baharu mereka bekerja dan kita dapati bahawa ramai yang mendapat manfaat daripada *gig economy* ini. Oleh sebab itu kita perlukan kekalkan sistem ini tetapi kita hendak supaya diadakan peraturan yang melindungi hak pekerja, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Langkawi. Semakin ramai rakyat sekarang ini membuat kerja sambilan, sama ada mereka melaksanakan bawa GrabTaxi atau GrabFood, Foodpanda. Apa pandangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tentang kerja sambilan?

Apakah pandangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tentang berniaga atas talian, *business online*, adakah perkara ini juga perlu *guideline* dan garis panduan, bukan hanya mereka yang bekerja sepenuh masa? Terima kasih.

Tun Dr. Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan yang mana agak sukar bagi mereka yang mempunyai kebolehan ataupun kelulusan mencari kerja, sistem *gig economy* ini memberi peluang kepada mereka menambah ataupun mendapat pendapatan yang halal. Mereka bekerja sendirian tetapi pekerja sendirian ini tidak termasuk dalam golongan pekerja biasa yang menikmati beberapa perlindungan yang diadakan oleh kerajaan.

Kita tidak dapat hentikan sistem ini kerana ramai daripada rakyat mendapati bahawa sistem ini memberi peluang kepada mereka menambah pendapatan mereka ataupun bagi yang menganggur mencari sedikit pendapatan yang boleh menampung keperluan hidup mereka.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Masalah pokoknya adalah pengangguran anak muda 10.8 peratus, tiga kali ganda daripada jumlah peratusan pengangguran nasional.

Akan tetapi, apa yang saya hendak bertanya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan menggubal satu rang undang-undang? Ini kerana kita faham dalam *gig economy* ini, *currency* atau mata wang yang diniagakan, sama ada dua *fiat currency* atau *cryptocurrency*.

Akan tetapi, adakah Malaysia sekarang ini bergerak ke arah untuk melihat *cryptocurrency* tersebut. Ini kerana saya risau Yang Amat Berhormat Langkawi banyak jenayah *dark web* ini akan menyebabkan anak-anak muda mencari jalan untuk keluar daripada masalah pengangguran kerana mereka hendak pendapatan yang lebih. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Agak lari daripada soalan asal ya? *Cryptocurrency*.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Boleh satu soalan lagi?

Tun Dr. Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, tujuan kita mengadakan badan yang sedang mengkaji sistem *gig economy* ini ialah oleh kerana kita ingin menentukan bahawa ada undang-undang ataupun peraturan-peraturan yang boleh melindungi hak pekerja-pekerja dalam *gig economy*.

Itulah sebabnya yang kita tubuh badan ini dan di waktu ini kita dapati bukan semuanya sama yang boleh disusun mengikut pekerja-pekerja biasa. Akan tetapi, adalah menjadi tanggungjawab kerajaan untuk menyusun undang-undang dan peraturan-peraturan supaya semua pihak terlindung dan kita juga dapat manfaat daripada pertumbuhan ekonomi hasil daripada kegiatan dalam *gig economy*. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Mungkin soalan tambahan yang terakhir.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Satu lagi. Boleh?

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Bagan Serai.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Dalam *gig economy* ini, adakah contohnya syarikat Foodpanda memastikan bahawa semua yang menghantar makanan ini mempunyai lesen, *road tax*, insurans yang sah? Adakah mereka ini telah diberi taklimat dan nasihat mengenai undang-undang dan tata tertib di jalan raya? Tuan Yang di-Pertua, saya pernah dilanggar oleh Foodpanda. [Ketawa]

Tun Dr. Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, Foodpanda ini adalah di antara yang pertama yang memperkenalkan *gig economy* di Malaysia. Pada masa mereka memperkenalkan sistem ini kita tidak pun mahir berkenaan dengan perkataan *gig economy* pun. Oleh sebab itu pada mulanya kita tidak ada peraturan-peraturan atau undang-undang.

Terdapat kemungkinan mereka dianiayai oleh majikan, sebab itu hari ini kita ingin tentukan supaya ada undang-undang dan peraturan-peraturan yang mana kalau majikan melanggar maka tindakan boleh diambil terhadap mereka. Waktu ini kita belum ada undang-undang ataupun peraturan-peraturan.

2. Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat] minta Menteri Pendidikan menyatakan tindakan tegas yang diambil terhadap penganjur Debat Piala Tun Razak 2019 yang telah bertindak melampau dengan menyentuh hal ehwal syariah hukum Islam yang sudah termaktub di dalam Al-Quran sebagai bahan perdebatan.

Menteri Pendidikan [Dr. Maszlee bin Malik]: *Bismillahir Rahmanir Rahim*, Tuan Yang di-Pertua, untuk maklum Ahli Yang Berhormat, Debat Piala Tun Razak merupakan pertandingan debat ala Parlimen yang diadakan di Sekolah Dato' Abdul Razak (SDAR) mulai tahun 2009 lagi.

Program ini merupakan satu inisiatif untuk melatih murid agar mampu menyampaikan hujah yang penuh kritis dan analitikal. Dari tahun 2009 sehingga tahun 2018, tiada sebarang insiden negatif telah berlaku sepanjang penganjuran debat ini. Walau bagaimanapun, Kementerian Pendidikan Malaysia memandang serius terhadap insiden yang telah berlaku baru-baru ini melibatkan pertandingan Debat Bahasa Inggeris Piala Tun Razak berkenaan.

Sehubungan itu, KPM telah menubuhkan Jawatankuasa Khas Siasatan bagi meneliti perkara ini. Jawatankuasa ini mendapati pemilihan tajuk debat boleh menyentuh sensitiviti agama. Hasil siasatan juga menunjukkan bahawa tidak berlaku komunikasi yang berkesan antara pihak penganjur iaitu Sekolah Dato' Abdul Razak dan juga panel juri perdebatan serta guru pengiring sekolah-sekolah yang terlibat walaupun terdapat platform untuk menyatakan bantahan.

Untuk itu, kementerian akan memperkemaskan prosedur operasi standard (SOP) semua jenis penganjuran, pertandingan agar perkara ini ataupun perkara seumpama ini tidak akan berulang di masa hadapan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak UTM juga telah mengambil perhatian tentang penglibatan pelajar mereka sebagai juri pertandingan tersebut dan siasatan sedang dijalankan oleh pihak hal ehwal pelajar UiTM. KPM akan sentiasa menyokong sebarang penganjuran program dan aktiviti yang menyumbang ke arah pembentukan sahsiah dan kemenjadian murid di sekolah-sekolah.

Walaupun bagaimanapun, penganjuran aktiviti seumpama ini hendaklah mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan oleh KPM agar tidak menimbulkan sebarang kontroversi di masa hadapan. Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tuan Yang di-Pertua, saya menghormati jawapan Menteri. Namun saya sangat berdukacita dengan jawapan tersebut yang mana daripada jawapan ini seolah-olah benarlah tanggapan masyarakat umum bahawa Kerajaan Pakatan Harapan adalah penaung kepada pejuang liberalisasi dan penghina agama khususnya Islam kerana tidak ada tindakan yang tegas.

Saya meneliti pernyataan memohon maaf daripada penganjuran debat tersebut. Tidak ada langsung pernyataan kesal daripada mereka. Sebaliknya mereka menggunakan sepenuhnya ruang untuk menjustifikasikan tindakan mereka itu sebagai tindakan yang tidak ada salahnya.

Apakah yang menyebabkan keberanian mereka yang begitu sekali? Saya meyakini tentunya mereka tidak akan seberani ini sekiranya mereka tidak disokong dan dinaungi oleh pihak-pihak tertentu khususnya pihak yang menguasai negara pada hari ini. Apa komen Yang Berhormat Menteri?

Dr. Maszlee bin Malik: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang telah dinyatakan tadi, kita menyatakan kekesalan dan pihak KPM akan memastikan perkara tersebut tidak akan berulang lagi.

■1020

Walau bagaimanapun, tuduhan yang diberikan oleh Yang Berhormat Tumpat adalah terlalu berat dan saya meminta Tuan Yang di-Pertua, untuk beliau menarik semula tuduhan dan fitnah tersebut. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Sesi ini sesi soalan. Yang Berhormat Tumpat memberi komen.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya tadi, apa komen Yang Berhormat Menteri. Saya tidak membuat sebarang tohmahan. Saya sebut, "seolah-olah", "seolah-olah" dan tanggapan umum. Itu bukan kenyataan saya, itu tanggapan umum.

Tuan Yang di-Pertua: Tarikh balik lah.

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: Tidak payahlah sensitif sangat.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau hendak berbahas, tunggu masa berbahas. Tarik baliklah Yang Berhormat Tumpat.

Timbalan Menteri Industri Utama [Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin]: Yang Berhormat Tumpat, tarik balik Yang Berhormat Tumpat.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tidak. Apa yang perlu saya tarik balik Tuan Yang di-Pertua? Apa yang perlu saya tarik balik?

Tuan Yang di-Pertua: Ya Yang Berhormat Menteri, silakan.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tanggapan umum itu akan tetap ada. Tanggapan umum, walau apa pun yang saya sebut ataupun saya tidak sebut.

Dr. Maszlee bin Malik: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Menteri, beri penjelasan.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Apa yang perlu saya tarik balik?

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin: Tarik balik “*seolah-olah*” itu.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Okey. Saya tarik balik “*seolah-olah*”.

Tuan Yang di-Pertua: “*Seolah-olah*”.

[*Dewan ketawa*]

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: So, sebenarnya begitu.

Tuan Yang di-Pertua: Baik. Boleh direkodkan dalam *Hansard*, tarik balik “*seolah-olah*”.

[*Dewan ketawa*]

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tahu, apakah mekanisme pemantauan yang akan dibuat oleh pihak kementerian untuk memastikan perkara seumpama ini tidak berlaku di masa akan datang?

Dr. Maszlee bin Malik: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang telah disebutkan tadi, kita memperkemas SOP di peringkat kementerian untuk dipatuhi oleh semua pihak penganjur debat di masa akan datang dan kita akan pastikan bahawa pematuhan SOP tersebut terutamanya di dalam pemilihan tajuk akan berlaku sebelum penganjuran dilakukan secara muktamad. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

3. Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat] minta Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli menyatakan berdasarkan tinjauan cuaca yang dilaksanakan oleh Jabatan Meteorologi Malaysia, Monsun Timur Laut dijangka bermula pada awal bulan November 2019 dan berakhir pada Mac 2020. Semasa tempoh monsun ini, beberapa episod hujan lebat monsun yang menyeluruh dijangka berlaku terutama di negeri-negeri Pantai Timur Semenanjung Malaysia. Sehubungan dengan itu, apakah persediaan kementerian dalam menghadapi kemungkinan kejadian banjir yang akan berlaku di seluruh Malaysia termasuklah di Sabah dan Sarawak.

Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli [Dr. Xavier Jayakumar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bagi menghadapi kejadian banjir, berikut adalah antara persediaan yang telah dan sedang dilaksanakan oleh Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS). Kita sentiasa memantau status semasa curahan hujan dan aras air sungai utama seluruh Malaysia. Pelaksanaan tindakan pemantauan berterusan secara *online* melalui Pusat Ramalan dan Amaran Banjir Negara (PRABN) dengan memantau status semasa curahan hujan dan aras air

sungai utama seluruh Malaysia melalui laman sesawang www.publicinfobanjir.water.gov.my.

Pemantauan secara langsung ini dengan kerjasama daripada lain-lain agensi seperti MetMalaysia, Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) serta JPS negeri akan dapat meningkatkan keupayaan hebahan supaya dapat memberi tempoh masa yang mencukupi untuk penduduk dan agensi yang bertanggungjawab melaksanakan tindakan dan persediaan awal dalam menghadapi banjir.

Program Ramalan dan Amaran Banjir Negara (PRAB). Pelaksanaan Program Ramalan dan Amaran Banjir Negara (PRAB) fasa satu melibatkan tiga lembangan sungai iaitu Sungai Kelantan, Sungai Terengganu dan Sungai Pahang. Projek PRAB fasa satu telah pun beroperasi, namun masih sedang diuji jalan. PRAB fasa satu dalam proses mengemaskinikan data-data hidrologi dan data-data berkaitan bagi kegunaan model-model ramalan yang dibangunkan. PRAB membolehkan agensi penyelamat dan orang ramai membuat persediaan awal sebelum kejadian banjir berlaku bagi mengurangkan risiko kerosakan harta benda dan kehilangan nyawa.

Dengan siapnya PRAB ini, simulasi banjir akan dapat dilakukan tujuh hari awal, manakala amaran banjir akan diberikan dua hari awal sebelum banjir dijangka berlaku kepada pihak NADMA dan JPS negeri untuk tindakan selanjutnya di peringkat daerah, negeri dan pusat. PRAB merupakan program jangka panjang dan menyeluruh yang akan dijalankan selama tujuh tahun, bermula tahun 2015 sehingga tahun 2022 yang meliputi seluruh negara dengan kawasan fokus di 41 lembangan sungai. Keseluruhan program ini dijangka akan disiapkan dan dilaksanakan di dalam RMKe-12. Empat komponen utama PRAB merangkumi komponen pengesanan, pusat data ramalan, permodalan ramalan dan hebahan amaran.

Program Pemuliharaan Sungai untuk Mengurangkan Risiko Banjir. Melaksanakan Program Pemuliharaan Sungai untuk Mengurangkan Risiko Banjir pelbagai negeri bagi mengurangkan risiko di seluruh negara di mana untuk tahun 2019 ini, sejumlah RM94.3 juta peruntukan telah diluluskan dan telah diagihkan ke seluruh negara melalui JPS negeri. Kerja-kerja telah dan sedang dilaksanakan di seluruh negara. Skop kerja yang terlibat di bawah peruntukan ini adalah kerja mengorek sungai, muara sungai, pembinaan struktur hakisan tebing sungai; pembuangan kelodak sampah, sisa pepejal, memotong rumput, menaikkan taraf dan juga menyelenggarakan aset struktur kawalan banjir yang bertujuan mengurangkan risiko banjir.

Kerja-kerja juga kita lakukan ialah untuk penyelenggaraan kolam takungan banjir di mana peruntukan di dalam tahun 2019 telah diberi sampai RM40 juta dan untuk tahun

2020, jumlah yang diberikan ialah RM150 juta untuk bajet tahun hadapan. Kerja-kerja kecil kecemasan luar jangka pun kita sudah siap dan sistem saluran dan struktur-struktur saluran dan ban pantai bagi mengurangkan kejadian banjir kilat dan banjir akibat limpahan air laut. Sejumlah RM22 juta telah diperuntukkan seluruh negara bagi tahun 2019 di mana sebahagian kerja telah siap dilaksanakan dan sebahagian kerja sedang dilaksanakan. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, apakah projek tebatan banjir di Sungai Siput Jementah, Segamat ini akan dilaksanakan? Ini kerana kerajaan yang sebelum ini telah melaksanakan enam fasa dan ia telah disiapkan. Akan tetapi fasa yang terakhir, yang terpenting sebanyak RM10 juta hingga RM12 juta itu tidak disiapkan. Maksudnya kalau diibaratkan itu, ada tangan, ada kaki, ada badan, tetapi kepalanya tidak ada. Maknanya, tidak siap. Ini menyebabkan banjir sering kali berlaku walaupun telah membelanjakan hampir RM200 juta. Saya juga difahamkan, jawapan Yang Berhormat Menteri berikan pada tahun lepas ia akan dibuat pada tahun ini, tetapi saya difahamkan masih belum dilaksanakan. Maka, soalannya ialah bilakah ia akan dilaksanakan?

Dr. Xavier Jayakumar: Jawapan senang sahaja. Dia akan dilaksanakan di dalam RMKe-12 Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

[Dewan ketawa]

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apabila berlaku banjir, barisan paling hadapan di kampung-kampung terutamanya adalah MPKK. Mereka-lah yang akan membuat evakuasi, akan menjadi penyelamat, menghantar bantuan dan sebagainya sebelum kedatangan jabatan kerajaan seperti Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan sebagainya.

■1030

Jadi soalan saya, oleh sebab mereka merupakan barisan hadapan yang terlibat apakah pihak kerajaan menyediakan latihan kepada MPKK ini bagi menghadapi kecemasan ini. Jika ada sebanyak mana kampung-kampung ataupun MPKK yang telah pun dilibatkan di dalam latihan ini dan berapa ramai yang terlibat? Itu soalan pertama mengenai kawasan yang ditenggelami. Minta sambungan satu lagi.

Satu lagi kawasan yang tidak tenggelam tetapi terkepung. Mereka juga menghadapi masalah kerana bekalan makanan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat akan tiba selepas tiga hari. Kadang-kadang kerana tidak ada kelengkapan pengangkutan dan sebagainya mungkin lebih lewat lagi. Soalan saya, adakah pihak kerajaan bercadang untuk mewujudkan pangkalan hadapan iaitu melantik kedai-kedai

di kampung untuk menjadi pembekal makanan kepada masyarakat yang terkepong di situ. Mereka boleh ambil makanan dan dibayar oleh kerajaan selepas banjir dan sebagainya, jadi mereka tidak perlu tunggu daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat, mereka boleh ambil di situ, di kampung mereka juga. Terima kasih.

Dr. Xavier Jayakumar: Terima kasih. Apa yang saya katakan tadi kita pun adakan program di mana kita telah pun sedia untuk kawasan-kawasan yang rendah dan juga kawasan-kawasan sentiasa mengadakan banjir di dalam sesebuah negeri. Di dalam negeri itu ada program-program yang telah dianjurkan oleh NADMA, KATS dan juga oleh pegawai daerah sendiri yang telah diminta datang untuk mesyuarat dan kita telah sediakan mereka untuk masa depan yang akan datang.

Adakah kedai-kedai yang boleh digunakan memang boleh digunakan kalau cadangan-cadangan ini datang dan kita bersetuju di dalam mesyuarat-mesyuarat yang akan datang. Akan tetapi kesediaan ini sudah dimulakan untuk kawasan-kawasan yang banjir macam hadapan ialah negeri Pahang, Terengganu, Johor dan Sarawak. Kita jangka akan dapat hujan yang lebih dari apa yang kita jangka dan kawasan-kawasan ini kita sudah mula untuk persediaan sedemikian. Di kawasan barat kita ada negeri Perlis, Pulau Pinang, Perak, Selangor dan juga Negeri Sembilan akan kita nampak hujan yang lebih dan kita pun telah buat persiapan untuk hadapi, kalau ada banjir-banjir seperti banjir kilat ataupun banjir untuk jangka masa lama sudah pun disediakan. Terima kasih.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Soal banjir. Saya lihat bahawa penyelesaian yang kita buat ini adalah bersifat sementara. Bila menghadapi situasi banjir, kita buat kelengkapan dan persiapan. Persoalan saya apakah pihak kerajaan tidak bercadang untuk membina satu empangan besar yang pernah dicadangkan di Lebir, Kelantan, Sungai Nenggiri dan Sungai Lebir sebagai penyelesaian secara tuntas terhadap masa depan isu-isu banjir yang berlaku di Kelantan.

Kita yakin kalau Empangan Lebir ini dibina ia akan menyelesaikan masalah lebih pada 80 peratus isu banjir di Kelantan dan menjadi takungan kepada musim kemarau. Mohon pihak kementerian menimbangkan cadangan. Terima kasih.

Dr. Xavier Jayakumar: Terima kasih. Memang kita telah bincang dengan negeri Kelantan tentang isu empangan dan sebagainya tetapi sekarang ada cara-cara yang lain yang boleh digunakan dan tidak payah kita sentuh kepada kawasan-kawasan di mana kita hendak bina empangan besar. Kita boleh buat ORS di bawah ataupun *coastal reservoir* yang ada.

So, sekarang ini kita buat kajian di negeri Kelantan yang mana yang tetap sesuai untuk Kelantan untuk dilakukan dengan bajet yang kita sedia di dalam RMKe-12 untuk

Kelantan dan macam mana kita hendak bangunkan empangan ini ataupun ORS ataupun *coastal reservoir* untuk atasi masalah banjir yang selalu dihadapi oleh orang-orang di negeri Kelantan.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat sekarang tamatlah sesi untuk Waktu Pertanyaan-pertanyaan Menteri pada hari ini. Terima kasih kepada semua.

[Sesi Pertanyaan-pertanyaan Menteri tamat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]** minta Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli menyatakan kaedah sisa berjadual dari loji rawatan air dikendalikan kini. Adakah Kerajaan Pusat bercadang mengubah undang-undang alam sekitar sedia ada supaya sisa dari loji rawatan air tidak diklasifikasikan sebagai sisa berjadual dan adakah terdapat cadangan untuk mengitar semula sisa berkaitan bagi menghasilkan produk-produk baru khususnya dalam bidang pembinaan sebagaimana dipraktikkan negara Netherlands.

Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli [Dr. Xavier Jayakumar]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, penguatkuasaan Jadual Pertama, Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005 di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127) Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah mensyaratkan bahawa sisa enap cemar air dikelaskan sebagai buangan terjadual ataupun *schedule waste*.

Pada masa ini sisa enap cemar air dari loji rawatan air dilupuskan mengikut peraturan yang ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar di mana ia boleh dilupuskan atau diolah di premis yang ditetapkan di bawah peraturan ini seperti berikut:

- (i) Cenviro di Bukit Nanas, Negeri Sembilan;
- (ii) Tapak pelupusan sanitari ataupun *sanitary landfill*; dan
- (iii) Tapak pelupusan selain satu dengan dua dengan mendapatkan kelulusan JAS terlebih dahulu.

Adalah merupakan hasrat kementerian supaya sisa enap cemar air ini diklasifikasikan semula sebagai bahan bukan buangan terjadual. Terdapat beberapa kajian saintifik di Malaysia menunjukkan bahawa sisa enap cemar air tidak wajar diklasifikasikan sebagai bahan buangan terjadual kerana ia tidak mempamerkan ciri-ciri bahan terjadual seperti toksik, menghakis, mencucuh dan reaktif.

Malangnya di negara-negara yang tidak mengelaskan sisa enap cemar air sebagai bahan buangan terjadual, kitar semula sisa enap cemar air dan penggunaannya adalah meluas seperti tanah pertanian dan taman, produk-produk seramik, bahan kejuruteraan awam, *backfill material*, bahan mentah simen dan bahan pembinaan batah dan *backfill material*.

Terkini, *Malaysia Netherlands Symposium and Workshop on Sustainable Water Treatment Plant Residue Management in Malaysia* akan diadakan pada 26-28 November 2019 bagi membincangkan potensi sisa enap cemar air dan juga perkongsian pengurusan sisa enap cemar air oleh Belanda. Kementerian akan berbincang dengan Kementerian Tenaga, Sains Teknologi dan Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) untuk pertimbangan perhubungan mengklasifikasikan semula sisa enap cemar air ini.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri saya ingin bertanya apakah bentuk kerjasama ataupun tindakan bersama Kerajaan Pusat dengan Kerajaan Negeri Johor untuk mengatasi masalah hampir semua sungai-sungai di Pasir Gudang bukan lagi sungai air tetapi sungai kimia. Jadi ini ada kaitan dengan buangan terjadual supaya elak berlaku buangan terjadual ini dicampak di Sungai Kim Kim misalnya. Mohon penjelasan.

Dr. Xavier Jayakumar: Terima kasih. Berita baik ialah negeri Johor setuju bekerjasama dengan kementerian untuk atasi masalah yang telah dibawa oleh Yang Berhormat kepada saya. Di dalam tempoh yang terdekat kita akan mengalih STP ataupun Indah Water akan mengambil alih di Pasir Gudang dan juga di Johor Bahru untuk kita belanja dekat RM80 juta untuk atasi masalah pencemaran di dalam kawasan itu yang membawa pencemaran kepada sungai dan kepada laut juga.

So, this is in the process. The good news is negeri Johor telah pun ada persetujuan untuk bekerjasama dengan kita dan kita akan atasi masalah ini. Masalah pencemaran sungai dan juga laut itu yang kita dengan MESTECC sekali akan adakan satu program khusus di dalam negeri Johor untuk atasi masalah ini.

■1040

It's a long-term project yang kita akan laksanakan di dalam masa depan yang akan datang.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri dari segi pemilihan lokasi untuk pembinaan loji-loji rawatan air amat penting untuk mengelak pencemaran bau terutama yang berdekatan dengan kawasan-kawasan perumahan. Bolehkah Yang Berhormat

Menteri jelaskan, proses dan prosedur yang terlibat dalam pemilihan lokasi serta pembinaan loji rawatan air yang diamalkan selama ini?

Dr. Xavier Jayakumar: Memang lokasi-lokasi yang kita telah pun adakan ialah selepas kita membuat kajian di mana kawasan-kawasan inilah yang kita boleh dapatkan air mentah untuk dirawat dan kita akan naikkan loji-loji air di dalam kawasan-kawasan ini. Akan tetapi, saya tidak dengar ada bau dan sebagainya di dalam loji-loji. Kalau ada bau keluar dari loji-loji mana, sila beritahu kepada saya. Saya boleh ambil tindakan selanjutnya. Terima kasih.

2. Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau] minta Perdana Menteri menyatakan tentang status terkini cadangan untuk melaksanakan Skim Lantikan Kontrak yang ditambah baik, bagi menggantikan Skim Lantikan Tetap dan Berpencen dalam perkhidmatan awam.

Perdana Menteri [Tun Dr. Mahathir bin Mohamad]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menjawab pertanyaan berkaitan Skim Lantikan Kontrak Perkhidmatan Awam secara bersekali dengan tujuh soalan yang diutarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang berikut:

- (i) Yang Berhormat Lipis dan Yang Berhormat Baling yang dijadualkan dijawab pada 22 Oktober;
- (ii) Yang Berhormat Kota Bharu dijadualkan dijawab pada 7 November;
- (iii) Yang Berhormat Kinabatangan dijadualkan dijawab pada 13 November;
- (iv) Yang Berhormat Kubang Kerian dijadualkan dijawab pada 19 November;
- (v) Yang Berhormat Nibong Tebal dijadualkan dijawab pada 28 November; dan
- (vi) Yang Berhormat Jerantut dijadualkan dijawab pada 4 Disember 2019.

Kesemua soalan tersebut akan dijawab pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemberian faedah persaraan kepada pesara kerajaan adalah merupakan penghargaan dan pengiktirafan kerajaan ke atas sumbangan dan jasa penjawat awam sepanjang perkhidmatan mereka dalam perkhidmatan awam. Faedah persaraan yang diperolehi oleh penjawat awam adalah dilindungi seperti mana yang ditetapkan di bawah:

- (i) Perkara 147, Perlembagaan Persekutuan iaitu perlindungan hak-hak pencen dan dikawal selia melalui Akta Pencen 1980 (Akta 227); dan
- (ii) Akta Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 (Akta 239).

Sehubungan dengan itu, anggota perkhidmatan awam yang telah sah dalam perkhidmatan dan mendapat taraf berpencen, akan terus kekal menerima faedah dan kemudahan skim pencen. Walau bagaimanapun, kerajaan menghadapi cabaran untuk membiayai faedah persaraan, berikutan jumlahnya yang semakin meningkat. Misalnya, perbelanjaan faedah persaraan pada tahun 2018 telah meningkat kepada RM23.87 bilion berbanding dengan RM5.86 bilion pada tahun 2006. Jumlah ini dijangka akan meningkat setiap tahun.

Tambahan pula, kerajaan terdahulu telah beberapa kali menaikkan gaji penjawat awam pada peratusan yang agak tinggi sekali gus meningkatkan liabiliti pencen. Untuk menangani isu ini, kerajaan sedang mengkaji beberapa mekanisme baharu di mana mekanisme baharu tersebut diharap tidak membebankan kerajaan dan pada masa yang sama penjawat awam tidak rugi selepas mereka menamatkan perkhidmatan awam. Sekian, terima kasih.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Memang kita akui Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sekarang ini ada 1.7 juta penjawat awam di dalam negara kita. Kalau kita lihat nisbahnya iaitu:

Kaum	Bilangan (Peratus)
Melayu	79.66
Bumiputera Sabah dan Sarawak	5.5
India	3.21
Cina	1.6
Orang Asal	0.25
Lain-lain	1.84

Saya yakin 21 tahun atau 22 tahun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dulu menerajui kerajaan hendak melihat kepada orang Melayu tidak ketinggalan dan ada tempat pendapatan yang baik untuk menyara kehidupan keluarga masing-masing. Saya harap supaya tongkat orang Melayu ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak buang. Manakala pengangguran di dalam negara kita 523,000 orang. Saya percaya pengangguran ini meningkat dari tahun ke tahun apabila graduan universiti kita di pusat pengajian tinggi kita 200,000 orang setiap tahun menjadi graduan.

Kalau kita lihat, sejumlah 174,327 orang siswazah yang menganggur yang telah mendaftar di dalam *JobsMalaysia*. Soalan saya, selain daripada umur saraan meningkat daripada 55 tahun kepada sekarang 60 tahun, selain daripada kita hendak menghadapi IR 4.0, saya hendak memohon jawapan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, bagaimanakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan kerajaan dapat memastikan supaya kadar pengangguran di dalam negara kita berkurangan. Dengan kita terus mengekalkan perkhidmatan tetap dan berpencen ini terutama sekali untuk rakyat, kaum. Bukan saya rasis, tetapi adalah orang Melayu 80 peratus.

Juga, bagaimana keadaan pekerja kontrak kita yang melebihi 50,000 di dalam negara kita? Saya berharap kerajaan juga dapat menimbang pekerja kontrak 50,000 ini dapat diserapkan di dalam perkhidmatan tetap dan berpencen di dalam perkhidmatan awam. Terima kasih, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tun Dr. Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang prihatin terhadap masalah ini. Kita ingin memberi bayaran persaraan yang mencukupi. Akan tetapi kutipan cukai kita tidak mencukupi untuk membiayai kos persaraan ini yang semakin tinggi dan semakin cepat bertambah. Tidak seperti pertambahan yang didapati dari cukai kerajaan daripada pertumbuhan ekonomi negara.

Oleh sebab itu, kita perlu cari satu cara yang tidak menjadi beban kepada kerajaan. Memang benar ada, oleh kerana kita panjangkan umur untuk bersara maka ini bermakna bahawa kekosongan berkurangan dan kita tidak dapat ambil pekerja-pekerja yang baru dalam kerajaan. Dengan itu, dengan sendirinya kita lihat pengangguran bertambah. Akan tetapi, kita ingin lihat supaya penganggur ini sama ada mereka bekerja dengan swasta ataupun mereka mengadakan perusahaan sendiri. Dengan cara itu, mereka dapat membiayai sara hidup mereka.

Memang benar terlibat banyak orang Melayu dalam kerajaan. Ini adalah satu dasar yang ditentukan di waktu kita mencapai kemerdekaan. Akan tetapi, orang Melayu perlu ingat bahawa kerajaan tidak mampu untuk memberi pekerjaan kepada semua daripada mereka.

■1050

Oleh sebab itu, hari ini kita lebih utamakan usaha sendiri dan untuk ini kita akan memberikan latihan dan peluang-peluang perniagaan serta peluang-peluang pekerjaan di kalangan swasta kepada orang Melayu juga. Akan tetapi, kalau mereka meningkatkan keupayaan mereka, kebergantungan mereka kepada kerajaan dan persaraan, tidak akan menjadi begitu kuat. Inilah cara pentadbiran. Kita boleh mentadbir dengan keupayaan kewangan kita. Kita tidak boleh memberikan lebih daripada itu, jika kita tidak

ingin terlibat dengan hutang yang besar oleh pihak kerajaan yang akan menjadikan masalah kepada kewangan negara. Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tentang pencen, kita faham keadaan kerajaan. Akan tetapi, ada satu kumpulan pesara yang dahulu bekerja dengan badan berkanun- LPN, BERNAS. Mereka masih mendapat pencen tetapi mereka sekarang tidak lagi mendapat manfaat perubatan dan di ketika tua, pencen sedikit, mereka sakit dan tidak ada manfaat perubatan. Itu sangat membebankan mereka. Apakah ada satu cara untuk kerajaan menolong mereka kerana mereka tidak lagi mampu untuk berniaga dan lain-lain lagi. Terima kasih.

Tun Dr. Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, memang kerajaan ingin memberi seberapa banyak bantuan yang mungkin. Akan tetapi, keupayaan kerajaan adalah terhad. Kalau ekonomi negara tidak tumbuh dengan pesat, maka kerajaan juga akan kekurangan kewangan. Walaupun kita ingin tolong, tetapi kita tidak mempunyai kekuatan kewangan yang boleh memberikan bantuan kepada mereka. Memang kita ingin melihat supaya mereka mendapat rawatan kalau mereka sakit, tetapi ini pun juga terhad kepada kebolehan kemampuan kita. Ini kerana kita dapati bahawa rawatan sekarang ini mengenakan bayaran yang amat tinggi terutama kalau terlibat dengan pembedahan.

Oleh sebab itu, kita berjaga-jaga supaya kita tidak buat janji yang kita tidak dapat tunaikan.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Saya setuju dengan pandangan unjuran pembayaran pencen ini sangat besar. Sekiranya kita ambil jangka hayat yang meningkat nanti, bil pencen ini akan menjadi satu bom jangka, *ticking time bomb* untuk kerajaan di masa yang akan datang. Ada banyak model yang boleh diambil kira yang negara lain telah laksanakan, *gratuity*, EPF dan sebagainya.

Cuma saya mahu minta jaminan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada hari ini, sekiranya kerajaan beralih kepada satu skim baharu, apakah pegawai kerajaan yang sedia ada, *in-service today*, akan kekal dengan pencen mereka dan skim baharu ini akan terpakai kepada pengambilan baharu sahaja dalam perkhidmatan awam? Terima kasih.

Tun Dr. Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, apabila seseorang itu bekerja dengan kerajaan, dia mengadakan perjanjian daripada pihak kerajaan dan juga dari pihak yang bekerja. Kita tidak boleh mengabaikan perjanjian kita. Bagi mereka yang

telah bekerja dengan kerajaan mengikut dasar yang lama, kita akan kekalkan mereka dengan dasar yang lama.

3. Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar] minta Menteri Sumber Manusia menyatakan, apakah status dan jumlah terkini dalam pembelaan pekerja yang diberhentikan kerja tetapi tidak dibayar pampasan seperti kes Megasteel, Perwaja dan lain-lain.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Mahfuz bin Haji Omar]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim*. Terima kasih Yang Berhormat Kapar yang telah mengemukakan soalan berkali-kali tentang isu ini. Hari ini adalah berita baik, gembira untuk Yang Berhormat Kapar dan semua.

Berdasarkan kepada rekod, pihak Mahkamah Perusahaan telah menerima rujukan kes pembuangan kerja tidak adil melibatkan seramai 895 orang yang menuntut Syarikat Perwaja Steel dari tahun 2018 sehingga 25 September 2019. Kesemua kes ini telah selesai dan sebanyak 721 kes telah diselesaikan melalui award sama setuju.

Kedua, Mahkamah Perusahaan juga telah menerima rujukan sebanyak 88 kes pembuangan kerja tidak adil oleh Syarikat Megasteel melibatkan sebanyak 164 pihak yang menuntut dari tahun 2016 sehingga 25 September 2019.

Untuk makluman, kes melibatkan Syarikat Megasteel mempunyai Perintah Halangan daripada Mahkamah Tinggi berkuat kuasa sehingga 21 September 2019. Daripada 88 kes yang dirujuk, sebanyak 45 kes telah diselesaikan melalui award pembatalan dengan kebebasan untuk memfailkan semula dalam tempoh enam bulan daripada tarikh award diturunkan iaitu pada 1 Julai 2019.

Sebanyak 34 kes telah dihidupkan semula melalui interim award nombor 2774 tahun 2019, bertarikh 18 Oktober 2019. Bagi baki 43 kes yang belum diselesaikan, Mahkamah Perusahaan telah menerima Permohonan Penangguhan Bicara yang telah ditetapkan pada 16 Oktober sehingga 18 Oktober 2019 oleh pihak syarikat bagi tujuan penyelesaian. Satu sebutan baharu telah ditetapkan pada 5 November 2019 untuk menetapkan tarikh bicara baharu.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya ialah, apakah langkah kementerian supaya tindakan syarikat-syarikat yang sebegitu banyak di luar sana tidak dibiarkan terus menerus melakukan kesalahan, melengahkan atau menafikan hak pembayaran seperti bekerjasama dengan Kementerian Kewangan dan kementerian-kementerian lain yang terlibat untuk memberikan tekanan kepada syarikat yang melanggar undang-undang supaya mereka tidak lari daripada tanggungjawab. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar: Terima kasih kepada Yang Berhormat Kapar. Kerajaan tidak boleh hendak menghalang apabila satu-satu syarikat itu mendapat perintah daripada Mahkamah Tinggi untuk perintah halangan kerana ini termaktub di bawah seksyen 176, Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*] apabila satu-satu syarikat mendapat perintah halangan daripada Mahkamah Tinggi maka, tidak ada apa-apa prosiding yang boleh dibuat atau dimulakan. Jadi itu merupakan halangan kepada pihak Mahkamah Perusahaan.

Namun begitu, kita sentiasa mengadakan perbincangan dan runding damai. Mencari penyelesaian sebelum daripada satu-satu kes itu dibawa ke Mahkamah Perusahaan iaitu melalui JTK dan juga Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia untuk mencari penyelesaian. Bila tidak dapat mencari penyelesaian, maka terserah kepada mereka dan akhirnya kita membawa kepada Yang Berhormat Menteri untuk sama ada cadangan itu dirujuk ataupun tidak kepada Mahkamah Perusahaan. *Alhamdulillah*, Mahkamah Perusahaan telah pun melakukan satu pelan transformasi Mahkamah Perusahaan yang telah bermula pada awal tahun 2018 yang telah pun berjaya untuk meningkatkan lebih banyak kes-kes yang dibicarakan di Mahkamah Perusahaan berbanding dengan tahun 2017.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib [Maran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Pemberhentian pekerja berterusan, bahkan pelbagai punca yang menyebabkan majikan memberhentikan pekerja mereka. Saya ingin tahu, adakah faktor keadaan ekonomi yang memeritkan pada hari ini, dan adanya sistem pemulihan pekerja seperti SIP yang diperkenalkan oleh kerajaan hari ini, menyebabkan majikan mencari peluang untuk memberhentikan pekerja mereka dengan alasan untuk mengurangkan beban dan tanggungjawab pihak majikan? Terima kasih.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar: Terima kasih. Yang Berhormat Maran pernah duduk di kerusi saya sebelum ini. Apa pun, bagi saya, pelbagai faktor yang menyebabkan pengurangan ataupun pemberhentian pekerja yang dilakukan oleh pihak majikan. Salah satu, sudah tentulah tidak boleh terlepas daripada isu faktor ekonomi. Faktor ekonomi merupakan salah satu daripada faktor yang besar ke arah untuk mana-mana syarikat mengurangkan beban kos yang terpaksa ditanggung oleh mereka.

■1100

Saya tidak melihat bahawa SIP merupakan antara kesempatan yang diambil oleh pihak majikan untuk memberhentikan pekerja. Akan tetapi, SIP adalah skim untuk melindungi mana-mana pekerja yang diberhentikan dan kemudian kita cuba untuk

mencari jalan bagi menempatkan semula mereka itu di tempat-tempat pekerjaan yang baharu. Itu merupakan tanggungjawab di peringkat kementerian khususnya melalui PERKESO, melalui skim SIP.

4. Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit] minta Menteri Hal Ehwal Ekonomi menyatakan apakah benar khabar mengatakan bahawa negara Jepun berhasrat mengambil alih Syarikat Penerbangan Nasional Malaysia atau MAS. Kalau benar, jelaskan kaedah yang telah dipakai untuk mereka membuat tawaran dan bagaimana tawaran itu telah diproses dan keputusan dibuat.

Menteri Hal Ehwal Ekonomi [Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menjawab pertanyaan Yang Berhormat Kapit berkaitan Malaysia Airlines secara bersekali dengan empat soalan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Pertama, Yang Berhormat Kepala Batas yang dijadualkan untuk dijawab pada 7 November 2019, Yang Berhormat Jeli dan Yang Berhormat Sungai Petani pada 25 November 2019 dan Yang Berhormat Beluran pada 4 Disember 2019.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kerajaan telah melaksanakan pelbagai inisiatif penstrukturan semula Malaysia Airlines termasuk Pelan Pemulihan MAS (PPM) bermula tahun 2014 sehingga tahun 2019 untuk memulihkan kedudukan dan prestasi kewangan dan operasi. Sepanjang tempoh tersebut, MAS menghadapi pelbagai cabaran termasuk pertumbuhan penumpang yang 'menyederhana' dan diganggu oleh perang harga serta amalan pesaing industri yang mencipta lebih penawaran dengan izin, *oversupply*.

Cabaran lain termasuklah ketidakstabilan harga minyak dan ketidaktentuan dalam tukaran wang asing. Walau bagaimanapun, berdasarkan *customer satisfaction surveys*, MAS telah berupaya mencapai tahap 76 peratus dalam Indeks Kepuasan Pelanggan dan berjaya meningkatkan *Net Promoter Score* dari -23 *points* kepada +13 *points* dalam tempoh dua tahun. Ini adalah satu pencapaian yang cemerlang. Manakala, berdasarkan Laporan MAVCOM, MAS telah mencatatkan 84 peratus dalam *on-time performance* (OTP).

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, MAS sentiasa komited untuk terus fokus dalam meningkatkan keupayaan syarikat terutamanya dari segi peningkatan pendapatan dan kehematan kewangan yang membolehkan MAS mencapai tahap kos yang kompetitif berbanding dengan syarikat lain di rantau ASEAN. MAS juga akan terus meningkatkan keupayaan pendapatan melalui diversifikasi aktiviti melibatkan perniagaan kargo, perkhidmatan pengendalian darat, khidmat kejuruteraan, haji dan

umrah serta program *loyalty*. MAS juga telah mula menceburi industri MRO untuk memperoleh pendapatan pihak ketiga dengan izin, *third party revenue*.

Prestasi kewangan Malaysia Aviation Group (MAG), syarikat induk kepada Malaysia Airlines dalam tempoh tiga tahun pertama PPM dilaksanakan adalah seperti berikut. Kerugian selepas cukai pada tahun 2015 mencatatkan sebanyak RM1.2 bilion, pada tahun 2016 sebanyak RM799 juta dan tahun 2017, sebanyak RM1.2 bilion. Keadaan ini memberikan kesan langsung kepada Khazanah selaku pemegang saham tunggal Malaysia Airlines. Bagi tahun kewangan 2018, daripada jumlah RM7.3 bilion rosot nilai yang terpaksa Khazanah lakukan ke atas aset-aset yang dilaburkan dan tidak memberikan pulangan yang baik. Sebanyak RM3.1 bilion telah diperuntukkan untuk Malaysia Aviation Group (MAG).

Kerajaan sedar akan kepentingan serta sumbangan Malaysia Airlines dan kakitangannya kepada negara. Ini termasuklah penjenamaan Malaysia yang telah memberikan manfaat ekonomi menerusi perdagangan, pelancongan serta penyediaan pekerjaan dan peluang perniagaan kepada rakyat.

Namun, kerajaan perlu menilai semula model perniagaan MAS secara lebih holistik supaya MAS dapat keluar daripada kemelut yang sedang dihadapinya serta bangkit sebagai sebuah syarikat penerbangan yang berprestasi tinggi dan mampan. Ini termasuklah mengenal pasti pelabur-pelabur strategik atau *strategic investors* yang dapat membentuk sinergi yang diperlukan untuk kelangsungan operasi MAS dalam jangka masa panjang. Khazanah dan MAG telah mempelawa 20 pelabur yang berpotensi untuk menjadi rakan strategik MAS. Melalui proses ini, Khazanah dan MAG telah menyenarai pendek empat pelabur strategik untuk dinilai dengan ketat dan teliti.

Penekanan diberikan kepada cadangan yang mengambil kira kehematan kewangan dan sinergi kepada operasi Malaysia Airlines. Walau bagaimanapun, di bawah *non-disclosure agreement*, kerajaan tidak dapat memberikan dan mendedahkan maklumat yang lebih terperinci mengenai pelabur-pelabur strategik yang sedang dalam proses ini. Pada ketika ini, MAS sedang berusaha untuk memantapkan operasi dan pengurusan dalaman melalui usaha-usaha penjimatan kos operasi, penambahbaikan perkhidmatan dan memperkukuhkan perjanjian perkongsian kod atau dengan izin, *code sharing agreement* dan perjanjian usaha sama dengan syarikat penerbangan lain supaya MAS terus berdaya saing bagi menghadapi cabaran-cabaran industri penerbangan masa hadapan.

Keputusan yang bakal dibuat berkaitan masa depan MAS adalah untuk memastikan MAS mempunyai rakan kongsi strategik yang terbaik dan dapat memperkukuhkan MAS untuk jangka masa panjang. Terima kasih.

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri lebih-lebih lagi di atas penjelasan yang cukup terperinci dan mendalam dan memberikan maklumat yang sangat menyeluruh. Oleh sebab telah disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri ada *limitation, disclosure* maka, soalan yang saya sediakan pada mula itu saya tidak dapat tanya. Cuma, sekarang soalan saya apakah *time frame* dalam pandangan Kerajaan Malaysia untuk kesemua ini boleh diselesaikan? Tidak kiralah tidak boleh diberikan nama syarikat-syarikat ataupun empat *short listed*, tidak boleh disebutkan. Oleh sebab *disclosure*, tidak apa.

Cuma, kita hendak tahu berapa lama kerajaan fikirkan masalah MAS ini seharusnya ada satu pendekatan untuk penyelesaian masalah MAS supaya MAS boleh pergi *as a going concern*. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali: Terima kasih, Yang Berhormat Kapit. Sebagai maklumat tambahan, seperti yang telah saya nyatakan sebentar tadi, Khazanah dan MAG telah mempelawa 20 pelabur yang berpotensi untuk menjadi rakan strategik kepada MAS pada bulan Ogos 2019 yang lalu. Daripada tempoh bulan September 2019, penilaian-penilaian telah pun dilakukan oleh Khazanah dan MAG terhadap kesemua tawaran yang telah dibuat pada 20 pelabur berkenaan. Akhirnya, dalam tempoh proses tersebut, kita telah menyenaraipendekkan empat pelabur strategik yang untuk dinilai seterusnya secara ketat dan lebih teliti.

Kita menjangkakan proses seterusnya setelah penelitian dibuat pada bulan November ini, kesemua maklum balas ini akan dibentangkan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Khazanah. Sekiranya Lembaga Khazanah bersetuju dengan beberapa maklum balas dan cadangan yang akan dikemukakan, kita menjangkakan pada hujung tahun ini atau selewat-lewatnya pada awal tahun 2020 satu keputusan dapat dibuat untuk mengenal pasti rakan strategik ataupun pelabur strategik bagi memperkukuhkan kedudukan MAS bagi satu tempoh jangka panjang. Terima kasih.

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Selamat pagi Tuan Yang di-Pertua. Rakyat Malaysia berbangga dengan kejayaan MAS. Ada *disconnect* dengan izin, antara prestasi cemerlang menjadi kebanggaan kita dengan prestasi kewangan. Ini yang hendak diatasi oleh kerajaan. Sehubungan ini, adakah— dan ia melibatkan juga maruah negara. Seperti kata Yang Berhormat Menteri, MAS telah berjaya menaikkan imej jenama Malaysia. Jadi, isunya

ia melibatkan kewangan. Isunya, setakat mana kerajaan ingin mengorbankan kewangan demi menjaga maruah negara?

Dalam konteks ini, adakah kerajaan akan terus memegang *golden share* dalam syarikat ini? Daripada syarikat-syarikat yang telah disenaraipendekkan itu, adakah terdapat syarikat-syarikat tempatan termasuk mungkin AirAsia?

■1110

Seperti sedia maklum, suatu masa dahulu AirAsia hampir-hampir sudah pun berkolaborasi dengan MAS tetapi ini tidak berlaku. Jika ada sinergi antara syarikat AirAsia dengan MAS ini mungkin ia mampu untuk melonjakkan prestasi MAS. Jadi, apakah pendirian kerajaan tentang *golden share* dan di kalangan pelabur-pelabur yang berminat, adakah terdapat syarikat-syarikat tempatan, termasuklah AirAsia?

Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali: Terima kasih Yang Berhormat Jeli. Saya amat bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Jeli, di mana seperti yang saya nyatakan tadi, kerajaan amat menyedari tentang kepentingan dan sumbangan besar Malaysia Airlines, termasuk kakitangan dan warga Malaysia Airlines yang cukup setia dan *loyal* untuk memberi perkhidmatan yang terbaik sehinggakan jenama Malaysia Airlines ini cukup terkenal di peringkat global dan antarabangsa. Untuk maksud itu, dalam usaha kita melalui proses mengenal pasti pelabur strategik untuk memperkukuhkan kedudukan MAS, kerajaan melalui Khazanah akan tetap mempunyai pengaruh dan saham yang penting di dalam struktur baru ini.

Walau bagaimanapun kita belum dapat memuktamadkan kerana proses ini masih lagi di dalam pertimbangan dan penelitian. Ada rakan ataupun pelabur strategik yang membuat cadangan untuk menguasai saham majoriti, ada juga yang memberikan pandangan supaya Khazanah mengekalkan saham majoriti di dalam Malaysia Airlines dan semua ini sedang dalam pertimbangan kita. Apa yang penting, kerajaan melalui Khazanah akan tetap mempunyai suara penting dan majoriti di dalam struktur yang baru ini.

Untuk pertanyaan yang kedua, tentang apakah ada syarikat tempatan? Seperti yang saya nyatakan tadi, di bawah *non-disclosure agreement*, kita tidak dapat mendedahkan maklumat siapakah rakan dan pelabur strategik yang telah mengemukakan cadangan-cadangan ini. Akan tetapi saya boleh menyatakan di antara syarikat-syarikat dan pelabur-pelabur strategik adalah di peringkat antarabangsa dan juga di peringkat *regional* yang telah diberikan pertimbangan untuk proses seterusnya. Terima kasih.

5. Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah] minta Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli menyatakan komitmen dan usaha kerajaan di dalam memastikan bahawa penyahhutanan adalah terkawal dan tidak menjadi ancaman kepada azam Malaysia untuk mengekalkan hutan pada kadar sekurang-kurangnya 50 peratus.

Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli [Dr. Xavier Jayakumar]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli melalui Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) sentiasa komited di dalam memastikan pengurusan hutan di Semenanjung Malaysia diuruskan secara mampan selaras dengan komitmen negara untuk mengekalkan sekurang-kurangnya 50 peratus daripada keluasan tanah negara dilitupi dengan kawasan berhutan.

Untuk maklumat Yang Berhormat, tanah dan hutan adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri mengikut Perkara 74(2), Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan. KATS melalui JPSM terlibat dalam penggubalan dasar dan memberikan khidmat nasihat teknikal mengenai pengurusan, pembangunan, penguasaan, penyelidikan serta latihan dalam sektor perhutanan. Kebanyakan aktiviti penyahhutanan berlaku disebabkan oleh aktiviti pembangunan tanah di kawasan berstatus tanah kerajaan ataupun tanah beri milik.

Penyahhutanan dalam hutan simpan kekal (HSK) adalah terkawal dan hanya melibatkan kawasan pembangunan untuk kepentingan awam bagi tujuan utiliti dan bukan utiliti seperti empangan, talian penghantaran elektrik, lebuh raya dan landasan kereta api. Walau bagaimanapun, pihak Kerajaan Persekutuan telah berusaha untuk meminimumkan penyahhutanan dalam HSK melalui Majlis Tanah Negara (MTN) dengan pengesahan pihak kerajaan negeri untuk menggalakkan pembangunan utiliti dan bukan utiliti dalam kawasan HSK di masa hadapan. Selain dari itu, KATS melalui JPSM telah mengambil inisiatif bagi memastikan penyahhutanan adalah terkawal. Untuk jangka masa pendek, langkah-langkah yang telah dilaksanakan adalah:

- (i) kita sentiasa bekerjasama dengan kementerian-kementerian lain seperti Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, kerajaan-kerajaan negeri dan orang awam dalam aktiviti pambanteras penjenayah alam sekitar;
- (ii) KATS melalui JPSM juga telah menggunakan teknologi terkini seperti penggunaan imej satelit dan dron dalam aktiviti penguatkuasaan hutan;
- (iii) KATS dan JPSM ini telah mempunyai unit integriti sendiri yang diketuai oleh pegawai daripada Suruhanjaya Pencegahan

Rasuah Malaysia bagi memantau aduan, salah guna kuasa dan rasuah dalam sektor perhutanan; dan

- (iv) KATS juga sentiasa menjalinkan hubungan dan kerjasama yang rapat dengan pihak SPRM bagi meningkatkan imej dan integriti KATS serta agensi-agensi lain di bawah KATS.

Sebanyak 8 buah negeri di Semenanjung Malaysia yang terlibat dengan aktiviti pengeluaran hasil kayu balak. Semua negeri ini telah diwajibkan untuk memperoleh *Malaysian Criteria and Indicator for Forest Management Certification (MC&I)*. Sijil ini adalah sebagai kayu pengukur pelaksanaan prinsip pengurusan hutan secara berkekalan yang diiktiraf di peringkat antarabangsa bagi mencerminkan pelaksanaan pengurusan hutan mampan yang diamalkan di negara kita. KATS juga telah mengenal pasti kawasan koridor ekologi ataupun *central forest spine* yang sesuai diwartakan sebagai hutan simpan kekal iaitu seluas 133,036 hektar.

Selain itu, dengan kerjasama kerajaan-kerajaan negeri, kawasan tanah-tanah kerajaan perhutanan lain yang berpotensi untuk diwartakan sebagai hutan simpan kekal akan dikenal pasti. Manakala untuk jangka masa panjang, KATS melalui JPSM sedang melaksanakan pindaan ke atas Akta Hutan Negara 1984 (Pindaan) 1993, (Akta 313) sedia ada. Tujuan pindaan Akta 313 adalah untuk memperketat proses pewartaan keluar hutan simpan kekal dengan mencadangkan pindaan pada seksyen tertentu berkaitan pewartaan keluar hutan simpan kekal dalam Akta Hutan Negara 1984, (Akta 313).

Di samping itu, KATS melalui JPSM juga telah menyediakan cadangan prosedur operasi standard (SOP) bagi menyeragamkan pewartaan keluar hutan simpan kekal di Semenanjung Malaysia. Kedua, memantapkan liputan warta pegawai penguat kuasa untuk melaksanakan penguatkuasaan Akta 313 di negeri-negeri. Ketiga, meningkatkan denda, hukuman dan penalti. Keempat, mengatasi isu kekaburan dan kuasa yang tidak jelas dalam pelaksanaan Akta 313.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan. Isu penyahhutan ini adalah isu yang besar kerana dua sebab iaitu:

- (i) ia ada kaitan langsung dengan pemanasan global yang akan memberikan kesan atas kesihatan dan kesejahteraan setiap makhluk di dunia; dan
- (ii) pada Malaysia, selagi isu ini tidak dapat kita tangani dan kita yakinkan dunia bahawa kita betul-betul komited untuk memastikan tidak ada penyahhutan atau *deforestation*, maka

kita akan sentiasa menghadapi masalah untuk menjual sawit kita. Di masa depan, itu akan menjadi isu yang besar.

Juga, seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri, kuasa atas hutan ini ialah kerajaan negeri. Soalan saya, selain daripada melakukan beberapa perubahan kepada Akta 313, tidakkah Kerajaan Persekutuan berhasrat supaya diwujudkan satu rang undang-undang khusus untuk mengawal aktiviti penyahhutan tadi? Ini kerana satu negeri mungkin mempunyai fikiran yang lain dari negeri yang lain. Negeri saya Kedah misalnya, berpandangan tidak menebang balak tetapi negeri lain ada pandangan lain. Mengetatkan akta sahaja tidak akan dapat menjamin bahawa kuasa kerajaan negeri itu tidak *override* atau tidak mengatasi akta tadi. Terima kasih.

■1120

Dr. Xavier Jayakumar: Terima kasih Yang Berhormat. Macam mana kita tahu pada tahun 1992 bila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita telah pun berucap di dalam Persidangan Rio. Beliau telah pun menjamin bahawa Malaysia akan kekalkan 50 peratus dari tanah kita yang akan disimpan sebagai hutan simpan kekal. Dari tahun 1992 sampai sekarang pada tahun 2019, kita kekalkan dengan angka itu yang kita telah sampai di dalam Persidangan Rio dan sekarang kita ada sehingga 53.4 *percent* hutan kekal yang telah pun kita telah adakan sekarang.

Akan tetapi, untuk soalan kedua di mana kita hendak buat penggubalan akta ataupun kita kena paksa negeri-negeri lain untuk ikut amalan yang ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan, itu melibatkan dengan penggubalan atau Perlembagaan kita.

So, there is very sensitive issue to go on at present and we are not going to go that, but- tetapi kita akan bekerjasama dengan negeri-negeri dan apa yang telah kita lakukan sekarang ialah di mana kita telah pun sediakan peruntukan kepada negeri masing-masing yang itu jumlahnya ialah dekat RM60 juta pada tahun ini telah diberikan kepada negeri untuk satu instrumen yang dipanggil *Ecological Fiscal Transfers for Biodiversity Conservation* (EFT). Kaedah EFT telah pun dilaksanakan di kebanyakan negara termasuk negara-negara *like-minded megadiverse countries* seperti Brazil, India dan Indonesia.

Untuk tahun ini kita telah pun memperuntukkan sebanyak RM60 juta, telah pun dibayar kepada negeri masing-masing dengan jaminan oleh negeri di mana mereka telah tetapkan beberapa hektar tanah di dalam negeri-negeri itu untuk dikekalkan ataupun digazet sebagai hutan simpan tetap di dalam negeri. Keseluruhannya saya ada— semua negeri telah pun beri jaminan tetapi bantuan kewangan ini telah pun dimasukkan di dalam tahap, di dalam negeri masing-masing dan saya harap negeri-

negeri akan tentukan bahawa *acreage* yang telah dijamin oleh mereka akan tetap digazet sebagai hutan simpan kekal di dalam negeri masing-masing. Negeri yang terbesar sekali ialah negeri Sabah dan yang rendah sekali ialah negeri Pulau Pinang.

So, saya harap bahawa kita akan teruskan dengan program ini pada tahun hadapan yang akan datang di mana kita akan meningkatkan peruntukan kepada negeri-negeri. Bagi negeri-negeri, pastikan bahawa tanah-tanah ini yang dipastikan oleh negeri akan digazet sebagai hutan simpan kekal dan tidak ada pembalakan dan apa-apa aktiviti di dalam kawasan-kawasan tersebut.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Okey, Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Parit jugalah. Soalan tambahan saya pada Yang Berhormat Menteri adalah bilakah garis panduan untuk menangani kegiatan pengeluaran hasil hutan yang tidak terkawal ini akan dimuktamadkan. Oleh sebab Yang Berhormat ada menyatakan mengenai perkara ini dalam bulan Jun yang lepas dan apakah kerajaan juga bercadang untuk mengkaji semua kriteria serta garis panduan pembukaan ladang hutan supaya dapat mengelakkan daripada kemusnahan sebahagian besar hutan hujan tropika di negara kita, terima kasih.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak *raise issue* – pembetulan, bukan tanya soalan ya. Tadi Yang Berhormat kalau tidak salah dengar, hutan yang besar ialah di Sabah, bukan. Sebenarnya di Sarawak, Sarawak sebanyak 68 peratus masih *forest cover*, bukan di Sabah, Sabah hanya 50 lebih. Jadi, kalau itu yang dimaksudkan...

Dr. Xavier Jayakumar: Bukan.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Kalau itu dimaksudkan Yang Berhormat Menteri...

Dr. Xavier Jayakumar: Jawapan– *can I correct you, can I correct you?* Apa yang saya katakan yang dibayar hasil pengagihan sebanyak RM60 juta itu, negeri yang mendapat agihan terbesar ialah Sabah. Saya bukan katakan negeri mana ada hutan simpan yang terbesar, pembetulannya.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Jadinya kena jawab soalan saya itu juga Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya tadi.

Dr. Xavier Jayakumar: Saya lupa apa soalan apabila dia ganggu saya. *[Tidak jelas] [Ketawa]*

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Minta soalan barulah daripada Tumpat satu.

Dr. Xavier Jayakumar: Tidak mengapa, soalan dia macam ini. Kita telah pun ada— jawapan dia macam ini, kita telah pun ada perundingan dengan negeri masing-masing atas isu hutan yang dikatakan boleh kita gunakan. Akan tetapi, *coveragenya* yang terlibat dan tertentu itu kita belum dapat dari negeri masing-masing. Akan tetapi kita ada satu anggaran yang telah diberi oleh negeri-negeri di mana hutan-hutan yang dikatakan boleh— dalam perkataan yang lebih senang kita katakan *plantation forest* ini boleh kita majukan dan digunakan.

Ada negeri-negeri yang bersetuju dengan kementerian untuk memberikan kawasan-kawasan ini untuk dimajukan sebagai *plantation forest*. Akan tetapi, ada negeri yang tidak hendak bekerjasama dengan kita dan dikatakan dia tidak hendak bagi mana-mana tanah yang ada di negeri itu untuk kita majukan sebagai yang disebutkan untuk industri hadapan. So, kita sekarang bekerja dengan negeri-negeri yang bersetuju dengan kementerian untuk adakan program ini dan kita akan teruskan. Di mana kita hendak cuba untuk dapatkan *foreign direct investment* ataupun *investor-investor* tertentu di dalam negara kita pun untuk majukan kawasan-kawasan ini.

That is the way to go in the future untuk adakan *plantation forest* yang kekal dengan spesies-spesies yang ditentukan oleh kementerian untuk tanam dan selepas itu dapat hasil dari tanaman itu di dalam masa jangka panjang lebih kurang tujuh tahun hingga 10 tahun ataupun 12 tahun. Selepas itu kita boleh teruskan dengan industri hutan untuk masa depan yang akan datang.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Maknanya Johor sahajalah yang bekerjasama?

Dr. Xavier Jayakumar: Tidak, tidak. Adalah negeri lain pun bekerjasama.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Oh! Kalau Johor sahaja, saya hendak cakap "*Hidup bangsa Johor*".

Dr. Xavier Jayakumar: Johor memang *special*.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Minta maaf Tuan Yang di-Pertua, minta satu soalan.

Tuan Yang di-Pertua: Satu soalan? Boleh Yang Berhormat Menteri satu soalan? Baik, ya silakan Yang Berhormat Santubong.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua untuk soalan tambahan ini. Sebagaimana Yang Berhormat telah sebut, *resource* hutan ini kepunyaan kerajaan negeri dan kuasa kerajaan negeri dan di bawah senarai kerajaan negeri di dalam Perlembagaan. Kawalan hanya menerusi Kanun Tanah Negara, di bawah Perlembagaan juga.

Akan tetapi, persoalan saya ialah Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Kanun Tanah Negara ini memberi syarat-syarat yang tertentu sebelum meluluskan seluas mana satu-satu negeri boleh menebang hutan-hutan mereka dan disyaratkan, barang siapa dapat konsesi menebang hutan, patutnya menanam hutan di kawasan *central forest spine* yang *fragmented* pada masa sekarang memang perlu – RM2 bilion untuk menanam tempat-tempat itu supaya dia jadi *connected central forest spine*.

Dr. Xavier Jayakumar: Terima kasih, tetapi yang saya katakan dahulu juga kuasa yang ada untuk tentukan mana di dalam kawasan hutan akan dikeluarkan dari gazet itu ialah di tangan negeri masing-masing. Kita hilang di dalam *central forest spine* itu sebab negeri telah ditentukan untuk berikan beberapa syarikat tertentu yang di mana kawasan-kawasan hutan dari *central forest spine* itu dikeluarkan. Akan tetapi, kalau sekarang Kerajaan Persekutuan hendak tanam balik di dalam kawasan-kawasan itu, ada dua perkara. Satu kita kena beli balik tanah yang telah dijual oleh mereka ataupun kedua kita kena ada cukup dana untuk tanam hutan di dalam kawasan itu.

Akan tetapi, untuk tahun hadapan, saya memang gembira bahawa kita telah dapatkan sebanyak RM20 juta disediakan untuk melantik renjer dari kalangan askar yang telah bersara dan masyarakat Orang Asli setempat bagi melindungi flora dan fauna kita yang lebih baik. Kita juga telah dapatkan sebanyak RM48 juta bagi memulihara kehasilan hutan dan biodiversiti Malaysia di mana sebanyak RM10 juta akan dikhususkan kepada sektor swasta melalui geran padanan dan juga usaha ini termasuklah menyokong inisiatif *central forest spine* dan *Heart of Borneo* selain memelihara hutan tersebut.

■1130

6. Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang] minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) statistik bagi jenayah seksual kanak-kanak yang dituduh, dibicarakan dan dijatuhi hukuman sejak akta berkaitan dikuatkuasakan sehingga Ogos 2019 mengikut negeri, jenis kesalahan-kesalahan, jantina serta umur pelaku dan mangsa; dan
- (b) cabaran yang dihadapi pihak pendakwa raya dan hakim dalam mengendalikan kes-kes ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerang atas soalan ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak Tahun 2017 dikenali sebagai Akta 792 yang telah pun dibentangkan oleh Yang Berhormat Pengerang juga pada seketika masa terdahulu-telah pun diwartakan dan berkuat kuasa pada 10 Julai 2017. Akta ini memperuntukkan kesalahan-kesalahan seksual terhadap kanak-kanak dan hukuman sebagai tambahan kepada kesalahan-kesalahan seksual lain terhadap kanak-kanak dan hukuman dalam undang-undang bertulis yang lain.

Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan merekodkan data statistik berdasarkan jumlah kes didaftarkan dan cara penyelesaian kes. Maklumat terperinci termasuklah jenis, kesalahan, jantina serta umur pelaku dan mangsa hanya direkodkan dalam setiap fail individu.

Berikut merupakan statistik bagi negeri-negeri tertentu- negeri Johor pada tahun 2017, sebanyak 102 kes yang telah pun didaftar dan yang selesai ialah 20 kes; Kedah sebanyak 14 kes dan 10 telah pun diselesaikan; Kelantan sebanyak 32 kes, dan yang selesai 27 kes; Melaka telah pun daftar pada tahun 2017 sebanyak lima kes, tetapi selesai 11 kes; Negeri Sembilan sebanyak 32 kes, dan yang selesai 12 kes; Pahang sebanyak 59 kes, dan yang selesai 35 kes; Pulau Pinang sebanyak 19 kes, dan yang selesai 16 kes; Perak sebanyak 26 kes dan yang selesai 23 kes; Perlis sebanyak 'tiga' kes dan yang selesai 11 kes, Selangor sebanyak '40' kes dan yang selesai 48 kes, Terengganu sebanyak 29 kes dan yang selesai 15 kes, Sabah sebanyak 92 kes dan yang selesai 42 kes, Sarawak sebanyak 60 kes dan yang selesai 58 kes, dan Putrajaya yang merangkumi Wilayah Persekutuan, Shah Alam dan juga PJ sebanyak 297 kes dan yang selesai 59 kes.

Pada tahun 2018, Johor mendaftar sebanyak 92 kes dan yang selesai 21 kes; Kedah sebanyak 81 kes dan selesai 26 kes; Kelantan sebanyak 94 dan selesai 31 kes; Melaka sebanyak 61 kes dan selesai 16 kes; Negeri Sembilan sebanyak 72 kes dan yang selesai tujuh kes; Pahang sebanyak 123 kes dan yang selesai 39 kes; Pulau Pinang sebanyak 62 kes dan selesai 17 kes; Perak sebanyak 73 kes dan selesai 20 kes; Perlis mendaftar sebanyak 19 kes dan selesai tiga kes; Selangor sebanyak 786 kes dan selesai 50 kes; Terengganu sebanyak 53 kes dan selesai 29 kes; Sabah sebanyak 83 kes dan selesai 33 kes; Sarawak sebanyak 187 kes dan selesai 54; Putrajaya sebanyak 164 kes, dan selesai 70 kes.

Manakala pada tahun 2019, setakat ini di negeri Johor daftar kes sebanyak 66 dan selesai 21 kes; Kedah sebanyak 18 kes dan selesai dua kes; Kelantan sebanyak 35 kes dan selesai enam kes; Melaka sebanyak 27 kes dan tidak ada statistik; Negeri

Sembilan sebanyak 56 dan selesai dua kes; Pahang sebanyak 62 kes dan selesai tujuh kes; Pulau Pinang sebanyak 40 kes dan selesai satu kes; Perak sebanyak 66 kes dan selesai empat kes; manakala Perlis sebanyak 26 kes dan tidak ada statistik setakat ini bagi tahun 2019. Selangor sebanyak 147 kes dan selesai dua kes; Terengganu sebanyak 55 kes dan selesai empat kes; Sabah sebanyak 70 kes dan selesai enam kes; Sarawak sebanyak 91 kes dan selesai tujuh; Putrajaya sebanyak 219 kes, selesai 258 kes.

Cabaran yang dihadapi oleh pendakwa raya antaranya secara ringkas ialah pengendalian kes yang melibatkan saksi atau mangsa kanak-kanak bagi kes jenayah termasuk kes jenayah seksual adalah berdasarkan Akta Keterangan 1956, Akta Keterangan Saksi Kanak-kanak 2007, dan Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017.

Jenayah seksual terhadap kanak-kanak kini adalah lebih rumit seiring dengan perkembangan teknologi. Dengan perkembangan teknologi ini membuatkan kerja pendakwaan lebih mencabar dan juga pengendalian mangsa saksi semasa perbicaraan terutama saksi kanak-kanak memerlukan kesabaran dan juga kepakaran yang berbeza berbanding saksi dewasa. Kemampuan dan kredibiliti kanak-kanak dalam memberikan keterangan di mahkamah sering juga dipertikaikan, cerita berubah-ubah dari semasa ke semasa ketika perbicaraan berjalan. Terdapat juga mangsa iaitu kanak-kanak yang masih bayi, dengan izin, *tender age* yang tidak dapat memberi keterangan bagi membuktikan OKT adalah orang yang telah melakukan jenayah seksual terhadapnya.

Cabaran lagi ialah keterangan kanak-kanak yang tidak disokong iaitu Tuan Yang di-Pertua, *uncollaborated evidence*. Walaupun Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017 telah pun mengurangkan isu *uncollaborative evidence* ini tetapi ia masih lagi menjadi satu *challenge* bagi pihak pendakwaan.

Keterangan dalam rakam video bagi kanak-kanak juga menjadi satu isu dan selain daripada itu, terdapat juga ahli keluarga yang tidak memberikan kerjasama antaranya- memberi sokongan kepada mangsa kanak-kanak terutama dalam kes melibatkan hubungan keluarga.

Gangguan dan juga tekanan daripada pihak keluarga dan ahli-ahli keluarga yang terlibat dengan kejadian membuatkan mangsa iaitu kanak-kanak tertekan dan kesudahannya menarik balik kes. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]: Yang Berhormat Menteri, saya mengucapkan terima kasih dan daripada jawapan Yang Berhormat Menteri memang

pengakuan bahawa satu cabaran yang besar terutama sekali bagi pendakwa dan juga bagi hakim dalam kes jenayah seksual terhadap kanak-kanak yang berbilang umur.

Itu sebabnya Yang Berhormat Menteri, saya ingin bertanya, adakah kerajaan berminat untuk mewujudkan satu protokol kebangsaan, *national protocol* untuk hakim-hakim, pendakwa dan juga penyiasat dalam semua kes-kes jenayah seksual kanak-kanak supaya adanya satu pendekatan yang lebih progresif. Seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri bahawa sebagai contohnya isu digital - satu cabaran yang begitu besar dan juga isu *grooming*.

Jadi, hari ini semalam kalau kita tengok pendakwa raya telah menafikan bahawa tiada siasatan dilakukan terhadap kes yang mana kanak-kanak kononnya telah berhadapan dengan kes gangguan seksual di sekolah tahfiz di Ipoh. *National protocol* ini akan mewujudkan satu kekurangan kepada persepsi negatif terhadap pihak agensi dalam siasatan pendakwaan ataupun hakim melalui kenyataan daripada Yang Berhormat Menteri, banyak kes yang berdaftar tidak semua 100 peratus dapat diselesaikan. Jadi, adakah kerajaan berminat mewujudkan satu protokol kebangsaan? Terima kasih.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerang atas cadangan dan protokol bagi hakim-hakim mengendali kes-kes seksual ini. Seperti Yang Berhormat sedia maklum bahawa inilah antara cabaran yang dihadapi oleh hakim-hakim juga apabila pengendali kes mengenai isu *collaborative evidence* daripada kanak-kanak ini.

Jadi, prinsip ini saya rasa adalah secara universal. Di mana prinsip ini juga diguna pakai di negara-negara lain seperti di *United Kingdom* di mana *evidence of the child must be collaborated* juga untuk memastikan bahawa pesalah itu dapat didapati bersalah. Jadi, ini adalah satu cadangan yang baik. Jadi, saya akan minta ambil maklum.

Mengenai sekolah tahfiz yang telah pun diuar-uarkan dan juga di mana pihak peguam negara telah mengeluarkan *media release* kelmarin. Jadi, saya di sini Tuan Yang di-Pertua berdiri untuk menjelaskan sekali lagi dalam Dewan ini mengenai kronologi kes aduan penderaan seksual di sekolah tahfiz yang telah pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi.

Pada 14 Ogos 2016, satu laporan polis telah pun dibuat oleh mangsa- ibu iaitu si ibu dalam kes ini. Pada September tahun 2016, arahan *No Further Action* (NFA) telah pun dikeluarkan oleh Timbalan Pendakwa Raya. Pada Februari tahun 2017, Kertas Siasatan dibuka semula susulan wujudnya keterangan baharu. Akan tetapi pada

Februari tahun 2018, NFA iaitu *No Further Action* telah pun dikeluarkan oleh pendakwa raya dan siasatan lanjut tidak perlu diteruskan.

■1140

Akan tetapi, pada 3 Jun 2019 si ibu telah pun mengemukakan surat aduan kepada Majistret. Majistret telah pun mengambil *cognisance* pada 5 Ogos 2019 atas aduan si ibu dan menyerahkan kepada Pejabat Pendakwaan Negeri Perak yang kes ditetapkan untuk pemeriksaan di bawah Seksyen 133 Kanun Tatacara Jenayah. 27 Ogos 2019, Surat Pejabat Pendakwaan Negeri Perak kepada majistret bahawa tidak wajar untuk prosiding di bawah Seksyen 133 kerana siasatan telah dijalankan dan keputusan adalah NFA (*No Further Action*).

Pada 14 Oktober 2019, laporan media yang kurang tepat bahawa keputusan telah dibuat oleh majistret setelah menerima surat daripada Pejabat Penasihat Undang-undang Negeri Perak yang memperincikan arahan bertulis kepada Peguam Negara di bawah Perkara 145(3) Perlembagaan Persekutuan. Saya ingin menegaskan di sini bahawa tiada sebarang arahan bertulis dikeluarkan oleh pendakwa raya ataupun Peguam Negara dan tiada sebarang arahan daripada pendakwa raya, Peguam Negara telah dirujuk di dalam surat PPNP iaitu Pejabat Penasihat Undang-undang kepada majistret tersebut. Sekian, terima kasih.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kajian klinikal dan juga empirikal menunjukkan bahawa kanak-kanak ini apabila terdapat kelakuan jenayah seksual terhadap mereka, mereka menghadapi trauma yang begitu mendalam sekali dan perbezaan antara satu kes ke satu kes dan bagaimanakah pihak kerajaan melihat dengan justifikasi dan tahniah di atas pelantikan pesuruhjaya kanak-kanak tetapi hak mereka ini juga harus dilihat kerana mereka ini perlu dilindungi dan mereka ini perlu diberi perhatian.

Soalan saya, bagaimanakah pihak kerajaan ingin memberi justifikasi supaya mereka ini tampil ke hadapan dan juga berani menyatakan tentang apa yang telah berlaku kepada mereka sedangkan kes sebagaimana yang telah disebut oleh Yang Berhormat Pengerang sebentar tadi untuk kes tahfiz ini, mereka tidak mendapat perhatian yang sewajarnya. Jadi, saya ingin mendapat perhatian daripada pihak kerajaan. Terima kasih.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih kepada Yang Berhormat Masjid Tanah dalam soalan ini. Seperti yang saya katakan tadi, sememangnya kita menghadapi cabaran yang seperti saya katakan tadi. Jadi, kerajaan telah pun juga menggunakan Seksyen 6 Akta Keterangan Saksi Kanak-kanak 2007 yang memperuntukkan bahawa

keterangan kanak-kanak boleh dirakam dalam video dan cara-cara bagaimana rakaman video tersebut dimasukkan kepada mahkamah sebagai keterangan.

Jadi, terdapat kekangan bagi penyediaan rakaman video tentang skrip yang diperuntukkan dalam undang-undang. Peningkatan kes kanak-kanak membuatkan *this Child Interview Centre* tidak dapat dibuat dengan cepat. Mangsa perlu menunggu lama untuk mendapatkan tarikh temu janji. Ini disebabkan pusat CIC adalah terhad dalam negara kita ini. Jadi, penemu ramah CIC juga tidak terlatih untuk mendapatkan keterangan kanak-kanak mengikut kehendak mahkamah. Jadi, didapati CIC terlalu ringkas dan tidak menceritakan kejadian secara terperinci. Jadi, ini antara cabaran-cabaran yang telah pun menjadikan satu isu bagi pendakwa raya.

Pada masa yang sama, kehadiran saksi-saksi bagi kes seksual kanak-kanak tidak memuaskan. Jadi, sepina yang telah pun dikeluarkan juga kepada saksi-saksi tidak dapat dilaksanakan memandangkan sekiranya dia terlibat dengan mangsa keluarga manakala di situlah ada isu yang mana keluarga itu mahu melindungi mereka yang telah pun disyaki melibatkan kesalahan terhadap kanak-kanak tersebut. Itu sahaja.

7. Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau] minta Menteri Sumber Manusia menyatakan apakah tindakan yang realistik diambil kerajaan untuk menarik balik semua warga kita yang bekerja di Singapura pada keadaan nisbah pertukaran wang di paras SDR 1:RM3.2.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Mahfuz bin Haji Omar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk maklumat Dewan, memang dalam tempoh lima tahun selepas ini, trend warganegara Malaysia yang bekerja di Singapura telah pun meningkat sekali ganda. Ini disebabkan oleh peluang pekerjaan dan gaji yang lebih tinggi yang ditawarkan di Singapura. Selain itu, nilai kadar pertukaran wang Singapura yang lebih tinggi berbanding dengan Malaysia juga merupakan antara faktor yang menarik lebih ramai rakyat Malaysia untuk bekerja di Singapura.

Secara dasarnya, Malaysia merupakan sebuah negara yang mengamalkan ekonomi pasaran terbuka dan tidak menghalang untuk rakyat Malaysia bekerja di luar negara. Namun begitu Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada kajian yang telah pun dibuat oleh pihak Institut Maklumat dan Analisis Pasaran Buruh (ILMIA) di bawah Kementerian Sumber Manusia, kita telah dapati bahawa di Singapura sahaja ada 61,108 orang merupakan golongan tenaga pakar berkepakaran tinggi yang menetap di Singapura. Dia bukan berulang alik tetapi dia menetap di Singapura dan sebagai usaha untuk menarik tenaga mahir dan berkemahiran tinggi anak-anak tempatan yang bekerja di Singapura, kerajaan telah melaksanakan antara langkah-langkah ialah;

Pelaksanaan *Returning Expert Program* (REP) iaitu program menggalakkan profesional Malaysia untuk kembali dan berkhidmat di tanah air dengan mengisi pelbagai jawatan penting dalam organisasi di Malaysia. Keseluruhan di seluruh dunia yang telah pun kita berjaya membawa balik ialah seramai 5,137 modal insan berkemahiran tinggi yang telah diluluskan di bawah program ini daripada tahun 2011 sehingga April 2019 dan peningkatan permohonan kembali ke tanah air melalui REP ini juga meningkat sebanyak 20 peratus pada tahun 2018 berbanding tahun sebelumnya. Untuk Singapura sahaja, permohonan yang telah pun kita terima untuk mereka nak balik ke Malaysia sebanyak 1,513 dan telah diluluskan 848 orang. Terima kasih.

Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Soalan saya yang sudah dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tetapi saya nampak di Johor khususnya di Johor Bahru ada banyak lambakan kilang atau tidak diguna pakai atau tidak dijual atau tidak disewa. Jadi, soalan saya adalah adakah kerajaan sedia bekerjasama dengan Kerajaan Singapura untuk berpindah ke Johor, kilang-kilang Singapura yang bergantung kepada pekerja-pekerja Malaysia oleh sebab kos operasi akan menurun dengan kadar yang ketara.

Oleh sebab di Johor Bahru murah untuk disewa. Ada kilang-kilang yang murah disewa dan juga kita ada infrastruktur yang baik. Jika cadangan ini adalah bagus, saya pun berharaplah adakah kerajaan sedia untuk bekerjasama dengan Singapura untuk adakan *bilateral agreement* untuk memberi potongan cukai bagi kesemua kos penempatan semula dari Singapura ke Johor Bahru. Terima kasih.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar: Baik, terima kasih Yang Berhormat. Kerajaan sentiasa terbuka untuk mana-mana negara untuk datang untuk membuat pelaburan ke negara Malaysia termasuk seperti cadangan yang disebut tadi untuk syarikat-syarikat yang beroperasi di Singapura itu untuk datang membuka, mengambil tempat ruang-ruang kosong yang ada di negeri Johor dan itu terpulang kepada mereka dan memang kita sentiasa terbuka dan sudah tentu kalau dia datang buka di sini, sudah tentu itu akan sedikit ada permasalahan kerana sebahagian besar mereka berminat bekerja di Singapura kerana antaranya ialah masalah pertukaran wang iaitu antara Ringgit Malaysia dengan *Singapore Dollar* di Singapura.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, daripada jumlah 61,108 orang pekerja pakar yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi yang bekerja di Singapura, saya ingin tahu apakah jenis-jenis kepakaran yang telah dikenal pasti dan apakah usaha pihak kerajaan untuk memastikan kebajikan pekerja Malaysia yang

bekerja di Singapura sebab kes satu ketika dahulu apabila wang KWSP rakyat Malaysia yang bekerja di Singapura yang tidak dibayar kepada pekerja. Jadi apakah tindakan untuk perkara ini supaya tidak terus berlaku.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar: Baik. Antara kepakaran yang terdapat pada rakyat Malaysia yang bekerja di Singapura ialah mereka ini dalam sektor *financial services, information and communication technology, global business service, oil and gas, electrical* dan *electronic, telecommunication* dan multimedia dan jawatan-jawatan mereka adalah *finance manager, managing director* iaitu CEO, *business service manager, sales marketing manager, information dan communication technology manager.*

■1150

Ini antara golongan pakar-pakar yang bekerja di Singapura dan sebab itu kita berusaha untuk mendapatkan kepakaran mereka itu dibawa pulang ke Malaysia ataupun yang berkaitan dengan urusan KWSP di sana itu, kerajaan sentiasa mengambil maklum untuk membantu mereka.

8. Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak] minta Menteri Industri Utama menyatakan:

- (a) apakah kesan terhadap eksport kelapa sawit daripada tindakan Kerajaan India menaikkan nilai import kepada 25 peratus; dan
- (b) nilai eksport kelapa sawit ke negara China sama ada bertambah atau menurun hasil daripada pemulihan hubungan yang baik di antara Malaysia dan China.

Timbalan Menteri Industri Utama [Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin]: *Bismillahir Rahmanir Rahim, assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Pasir Salak atas soalan yang diberikan. Bermula 1 Januari 2019, di bawah perjanjian dengan izin, *Malaysia-India Comprehensive Economic Cooperation Agreement (MICECA)* duti import ke atas minyak sawit mentah adalah sebanyak 40 peratus. Manakala, duti import ke atas minyak olein sawit bertapis dari Malaysia adalah 45 peratus. Ini bermakna, perbezaan duti import di antara minyak olein sawit bertapis dan minyak sawit mentah hanyalah sebanyak lima peratus.

Disebabkan perbezaan yang kecil ini, para pemain industri di India boleh mendapat margin keuntungan yang lebih baik sekiranya mengimport terus minyak olein sawit berbanding jika mereka mengimport minyak sawit mentah yang memerlukan

tambahan kos pemprosesan. Untuk makluman juga, duti import ke atas minyak sawit dari pesaing terdekat iaitu Indonesia telah ditetapkan di bawah ASEAN-India Free Trade Agreement (AIFTA) pada kadar 40 peratus bagi minyak sawit mentah dan 50 peratus bagi minyak olein sawit bertapis. Oleh sebab duti yang rendah tersebut, bagi tempoh Januari hingga Ogos 2019, Malaysia telah mengeksport 2.165 juta tan minyak olein sawit ke India berbanding hanya 252,816 tan dalam tempoh yang sama pada tahun 2018 iaitu peningkatan hampir lapan kali ganda.

Pada masa yang sama, eksport minyak sawit mentah telah merosot sedikit dari 1.228 juta tan bagi tempoh Januari hingga Ogos 2018 kepada hanya 1.217 juta tan bagi tempoh yang sama pada tahun 2019. Oleh sebab peningkatan import minyak olein sawit begitu tersebut, perkara ini telah menimbulkan kebimbangan kepada pihak industri penapisan minyak sayuran India dan pihak berkenaan secara berterusan telah menggesa Kerajaan India meningkatkan lagi duti import ke atas minyak olein sawit bertapis dari Malaysia untuk melindungi kepentingan industri penapisan minyak sayuran India.

Maka, pada 4 September 2019, Kementerian Kewangan India telah mengenakan duti perlindungan atau dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *safeguard duty* sebanyak lima peratus ke atas minyak olein sawit bertapis dari Malaysia yang akan berkuat kuasa bagi tempoh enam bulan iaitu sehingga Mac 2020.

Dengan berkuat kuasanya duti perlindungan ini, duti import ke atas minyak olein sawit Malaysia telah pun meningkat kepada 50 peratus iaitu pada paras yang sama dengan minyak olein sawit bertapis dari Indonesia. Pada masa yang sama, perbezaan duti di antara minyak sawit mentah dan minyak olein sawit bertapis adalah sebanyak 10 peratus. Kedudukan ini kita jangka akan menyebabkan pengurangan dalam eksport minyak olein sawit bertapis dari Malaysia ke India dalam jangka masa yang terdekat.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, eksport minyak sawit dan produk berasaskan sawit turut mengalami trend peningkatan hasil daripada hubungan yang baik di antara Malaysia dan negara China.

Bagi tempoh Januari hingga Ogos 2019, eksport minyak sawit dan produk berasaskan sawit ke negara China telah meningkat sebanyak 473,348 tan ataupun 25.4 peratus kepada 2.33 juta tan berbanding hanya 1.86 juta tan pada tempoh yang sama pada tahun 2018. Eksport minyak sawit juga telah meningkat sebanyak 307,796 tan ataupun 31.4 peratus kepada 1.30 juta tan pada tempoh tersebut berbanding hanya 0.98 juta tan pada tempoh yang sama tahun 2018.

Selain daripada itu, peningkatan jumlah eksport ke negara China juga disebabkan oleh faktor penggantungan duti eksport minyak sawit mentah Malaysia yang menjadikan harga lebih menarik bagi pengimport di negara China serta perang perdagangan antara Amerika Syarikat dan China yang masih berlanjutan sehingga kini. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat menceritakan berkenaan dengan eksport ke India itu *it's already*, dengan bahasa Inggeris saya minta izin, *overtaken by event*. Ini kerana, sebagaimana yang kita tahu India telah mengumumkan akan *ban*, akan tidak mengimport lagi sawit daripada Malaysia. Apa akan jadi kepada industri sawit dan apa jadi kepada pekebun-pekebun sawit, orang-orang kampung?

Pendapatan mereka sekarang sangat, sudah lah harga jatuh dan akan jatuh lagi disebabkan oleh import *banned* daripada India. Daripada China, kata bertambah tadi. Kalau bertambah, macam mana boleh harga sawit masih jatuh dan masih rendah? Harganya RM280 di kampung-kampung, *cost of production* RM250. Harga RM30 hendak makan apa orang kampung? Adakah ini disedari oleh Yang Berhormat Menteri, oleh kerajaan? Kalau sedar, apakah tindakan kerajaan untuk membantu rakyat khususnya pekebun-pekebun kelapa sawit ini?

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat bertanyakan khusus berkaitan dengan data-data yang diberikan oleh kementerian ini adalah *overtaken by event*, dengan izin. Tuan Yang di-Pertua, *it is not overtaken by event*. Ini adalah fakta yang telah pun dinyatakan berdasarkan laporan atau fakta-fakta yang sedang kita teliti di peringkat kementerian. Soal India akan umumkan *ban*, *I think it is bit too far*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Ini sebab, tidak ada lagi sebarang kenyataan rasmi daripada negara India, secara rasmi tidak ada.

Tentulah kita seperti mana yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, hal-hal yang berkaitan dengan perkara ini harus kita kendalikan secara diplomasi. Kementerian telah pun mengeluarkan kenyataan bahawa untuk kita memastikan agar tidak ada jurang yang terlalu melebar dari segi ketidakseimbangan dagang ataupun *imbalance of trade*, maka kita telah umumkan bahawa bersedia untuk membeli gula mentah dan juga daging lembu daripada negara India. So, saya ingat ini adalah perkara-perkara yang kita cuba rungaikan secara diplomasi dan kita harapkan perkara ini akan dapat membantu, menjadikan India itu sebagai negara dagang yang penting buat negara kita Malaysia. Terima kasih.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah pasaran baru minyak sawit kita selain India dan China dan jumlah permintaan pasaran sepanjang dua tahun ini? Terima kasih.

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin: Terima kasih Yang Berhormat Bukit Bintang di atas soalan yang baik. Saya ingin nyatakan kepada Dewan ini bahawa selain daripada negara-negara yang kita nyatakan tadi, kerajaan kementerian tentulah pertamanya ingin mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Kewangan kerana telah pun memberikan penambahan jumlah peruntukan. Kalau tahun lalu kita dapat RM22 juta, sekarang kita dapat RM27 juta untuk tahun hadapan. Sudah pastilah kementerian boleh merangka pasaran-pasaran baru. Seperti mana yang selalu dinyatakan di dalam Dewan ini, dua pendekatan kita.

Pertama ialah, kita memastikan agar dapat pasaran baru dan kedua ialah untuk memastikan pasaran sedia ada itu dipertingkatkan. Antara yang menjadi fokus kementerian untuk tahun hadapan ialah untuk negara-negara seperti Vietnam. Kita tengok Vietnam menyaksikan peningkatan 18 peratus berdasarkan perbandingan Januari, September 2018 dan 2019. Negara-negara seperti Angola itu meningkat sampai 46 ke 47 peratus. Begitu juga seperti negara Uzbekistan, Mexico inilah pasaran-pasaran yang begitu *promising* Tuan Yang di-Pertua yang mana kita yakin kalau kita berikan fokus, ia akan menjadi pasaran-pasaran sedia ada, tetapi dipertingkatkan lagi pengambilan atau pembelian minyak sawit Malaysia. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Yang di-Pertua, persoalan sekarang ini ialah dibagi angka-angka, dilambakkan dengan kehebatan-kehebatan. Akan tetapi, harga sawit masih turun. Soalan kepada Yang Berhormat Pasir Salak tadi, apa usaha kerajaan untuk membantu penanam-penanam sawit oleh sebab masalah yang dihadapi sekarang. Yang Berhormat Menteri lambakan dengan angka-angka itu, kenapa harga tidak naik? Kenapa masih ada berlaku kesusahan yang luar biasa di kalangan penanam-penanam sawit?

Tuan Yang di-Pertua: Langkah-langkah.

■1200

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin: Boleh saya jawab Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Ya silakan.

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin: Ya, soal apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Arau tadi. Pertamanya *as a rule of thumb* Tuan Yang

di-Pertua, soalan susulan mesti berkait dengan soalan utama. Ia tidak adapun dalam soalan utama.

Soalan utama tentang India, *and it is very recent*. Kita telah jawab dengan jelas dalam Dewan ini. Soal langkah-langkah sudah pasti kita sebagai kementerian sentiasa menyatakan bahawa langkah-langkah yang telah kita lakukan sesuai dengan apa yang telah diumumkan dalam belanjawan.

Sudah pastilah ia akan dijawab secara panjang lebar dalam Penggulangan Belanjawan. Saya tidaklah bercadang untuk menjawab lebih awal tetapi saya hendak jawab khusus tentang persoalan Yang Berhormat Arau- kenapa harga kita masih lagi berada dalam kadar yang begitu mencabar? Ini kerana kita berhadapan dengan realiti kesemua minyak sayuran di dunia sekarang berhadapan dengan masalah.

Sebagai minyak sawit yang menjadi sebahagian daripada minyak sayuran yang penting, yang utama sudah pastilah kita berhadapan dengan cabaran kerana kita bukan berniaga *in silo*, kita bukan hanya ada minyak sawit sebagai minyak sayuran di dalam dunia. Kita ada minyak sayuran yang lain...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Itu teori tidak betul. Tidak betul itu Yang Berhormat. Itu teori tidak betul itu.

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin: Kalau tidak betul bangunlah, tetapi bagi saya habis dahulu.

Tuan Yang di-Pertua: Biar Menteri menjawab.

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin: Poin saya ialah maknanya daripada segi minyak sayuran kita, satu pertiga daripada keperluan minyak sayuran dunia itu datang daripada minyak sawit. Kita berniaga dalam suasana *climate* perniagaan yang berkait dengan pasaran minyak-minyak sayuran yang turut berhadapan dengan harga yang mencabar...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Saya ingat Yang Berhormat Menteri Ekonomi tolong betulkan [*Ketawa*]

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin: ...Oleh sebab itu kita lihat, saya tidak kata harga jatuh teruk tetapi harga masih lagi bertahan pada kadar yang sepatutnya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

9. Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah] minta Perdana Menteri menyatakan, usaha-usaha kerajaan dalam proses integrasi rakyat yang sering kali terancam akibat isu-isu perkauman yang amat sensitif yang boleh membinasakan negara jika tidak terkawal. Sejauh manakah program-program integrasi yang dilaksanakan oleh Kerajaan diterima oleh rakyat di peringkat akar umbi.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy]:

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tersebut.

Walaupun negara Malaysia adalah jauh lebih aman berbanding dengan negara-negara majmuk yang lain, tetapi tidak dapat dinafikan bahawa perbezaan daripada segi etnik, agama, budaya dan bahasa kadang-kadang membawa kepada perbezaan pandangan yang mencetuskan perselisihan dan sengketa yang selanjutnya boleh menjejaskan keamanan, ketenteraman dan keharmonian masyarakat serta integrasi nasional.

Sikap *netizen* yang suka menularkan berita palsu dan fitnah menerusi media sosial menjadi cabaran besar dalam mengukuhkan perpaduan kaum di negara ini sehingga menimbulkan pelbagai reaksi dalam kalangan masyarakat Malaysia.

Pelbagai usaha telah dan sedang dilaksanakan untuk menangani beberapa isu antara kaum yang dilihat sebagai rumit dan kompleks dan telah berbahang sebelum bermulanya tahun 2019. Pengurusan isu-isu ini sememangnya akan mengambil masa dan memerlukan keterbukaan minda, sikap positif, pendekatan yang membina dan sokongan efektif dari semua pihak khususnya ahli-ahli politik, pemimpin-pemimpin masyarakat dan aktivis-aktivis negara.

Fokus kerajaan baharu pada hari ini adalah untuk membentuk sebuah negara yang berdaulat dan bersatu padu dalam membela nasib rakyat Malaysia pelbagai bangsa agar pembangunan dan kesejahteraan ekonomi dapat dikongsi bersama secara adil dan saksama. Kerajaan amat komited untuk memenuhi harapan serta amanah rakyat selain melaksanakan tanggungjawab secara dedikasi, ikhlas, jujur dan berintegriti.

Justeru, kerajaan baharu sentiasa peka dan sensitif kepada isu-isu yang menyentuh kaum dan agama dan akan sentiasa memastikan keharmonian dan integrasi rakyat terus terpelihara melalui tindakan-tindakan berikut dan program-program ini diterima oleh rakyat di peringkat akar umbi, antaranya:

- (i) melaksanakan program secara bersepadu dan terancang untuk menggalakkan interaksi dan memupuk integrasi rakyat secara langsung dan tidak langsung melalui Program Pembangunan Belia dan Sukan, program seni budaya serta Sambutan Majlis Rumah Terbuka Malaysia yang telah dijadikan program nasional sempena sambutan Aidilfitri, Tahun Baru Cina, Hari Deepavali, Gawai Dayak, Tadau Kaamatan dan sambutan Krismas dan sebagainya;

- (ii) mengendalikan program-program silang budaya bagi menerapkan sikap saling menghormati antara satu sama lain apabila memberi sebarang pendapat dan pandangan;
- (iii) memperkenalkan dan melaksanakan kempen kesedaran-kesedaran dari semasa ke semasa untuk memberi fokus sasaran dan dorongan kepada rakyat terhadap proses pembinaan negara yang berterusan di mana perpaduan dengan aktif mempromosikan pelaksanaan program-program membudayakan perpaduan, meraikan kepelbagaian supaya rakyat bukan sahaja menerima kerencaman kaum bahkan menghormati dan meraikan kepelbagaian agama dan budaya...

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan pertama. Silakan.

Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy: Belum habis lagi Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Belum lagi?

Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy: Belum lagi. Ada sedikit lagi.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Cukup, cukuplah hendak tanya soalan dah.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak payah lagi. Yang Berhormat Arau, sila duduk. Silakan.

Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy: Sedikit lagi.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Cukup, cukuplah. Teori- cukuplah.

Tuan Yang di-Pertua: Secara ringkaslah Yang Berhormat.

Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy: Saya sambung,

- (iv) melaksanakan Program Ekonomi Rukun Tetangga yang merupakan contoh terbaik dalam usaha mempercepatkan proses integrasi sosial kerana keberhasilan yang mempunyai serampang dua mata iaitu pembangunan ekonomi dalam komuniti dan meningkatkan pemahaman budaya, adat resam, agama dan sensitiviti rakan kaum lain;
- (v) meneruskan pelaksanaan program sedia ada seperti Program Sayangi Komuniti yang telah disasarkan untuk dilaksanakan di 456 lokasi miskin bandar dan pinggir bandar bagi meningkatkan keharmonian masyarakat setempat agar mereka hidup dengan selamat, aman dan sejahtera;

- (vi) melaksanakan Program Latihan Industri Perpaduan sebagai salah satu platform untuk mengintegrasikan golongan mahasiswa bumiputera dan bukan bumiputera melalui program *internship* di syarikat-syarikat swasta dan *government-link companies* sebagai usaha untuk menggalakkan perkongsian silang kerjaya dan budaya antara golongan mahasiswa universiti yang terdiri dari pelbagai kaum dan latar belakang keturunan; dan
- (vii) mewujudkan jaringan kerjasama strategik antara Rukun Tetangga, persatuan penduduk dan badan-badan bukan kerajaan, sektor korporat, pihak swasta dan agensi-agensi kerajaan di seluruh negara bagi tujuan melaksanakan program-program menyantuni rakyat termasuk dalam memperkasakan dan menyejahterakan golongan minoriti serta melaksanakan inisiatif-inisiatif mempromosikan perpaduan secara sepadu.

Sekian, terima kasih.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Integrasi kaum berlaku melalui proses akomodasi, akulturasi, asimilasi dan *amalgamasi* sehingga mengurangkan perasaan etnosentrik dalam masyarakat yang rencam sosialnya. Bagaimanakah kerajaan menanganinya dan apakah usaha kerajaan untuk menggalakkan perpaduan yang harmoni di peringkat komuniti seperti Rukun Tetangga- RT. Apakah perancangan kerajaan untuk menambahkan peruntukan KRT dan program perpaduan di peringkat akar umbi. Peruntukan semakin berkurangan pada masa ini. Minta jawapan daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Tuan Wmytha Moorthy a/l Ponnusamy: Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tersebut. Kerajaan memang akuilah terdapat- pada terutamanya bagi tahun 2019 terdapat pengurangan dalam peruntukan yang disalurkan kepada Rukun Tetangga yang berkhidmat di peringkat akar umbi.

Ini adalah kerana disebabkan oleh kekangan kewangan yang wujud pada masa kini tetapi saya percaya pada tahun hadapan, kerajaan boleh mempertimbangkan untuk memberikan lebih banyak lagi galakan kepada RT-RT ini untuk menjalankan lebih banyak lagi aktiviti-aktiviti yang membawa kepada perpaduan masyarakat di Malaysia.

Di samping itu juga, saya ingin menyatakan bahawa terdapat banyak lagi inisiatif baharu yang akan dilaksanakan oleh kerajaan pada masa akan datang. Antara yang utama adalah kerjasama strategik dengan badan-badan bukan kerajaan dan juga

sektor-sektor swasta yang akan melibatkan sektor-sektor ini dalam membantu usaha kerajaan untuk menyatupadukan rakyat di negara kita. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan kedua di sebelah kiri, Yang Berhormat Pasir Salak bangun awal lagi. Ya silakan Yang Berhormat Pasir Salak. Bukan Yang Berhormat Arau, Yang Berhormat Pasir Salak.

Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran]: Tuan Yang di-Pertua, mohon Libaran untuk soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Libaran di sebelah kanan. Sekarang giliran Yang Berhormat Pasir Salak.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Yang di-Pertua Tuan Yang di-Pertua bagi peluang saya untuk membuat soalan tambahan. Saya hendak beritahu Yang Berhormat Menteri, 60 tahun kita merdeka tidak ada masalah perkauman, tahu tak?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Yang di-Pertua: Soalan.

Seorang Ahli: Soalan, soalan...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Diamlah. Soalan, soalan. Orang hendak bercakap, ganggu.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Yang di-Pertua pun tidak kacau. Siapa Tuan Yang di-Pertua? Yang Berhormat Jelutong Tuan Yang di-Pertua kah?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Pasir Salak, jangan gaduh pagi-pagilah. Tanya secara tertib.

Tuan Yang di-Pertua: Duduk Yang Berhormat Jelutong, duduk. Sila, soalan.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Saya hendak beritahu bahawa untuk menjamin hubungan kaum yang baik, jangan persoalkan agama Islam.

■1210

Jangan mempersoalkan kedudukan bumiputera. *[Disampuk]* Betul? Jangan mempersoalkan Raja-raja Melayu, ini syarat-syaratnya. Kita jamin kita tidak akan menggugat pihak-pihak yang lain. Ini Yang Berhormat bagi pihak kerajaan beritahu Yang Berhormat Jelutong ini jangan mempersoalkan Islam, jangan mempersoalkan kedudukan Melayu.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Jangan mempersoalkan Raja-raja.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Pasir Salak, ini bukan berbahas tetapi soalan. *[Dewan riuh]*

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua, saya minta Yang Berhormat Pasir Salak tarik balik kerana saya tidak pernah mempersoalkan apa-apa berkenaan dengan agama Islam. Ini adalah tuduhan.

Seorang Ahli: Tarik balik...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Ini bukan merupakan soalan. Kalau tidak, saya tidak bagi peluang.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Saya hendak tanya Tuan Yang di-Pertua, DAP punya dasar...

Tuan Yang di-Pertua: Ini bukan soalan. Ini perbincangan, saya tidak benarkan.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Pasir Salak sudah lama tidak tahu...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Pasir Salak, kalau hendak tanya soalan, tanya soalan. Kalau tidak saya tidak akan benarkan perbincangan pada peringkat ini silakan.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ini soalan, Yang Berhormat Jelutong kacau kenapa?

Tuan Yang di-Pertua: Soalan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya hendak sambung soalan Yang Berhormat Pasir Salak.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tanya soalan.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Apakah tindakan kerajaan untuk memastikan...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya ingin tanya soalan.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Perkataan ia 'apakah'. Bukankah itu soalan?

Tuan Yang di-Pertua: Apakah tindakan ya?

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Apakah tindakan kerajaan untuk memastikan tidak ada cabaran atau *challenge* kepada kedudukan Islam, kedudukan orang Melayu dan Raja-raja Melayu? Itu soalan terima kasih.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua, tidak pernah ada apa-apa cabaran dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Jelutong sila duduk. [*Dewan riuh*]

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Siapa Menteri? Bagi Menteri jawab.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Siapa Menteri? Yang Berhormat Jelutong... [*Dewan riuh*]

Tuan Yang di-Pertua: Kita tunggu ketenteraman sebentar. Ya, Menteri boleh menjawab sekarang.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya hendak sambung soalan Yang Berhormat Pasir Salak...

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: DAP tidak pernah masuk Yang Berhormat Jelutong.

Beberapa Ahli: [*Berucap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Arau duduk.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya sambung.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Menteri...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Bubarkan UMNO dan PAS negara akan tenteram.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Jelutong duduk.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: DAP tidak pandang Yang Berhormat Jelutong untuk jadi Menteri.

Seorang Ahli: [*Berucap tanpa menggunakan pembesar suara*] ...Negara.

Tuan Yang di-Pertua: Baik kita teruskan dengan soalan kesepuluh. Saya menjemput sekarang Dato' Haji Mohd. Salim Sharif.

10. Dato' Haji Salim Sharif [Jempol] minta Menteri Pengangkutan menyatakan perkembangan terkini berhubung cadangan pelaksanaan teksi motosikal atau GoJek dan jaminan keselamatan terhadap penunggang serta pembonceng.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato' Kamarudin Jaffar]: Kementerian Pengangkutan pada masa ini sedang dalam proses membangunkan rangka perundangan dan syarat-syarat perkhidmatan untuk *bike hailing* iaitu satu aktiviti yang

menyediakan perkhidmatan pengangkutan awam dan barangan menggunakan motosikal.

Dalam hubungan ini, Akta Pengangkutan Awam Darat tahun 2010, Akta 715 telah menetapkan bahawa tiada seorang pun boleh mengendalikan atau mengadakan sesuatu perkhidmatan kenderaan perkhidmatan awam atau kenderaan barangan melainkan telah memegang sesuatu lesen yang dikeluarkan di bawah akta ini. Kementerian Pengangkutan mendapati bahawa perkhidmatan *bike hailing* ini mempunyai konsep perkhidmatan yang sama dengan perkhidmatan kenderaan *e-hailing* di mana penempahan atau transaksi bagi perkhidmatan pengangkutan awam adalah dibuat menerusi aplikasi di atas talian atau *online application*, dengan izin.

Perkara utama yang membezakan di antara perkhidmatan *e-hailing* dan *bike hailing* hanyalah dari segi jenis kenderaan yang digunakan. Oleh yang demikian perkhidmatan *bike hailing* juga akan dikawal selia dan dilesenkan dengan berasaskan syarat-syarat yang setara sebagaimana telah ditetapkan ke atas perkhidmatan *e-hailing*. Perkara ini adalah bertujuan bagi menjaga kebajikan dan keselamatan orang awam yang akan menggunakan perkhidmatan tersebut. Di samping itu, ia akan memastikan satu ekosistem perkhidmatan yang mempunyai peraturan yang seragam dan adil dapat kita sediakan.

Selain pengawal seliaan perkhidmatan kenderaan perkhidmatan awam menggunakan motosikal, perkhidmatan penghantaran barangan menggunakan motosikal juga akan dikawal selia dan dilesenkan. Pengawal seliaan ini akan melibatkan pindaan ke atas undang-undang sedia ada iaitu Akta Pengangkutan Awam Darat 2010, Akta Lembaga Perlesenan Kenderaan Perdagangan 1987, Akta Pengangkutan Jalan 1987 serta kaedah-kaedah yang berkaitan di bawah undang-undang tersebut.

Kementerian akan memaklumkan semula mengenai rangka perundangan dan syarat-syarat perkhidmatan apabila proses kajian berkenaan telah dimuktamadkan serta setelah mendapat persetujuan daripada Jemaah Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Perkhidmatan teksi ataupun *bike hailing* ataupun diistilahkan sebagai GoJek telah beroperasi di lima buah negara di Indonesia, Singapore, Vietnam, Thailand dan Philippine.

Di Malaysia, Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya (MIROS) telah menjalankan kajian persepsi pengguna jalan raya terhadap kebolehlaksanaan perkhidmatan teksi bermotosikal pada 29 Ogos. Jadi soalan saya berapakah

dianggarkan peluang pekerjaan yang bakal dicipta menerusi perkhidmatan teksi, motosikal ataupun GoJek dan adakah sekiranya insentif kerajaan itu mencipta sejuta peluang pekerjaan seperti mana dalam buku *Manifesto Parti Harapan*.

Sejauh manakah keadaan ini benar-benar mematuhi syariah dari segi budaya kita dalam keadaan kita hari ini. Contohnya, kesediaan rakyat untuk menerima GoJek ini di Malaysia.

Dato' Kamarudin Jaffar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tentang negara-negara yang mengamalkan *bike hailing* ini setakat maklumat rasmi yang kita ada bukan lima negara tetapi hanya tiga perkara iaitu Indonesia, Thailand dan Vietnam. Pelaksanaan di negara-negara yang tiga ini pun tidaklah dilakukan di bawah satu struktur perundangan dan pengawal seliaan yang kita adakan dan akan adakan jika Jemaah Kabinet meluluskannya.

Keduanya berkenaan dengan anggaran peluang pekerjaan sama ada mencapai satu juta atau tidak, jumlah itu sebenarnya anggaran. Kalau diikuti kepada *e-hailing* yang melibatkan kenderaan motor setakat ini yang terlibat, yang mendaftar untuk menjadi pemandu *e-hailing* kereta ialah lebih kurang 120,000 orang.

Jadi kalau kita andaikan motor kereta pun jumlah itu sudah tentulah pembawa atau tuan punya motosikal di kalangan anak muda jauh lebih besar daripada angka tersebut. Walau apa pun ia adalah anggaran. Kalau ia dapat mencapai jumlah yang besar dan memberikan pekerjaan yang lebih banyak sudah tentulah ini memanfaatkan ekonomi negara dan rakyat kita.

Tentang patuh syariah atau tidak, setakat secara umumnya undang-undang yang akan diluluskan ini setelah kelulusan Kabinet, tidak menyentuh secara langsung isu patuh syariah atau tidak kerana ia melibatkan mungkin penglibatan pemandu atau tuan punya motosikal itu satu jantina dan yang menjadi penunggang atau penumpangnya jantina yang lain.

Ini kita tidak akan muktamadkan dalam bentuk perundangan setakat ini, ia tertaklukkan kepada apa yang akan diputuskan oleh syarikat yang mengendalikannya ataupun ia adalah pilihan yang akan diberikan secara bebas kepada penumpang untuk memilih dan menetapkan dalam *application* permohonan untuk menempah motosikal itu, dia hendak pemandu lelaki ataupun wanita dan sebagainya.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya, saya ingin menyatakan bahawa apakah langkah yang akan diambil oleh kerajaan untuk memastikan bahawa pemandu-pemandu teksi yang memegang permit yang sah, kebajikan mereka diberi perhatian.

Pertamanya, kita lihat bahawa Grab dan GoJek ini sedang secara tidak langsung dipromosikan itu adalah soalan pertama saya tetapi tidak ada sebarang langkah yang diambil oleh kerajaan untuk memastikan bahawa pemandu-pemandu teksi pendapatan mereka ini diberi perhatian kerana sejak kebelakangan ini terdapat kekurangan. Ada rungutan daripada pemandu-pemandu teksi. Saya ingin bangkitkan, saya berjumpa dengan mereka dan mereka mengeluh mengatakan bahawa kerajaan tidak kelihatan membela nasib mereka pertama.

Kedua, dengan adanya Grab, terdapat juga banyak kes di mana ada juga yang mengadu dicabul dan sebagainya di dalam kenderaan. Ini pula kita mempromosikan GoJek. Kita lihat bahawa terdapat kecenderungan kalau kita mempromosikan GoJek...

Tuan Yang di-Pertua: Soalan Yang Berhormat.

■1220

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Banyak lagi kejadian-kejadian jenayah mungkin berlaku. Jadi, apakah langkah yang akan diambil untuk memastikan bahawa...

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Ini ceramah ini.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: ...perkara-perkara ini tidak berlaku?

Seorang Ahli: [*Menyampuk*] Mana, mana? Soalan, soalan, soalan?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri hendak jawab sudah. Masa tidak ada.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Apakah langkah yang akan diambil untuk memastikan bahawa tidak ada kejadian-kejadian tidak diingini ini tidak berlaku dengan adanya Gojek? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Menteri.

Dato' Kamarudin Jaffar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Secara ringkasnya, kebajikan pemandu teksi memang senantiasa dalam perhatian kementerian. Dari segi faktanya, sebelum wujudnya *e-hailing* pun pemandu teksi dalam pemerhatian kerajaan. Sebelum wujudnya *e-hailing* pun memang pemandu teksi kita sedar ada masalah, ada cabarannya. Jadi oleh itu, ianya sudah tentulah akan kita beri tumpuan lagi. Salah satu daripada cadangan, nasihat kita kepada pemandu teksi ialah supaya mereka di samping menjadi pemandu teksi, juga berhijrah sama menjadi pemandu-pemandu *e-hailing* ini.

Jadi, itu cadangan untuk menjaga kebajikan mereka. Tentang pengaduan bahawa ada unsur-unsur pencabulan dan sebagainya. Ianya terpakai kepada keadaan

teksi, juga kepada keadaan *e-hailing*. Oleh sebab sekarang ini syarat kepada teksi, syarat kepada *e-hailing* hampir-hampir sama dan keketatannya, lesennya, jenis keretanya dan sebagainya.

Jadi oleh itu, saya rasa ianya akan kekal menjadi cabaran tetapi ianya tidaklah perkara yang tidak pernah kita hadapi sebelum ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Dengan jawapan itu, tamatlah sesi soal jawab lisan. Teruskan. Usul.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

12.21 tgh.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga pukul 8.30 malam dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi, hari Rabu, 23 Oktober 2019.”

Timbalan Menteri Industri Utama [Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2020****Bacaan Kali Yang Kedua****DAN****USUL****ANGGARAN PEMBANGUNAN 2020**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 2020 ini dibacakan kali yang kedua sekarang” dan “Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.”

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [*Akta 406*], membuat ketetapan iaitu suatu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari lima puluh lapan bilion ringgit (RM58,000,000,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2020, dan bagi tujuan dan butiran Perbelanjaan Pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2020, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 24 Tahun 2019, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersementaraan dengan butiran-butiran itu di ruangan enam dan tujuh senarai tersebut.” **[21 Oktober 2019]**

Tuan Yang di-Pertua: Mengikut senarai yang dikumpulkan, setakat ini 74 pembahas sudah pun selesai membahas. Seramai 76, maaf saya, 76 orang sudah pun membahas. Kita kekalkan 15 minit seorang. Oleh kerana sekarang ini nama-nama dalam senarai sudah pun meningkat. Saya jemput Yang Berhormat Tawau untuk memulakan perbahasan hari ini.

12.23 tgh.

Datuk Christina Liew Chin Jin [Tawau]: Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad kerana sentiasa mengambil kira tentang keperluan untuk memajukan lagi ekonomi Sabah. Kita sedia maklum bahawa sektor pelancongan amat penting bagi pertumbuhan ekonomi di Malaysia dan lebih-lebih lagi di Sabah, di mana ianya merupakan satu sektor yang terus kukuh.

Pada 2018, sektor pelancongan Sabah mencatat sejarah tertinggi dengan kehadiran pelancong mencecah 3.87 juta orang dan kutipan hasil terbanyak pernah direkodkan iaitu RM8.342 bilion. Dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun ini sahaja, ketibaan pelancong mencapai 2.389 juta. Ia adalah peningkatan ketara iaitu peningkatan hampir 10 peratus berbanding tempoh yang sama pada tahun 2018.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Berdasarkan jumlah itu, pada tahun ini Sabah mensasarkan sebanyak 4 juta ketibaan pelancong. Namun begitu, terdapat beberapa perkara yang ingin saya bangkitkan di Dewan ini.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh minta penjelasan Yang Berhormat. Fasal Sabah. Sikit saja. Terima kasih Yang Berhormat yang juga selaku Menteri Pelancongan di Sabah. Agak-agaknya tahun 2020, berapa sasaran pelancong luar negara yang kita jangka datang ke Sabah? Terima kasih.

Datuk Christina Liew Chin Jin [Tawau]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya akan jawab ini di belakang saya punya ucapan. Sekarang saya mahu cari mana yang saya sudah... *[Ketawa]* Jangan *interrupt* lagi. Mendapat perhatian tetapi dapat diatasi bagi membaiki negara amnya dan Sabah khususnya. Pertama, saya merujuk kepada dasar langit terbuka atau, dengan izin, *open sky policy* yang ditandatangani Malaysia di kalangan negara ASEAN.

Perjanjian itu bertujuan untuk meluaskan rangkaian perkhidmatan udara, dengan izin, *air connectivity* di antara Malaysia dengan negara-negara lain di dalam ASEAN. Berdasarkan Dasar Langit Terbuka, syarikat penerbangan Malaysia dan negara-negara asing boleh melakukan penerbangan tanpa sekatan dari segi kekerapan perkhidmatan, kapasiti penerbangan, jenis pesawat, laluan serta bilangan syarikat penerbangan yang dibenarkan di antara Malaysia dan negara tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, di Sabah, Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu merupakan antara lapangan terbang yang tersibuk, impak daripada kedatangan pelancong yang ramai dari dalam dan luar negara. Oleh kerana populariti Sabah yang semakin meningkat di kalangan pelancong asing, terdapat keperluan untuk penambahan penerbangan terus, dengan izin, *direct flights* dari negara-negara asing ke Kota Kinabalu. Dengan penambahan penerbangan terus, dengan izin, *direct flights* saya

yakin ketibaan pelancong akan bertambah dan sudah tentu ini akan menjana lebih banyak pendapatan.

Seterusnya, memberi keuntungan kepada Sabah dan Malaysia pada keseluruhannya. Seperti yang saya katakan, kutipan hasil dari sektor pelancongan di Sabah pada tahun lalu berjumlah lebih RM8 bilion tetapi perolehan yang diterima oleh Sabah untuk tahun ini hanya RM24 juta berdasarkan formula cukai pintu atau cukai bilik. Justeru, saya memohon supaya formula pengiraan cukai yang digunakan sekarang disemak semula kerana ianya kurang tepat memandangkan Sabah hanya menerima cukai pintu daripada sektor pelancongan setiap tahun. Lagipun sektor pelancongan Sabah menyumbang kepada pendapatan ketiga terbesar di negara.

Atas faktor tersebut Sabah sememangnya wajar menerima pendapatan lebih tinggi kerana sektor pelancongan turut memberikan hasil cukai yang tinggi kepada industri makanan, hartanah dan imigrasi. Seperkara lagi, ramai di antara pelancong yang berkunjung ke Sabah datang dari negara China. Bagaimanapun mereka suka berbelanja dengan menggunakan sistem pembayaran atas talian, dengan izin, *online payment* melalui *WeChat* atau *Alipay*. Ini bermakna segala perbelanjaan mereka, baik dari sewa bilik, makanan, malah pembelian cenderamata dilakukan melalui aplikasi ini yang beribu pejabat di negara China. Maknanya, segala perbelanjaan mereka kembali ke China walaupun mereka berada di Sabah.

■1230

Ini amatlah merugikan Sabah dan Malaysia secara amnya kerana ia merupakan satu peluang yang terlepas untuk kita mendapat pendapatan. Maka dengan ini, saya amat berharap supaya masalah ini dapat diatasi secepat mungkin negara kita dapat hasil yang sebenar daripada kehadiran pelancong ini.

Tuan Yang di-Pertua, bagi meningkatkan momentum kedatangan pelancong ke Sabah selain dari menaik taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu dan Lapangan Terbang Tawau Sabah, saya memohon agar Sabah diberikan kuasa untuk meluluskan perkara-perkara berikut:

- (i) lesen masuk dan keluar untuk ejen-ejen pelancongan;
- (ii) lesen memandu pelancong;
- (iii) bas-bas pelancong;
- (iv) lesen tiket; dan
- (v) lesen dan permit untuk mengendalikan sekolah atau institusi pelancongan.

Amat diharapkan agar Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya memberi kuasa kepada Sabah untuk mengeluarkan lesen-lesen berkenaan. Sekiranya ini berjaya dilakukan akan melambangkan perkhidmatan awal yang efisien dalam sistem penyampaian perkhidmatan. Sekian, terima kasih. *[Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih, Yang Berhormat Tawau. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Padang Terap.

12.32 tgh.

Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tuan Yang di-Pertua, sekejap saya hendak tanya Tuan Yang di-Pertua. Adakah Dewan Rakyat ini berhasrat untuk mengelolakan satu kursus bahasa Malaysia kepada wakil-wakil rakyat yang kurang fasih berbahasa Malaysia. *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Tidak apa, ia tidak berkaitan.

Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]: Saya ingat elok juga.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Padang Terap, sila.

Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana saya diberi peluang untuk berbahas belanjawan yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Bagan pada minggu yang lalu. Salah satu daripada topik yang telah dibentangkan dalam belanjawan ini yang berkait dengan pertanian. Salah satu komponen dalam pertanian ini adalah padi.

Ramai sebenarnya petani di luar sana, petani-petani telah menanam padi dalam kawasan MADA, KADA, Sekinchan di Selangor dan juga di Perak. Mereka telah berkorban untuk mengeluarkan padi 70 peratus keluaran padi ataupun beras dalam negara yang kita makan beras yang telah dibuat ataupun yang telah dikerjakan oleh petani kita.

Petani itu maksudnya bukanlah orang Melayu. Petani itu ada masyarakat Melayu dan Cina tetapi kalau tengok kepada bajet yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Bagan terhadap belanjawan untuk petani adalah sangat rendah dan tidak dilihat semacam, "*melepaskan batok di tangga*", bukan hendak buat betul-betul hendak membantu.

Jadi, saya tengok jumlah belanjawan yang ditunjukkan pada tahun 2018 berbanding dengan tahun 2020 dengan tahun 2019 jumlahnya lebih kecil, RM395 juta tahun 2020 berbanding dengan RM465 juta untuk tahun 2019 yang diperuntukkan pada tahun 2018. Jadi, saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri Kewangan apa yang dia—apakah kita takut sangat hendak sumbang, hendak bagi peruntukan kepada petani.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Padang Terap. Sedikit sahaja. Sedikit sahaja. Apa masalah baru-baru ini kelambatan pemberian benih padi. Begitu banyak kompelin daripada masyarakat pesawah, kerajaan lambat memberi benih padi. Apa masalah sebenar, adakah masalah subsidi yang dipotong kah atau bagaimana itu?

Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]: Ada pengusaha dilantik untuk membekalkan benih padi kepada pesawah tetapi lambat untuk menyediakan peruntukan termasuklah juga tawaran yang diberi kepada syarikat-syarikat ini. Jadi banyak syarikat yang mengeluarkan benih padi ini tidak buat ataupun lewatkan pengeluaran benih padi.

Ini yang menjadi mangsanya adalah petani. Ada lewat— sawah sudah sampai musim dengan sistem pengairan tetapi tidak boleh tanam padi sebab benih tidak ada. Ini satu masalah, satu mangsa dan ini kerajaan ini Kerajaan Pakatan Harapan tetapi bajet ini dibentangkan oleh DAP.

[Dewan riuh]

Bajet dibentang oleh DAP. Yang Berhormat Bagan daripada mana? Yang Berhormat Bagan dari DAP.

[Dewan riuh]

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Padang Terap tidak ada modal lagi. Tidak ada modal lagi.

Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]: Dibentang oleh kerajaan.

Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]: Nanti sekejap.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Kita Kerajaan Pakatan Harapan bukan macam UMNO, PAS, MIC, MCA berlainan.

Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]: Yang Berhormat Jelutong, Yang Berhormat Jelutong jangan emosional.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Yang Berhormat Padang Terap mengakui, dahulu zaman BN itu apa punya bajet?

Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]: Jangan emosional. Jangan emosional.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Jangan buat tuduhan palsu. Sudah lama jadi Menteri. *[Tidak jelas]* sedikitlah.

Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]: Apa ini?

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Menteri lah yang jawab, Yang Berhormat hendak campur tangan apa fasal?

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Sudah lama duduk di Dewan pun hendak main rasis.

Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]: Kenapa Yang Berhormat jawab, mintalah dekat Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat bukan Menteri.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Kalau bahas belanjawan, bahas belanjawan. Jangan jadi rasis. Faham?

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini dia punya perbahasan, Yang Berhormat jangan jawab. Kalau Yang Berhormat tidak senang hati, keluar sana.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Takkan itu pun tidak faham. Buat malu sedikitlah. Takkan benda macam ini tidak boleh faham.

Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]: Betul, kenapa tidak senang hati? *You* marah apa fasal? Apa fasal mahu marah?

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang kau marah apa fasal? Tunggulah Yang Berhormat Menteri jawab.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Yang Berhormat Kinabatangan, bahasa pun kena *touch-up* lagilah. Memperkasakan penguasaan bahasa Melayu...

[Pembesar suara dimatikan]

[Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli-ahli Yang Berhormat, yang lain-lain sila duduk. Yang Berhormat Kinabatangan, Yang Berhormat Rasah sila duduk. Saya minta Yang Berhormat Padang Terap teruskan perbahasan mengenai belanjawan oleh kerajaan.

Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]: Okey.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini Yang Berhormat Rasah seolah-olah mahu jadi Menterilah tetapi tidak kesampaian. Kasihan.

Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]: Saya sebut dibentang oleh Yang Berhormat Bagan DAP. DAP Yang Berhormat Bagan yang bentangkan Belanjawan dari Pakatan Harapan.

[Dewan riuh]

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya minta penjelasan, Yang Berhormat Padang Terap.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tidak boleh, tidak boleh.

Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]: Tidak payah, tidak payah.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Tidak bagi, tidak berani kah?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya minta penjelasan, apa sebab kita ulangi dibentangkan oleh DAP, Belanjawan DAP, apa sebab?

[Dewan riuh]

Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]: Okey, saya boleh jawab. *You* duduk!

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Padang Terap, sila.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Memang Belanjawan DAP.

Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]: Yang Berhormat Ampang dari PKR membuat kenyataan dalam surat khabar. Dia tidak tahu mengenai dengan RM1 juta diturunkan RM600,000 jual kepada luar negara. Itu dia tidak tahu dia cakap, dia tidak tahu.

[Dewan riuh]

Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]: Jadi DAP lah, DAP yang bentang.

Seorang Ahli: DAP yang bentang, DAP yang bentang.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Apa logiknya? Apa logiknya? Apa kena-mengena dengan belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Bagan?

[Dewan riuh]

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat Jelutong, apa ini?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tidak masuk akal lah. Ini adalah standard UMNO.

[Dewan riuh]

[Pembesar suara dimatikan]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat, sila duduk. Duduk Yang Berhormat Kinabatangan, Yang Berhormat

Arau. Yang Berhormat Pontian, Yang Berhormat Jelutong, sila duduk. Saya hendak minta Yang Berhormat Padang Terap teruskan bahas.

[Dewan riuh]

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kelmarin DAP kata UMNO parti biadab.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Arau, saya tidak benarkan bercakap.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Hari ini saya hendak beritahu...

[Pembesar suara dimatikan]

[Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya tidak benarkan seperti ini. Sila, Yang Berhormat Padang Tetap. Yang Berhormat Arau, sila duduk. Yang Berhormat Arau, sila duduk. Yang Berhormat Jelutong, sila duduk. Saya hanya bagi kepada Yang Berhormat Padang Terap untuk terus berbahas tentang bajet ini. Yang Berhormat Kuala Krau, sila duduk.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila, Yang Berhormat Padang Terap. Teruskan. *Switch on the mike*, dengan izin. Sila, Yang Berhormat Padang Terap.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Padang Terap. Saya hendak tahulah Yang Berhormat Padang Terap, yang kawan-kawan kita daripada DAP ini marah sangat fasal sebut parti DAP ini kenapa? Kenapa marah sangat?

Oleh sebab itu kalau ada sesuatu perkara yang melibatkan mana-mana parti saya sudah berucap dalam perbahasan saya. Kalau melibatkan pemimpin-pemimpin parti sama ada UMNO, DAP, PKR tetapi kalau polis ambil tindakan seperti tindakan pengganas LTTE, kebetulannya pemimpin-pemimpin DAP ada yang terlibat.

■1240

Jadi, saya sebut dalam perbahasan saya. Sebelum ini ada ahli UMNO yang terlibat, Al-Maunah, ada terlibat seperti Noordin Mohammad Top dan sebagainya. Akan tetapi oleh sebab keselamatan negara kita jangan campur adukkan dengan parti-parti politik. Akan tetapi, kebetulannya ada dua pemimpin parti DAP yang ditangkap.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: UMNO, rasuah pun ada banyak.

[Pembesar suara dimatikan]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tidak benarkan lagi perbahasan seperti ini. Saya minta Yang Berhormat Padang Terap. *[Dewan riuh]* Yang Berhormat Jelutong.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: DAP, rasuah terowong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Masa berjalan. *It is your time.*

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Rogol adik pun ada, rogol anak murid pun ada, hoi!

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: DAP parti...

[Pembesar suara dimatikan]

[Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Padang Terap, teruskan. Saya tidak benarkan perbahasan selain daripada Yang Berhormat Padang Terap. Teruskan perbahasan. *[Dewan riuh]* Yang Berhormat Kinabatangan. Yang Berhormat Padang Terap.

Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]: Okey, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Padang Terap, hanya tinggal enam minit sahaja lagi.

Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]: Okey.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Yang Berhormat Padang Terap.

[Dewan riuh]

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Malu semua anak muda lihat gelagat...

[Pembesar suara dimatikan]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli-ahli Yang Berhormat. Sila Yang Berhormat Padang Terap.

Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]: Okey.

[Pembesar suara dimatikan]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya tidak benarkan yang lain-lain bercakap. Banyak perkataan saya boleh *pickup*. Akan tetapi saya *switch off the mike*. Kalau tidak, saya akan beri minta untuk tarik balik perkataan-perkataan yang disebutkan tadi. Sila Yang Berhormat Padang Terap. Lima minit 44 saat.

Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]: Tuan Yang di-Pertua, itulah Yang Berhormat Jelutong punya fasal lah semua ini.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Padang Terap, *you are a former Minister, has some class punya debate* lah.

Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]: Bukan, saya...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Bekas Yang Berhormat Menteri, bekas Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Eh! *You* ingat you ada kelas kah? *Lawyer* bodoh.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tidak ada kelas langsung. *Low class*. Tidak ada *class* langsung.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Duduklah, duduk, duduk!

[Pembesar suara dimatikan]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Jelutong, minta duduk Yang Berhormat Jelutong. Sila Yang Berhormat Padang Terap. Sila.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Tuan Yang di-Pertua, keluarkan Yang Berhormat Jelutonglah. Kalau tidak, tidak boleh bahas. Kacau daripada semalam lagi.

Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]: Tuan Yang di-Pertua, dalam bajet yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Bagan, salah satu perkara yang saya tengok menjadi masalah kepada kita adalah apabila *global, World Economy Forum* telah melaporkan bahawa kita daripada tangga 27 pada tahun 2018 turun ke tangga 25.

Ini kerana trendnya adalah trend yang tidak konsisten. Nilai ringgit jatuh dan pasaran saham jatuh. Pasaran saham jatuh antara sebabnya adalah mulut Yang Berhormat Bagan. Pasaran... *[Disampuk]* Dengar Yang Berhormat Jelutong. *You* nak dengar atau tidak mahu dengar? Pasaran jatuh antaranya adalah kerana mulut Yang Berhormat Bagan. Jadi, pasaran— bila bajet dibentangkan pada hari Jumaat, sepatutnya hari Jumaat itu bila bajet bentang, *share market* naik. Akan tetapi *share market* tidak boleh naik. Hari ini hari Selasa...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]* Jatuh, jatuh, jatuh.

Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]: *Share market*.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]* Jatuh. Kelmarin jatuh.

Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]: Hari ini minus 2.40 *share market*. Hari-hari *share market* jatuh sebab tidak ada *confident* kepada kerajaan. Kerajaan tidak ada *confident* kepada apa yang dibuat oleh Kementerian Kewangan. Kedua, tidak ada *confident* sebab ada persaingan berebut jawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Tidak boleh. DAP, PKR, BERSATU dan PAN, ada kumpulan hendak sokong siapa? Hari itu Dewan muram. Dewan jadi muram, kita tahu apa yang sedang hendak dibuat. Ini menyebabkan masalah kepada perniagaan. Ini menyebabkan masalah kepada pasaran saham.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Minta penjelasan.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Rasah keluar lah, Yang Berhormat Rasah keluar lah.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya minta penjelasan.

Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]: Saya tidak bagi laluan, saya tidak bagi laluan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Apa kena mengena dengan UMNO?

Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]: Tidak, tidak, bukan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: *You* orang sibuk fasal apa?

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Yang Berhormat Jelutong duduk. Duduk, duduk, duduk.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: UMNO sibuk fasal apa?

Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]: Bukan, tidak kena. Tidak, itu tidak kena mengena.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Kenapa UMNO sibuk...

[Dewan riuh]

[Pembesar suara dimatikan]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Jelutong, sila duduk Yang Berhormat Jelutong. Baik.

Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]: Dengan UMNO. Ini dengan rakyat Malaysia sebab... *[Disampuk]*

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Memang kerja pembangkang hendak jatuhkan kerajaan. Itu pun Yang Berhormat Jelutong tidak tahu kah?

Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]: Di luar sana adalah ahli perniagaan, sama ada...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Kuala Krau, Yang Berhormat Kuala Krau.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: UMNO yang akan merancang menjatuhkan kerajaan.

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]: Oh! Pandailah Yang Berhormat Jelutong, ikut peraturan.

Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]: Eh! Jangan tuduh.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Pembangkang jatuhkan kerajaan.

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]: Ikut peraturanlah!

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Itu tidak tahu kah? Bukan sahaja UMNO, PAS.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Kerja pembangkang memang kerja menjatuhkan kerajaan. Tidak faham kah?

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Memang kerja kami menjatuhkan kerajaan.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Takkan pembangkang hendak naikkan kerajaan. Eh! Yang Berhormat Jelutong!

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Dahulu *you* orang duduk sini jatuhkan kerajaan. Itu pun tidak tahu. Amalan demokrasi dalam negara.

[Dewan riuh]

[Pembesar suara dimatikan]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya minta ada dua minit sahaja lagi. Sila.

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]: Duduklah Yang Berhormat Jelutong!

Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]: Okey, yang akhir.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua, hari ini terbukti UMNO yang merancang untuk melagakan Yang Berhormat Langkawi dan Yang Berhormat Port Dickson.

[Dewan riuh]

[Pembesar suara dimatikan]

Seorang Ahli: Syaitan.

Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]: Dia kata syaitan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: DAP parti komunis.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tarik balik syaitan.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Ini tidak sesuai...

[Dewan riuh]

[Pembesar suara dimatikan]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya tidak akan benarkan perbahasan seperti ini. Saya minta yang akhir, sila Yang Berhormat Padang Terap.

Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]: Okey, yang akhir dari saya oleh sebab keadaan ini yang menjadi masalah rakyat. Rakyat secara keseluruhannya menjadi masalah dengan keadaan ekonomi negara ini rakyat menjadi masalah. Ada satu fenomena di negara Jepun yang dikenali sebagai *kodokushi*. *Kodokushi* adalah fenomena...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Apa kuchi? *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara] [Dewan ketawa]*

Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]: *Kodokushi*. *Kodokushi* adalah mati, kematian tanpa pengetahuan saudara-mara. *[Dewan riuh]* Kematian tanpa pengetahuan saudara mara ini kerana apa? Pertama, ekonomi tidak baik, hutang negara daripada rendah jadi lebih tinggi, eksport tidak banyak dan akhirnya gaji *sustain*, tidak boleh kahwin, umur sudah tua, masih duduk rumah sewa yang kecil, tidak boleh beli rumah dan akhirnya orang ini mati. Jadi, fenomena ini kalau ekonomi negara semacam diuruskan oleh Pakatan Harapan sekarang, boleh membawa kepada fenomena *kodokushi*.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Boleh minta laluan sikit?

Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]: Fenomena *kodokushi* ini Tuan Yang di-Pertua boleh terjadi kepada anak muda yang ada di metropolitan Kuala Lumpur.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Boleh minta laluan sikit?

Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]: Ini kerana— hendak habis dah, habis sudah.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Sikit sahaja, Sikit sahaja.

Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]: Ada lapan minit selepas ini. Boleh terjadi... *[Disampuk]*

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Takut ya?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Negara sudah pun *kodokushi* sebab diperintah oleh UMNO selama 60 tahun.

[Pembesar suara dimatikan]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Okey, Yang Berhormat Padang Terap. Masa sudah habis.

Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]: UMNO memerintah apa. Kerajaan ini jatuhkan dan tambahkan hutang RM100 bilion lebih, satu tahun.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Itu tanya Yang Berhormat Pekan. Dia yang merompak negara ini. Rasuah Yang Berhormat Pekan.

Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]: Apa kena mengena ini...

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Hoi! Kamu yang rogol. Kamu yang perogol.

[Dewan riuh]

[Pembesar suara dimatikan]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, sila Yang Berhormat Padang Terap.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Penjelasan. Tanya sikit sahaja.

Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]: Kesimpulannya Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya hendak sebut bahawa bajet yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Bagan dari DAP... *[Disampuk]*

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Boleh minta pencelahan sikit sahaja.

Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]: ...Adalah bajet yang boleh membawa kepada *kodokushi*.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Padang Terap.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *Kodokushi*.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Masa sudah tamat.

Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]: Akhir sekali... *[Disampuk]*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Penjelasan, penjelasan.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Saya hendak betulkan.

Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]: Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua,...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tok Dek, aku minta penjelasan...

Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]: ...Saya berada di Dewan ini saya tengok kelaku yang paling teruk sekali adalah kelaku yang dibawa oleh Yang Berhormat Jelutong dalam Dewan ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Padang Terap.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *Arigato, arigato...*

[Dewan riuh]

[Pembesar suara dimatikan]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Padang Terap. Manakala yang lain sila duduk. *[Dewan riuh]* Memang tidak. Tidak. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Sibü.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasar Salak]: 'Puchi' dalam bahasa India "elek". "Elek", finish.

12.09 tgh.

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kami tidak puas hati, kami akan keluar beramai-ramai sekarang.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Dalam demokrasi pembangkang seharusnya menjadi semak dan imbang. Bukan untuk menjatuhkan kerajaan. Inilah...

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tugas saya jatuhkan kerajaan.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Supaya menjadi semak dan imbang. Itu sistem demokrasi. Bukan untuk menjatuhkan kerajaan dalam apa-apa sahaja.

■1250

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tugas saya menjatuhkan kerajaan.

[Pembesar suara dimatikan]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Sibü, teruskan ucapan Yang Berhormat Sibü.

[Dewan riuh]

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*] Yang Berhormat, Yang Berhormat, tengok video Rafizi lah.

12.50 tgh.

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya melanjutkan perbahasan saya, mari kita mengalu-alukan kunjungan daripada MRSM Muadzam Shah, Pahang dari Parlimen Padang Terap.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Padang Terap.

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Padang Terap...

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: ...Peluang untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tahun 2020. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Kerajaan Pakatan Harapan...

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: MRSM hasil Kerajaan Barisan Nasional tahu, bukan PH.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Kuala Krau.

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: ...kerana membentangkan satu belanjawan yang bertanggungjawab dan pragmatik. Bukan sahaja mementingkan kebajikan rakyat tetapi juga prihatin kepada pembangunan ekonomi Malaysia terutamanya dalam bidang e-dagang dan Industri 4.0 yang mengutamakan penglibatan teknologi terkini dalam industri digital.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Boleh minta sedikit?

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Boleh, boleh.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Sedikit sahaja. Terima kasih atas ruang untuk mencelah. Tadi disebut tentang kata belanjawan yang baik, saya cuma hendak betulkan sedikit pandangan Yang Berhormat Padang Terap tadi, jadi saya menggunakan laluan ini.

Yang Berhormat Padang Terap tadi ada menyebut tentang *Global Competitiveness Index*. Saya menyemak kepada laporan *Global Competitiveness Index* dari segi pungutan mata walaupun hari ini kita jatuh dua anak tangga tetapi pungutan

mata kita sebenarnya meningkat daripada zaman Barisan Nasional 73.24, kini 74.6. Itu menunjukkan sebenarnya kita semakin berdaya saing. Setuju atau tidak?

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Ya, memang saya bersetuju.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Sibu, Yang Berhormat Sibu. Dua minit.

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Boleh, boleh.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: *Now*, kita lihat bahawa pasaran saham turun, keadaan ekonomi tidak menentu sebab ada orang yang tidak mahu melabur disebabkan oleh tindakan UMNO yang ingin mengganggu dan melagakan Yang Berhormat Port Dickson dan juga Yang Berhormat Langkawi. Ini adalah semua disebabkan oleh UMNO. Tidak ada UMNO, negara ini akan tenteram dan maju.

Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]: Itu tuduhan...

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Hebat UMNO.

Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]: Itu satu tuduhan liar daripada Yang Berhormat Jelutong. Itu satu tuduhan liar terhadap... [*Pembesar suara dimatikan*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli Yang Berhormat, sekarang *floor* Yang Berhormat Sibu, ditanyakan kepada Yang Berhormat Sibu. Sila Yang Berhormat Sibu.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Akan tetapi dia kena tarik balik perkataan ini.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tumpat minta laluan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Dia kena tarik balik. Saya minta Yang Berhormat Jelutong tarik balik.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Arau sila duduk Yang Berhormat Arau.

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Saya teruskan perbincangan saya.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ada anak muda MRSM tengoklah perangai puak-puak PH, ini yang kamu pilih dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Sibu, *this is your floor*. Silakan Yang Berhormat Sibu.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Minta laluan.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Inilah kehebatan UMNO sebenarnya untuk memecahbelahkan PH Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Saya ingin melanjutkan perbahasan saya kerana banyak inisiatif...

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Inilah hasil Kerajaan Barisan Nasional, MRSM.

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:yang telah dilancarkan oleh kerajaan dalam Belanjawan 2020 ini. Jadi, saya minta semua kementerian yang terlibat dalam semua perancangan, bantuan-bantuan dan skim-skim ini melancarkan satu sesi *conversation* atau taklimat di Sarawak supaya dengan lebih teliti polisi-polisi kerajaan boleh disampaikan kepada akar umbi di Sarawak. Di mana kerajaan terdahulu di bawah Barisan Nasional, Sarawak dipinggirkan walaupun ada polisi yang ada bantuan tetapi tidak sampai ke Sarawak. Saya rasa kalau ada taklimat atau *townhall* sesi ini dibuat di Sarawak, saya percaya kita boleh melibatkan lebih ramai lagi rakyat dalam perancangan kerajaan.

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Yang Berhormat Sibu, boleh sedikit?

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Tidak, saya tidak bagi.

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Kita sama Sarawak, jiran.

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Boleh saya mencadangkan kepada kerajaan supaya setiap bandar-bandar utama di Sarawak mengadakan *townhall* sesi seperti Kuching, Sibu, Bintulu dan Miri supaya usaha-usaha kerajaan boleh disampaikan secara menyeluruh.

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Sedikit.

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Tidak, tidak.

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Ayuh.

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Terima kasih.

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Saya tunggu, berdiri.

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Tidak ada masa.

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Saya berdiri.

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Tidak apa.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Kapit, sila duduk.

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Duduklah.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tumpat, Tumpat.

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Tuan Yang di-Pertua...

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Saya cara...

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Pekerja asing dalam industri pembinaan kapal menghadapi proses permohonan yang lama terutamanya untuk memohon AP untuk mendapatkan pekerja asing memerlukan masa tiga bulan atau lebih lama. Ini mengakibatkan industri ini kekurangan pekerja dan menjejaskan pengeluarannya. Industri pembinaan kapal merupakan industri yang penting di Sibu dan Sarawak. Walaupun kebanyakan komoditi kita menghadapi kemerosotan harga tetapi industri pembinaan kapal kita masih kukuh dan membangun. Saya berharap kerajaan boleh mengambil berat ke atas isu ini dan mempercepatkan proses permohonan AP, pengambilan pekerja asing.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam perbelanjaan 2020 ini sebanyak RM587 juta telah disediakan untuk pembangunan bekalan air di luar bandar. Manakala sebanyak RM500 juta disediakan untuk pembangunan bekalan elektrik di luar bandar. Manakala untuk peruntukan *rural road* RM1 bilion. Ini semua memang disambut baik oleh rakyat Sabah dan Sarawak. Saya ingin tahu bagaimana dana ini disalurkan?

Sebagai contoh sejumlah RM587 juta ini untuk pembangunan bekalan air di *rural area*, adakah dana ini akan disalurkan kepada agensi kerajaan negeri seperti JBALB. Kalau benar, bagaimana Kerajaan Persekutuan memantau *progress* projek yang diuruskan oleh JBALB supaya tiada penyelewengan dan ketirisan berlaku. Sering kali masalah *overdesign* dan kos projek yang terlampau— bagaimana Kerajaan Persekutuan boleh memastikan bahawa wang yang disalurkan itu digunakan dengan bijak supaya lebih ramai orang akan mendapat manfaat.

Tuan Yang di-Pertua, *electoral reform* ini merupakan isu yang sangat penting dan memang dinanti-nantikan oleh rakyat Malaysia. Akan tetapi sampai sekarang belum ada lagi cadangan yang selanjutnya tentang bagaimana membaik pulih sistem pilihan raya kita. Kita semua tahu Pilihan Raya Negeri Sarawak kemungkinan akan mengambil tempat pada tahun depan. Adakah kita sudah bersedia bahawa pilihan raya di negeri Sarawak akan dijadikan pilihan raya yang bersih, adil dan bebas.

Banyak masalah persempadanan kawasan masih mengikut cara kerajaan terdahulu. Sebagai contoh di kawasan saya, P.212 Sibu mempunyai lima buah kampung di kawasan saya yang sebenarnya di bawah Daerah Matu dan Daro. Sebenarnya itu di bawah kawasan pentadbiran Mukah. Akibatnya kawasan saya ada tiga PBT, dua PPD, tiga PPD maksudnya tiga *local council*, ada dua PPD maksudnya ada dua Pejabat Pendidikan Daerah dan dua Jabatan Kesihatan. Ini memang merumitkan urus tadbir saya sebagai Ahli Parlimen. Saya berharap pada masa yang terdekat, SPR boleh

mengkaji semula semua persempadanan supaya *gerrymandering* pada zaman BN ini boleh dibetulkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh berkenaan masalah sekolah daif di Sarawak. Saya berpendapat bahawa masalah sekolah daif ini memang satu masalah yang tiada pengakhiran kerana banyak bangunan sekolah yang usang dan menjadi daif. Salah satu sebab yang saya perhatikan ialah kualiti kerja yang kurang memuaskan oleh kontraktor dan bangunan sekolah yang tidak ekonomik. Saya rasa sudah tiba masanya untuk JKR supaya mengkaji balik cara merancang bangunan kerajaan supaya ia lebih ekonomik dan kos penyelenggaraan yang lebih rendah boleh diamalkan.

Tuan Yang di-Pertua, Poliklinik Sibul baru, saya difahamkan tanah sudah dikenal pasti dan sudah mendapat kelulusan perolehan dana tersebut untuk melaksanakan pembinaan baru poliklinik ini. Pembinaan poliklinik ini hanya memerlukan RM30 juta. Saya berharap projek ini boleh dilaksanakan secepat mungkin. Jangan letakkan ia di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas kerana kalau boleh laksanakannya pada tahun depan. Kesesakan Poliklinik Sibul memang teruk, tambahan lagi dengan penduduk-penduduk dari pedalaman ke Sibul. Kapasiti politik sekarang memang tidak mencukupi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang masalah yang dihadapi oleh bomba. Saya difahamkan bahawa baju kalis api sudah banyak dibeli oleh kementerian tetapi sampai sekarang di Sibul, Balai Bomba Sibul masih menghadapi kekurangan baju kalis api. Kebanyakan baju kalis api ini sudah usang dan ia perlu digantikan dengan baju yang baru tetapi saya ingin tahu bagaimana perkembangan proses tender baju kalis api ini sebanyak 9,000 helai itu dan *initial batch* sejumlah 6,000 helai itu, bagaimana dengan kes SPRM yang sudah menjalankan siasatan terhadapnya dan berapakah yang akan diagihkan kepada balai-balai bomba di Sibul.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi masalah yang ingin saya sentuh ialah tentang balai polis. Balai Polis Sungai Merah, Sibul merupakan salah satu kegagalan kerajaan terdahulu untuk mereka bentuk balai polis yang ekonomik dan boleh mengurangkan *carbon release* atau menjadikannya ia sebagai bangunan hijau.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli Yang Berhormat, jam telah tepat pukul 1.00. Dewan akan berhenti rehat dan akan disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Nga Kor Ming) mempengerusikan Mesyuarat]

■1430

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ahli Yang Berhormat, Majlis Mesyuarat sambung semula. Perbahasan oleh Yang Berhormat Sibu, dipersilakan. Masa ada empat minit 38 saat lagi. Sila.

2.32 ptg.

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sambung semula perbahasan saya.

Balai Polis Sibu- Balai Polis Sungai Merah, Sibu merupakan satu contoh kegagalan kerajaan untuk mereka bentuk balai polis yang ekonomik dan boleh mengurangkan *carbon release* atau bangunan hijau. Saya rasa Kementerian MESTECC harus bekerjasama dengan JKR atau semua kementerian supaya bangunan kerajaan haruslah bangunan hijau dan ekonomik. Balai polis besar dan cantik tetapi apabila sudah lama, peruntukan untuk *maintenance* agak – yang tidak cukup juga merupakan satu masalah.

Di Sibu, Balai Polis Diraja Malaysia Sungai Merah. Lokap sudah beberapa tahun tidak berfungsi kerana terlalu canggih. Akibatnya apabila ia rosak, kos penyelenggaraan terlalu tinggi dan juga ada ruang yang tidak produktif tetapi ada dua hingga tiga *air conditioner* diletakkan padanya.

Kontraktor yang juga tidak bertanggungjawab dahulu yang- sistem pendawaian yang bermasalah tidak diselesaikan. Akibatnya lampu tidak berfungsi, *spotlight cable* rosak menjadi masalah kepada balai polis itu. Apabila orang ramai pergi ke balai polis tersebut, mereka membuat aduan bahawa mereka berasa keselamatan mereka terancam kerana terlalu gelap di balai polis tersebut. Jadi, ini juga menjejaskan profesionalisme PDRM kita.

Tuan Yang di-Pertua, Singapore-Sibu *direct flight*, bilakah ia akan dilancarkan? Ini kerana sampai sekarang masih belum ada apa-apa perkembangan. Adakah kerajaan berhasrat untuk mengembalikan *student fare* dan *senior citizen fare* oleh syarikat-syarikat penerbangan di Malaysia seperti MAS dan AirAsia? Walaupun ada usaha-usaha kerajaan tetapi harga tambang penerbangan dari Semenanjung Malaysia ke Sabah dan Sarawak masih pada paras yang agak tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin menyentuh tentang isu artikel yang dibangkitkan oleh *The Star* hari ini bahawa kebanyakan syarikat-syarikat lebih rela untuk

membeli ubat-ubat di farmasi berbanding dengan hospital dan klinik swasta. Saya rasa sudah sampai masanya untuk kita melaksanakan bahawa *dispensing separation* diadakan di Malaysia. Maksudnya, doktor boleh memberikan preskripsi tetapi pesakit-pesakit mempunyai opsyen untuk membeli ubat-ubat mereka di farmasi. Jadi, ini boleh meringankan beban rakyat kerana ubat di hospital swasta dan klinik-klinik swasta adalah lebih tinggi berbanding dengan farmasi.

Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara]: Tuan Yang di-Pertua, boleh minta laluan? Fasal ubat-ubat.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, Yang Berhormat Tenggara.

Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara]: Fasal *Dispensing Act* tadi, boleh?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya...

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Nantilah saya...

Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara]: Fasal *Dispensing Act* tadi, sekejap sahaja. Bolehkah Yang Berhormat memberi jaminan sekiranya laporan akhbar hari ini mengatakan bahawa- Yang Berhormat menyatakan *Dispensing Act* boleh dilaksanakan, bolehkah farmasi berada di luar bandar dan *24 hours*? Kalau tidak boleh, saya rasa *Dispensing Act* belum boleh lagi dilaksanakan di negara kita.

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Okey, saya sudah faham soalan Yang Berhormat. Farmasi boleh diadakan di luar bandar. Farmasi boleh beroperasi *24 hours*, asalkan ada *demand* ia. Jadi, ini bukan satu masalah yang besar. Saya rasa boleh ditangani. Jadi, ini boleh meringankan beban rakyat dan juga sekarang kebanyakan klinik swasta tidak memberikan nasihat ubat melalui doktor sendiri tetapi melalui *nurse* sahaja.

Jadi, ini lebih baik untuk memberikan peluang kepada para ahli farmasi kita supaya boleh menjalankan profesionalisme mereka melalui memberi nasihat yang lebih baik, tepat dan profesional kepada pesakit-pesakit kita.

Jadi, itulah perbahasan saya. Akhir sekali, saya ingin meminta menyokong Belanjawan 2020 ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Sibu. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Pengkalan Chepa.

Selepas ini Yang Berhormat Beaufort. Sila.

2.37 ptg.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: *Bismillahir Rahmanir Rahim.* Tuan Yang di-Pertua, saya mulakan bicara dengan memetik sepotong ayat... [Membaca sepotong ayat al-Quran] Bermaksud, “Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu semua sentiasa menjadi orang yang menegakkan keadilan kerana Allah, menerangkan kebenaran dan jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu untuk berlaku tidak adil. Berlaku adillah kerana adil itu lebih hampir kepada takwa.”

Belanjawan 2020 merupakan satu pelaksanaan yang amat penting bagi terus memacu kemajuan dalam negara. Dengan membangunkan menggunakan hasil keuntungan negara, belanjawan merupakan satu manifestasi kepedulian kerajaan dalam membela dan memberi hak yang saksama kepada rakyat. Apabila kita berbicara mengenai hak belanjawan yang dibina tersebut, perlulah adil dalam membahagikan pelaburan negara supaya setiap rakyat dapat mengecap kemakmuran bersama.

Tokoh Sarjana Islam, Imam al-Mawardi dalam kitab beliau yang bertajuk *Aadab al-Dunya w'al-Din* menjelaskan bahawa dengan keadilan dunia akan dipenuhi dengan kemakmuran, harta benda akan berkembang dan bertambah, penguasa akan berasa aman dan pemerintahnya akan berpanjangan umur. Tidak ada sesuatu yang lebih cepat menghancurkan dunia dan merosakkan serta mengotori hati-hati manusia daripada kezaliman yang merupakan lawan kepada keadilan.

Belanjawan 2020 tidak memenuhi aspirasi rakyat. Tidak takut saya menyatakan bahawa rakyat menolak atau tidak bersetuju dengan belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan. Hal ini terbukti apabila undian yang telah dibuat oleh pihak *Buletin TV3* dan *Astro Awani* mengeluarkan bahawa 88 peratus dan 84 peratus mengatakan tidak pada Belanjawan 2020 yang dibentangkan pada 11 Oktober yang lalu.

Situasi ini adalah satu luahan daripada rakyat terutama di kalangan B40 dan M40 serta anak muda yang masih tidak nampak bahawa kerajaan cuba untuk menyelesaikan masalah yang dialami oleh mereka. Kehendak rakyat khususnya petani berharap kerajaan mengurangkan kadar pemotongan mutu padi. Kadar yang diambil oleh Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) sebanyak 20 peratus diharapkan dapat dikurangkan kepada 17 peratus untuk setiap kali petani menjual hasil tuaian padi kepada BERNAS, untuk memenuhi upah membersihkan dan mempakejkan padi untuk dijual.

■1440

Harapan rakyat juga di kalangan penternak dan juga petani, kerajaan memperuntukkan lebih banyak khususnya bagi membangunkan petani-petani yang ada di Malaysia seperti mana yang dipraktikkan di negara Thailand. Rakyat terutamanya belia mengharapkan jaminan peluang pekerjaan oleh pihak kerajaan, bukan insentif galakan kerja. Rakyat M40 dan B40 mengharapkan kerajaan meningkatkan kuasa beli berterusan, bukan insentif kewangan *one-off* yang diberikan oleh kerajaan. Kalau kita melihat kepada senarai pemotongan bajet pada kali ini terhadap peruntukan yang sedia ada:

- (i) peruntukan industri padi dan beras dipotong RM69.2 juta kepada RM66.1 juta;
- (ii) peruntukan pertanian dipotong dan daripada RM194.1 juta kepada RM180 juta;
- (iii) peruntukan perikanan dipotong RM178.5 juta kepada RM177 juta;
- (iv) peruntukan pembangunan usahawan desa dipotong RM2 juta kepada RM1.6 juta;
- (v) peruntukan bekalan makanan negara dipotong daripada RM1.3 bilion kepada RM1.314 bilion sahaja;
- (vi) peruntukan Lembaga Getah Malaysia dipotong daripada RM10 juta kepada RM0;
- (vii) peruntukan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia dipotong daripada RM156 juta kepada RM143 juta;
- (viii) peruntukan Industri dan Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian (MARDI) dipotong RM215 juta kepada RM212 juta;
- (ix) peruntukan Industri Agromakanan dan Keusahawanan Tani dipotong RM262 juta kepada RM244 juta;
- (x) peruntukan kepada Lembaga Pemasaran Pertanian (FAMA) dipotong daripada RM182 juta kepada RM171 juta;
- (xi) peruntukan Lembaga Industri Nanas Malaysia dipotong RM31.8 juta kepada RM31.4 juta;
- (xii) peruntukan Lembaga Koko daripada RM32 juta kepada RM30 juta;
- (xiii) peruntukan kepada LPP RM190 juta kepada RM164 juta;
- (xiv) peruntukan kepada Latihan Kemahiran Pertanian dipotong RM47.9 juta kepada RM41 juta;

- (xv) peruntukan Kayu Malaysia dipotong daripada RM5 juta kepada RM0; dan
- (xvi) peruntukan Pembangunan Komoditi dipotong RM80 juta kepada RM79 juta.

Kalau kita hendak senaraikan, terlalu banyak potongan-potongan yang ada dalam bajet pada kali ini. Namun kerajaan, dilihat memperbanyakkan item akan tetapi jumlahnya tidak diperbanyakkan. Dilihat sebelum ini Kerajaan Pusat di bawah Barisan Nasional telah cuba memperkenalkan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) dengan objektif utama pelan induk (ECER) adalah untuk mempercepatkan pertumbuhan Wilayah Ekonomi Pantai Timur. Dengan cara yang berdaya maju, adil dan lestari, pelan induk tersebut melengkapkan pelan pembangunan sedia ada untuk rantau ini.

Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) dijangka akan berjaya menaikkan ekonomi melibatkan RM3.9 juta penduduk di Pantai Timur. Ini dilaksanakan melalui program dan projek untuk meningkatkan tahap pendapatan dan mengurangkan kemiskinan dengan memperluaskan prospek pekerjaan melalui pengenalan impak yang tinggi. Projek pemangkin untuk merangsang pembangunan di rantau ini. Pelaksanaannya akan melalui pengenalan projek-projek praktikal dan realistik dan dilaksanakan untuk mewujudkan kesan yang paling besar kepada penduduk.

Persoalannya, bagaimanakah pelan yang dirangka oleh Kerajaan Pakatan Harapan yang dapat dilihat daripada belanjawan kali ini kerana langsung tidak ada pelan pembangunan yang menyentuh Wilayah Timur. Belanjawan 2020 ini seolah-olah bercanggah dengan apa yang dibentangkan pada Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-11 yang memfokuskan kepada enam tonggak utama. Salah satu daripadanya adalah menuju ke arah pembangunan wilayah yang seimbang.

Menurut Rancangan Malaysia Ke-11, menuju ke arah pembangunan wilayah yang seimbang adalah dengan cara mempergiatkan untuk menangani ketidakseimbangan pembangunan dalam kalangan enam wilayah Utara, Timur Tengah, Selatan, Sabah dan juga Sarawak. Bagi menggalakkan pertumbuhan yang saksama dan meningkatkan kesejahteraan rakyat, namun ini hanyalah satu retorik politik apabila Belanjawan 2020 langsung tidak memenuhi Rancangan Malaysia Ke-11 kerana hampir tiada agenda besar yang dibuat yang menyebabkan pemangkin kepada pembangunan Wilayah Pantai Timur.

Lima projek besar yang tiada disebut dalam belanjawan yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ekonomi bila berkunjung ke Negeri Kelantan:

- (i) Lebuhraya Pantai Timur fasa 3; tak disebut dalam bajet;
- (ii) menaik taraf Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra di Pengkalan Chepa; tidak disebut dalam bajet. Apa sudah jadi dengan rancangan yang disebut bahawa akan dimulakan pembinaan pembaharuannya pada 2020;
- (iii) laluan baharu Pasir Puteh-Machang-Jeli, tidak disebut;
- (iv) Lebuhraya Kota Bharu Kuala Krai, tidak disebut;
- (v) Jambatan Palekbang yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ekonomi juga tidak disebut.

Tuan Yang di-Pertua, projek Rancangan Tebatan Banjir khusus di negeri Kelantan juga apa sudah jadinya? Saya melihat bukan sahaja kegagalan menyediakan belanjawan yang saksama malah Yang Berhormat Menteri Kewangan juga gagal menimbang neraca keutamaan apabila memperuntukkan sejumlah belanjawan yang besar bagi kereta kabel di Bukit Bendera Pulau Pinang sebanyak RM100 juta akan tetapi tidak menyelesaikan soal tebatan banjir yang sepatutnya lebih utama di negeri Kelantan.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Minta laluan sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Nga Kor Ming]: Sila.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat. Saya tertarik dengan apa yang dibahaskan oleh Yang Berhormat. Dalam keadaan ekonomi negara kita semakin parah, hutang negara kita semakin bertambah, nilai ringgit semakin rendah, pasaran saham kita pun semakin turun.

Bagaimana kos hidup rakyat masih lagi berdepan dengan kos yang tinggi, apa lagi berdepan dengan musim tengkujuh. Di sebelah negara Thai, tebatan banjir sudah hampir siap dan kesannya cukup besar terutama di tebing sebelah Kelantan. Akan tetapi, kita melihat seolah-olah kerajaan hari ini seolah-olah sengaja ataupun tidak ada satu tindakan yang drastik untuk keselamatan rakyat.

Jadi, apa pandangan Yang Berhormat tentang suasana yang ada pada hari ini. Apakah ini membuktikan kegagalan pentadbiran yang ada pada hari ini. Minta pandangan Yang Berhormat.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Rantau Panjang. Rantau Panjang ini sempadan dengan Thailand, yang terbeban ialah Wakil Rakyat di sebelah sempadan seperti ini. Terpaksa berhempas pulas setiap kali tibanya musim tengkujuh.

Tebatan banjir di bina di sebelah Thailand sudah pun hampir siap, namun di sebelah kita tidak ada apa-apa pun yang kelihatan. Ia sepatutnya diutamakan lebih utama daripada kereta kabel yang dibuat di Bukit Bendera.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyinggung soal yang berkaitan dengan royalti kepada Kelantan. Kalau kerbau berpegang kepada talinya, manusia mesti berpegang kepada janjinya. Yang Berhormat Menteri Kewangan pada minggu lepas telah menyatakan bahawa royalti telah dibayar kepada Kelantan. Bising satu Malaysia dengan pembohongan seperti ini. Pada hal yang dibayar itu wang ihsan. Jumlah yang sangat kecil berbanding dengan tuntutan ataupun royalti yang sepatutnya diperoleh oleh Kerajaan Negeri Kelantan.

Saya ingin menyebutkan beberapa anggaran yang dibuat. Walaupun saya tahu, selepas saya menyebutkan ini Yang Berhormat Menteri Kewangan akan menafikan bahawa kira-kira tersebut salah, Yang Berhormat bercakap tidak betul. Kalau yang saya sebut ini salah, maka sila nyatakan mana yang betul. Petronas sampai ke hari ini, kerajaan sampai ke hari ini bila setiap kali saya membangkitkan dalam Parlimen untuk tahu berapa jumlah pengeluaran daripada perairan Kelantan, gas dan juga petroleum. Sampai sekarang tidak diberi jawapan.

Dijanjikan sebelum habis sidang, saya akan bagi jawapan. Saya tanya dah Petronas bagi jawapan, sampai sekarang tidak bagi. Ya, sila.

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat terima kasih Yang Berhormat Pengkalan Chepa kerana memberi saya peluang sedikit. Tadi Yang Berhormat telah menyebut tentang Petronas seolah-olah kita banyak kita tidak tahu tentang urusan Petronas ini. Saya pernah menyebut dalam Dewan ini. Saya bercadang agar tibalah masanya untuk Laporan Tahunan ataupun *Yearly Economic Annual Return Petronas* dibentang dalam Dewan ini supaya ia memberi ketelusan dan meningkatkan integriti berkenaan dengan urusan Petronas ini.

Itu kepentingan kita di Kelantan, Sabah dan Sarawak, mana-mana negeri yang mengeluarkan minyak ini. Setuju kah tidak Yang Berhormat?

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Terima kasih Yang Berhormat Kapit. Saya bersetuju. Minta Petronas bentang sebelum habis bersidang bajet pada kali ini, bentang berapakah pengeluaran yang sebenarnya yang dirahsiakan selama ini untuk kita mengetahui kira-kira berapa royalti sepatutnya dibayar kepada Kelantan.

Kawasan JDE, anggaran royalti adalah sebanyak RM124 juta kepada negeri Kelantan. Blok PM3 anggaran royalti jumlahnya RM101 juta. Blok PM302— saya ada

detail Tuan Yang di-Pertua di sini. Anggaran royalti lima peratus RM117 juta, blok PM301 anggaran royalti adalah sebanyak RM123 juta dan RM189.5 juta pengeluarannya ialah berjumlah angka yang sepatutnya dibayar oleh Kerajaan Pusat RM129.9 ribu juta. RM1.29 bilion kepada Kelantan yang dibayar ialah RM25 juta, RM29 juta kepada Kelantan.

Kemudian disebut di luar Dewan tidak berani sebut dalam Parlimen bahawa telah dibayar kepada Kerajaan Negeri Kelantan. Mengapa jadi begini? Sedangkan kalau kita melihat dalam Buku Anggaran Pendapatan Kerajaan Persekutuan pada Tahun 2020, dinyatakan dengan jelas pada muka surat 181.

■1450

Hanya daripada satu blok kawasan JDA sahaja, keuntungan ataupun *revenue* yang dicatatkan untuk Kerajaan Persekutuan tahun 2018, RM1.58 bilion. Kalau dibahagi dua, maknanya Kelantan akan dapat hampir RM800 juta. Tiba-tiba dibayar RM29 juta dan itu dikatakan royalti. Ini Menteri Kewangan tidak tahu kira-kira ke apa ini? Hilang kelayakan sebagai Menteri Kewangan. Tahun 2019, RM1.753 bilion. Anggaran *revenue* daripada satu telaga minyak ataupun satu kawasan *joint development area*, dengan izin, di kawasan bertindih antara Kelantan dan Thailand. Kalau Kerajaan Pusat kata Kelantan tidak ada hak untuk kawasan ini, kalau tidak ada Kelantan, Malaysia pun tidak ada hak untuk kawasan ini.

Oleh sebab itu, saya ingin tegaskan untuk tahun 2020, anggaran kerajaan hasilnya ialah RM1.9 bilion. Kalau separuhnya untuk Kelantan, maka ini satu medan telaga minyak sahaja, Kelantan sudah dapat hampir RM1 bilion. Jadi, Perdana Menteri ataupun Menteri Kewangan, saya desaklah supaya jangan lagi bermain politik tentang perkara ini. Berlaku jujur dan bayarlah royalti kepada Kelantan. Kalau tidak mampu untuk bayar dengan tunggakan, bayar dulu yang semasa. Akan tetapi bukan RM29 juta. Bayaran semasa yang sepatutnya Kelantan dapat ialah hampir RM1 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita melihat kepada angka-angka ini, maka sudah pasti kita mendapati bahawa Menteri Kewangan pada minggu yang lalu, bila bercakap bahawa kita telah memfitnah dalam ucapan Ketua Pembangkang, bila saya mencelah, dia kata ini satu fitnah bahawa tidak bayar lagi, sebenarnya dah bayar. Sebenarnya Menteri Kewangan berbohong dan saya minta Menteri Kewangan dibawa kepada Jawatankuasa Hak Kebebasan Dewan. Oleh sebab ini berbohong. Menteri Kewangan berbohong, implikasi dia besar. Saham boleh jatuh. *Foreign investment* tidak yakin lagi dengan negara kita. Kalau Menteri Kewangan boleh bercakap duit kerajaan boleh dirompak...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat, sila menggulung.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Saya ulang sebut sekali lagi, Tuan Yang di-Pertua. Kalau RM9.4 bilion wang *refund* GST tidak masuk dalam Tabung Amanah GST, masuk ke dalam Akaun Wang Yang Disatukan, dikatakan oleh Menteri Kewangan ini dirompak, maka saya hendak sebut bahawa duit royalti kepada Kelantan, tiap-tiap tahun dibayar oleh Petronas tidak masuk akaun kerajaan negeri, telah dirompak oleh Kerajaan Pakatan Harapan. Kalau tanya siapa kepala perompak, Menteri Kewangan dari Bagan daripada DAP ini lah kepala perompak.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya minta penjelasan.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Ya, sila.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Tidak payah minta penjelasan. Masa sudah tamat. Sekian, terima kasih Yang Berhormat.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Saya bagi. Saya bagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Masa sudah tamat. Saya tidak bagi.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Tidak, sebab Yang Berhormat Jelutong ini dia melampau sangat kadang-kadang.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Kedua-dua belah sila duduk. Ahli-ahli Yang Berhormat, hari ini ada 25 orang Ahli Parlimen...

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Ya, sila Yang Berhormat Jelutong.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Kalau kata Menteri...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: [*Pembesar suara dimatikan*] Ahli Yang Berhormat, ada 25 orang lagi Ahli Yang Berhormat yang ingin bahas. Sila adil kepada rakan-rakan kita semua. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Beaufort, lepas ini Yang Berhormat Kapit. Sila.

2.53 ptg.

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. *Bismilahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, bagi saya belanjawan mestilah mengambil kira apa yang ditentukan dalam undang-undang tertinggi negara kita iaitu Perlembagaan Persekutuan. Di bawah fasal 153, Perlembagaan Persekutuan kita, Yang

di-Pertuan Agong ada dipertanggungjawabkan untuk menjaga hak-hak kaum Melayu, anak-anak negeri Sabah dan Sarawak dan tidak ketinggalan juga kaum-kaum yang lain. Sesungguhnya setiap perbelanjaan yang akan dibelanjakan oleh kerajaan di dalam negara kita mestilah mengambil kira kesejahteraan semua kaum yang terlibat ini, terutama sekali kaum-kaum yang masih lagi ketinggalan.

Tuan Yang di-Pertua, masa hadapan ekonomi bumiputera, khususnya generasi muda kita adalah amat-amat penting untuk diambil kira dan diberikan pertimbangan yang sewajarnya. Melihat daripada sudut pendidikan sebagai persiapan penting ke arah menyediakan bukan sahaja pekerja tetapi lebih penting lagi majikan, usahawan, peniaga, peneroka dan lain-lain lagi. Oleh kerana di situ lah masa hadapan anak-anak muda kita.

Tidak bergantung semata-mata untuk mendapat pekerjaan yang sekarang ini di dalam kerajaan yang sekarang ini sudah pun sampai ke tahap yang tepu, RM1.6 juta pekerja kita di dalam kerajaan. Oleh kerana itu, hendaklah setiap usaha untuk meningkatkan lagi pendidikan dalam negara kita hendaklah disesuaikan dengan kehendak zaman, dasar dan keperluan yang sentiasa berubah-ubah. Justeru, semua pihak penggubal dasar, pelaksana dasar, penerima dasar, kumpulan sasar mestilah memahami apakah yang digubal dan apakah hasil yang disasarkan itu.

Kita semua tahu bahawa untuk tahun 2020, belanjawan untuk pendidikan adalah tinggi dalam RM64.1 bilion. Saya mengalu-alukan tindakan kerajaan ini dan mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih. Akan tetapi apa yang penting, saya ingin menyarankan di sini supaya apa juga yang akan dibuat di dalam perbelanjaan pendidikan ini mestilah mengambil kira bagaimana kita mahu menyiapkan para pelajar kita untuk menjadi pelajar-pelajar yang bukan sahaja mendapat ijazah kelas pertama, kelas kedua dan sebagainya.

Akan tetapi yang lebih penting, mereka boleh memulakan kehidupan mereka bukan sahaja sebagai pekerja tetapi juga sebagai majikan dan mereka boleh bersaing di mana-mana sahaja. Ini adalah amat-amat penting sekali. Oleh kerana kita lihat pada hari ini ramai graduan kita yang dikatakan menganggur. Oleh kerana itu, walaupun usaha kita ialah memberikan mereka pendidikan, ini membantu mereka untuk sama sekali daripada kaum bumiputera yang ada di luar bandar daripada negeri Sabah dan Sarawak iaitu merupakan ramai daripada anak-anak negeri Sabah dan Sarawak dan juga orang-orang Melayu yang berada di luar bandar. Mereka ini perlulah kita jadikan insan-insan yang boleh berdikari, yang boleh memulakan kehidupan mereka, yang tidak mengharap sahaja bantuan untuk mencari pekerjaan.

Oleh kerana itu lah, adalah amat-amat penting, kalau lah dasar pada hari ini tidak mencapai sasaran seperti mana yang kita harapkan, sudah tiba masanya kita melihat semula, mengkaji semula dasar yang ada itu supaya ia dapat mencapai apa yang kita inginkan, apa yang kita sasarkan. Oleh kerana kita tidak mahu berbelanja banyak wang sahaja tetapi wang itu sia-sia, tidak mencapai sasaran kita.

Oleh kerana itulah saya meminta kepada pihak yang berkenaan, kepada Kementerian Pendidikan supaya kita jangan bimbang, jangan takut apa juga cabaran yang ada di hadapan kita, apa juga yang dikatakan oleh orang terhadap kita, kita tetap terus berusaha bagi memastikan apa yang kita buat itu adalah yang terbaik untuk mencapai hasil yang sebenar-benarnya kita harapkan untuk rakyat kita, khususnya orang-orang muda kita yang berada di luar bandar dan juga yang berada di dalam bandar yang masih lagi berada dalam keadaan tekanan kemiskinan ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita melihat bukan sahaja daripada segi pendidikan itu tetapi kita juga melihat daripada segi perkembangan ekonomi. Ekonomi untuk kaum Bumiputera, untuk anak negeri Sabah dan Sarawak. Setiap kali dasar dikeluarkan daripada dahulu pun kita tengok bahawa *benchmark* yang selalu yang disebutkan kadarnya ialah untuk kita mencapai pemilikan 30 peratus, pencapaian 30 peratus di kalangan kaum bumiputera. Kaum bumiputera ini termasuklah orang Melayu juga anak negeri Sabah dan Sarawak.

Kadar ini telah disebut berkali-kali yang merupakan penanda aras kepada kejayaan ataupun penyertaan kaum bumiputera di dalam negara kita ini. Sehingga sekarang kita semua tahu bahawa kadar ini masih belum lagi tercapai, paling tinggi pun mungkin hanya 21 peratus sahaja. Oleh kerana itu lah suara yang telah dilontarkan mewakili kaum Melayu dan juga anak-anak negeri Sabah dan Sarawak mesti didengar dengan serius dan diberikan perhatian supaya kita dapat melihat satu hasil yang lebih baik pada zaman ini, supaya kita dapat melihat pencapaian yang mana kita harapkan itu, sekurang-kurangnya 30 peratus.

Jadi bagi saya, pada mereka yang lain tidak perlu bimbanglah apabila bersuara dengan lantang tetapi dengan budi bahasa meminta supaya segala dasar ini dilihat semula bagi membantu kaum yang memerlukan ini mencapai tahap pencapaian seperti yang diharapkan di dalam negara sendiri. Jangan bimbang kepada yang lain kerana fasal 153, Perlembagaan negara kita itu menjaga semua orang, semua orang dijaga, tidak ada yang tertinggal. Selama ini pun kita melihat, walaupun ada dasar yang *affirmative* terhadap kaum bumiputera, namun kita melihat kaum bumiputera juga lah

yang tidak dapat mencapai seperti mana yang diharapkan. Akan tetapi yang lain itu, sahabat-sahabat kita yang lain, boleh mencapai sesuatu yang lebih baik lagi.

■1500

Jadi, jangan bimbang dan kita tidak perlu bergaduh tentang perkara seperti ini. Apa yang kita perlu lihat ialah positif ke hadapan supaya semua rakyat di dalam negara kita ini mencapai satu tahap yang kita semua boleh banggakan di peringkat antarabangsa.

Kita tidak mahu suatu hari nanti menjadi sebuah negara yang maju, seperti negara-negara yang lain, tetapi orang asalnya berada di dalam keadaan yang susah, yang miskin, yang tercicir. Kita tahu ada negara-negara yang maju yang rakyat asalnya berada di dalam keadaan yang sedemikian. Akan tetapi, negara kita Malaysia ini sudah awal-awal lagi melihat kepada keperluan yang kita menjaga semua kaum kita, semua rakyat kita di dalam negara kita Malaysia.

Oleh itu, saya mengucapkan tahniah juga kepada kerajaan kerana mengambil kira suara-suara dan mengambil kira pandangan daripada wilayah-wilayah, Sabah dan Sarawak serta suara-suara yang dilontarkan dalam percambahan fikiran yang dibuat secara beradab, yang tertib, yang tidak pun merosakkan nama orang lain, yang tidak pun cuba menyakiti orang lain, tetapi menyuarakan pandangan dan saranan untuk mewakili mereka yang masih lagi memerlukan.

Saya melihat Tuan Yang di-Pertua, bahawa kedudukan kaum-kaum yang masih tertinggal ini adalah ramai di kawasan luar bandar di negeri Sabah dan Sarawak. Oleh sebab itulah kita mengalu-alukan peruntukan yang diberikan, yang ditambah lagi di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar iaitu sekarang sebanyak RM10.9 bilion. Namun demikian, dalam masa saya mengalu-alukan itu, saya masih lagi mengharap supaya peruntukan ini dilihat semula dan ditambah lagi. Ini kerana, kita kena melihat bahawa keadaan di luar bandar ini masih jauh ketinggalan. Jurang perbezaan antara bandar dan desa itu masih jauh lagi, di antara wilayah Sabah dan Sarawak dengan Semenanjung itu masih jauh berbeza lagi.

Oleh sebab itu, di dalam Wawasan Kemakmuran Bersama yang dilancarkan baru-baru ini, maka akan dilihat supaya pembangunan itu, pengagihan kemakmuran di dalam negara kita ini mengikut wilayah-wilayah, Sabah, Sarawak dan juga Semenanjung Malaysia. Oleh sebab itulah bagi mewakili kami daripada Sabah dan juga kawan-kawan dari Sarawak, perlu dilihat, ditambah lagi peruntukan untuk luar bandar ini. Ini kerana, di situlah kami bergantung harap untuk memajukan kawasan kami di luar bandar, untuk

memajukan orang-orang, anak-anak negeri Sabah dan Sarawak memerlukan dari peruntukan yang disediakan itu.

Kami pun tidak tahu sesungguhnya— walaupun ada dikatakan untuk jalan raya, sebegini banyak, untuk air sebegini banyak, tetapi berapa banyak lagi yang diagihkan untuk memastikan kemajuan orang luar bandar itu? Ini kerana, kita tidak mahu 10 tahun lagi kita bercakap, maka orang luar bandar ini di Sabah dan Sarawak masih lagi merupakan orang yang miskin, masih lagi merupakan orang yang ketinggalan.

Oleh sebab itu, saya juga ingin menyarankan di sini supaya pihak kerajaan juga melihat semula kepada dasar-dasar, kepada program-program yang dilaksanakan selama ini untuk kawasan luar bandar. Adakah ia telah berjaya untuk merubah nasib orang luar bandar? Ataupun orang luar bandar masih lagi dalam keadaan yang tinggal di rumah PPRT, disediakan peruntukan untuk membuat rumah PPRT dan sebagainya? Itu kan menunjukkan stigma bahawa orang luar bandar itu miskin.

Kalau di bandar ini, orang Melayu juga tinggal di rumah PPR. Kalau dulu mereka tinggal di kampung-kampung tertentu di dalam bandar Kuala Lumpur ini, tetapi sekarang sudah berdiri kondominium yang besar-besar. Maka, orang Melayu yang itu sekarang sudah tinggal di rumah PPR. PPR juga merupakan daripada golongan orang yang miskin. Oleh sebab itu, saya melihat bahawa ada sesuatu permasalahan di dalam negara kita yang perlu ditangani dengan sebaik mungkin.

Kajian perlu dibuat bagi memastikan kumpulan ini tidak lagi tertinggal dan dilihat sebagai kumpulan yang miskin yang sentiasa memerlukan pertolongan daripada kerajaan. Kerajaan kena tengok semula, kaji semula, kalau berkesan kita teruskan. Kalau tidak berkesan, cari jalan bagaimana dia boleh mencapai apa yang kita harapkan untuk membangunkan rakyat kita dalam negara kita Malaysia yang tercinta ini.

Saya mengalu-alukan peruntukan untuk membantu sekolah daif di negeri Sabah khususnya kerana kami di sana memang banyak sekolah-sekolah yang daif. Di kawasan saya pun, banyak lagi kalau saya sebutkan pun di sini, semua sudah tahu. Akan tetapi, apa yang perlu supaya ini dipercepatkan supaya kita dapat merapatkan lagi jurang di antara bandar dan luar bandar itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, Yang Berhormat Kangar.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Boleh minta laluan?

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Masa saya tinggal sedikit Yang Berhormat.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Sekolah daif, fasal sekolah daif.

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: *Stop the time.*

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Sikit sahaja. Terima kasih Yang Berhormat Beaufort. Saya cuma tertarik dengan perbincangan sekolah daif, sebab semalam kawan-kawan kita di sebelah pembangkang juga ada menyebut kononnya ketika pentadbiran lalu, diperuntukkan sebanyak RM2.5 bilion pada tahun 2018. Saya cuba menyemak daripada laporan audit peruntukan di Sabah dan Sarawak ini untuk tahun 2016 dan tahun 2017 ada lebih kurang dalam hampir RM400 juta.

Akan tetapi, laporan audit menunjukkan prestasi pelaksanaan hanya berada pada kadar 22 peratus. Jadi, apakah punca daripada masalah ini dan bagaimanakah kerajaan dapat meningkatkan prestasi supaya pelaksanaannya dilaksanakan dengan cepat? Jadi apa pandangan Yang Berhormat Beaufort? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, Yang Berhormat Beaufort.

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Ya, masukkan dalam ucapan saya supaya dijawab oleh kementerian nanti, *insya-Allah*. Memangnya kita mahu kalau pelaksanaan itu cuma 22 peratus, memang kita kecewalah. Kita mahu supaya ini dapat dipertingkatkan lagi bagi memastikan keperluan tadi saya kata, jurang perbezaan di antara bandar dan luar bandar itu dapat kita rapatkan lagi. Ini kerana orang luar bandar tidak mahu ketinggalan. Anak-anak kampung mahu berjaya seperti orang di dalam bandar juga.

Kalau di bandar ini banyak *facility* yang disediakan tetapi di luar bandar itu kesian sangat. Oleh sebab itulah maka, amat penting untuk kita keluar dari kepompong kemiskinan ini melalui pendidikan dan pendidikan itu bukan sekadar kita buat—kata orang Sabah, '*syukur-syukur sahaja lah*'. Kita mesti pastikan segala *facility* yang ada di dalam bandar itu juga disampaikan kepada sekolah-sekolah di luar bandar untuk anak-anak luar bandar supaya mereka juga mencapai kejayaan seperti orang-orang di dalam bandar.

Begitu juga, saya mengalu-alukan peruntukan yang disediakan untuk para usahawan wanita. Saya minta supaya diberikan pertimbangan, kalau tadi dikatakan sebanyak 30 peratus untuk kontraktor bumiputera pada tahun 2020, tahun hadapan, peruntukan projek sebanyak 30 peratus. Kalau ikut hati saya, 30 peratus itu tidak cukup, tambah lagi sehingga 50 peratus.

Akan tetapi, yang penting juga saya ingin sebutkan di sini supaya kontraktor wanita juga diberikan perhatian, jangan ditinggalkan. Sebanyak RM200 juta disediakan, kalau mereka berjaya sebagai kontraktor, maka ada juga kuota untuk kontraktor kaum wanita. Kalau 30 peratus dia katakan tadi untuk bumiputera, 30 peratus jugalah untuk kaum wanita supaya wanita di dalam bidang kontrak ini mereka juga boleh masuk dan

mereka juga boleh mendapatkan kejayaan kerana kaum wanita adalah kaum yang rajin bekerja, rajin berusaha. Kita tahu juga bahawa apabila mereka meminjam, berhutang, mereka akan membayar. Mereka adalah pembayar yang paling baik.

Oleh sebab itulah kita perlu menghargai mereka dengan memberikan juga kuota untuk kontraktor wanita bumiputera ini mendapat projek-projek daripada kerajaan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Penjelasan. Penjelasan.

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Apa dia saudara saya?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Arau.

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Ya, Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya kawan baik Yang Berhormat Beaufort.

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Ya?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat, apakah Yang Berhormat sedar bahawa bajet kali ini memaparkan bahawa peruntukan untuk bumiputera dan juga kaum India telah dikurangkan?

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Apa yang saya nampak, ada banyak peruntukan disediakan untuk luar bandar. Seperti yang saya sebutkan tadi, untuk luar bandar ini adalah ramainya terdiri daripada kaum bumiputera yang tinggal di persisiran pantai, di tepi sungai, di pedalaman, di lereng gunung, di lereng bukit. Ini adalah terdiri daripada kaum bumiputera. Saya juga melihat ada peruntukan-peruntukan khusus di bawah MARA dan lain-lain lagi agensi yang boleh membantu kaum bumiputera. Jadi, kalau sekiranya tidak cukup atau kurang, di sini tempat kita meminta kepada kerajaan tambah lagi peruntukan untuk kaum bumiputera ini.

Sebentar tadi saya bercakap supaya peruntukan Perkara 153 dalam Perlembagaan Persekutuan itu diambil kira oleh kerajaan apabila mengagih-agihkan peruntukan demi untuk kesejahteraan rakyat kita di seluruh negara kita Malaysia yang tercinta ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Beaufort, demi adil untuk semua, sila menggulung.

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Tidak ada masa lagi *kah*?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Tidak ada. Sila menggulung. Terima kasih.

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Oleh sebab saya sudah tidak ada masa lagi. Walau bagaimanapun saya ingin mengambil— Tuan Yang di-Pertua

sebagai *lastnya*, sebagai sebuah kawasan saya adalah merupakan kawasan pelancongan, saya melihat bahawa tahun 2020 adalah Tahun Melawat Malaysia.

■1510

Saya juga minta supaya peruntukan untuk pelancongan itu jangan diagihkan untuk bandar sahaja, jangan untuk promosi bandar sahaja, tetapi luar bandar juga, kawasan-kawasan pelancongan yang ada orang-orangnya, yang lawa-lawa, yang cantik-cantik, *sumandak-sumandak*, kawasan-kawasan kampung, yang sungainya dan sebagainya, yang boleh dilawat, yang boleh dimajukan ini perlu diambil kira oleh kerajaan supaya...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya Yang Berhormat, saya minta Yang Berhormat menggulung bukan buat promosi pelancongan.

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Benarkanlah saya, saya pun hendak promosikan juga kawasan saya Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih banyak-banyak dan oleh sebab itu, saya sokong bajet ini dan saya minta mana yang saya mohon tadi tambah lagi seperti yang saya sebutkan tadi. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Beaufort. Bukan, masa amat cemburu. Masa itu emas. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Kapit, selepas itu Yang Berhormat Ledang. Sila.

3.11 ptg.

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana memberi saya peluang dan ruang untuk turut membahas rang undang-undang belanjawan tahun 2020. Seperti mana yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada Jumaat 11 Oktober lalu.

Tuan Yang di-Pertua, sudah tentu jelas sekali tahun 2020 ialah tahun yang kita atau seluruh rakyat Malaysia nanti-nantikan selama ini. Sememangnya tahun 2020 dilihat sebagai tahun yang istimewa untuk warga Malaysia. Sekurang-kurangnya dari segi psikologi kalau tidak secara material. Ini kerana kita sering menganggap tahun 2020 ini adalah pencapaian visi 2020 mungkin ramai sudah lupa *Vision 2020* yang dalam beberapa hari sejak kita berbahas bajet ini jarang sekali saya mendengar Ahli-ahli Yang Berhormat rakan seperjuangan dalam Dewan yang mulia ini menyebut visi ataupun *vision in the year 2020* yang juga dari Yang Amat Berhormat Langkawi. Entah, mengapakah kita lupa.

Tahun ini adalah sebagai tahun yang menandakan penghujung era apabila Malaysia akan mencapai kemajuan dan pembangunan yang besar untuk melayakkan diri sebagai ekonomi maju. Sememangnya kita semua mahu mencapai status sebagai ekonomi perindustrian yang setaraf dengan negara Amerika Syarikat, Jepun dan negara-negara lain yang maju. Namun impian ini merupakan harapan palsu ataupun memang kita tidak akan mencapainya apabila hakikatnya kita masih jauh ke belakang.

Tuan Yang di-Pertua, tahun 2020 adalah tahun depan hanya tinggal dua bulan sahaja lagi kita sampai ke Januari tahun 2020 dari sekarang. Bajet tahun 2020 yang dibentangkan pada 11 Oktober lalu untuk perbelanjaan tahun hadapan tidak langsung menggambarkan negara yang mempunyai industri dan ekonomi yang maju. Malaysia belum lagi mencapai perindustrian yang penuh banyak perkara boleh disentuh berkenaan hal ini Tuan Yang di-Pertua.

Namun, cukuplah untuk saya menyatakan bahawa bajet ini lebih tertumpu kepada keperluan asas bagi negara yang membangun. Jadi, kita masih di tahap negara yang membangun. Contohnya, bajet ini masih banyak memperuntukkan bantuan kewangan asas dan memberi subsidi kepada golongan B40 yang masih ramai.

Selain itu, pelaksanaan SST untuk ganti GST juga jelas menggambarkan bahawa kita masih belum mencapai status negara yang maju. Bagi saya, belanjawan yang direka ini bukan berdasarkan keperluan untuk memacu ekonomi atau menangani beban rakyat, *the neither here nor there*. Malah, belanjawan mempunyai banyak ciri, belanjawan pilihan raya kecil atau pilihan raya seperti yang diakui oleh beberapa orang pemimpin Pakatan Harapan. Hal ini, mungkin disebabkan oleh pilihan raya negeri Sarawak yang akan datang pada tahun dari sekarang kepada pertengahan tahun 2021 mungkin ini penyediaan dari pihak Pakatan Harapan untuk Sarawak.

Oleh itu, tidak hairanlah fakta dan angka yang disebut dalam belanjawan 2020 banyak diputar belitkan untuk memburukkan pentadbiran terdahulu. Namun, kita bernasib baik kerana Yang Berhormat Bera, Yang Berhormat Rembau, Yang Berhormat Ayer Hitam, Yang Berhormat Pontian, Yang Berhormat Arau dan ramai lagi yang memberi atau mencapai perbahasan berdasarkan fakta dan angka yang betul untuk perbetulkan dakwaan serta tuduhan yang tidak berasas daripada ucapan belanjawan 2020 oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan.

[Tepuk]

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh minta penjelasan?

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Boleh, jangan banyak sebab saya—
thank you.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tuan Yang di-Pertua ini sahabat saya lama ini. Kami dari masa muda-muda sudah masuk Dewan Rakyat. Ya, Yang Berhormat Kapiti. Setuju tidak Yang Berhormat Kapiti bahawa Yang Berhormat Menteri Kewangan banyak memutar belit angka iaitu dia kelirukan rakyat tetapi saya hairan sahabat saya juga dari Beaufort ikut keliru dengan angka yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan ini.

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapiti]: Itu adalah pandangan Yang Berhormat Kinabatangan mungkin Yang Berhormat Beaufort ini agak kurang bijak sebab itu dapat dikelirukan.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Minta penjelasan sedikit. Isu yang sama.

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapiti]: Okey.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Yang Berhormat, terima kasih. Apa pandangan Yang Berhormat bahawa Yang Berhormat Menteri Kewangan bukan sahaja mengelirukan angka tetapi mengelirukan rakyat dengan istilah. Seperti istilah royalti dan wang ehsan yang seluruh rakyat agak keliru.

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapiti]: Yang Berhormat dari Kelantan sahabat kami Sarawak.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Kapiti.

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapiti]: Tunggu dahulu.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya hendak minta penjelasan.

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapiti]: *Be discipline. Sit down.*

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: *No. no. I'm just asking you, whether you can give me a chance.*

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapiti]: *The floor is mine. I will give you.*

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: *Okey. Thank you. I'm just asking you. I'm just asking you.*

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapiti]: *Yes. Please sit down first.*

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Okey.

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapiti]: Jadi, terima kasih-lah Yang Berhormat Tumpat ini kerana kita agak sama isu-isu yang menyentuh kita dalam perihal gas dan minyak kerana Petronas ada kaitan bersama dengan kita Sarawak dan juga di Kelantan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat, boleh beri peluang?

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Tunggu, tunggu.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Berani bagi?

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Tunggu dahulu.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Okey.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Rugi masa sahaja.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya tunggu.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Jelutong, Yang Berhormat Kapit tidak bagi.

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Kewangan mempunyai tabiat yang berbahaya kerana suka memanipulasikan fakta dan menghasut kebencian dalam kalangan masyarakat. Dia pernah datang ke Kuching dan berdakwa bahawa Sarawak akan bankrap dalam tempoh tiga tahun kerana kata dia, “*kita Kerajaan Negeri Sarawak memperuntukkan RM11 bilion setahun untuk mentadbir dan membangun Sarawak*”. Jadi...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menggunakan peraturan lah sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, Yang Berhormat Peraturan Mesyuarat yang mana?

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Hei! Duduklah Yang Berhormat Kapit, tidak tahu undang-undang kah? *Sit down.*

[Pembesar suara dimatikan]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang ada seorang Ahli Yang Berhormat bangkitkan perintah tetap. Yang Berhormat Kapit saya jemput duduk. Ya, Yang Berhormat Jelutong sila baca peraturan mesyuarat, sila. Jangan panas-panas nanti pengsan ya.

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Dia yang panas.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Relaks, relaks. Yang Berhormat Kapit relaks.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Yang Berhormat Jelutong ini teruklah.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Bernafas.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya baca dahulu. Sila.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Kelmarin sudah ada seorang pengsan, jangan pengsan hari ini.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Yang di-Pertua, dia hendak habiskan masa orang ini.

[Pembesar suara dimatikan]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Arau, ini bukan berkaitan dengan Yang Berhormat Arau. Ya saya jemput sila baca, sila baca.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua, dari tadi saya lihat tetapi peraturan mesyuarat yang saya gunakan adalah Peraturan Mesyuarat 36(6).

[Dewan riuh]

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Karut itu, karut.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Karutlah, tiada sangkut.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Seseorang ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang mana satu sangkaan jahat?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Kapiti menuduh Yang Berhormat Bagan kononnya telah mengeluarkan kenyataan-kenyataan di Sarawak. Akan tetapi, hakikatnya adalah yang membankrapkan negara ini adalah Yang Berhormat Menteri Kewangan yang dahulu Yang Berhormat Pekan. Disebabkan oleh skandal 1MDB...

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini bukan *standing point of order*. Ini pencelahan. Mana boleh.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: ...skandal FELCRA, skandal. *[Tidak jelas]* dan sebagainya.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Duduklah.

[Dewan riuh]

[Pembesar suara dimatikan]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya nasihatkan kita bahaskan berasaskan kepada fakta dan juga kurangkan tohmahan supaya elakkan daripada dakwaan-dakwaan. Ya, sila teruskan Yang Berhormat Kapiti. Terima kasih Yang Berhormat Jelutong.

■1520

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Tuan Yang di-Pertua, ini bukan tohmahan, ini yang benar-benar disebut oleh Menteri Kewangan semasa beliau melawat Kuching, saya mesti pertahankan negeri Sarawak. Saya tidak menuduh apa-apa, siapa yang selalu mengatakan orang merompak di dalam Dewan ini? Satu *ruling* pun sudah dibuat...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Itu kenyataan. Yang merompak negara ini Yang Berhormat Pekan, kenapa tidak berani sebut?

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Okey...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Jelutong, sila duduk. Yang Berhormat Kapit sila teruskan.

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang adil. Tuan Yang di-Pertua, kami di Sarawak tidak akan menjadi negeri yang bankrap dalam tiga tahun seperti didakwa oleh Menteri Kewangan. Kami bukannya bodoh, kami ada pemimpin yang mampu dan mempunyai kebijaksanaan untuk memastikan Sarawak tidak akan menghabiskan kesemua rizab yang ada.

Sementara kita berbelanja untuk operasi dan pembangunan, kita juga akan mendapat pendapatan. Kami tidak akan menyentuh rizab kami dan seharusnya Sarawak lah satunya negeri di seluruh negara kita yang ada rizab sebanyak RM30 juta, sebanyak RM30 bilion – minta maaf. Ini membuktikan kerajaan, pemimpin-pemimpin terdahulu di Sarawak pun telah – mereka yang begitu bijak, begitu prihatin kepada negeri dan mendapatkan, kita mengumpul rizab yang begitu besar.

Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat sedikit sahaja, Yang Berhormat sedikit sahaja.

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Mana?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Arau, Arau, Arau.

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Yang Berhormat Arau ya?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Kapit, tolong perhatikan masa ya.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat, Kerajaan Pusat, Menteri Kewangan telah menjual harta negara sebanyak RM30 bilion tetapi Kerajaan Sarawak mempunyai rizab sebanyak RM30 bilion. Ini bermakna...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Mana ini Yang Berhormat Arau...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ini bermakna Kerajaan Sarawak lebih bagus daripada Menteri Kewangan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Dari mana, mana harta? Siapa yang jual? Skandal Tabung Haji, skandal FELCRA, skandal 1MDB siapa yang buat?

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Apa skandal, skandal apa?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Hei! Kamu ini, kamu kena daun ketum kah? Apa ini.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat skandal ini disebabkan oleh siapa?

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Siapa yang merogol?
[Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang berbahas ingin teruskan, oleh sebab itu saya nasihatkan yang lain semua ikut seperti perbahasan, silakan.

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Tuan Yang di-Pertua, sehubungan apa yang telah saya sebutkan tadi. Tuan Yang di-Pertua, hasil yang datang dari – okey, jadi saya terganggu tadi ya. Tuan Yang di-Pertua, kami membuat tuntutan terhadap Kerajaan Persekutuan untuk mengarah PETRONAS membayar duti sebanyak lima peratus yang dikenakan kepada jualan produk eksport petroleum. Itu adalah milik rakyat Sarawak. Kami hanya menuntut hak kami mengikut Perlembagaan kita.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, syarikat-syarikat lain sudah membayar, tidak perlu saya sebut syarikat mana. Hasil yang datang daripada lima *percent* cukai ke atas eksport produk petroleum dari Sarawak dijangkakan sebanyak RM3 bilion setahun. Hasil ini penting untuk kami membiayai pelbagai kos pembangunan infrastruktur seperti pembinaan jaringan jalan raya dan jalan luar bandar, bekalan elektrik luar bandar, bekalan air terawat serta apa-apa sahaja yang diperlukan untuk kesejahteraan rakyat Sarawak termasuk untuk membantu anak-anak muda kita yang memerlukan bantuan kewangan untuk membayar balik hutang PTPTN mereka. Mereka tidak dapat mengharap PTPTN itu sebab tidak ada diperuntukkan di dalam bajet ini.

Jadi saya, menuntut kepada Kerajaan Persekutuan, bayarlah cukai lima peratus itu dengan segera. Tidak perlulah dipertikaikan tuntutan cukai lima peratus ke atas jualan produk eksport petroleum kerana itu adalah hak kami.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya menyentuh perkara di mana Bajet 2020 ini tidak memberi peruntukan kepada Sarawak bagi tujuan meneruskan usaha penyukatan atau *survey perimeter* atau *perimeter survey* tanah adat bumiputera atau *NCR Perimeter Survey* di Sarawak. Ketiadaan peruntukan untuk tujuan ini, sesungguhnya membantutkan usaha Kerajaan Sarawak membantu pemilik tanah adat bumiputera mendapat dan melindungi harta tanah mereka.

Yang Berhormat Puncak Borneo telah membuat tuduhan serius dan tidak berasas terhadap Kerajaan Negeri Sarawak di Parlimen berkenaan dengan hal penyukatan tanah hak adat bumiputera di Sarawak. Untuk makluman Yang Berhormat Puncak Borneo, inisiatif penyukatan tanah hak adat bumiputera telah dijalankan secara berterusan...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Sila menggulung Yang Berhormat.

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Sejak tahun 1960-an dahulu. Jadi...

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Yang Berhormat Kapit, saya...

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Saya hendak minta penjelasan.

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab saya banyak diganggu dengan tidak sepatutnya, tidak betul...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Akan tetapi Yang Berhormat benarkan laluan.

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Bolehkah saya diberi selama 10 minit lagi?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Tidak boleh.

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Saya mohon maaf.

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Berapa lagi?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Inilah sebabnya...

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Yang Berhormat Kapit saya hendak minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: ...Yang Berhormat kena patuhi kehendak masa.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Kapit daripada tadi meracau sahaja...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Kedua-dua sila duduk. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Ledang, sila. Yang Berhormat Puncak Borneo sila duduk, saya kena adil kepada semua seluruh anggota Dewan. Sila, Yang Berhormat Ledang. Oleh sebab itu saya nasihatkan jangan pada akhir-akhir ucapan bangkitkan isu-isu kontroversi selepas itu minta masa tambahan lagi.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tidak.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ini taktik tidak boleh pakai.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya minta Tuan Yang di-Pertua supaya penjelasan...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Arau, ini tidak berkaitan dengan Yang Berhormat Arau, sila duduk.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *Point of order...*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Arau sila duduk, Yang Berhormat Ledang sila teruskan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat Jelutong selalu minta *point of order*.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, sebab itu saya nasihatkan gunakan Peraturan Mesyuarat Perkara 37, tidak benarkan gangguan. Jika Yang Berhormat benarkan gangguan, jangan minta masa lebih. Sila, Yang Berhormat Ledang.

3.26 ptg.

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Ledang bukan Ledang, Ledang, terima kasih. Pertamanya...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Puteri Gunung Ledang.

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: Pertamanya, kita ingin mendoakan supaya Yang Berhormat Nibong Tebal yang rebah depan saya semalam dalam waktu begini juga supaya beliau terus sembuh. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang dan ruang kepada saya Ledang untuk turut sama membahaskan Belanjawan 2020 ini.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Pakatan Harapan kerana telah membentangkan satu belanjawan yang saya kira menyeluruh. Ini kerana berjaya menyentuh kesemua golongan rakyat yang merupakan kesinambungan daripada usaha mengislah dan membina semula negara yang telah dicetuskan sejak PRU Ke-14.

Firman Allah dalam Surah Al-Ma'idah ayat 8... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Firman Allah, "Wahai orang-orang yang beriman hendaklah kamu menjadi orang-orang yang selalu menegakkan kebenaran kerana Allah. Menjadi saksi dengan adil dan janganlah kebencianmu terhadap sesuatu kaum membuatmu tidak berlaku adil. Berlaku adillah kerana ia lebih mendekati takwa dan bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui apa yang kamu kerjakan".

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Boleh mencelah? Sedikit sahaja.

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: Mengambil iktibar daripada – awal lagi. Mengambil iktibar daripada ayat di atas...

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tumpat, Tumpat.

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: Bermakna makin kita bersikap dan melaksanakan keadilan. Maka makin rapat kita dengan ketakwaan, makin besar kemaslahatannya. Di dalam hal ini, Islam bukanlah agama ritual semata-mata tetapi menginginkan tegaknya suatu masyarakat yang adil dan makmur di mana setiap orang diperlakukan dengan layak dan dihargai sebagai manusia. Disebut juga sebagai *Rahmatan lil alamin*.

Tuan Yang di-Pertua, dengan semangat itu, Belanjawan 2020 terus memacu pertumbuhan ekonomi dan membina semula negara melalui pelaburan ke atas rakyat, mewujudkan masyarakat yang makmur dan terus memulihkan institusi dan kewangan awam. Ia merupakan kesinambungan daripada Belanjawan 2019. Saya percaya ia bukan tugas mudah kerana pertumbuhan ekonomi global diunjurkan paling perlahan tahun hadapan. Jikalau kita lihat IMF telah menurunkan unjurannya pada tahun 2019 daripada 3.9 peratus kepada 3.2 peratus. WTO juga turunkan daripada 2.6 peratus kepada 1.2 peratus.

■1530

Dalam keadaan ekonomi terbuka negara kita, maka ia akan memberi kesan kepada ekonomi negara dan nasib rakyat. Meskipun begitu, sistem kewangan Malaysia kekal kukuh dan stabil dengan adanya pertumbuhan KDNK, kawalan kadar inflasi dan imbalan perdagangan yang kukuh. Pendekatan untuk menghadapi kemelesetan ekonomi bukannya dengan dasar jimat ataupun konsolidasi fiskal tetapi dengan rangsangan pertumbuhan ekonomi. Saya sedar kerajaan tetap melaksanakan konsolidasi fiskal untuk belanjawan ini tetapi secara berperingkat. Dengan hasil yang meningkat, dengan pengukuhan institusi tadbir urus dan integriti, saya jangka ekonomi akan tetap berkembang.

Cumanya, menurut pakar ekonomi, belanjawan berkembang bukan bermakna perbelanjaan besar dalam semua keadaan tetapi ia adalah dasar merangsang ekonomi melalui peruntukan kepada segmen masyarakat yang berbelanja. Siapa mereka ini? Mereka yang miskin, yang daif. Hidup kais pagi makan pagi, kais petang makan petang ataupun kais apa pun tak dapat. Golongan petani, nelayan, pesawah, pekebun kecil, peniaga kecil ialah antaranya. Saya tidak kata mereka tidak boleh berdikari malah ramai yang berjaya tetapi rangsangan dan bantuan perlu terus diberikan. Dalam hal ini, saya tidak nampak dakwaan yang mengatakan belanjawan ini telah mengabaikan golongan miskin. Misalnya, peruntukan untuk subsidi dan bantuan sosial meningkat...

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Yang Berhormat.

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: Daripada RM22.3 bilion kepada RM24.2 bilion.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Yang Berhormat, minta celah. Sikit sahaja Yang Berhormat.

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: Ini bantuan adalah untuk Bantuan Sara Hidup, subsidi pertanian, bahan api dan lain-lain. Lebih RM700 juta diperuntukkan untuk menyokong pertumbuhan kebajikan termasuk badan bukan kerajaan bagi menjalankan aktiviti mereka membantu rakyat yang memerlukan. Sejumlah RM575 juta disediakan untuk bantuan sosioekonomi kepada warga emas dengan pendapatan isi rumah di bawah paras kemiskinan.

Sejumlah RM25 juta diperuntukkan untuk mengurus pentadbir memperluaskan Program *Food Bank*. Bukankah Program *Food Bank* ini inisiatif untuk mengagihkan semula 3,000 tan metrik makanan yang didermakan kepada golongan sasaran yang memerlukan iaitu golongan B40. Kemudian, ada kenaikan insentif hasil tangkapan nelayan sebanyak 23 peratus. Ada kenaikan subsidi harga padi sebanyak 20 peratus, ada kenaikan subsidi baja padi sebanyak 69.9 peratus.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Pengkalan Chepa, Yang Berhormat. Pencelahan.

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: Ada kenaikan insentif pengeluaran padi sebanyak 63.4 peratus. Jumlah kenaikan subsidi dan insentif kepada petani padi adalah 43.1 peratus.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Pengkalan Chepa minta pencelahan sikit, Yang Berhormat.

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: Ringkas. Silakan.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Tadi Yang Berhormat sebut tak jumpa bajet ini yang dikatakan tidak menitikberatkan soal kemiskinan. Kelantan dituduh sebagai negeri paling miskin tapi royalti tak dibayar kepada Kelantan. Itu adakah sebahagian daripada bukti? Saya nak tanya pandangan Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat setuju royalti itu dibayar kepada Kelantan? Peribadi ya, saya tahu kalau tanya atas dasar parti Yang Berhormat mungkin tak berani sebab itu.

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: Soal peribadi saya rasa tidak sentuh dalam Dewan ini, yang saya sentuh adalah apa yang dibawa oleh dasar kerajaan [*Tepuk*] yang ingin membantu mereka yang memerlukan dan saya menyokong mana-mana dasar yang memerlukan kita menyokong dan membantu mana-mana sahaja di kalangan rakyat kita...

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Royalti kepada Kelantan sokong tak?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: Yang memerlukan. Saya ingin sambung.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat, Arau, Yang Berhormat. Arau sikit sahaja, sikit sahaja. Seminit, seminit. Seminit sahaja.

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: Saya ingin sambung. Kemudian, kemudian. Dalam menjaga kebajikan golongan gelandangan, kerajaan juga memperuntukkan RM4.5 juta untuk Anjung Singgah yang memanfaatkan 7,000 gelandangan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat, sikit sahaja.

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: Tuan Yang di-Pertua, dalam pada angka-angka ini menunjukkan kenaikan positif. Saya amat berharap pihak kerajaan akan dapat menangani isu capaian atau *reachability* kepada sasaran yang dimaksudkan.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Minta laluan sikit. Yang Berhormat Ledang, saya orang Sarawak. Saya minta laluan.

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: Perkara ini seiring - sahabat Yang Berhormat Pendang, sekejap. Perkara ini sering kali menggagalkan dasar, sering kali menggagalkan dasar akibat ketirisan birokrasi, rasuah dan penyelewengan. Langkah semak dan imbang serta pemantauan wajib dititikberatkan. Ia juga mungkin kerana ada jurang kefahaman dan pelaksanaan dasar. Contoh yang saya ingin berikan, isu berkaitan dengan kaedah permohonan dan simpanan data portal eKasih yang menjadi

portal utama rakyat untuk memohon bantuan kerajaan seperti Bantuan Sara Hidup, i-Suri, rebat elektrik, Dana Perlindungan Kesihatan, subsidi petrol bersasar dan lain-lain lagi.

Kegagalan memudah cara dan mencapai mereka yang layak untuk mendaftar eKasih menyebabkan bantuan tidak diperolehi. Saya alami perkara ini juga di kawasan saya, saya menerima aduan daripada pihak penghulu dan juga ketua kampung. Justeru, saya mohon kerajaan memberi jaminan agar segala isu capaian dapat diselesaikan agar rakyat benar-benar dapat menikmati bantuan.

Berkait dengan soal kebajikan. Menurut laporan kaji selidik UNICEF bertajuk Kanak-kanak Pinggiran yang diterbitkan pada tahun 2016, kanak-kanak yang terbantut dilaporkan kerana kekurangan nutrisi dan zat makanan. Mengikut laporan tersebut, peratusan kanak-kanak kita yang terbantut lebih teruk daripada Ghana walaupun KDNK per kapita Malaysia enam kali lebih tinggi. Di daerah paling kaya di Malaysia iaitu Putrajaya, hampir satu dalam empat kanak-kanak terbantut.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Minta laluan.

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: Ini adalah lebih tinggi daripada purata kebangsaan. Kanak-kanak di negeri paling miskin pula, Kelantan lebih teruk daripada kanak-kanak di negara berpendapatan rendah seperti Zimbabwe dan Eswatini. Eswatini ini adalah nama baru kepada Swaziland, kepada yang mungkin tidak tahu. Saya serahkan kepada Yang Berhormat Setiawangsa. Silakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, Yang Berhormat Setiawangsa.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Terima kasih rakan sejian saya, sama *tie* merah. Saya cuma nak bertanya, adakah Yang Berhormat setuju dan saya tahu kawasan Yang Berhormat pun banyak kawasan luar bandar tetapi masalah kemiskinan bandar juga tidak boleh diperkecilkan sebagaimana dakwaan sesetengah Ahli Parlimen pembangkang bila kita nak menangani isu kemiskinan bandar, mereka mengatakan seolah-olah masalah itu tidak serius ataupun tidak berlaku di kalangan masyarakat bumiputera.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, sila Yang Berhormat Ledang.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat, *tie* merah. *Tie* merah juga, Yang Berhormat. Arau sikit sahaja.

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: Saya bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat Setiawangsa tersebut kerana betul kita kena lihat kemiskinan ini daripada semua aspek sama ada di luar bandar ataupun di bandar.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Apakah Yang Berhormat sedar ayat Quran...

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: Saya nak teruskan, masa tak banyak. Minta maaf.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: No, ayat Quran yang Yang Berhormat baca...

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Sikit sahaja, Yang Berhormat sebut pasal Kelantan tadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Arau, dia tak bagi laluan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Menuntut keadilan *Rahmatan Lil Alamin* tetapi Yang Berhormat serah... [*Sistem pembesar suara dimatikan*]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya Yang Berhormat Ledang, teruskan. Sila Yang Berhormat Ledang.

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: Tuan Yang di-Pertua, berkait dengan pengangkutan.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Yang Berhormat, kalau royalti dibayar kepada Kelantan, Kelantan jadi negeri paling kaya dalam Malaysia ini.

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: Saya menyambut baik diskaun tol 18 peratus secara purata di semua lebuhraya milik PLUS yang ditawarkan kerajaan di dalam belanjawan [*Tepuk*] sedangkan dahulu di era Barisan Nasional, pengguna lebuhraya hanya dapat menikmati potongan harga tol pada musim perayaan. Itu pun perlu menebus rebat yang akan dipulangkan secara kredit dalam kad Touch 'n Go ataupun PLUSMiles.

Diskaun tol 18 peratus ini sedikit sebanyak membantu mengurangkan beban rakyat dan mengurangkan kos pengangkutan. Besar harapan saya agar langkah ini akan menjadi langkah permulaan ke arah pemansuhan tol secara berperingkat sebagaimana janji Enam Buku Harapan. Khazanah Nasional perlu terus memegang syer lebuhraya supaya langkah pemansuhan ini dapat dilaksanakan secara berperingkat.

Tuan Yang di-Pertua, inisiatif kerajaan memberikan tambahan pendapatan kepada graduan menganggur satu tawaran yang saya kira amat menarik namun mungkin bukan penyelesaian kepada masalah pengangguran yang sebenar kerana;

- (i) kemahiran graduan perlu ditambah nilai dan dipertingkatkan untuk menarik minat industri dan syarikat mengambil mereka dan meningkatkan kebolehpasaran graduan tempatan;
- (ii) tawaran pendapatan lumayan pekerjaan *gig economy* seperti Grab, GrabFood, Foodpanda dan lain-lain menjanjikan peluang pendapatan yang lebih tinggi. Secara purata, gaji pasaran untuk *fresh grad* ialah sekitar RM1,800 sebulan manakala pendapatan pekerjaan *gig economy* boleh mencecah sehingga RM4,000 sebulan

Justeru, kerajaan perlu melihat secara holistik dalam menangani masalah pengangguran di kalangan graduan. Golongan belia luar bandar pula terpaksa berhijrah ke bandar menyebabkan kadar populasi belia kawasan luar bandar berkurangan seperti di kawasan Ledang. Kerajaan perlu mengambil inisiatif menggalakkan syarikat dan industri menapak di kawasan luar bandar bagi membuka peluang pekerjaan di luar bandar dan mengurangkan belia berhijrah ke bandar.

Pada masa yang sama, kemudahan sukan seperti dewan dan gelanggang futsal perlu diperbaiki dan diselenggarakan untuk faedah belia. Masalah ini saya dengar ada juga ditimbulkan oleh teman-teman Yang Berhormat yang lain. Di Ledang sahaja dianggarkan terdapat 40 gelanggang futsal di enam mukim daerah Tangkak yang perlu di baik pulih dan saya anggarkan kos dia mencecah RM4.2 juta. Saya telah maklumkan kepada Kementerian Belia dan Sukan dan saya amat berharap kos berkenaan telah diambil kira dalam Belanjawan 2020 dan *insya-Allah* saya akan bangkitkan lagi di peringkat jawatankuasa.

Tuan Yang di-Pertua, pendidikan adalah satu perkara yang sangat penting kepada kita semua dan saya menyambut baik peningkatan belanjawan pendidikan bagi belanjawan kali ini. Ini sedikit sebanyak boleh memastikan penyelenggaraan dan menaik taraf sekolah terutamanya di kawasan luar bandar yang menghadapi masalah bekalan elektrik, air tak terawat, masalah pendawaian dalam dan lain-lain lagi.

■1540

Saya berterima kasih kepada Kementerian Pendidikan yang bekerjasama dengan Kementerian Kerja Raya dan KPLB untuk memastikan projek-projek ini diteruskan untuk persekitaran pembelajaran yang terbaik buat anak-anak kita. Namun,

saya berharap kerajaan tidak lupa untuk menyelesaikan masalah kekurangan guru di sekolah menengah dan sekolah kebangsaan selain kekurangan pembantu tadbir.

Berkaitan soal kaunseling, Kajian Kesihatan Mental Kebangsaan 2017 telah mendedahkan bahawa remaja berusia 13 hingga 17 tahun mengalami masalah kesihatan mental. Kajian ini juga membuktikan sekurang-kurangnya satu daripada sepuluh anak muda atau sepuluh peratus daripada 5.5 juta belia di negara ini pernah terfikir untuk membunuh diri. Kajian sama turut menunjukkan satu daripada lima anak muda mengalami kemurungan...

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh minta penjelasan?

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: ...Manakala, satu daripada sepuluh remaja berhadapan masalah tekanan perasaan. Tidak cukup masa, minta maaf. Justeru, tugas dan peranan guru kaunseling amat penting untuk membantu mengenal pasti masalah kesihatan mental di kalangan pelajar dan membantu mengurangkan kadar pelajar yang bertindak untuk membunuh diri. Saya ingin maklumkan...

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: ...Apakah mereka bertindak begini sebab bajet tidak ada sebut PTPTN?

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: Di Parlimen Ledang terdapat 10,615 pelajar sekolah menengah. Dalam sesi dialog saya dengan guru-guru kaunseling pada bulan Ogos lepas, saya dimaklumkan 8,137 kes dikendalikan oleh guru kaunseling melibatkan masalah disiplin. Kapasiti guru kaunseling untuk mengendalikan masalah disiplin ini tidak mencukupi. Satu kepada 500 murid- tidak cukup. Kerajaan perlu menimbangkan untuk kurangkan daripada satu kepada 250 murid. Guru kaunseling juga perlu diberi maklumat dan informasi terkini tentang contohnya Revolusi Industri 4.0 supaya mereka dapat memberikan pandangan dan nasihat kerjaya dan haluan kepada anak-anak kita.

Tuan Yang di-Pertua, ekonomi Bumiputera saya tidak akan sentuh secara menyeluruh. Akan tetapi, pada ringkasnya bahawa peruntukan RM8 bilion yang disediakan untuk pembangunan usahawan Bumiputera adalah sesuatu yang besar dan ia adalah menjanjikan sesuatu yang baik. Kita mahu elak daripada berlakunya fenomena sabotaj ekonomi pada masa lepas. Kita mahu ada *return on investment* terhadap peruntukan yang diberikan.

Sebagai akhirnya, Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, sila menggulung.

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: ...Saya ingin menyambut baik usaha kerajaan untuk terus menegakkan syiar Islam dan sekali gus menolak

propaganda Islam terancam. Peruntukan hal ehwal Islam ditingkatkan daripada RM1.2 bilion kepada RM1.3 bilion, elaun guru KAFA dinaikkan, ada bantuan khas untuk imam, bilal, tok siak dan ada peruntukan untuk inisiatif *Rahmatan Lil Alamin*, di samping ada usaha-usaha pemulihan kembali kedudukan kewangan Tabung Haji dan memperkasakan kedudukan peguam dan Mahkamah Syariah. Institusi wakaf juga telah dikemaskan.

Justeru, rumusannya saya amat berharap Belanjawan 2020 ini benar-benar dapat membantu rakyat dan mengharungi kemungkinan ekonomi meleset malah mengambil kesempatan untuk memacu pertumbuhan ekonomi terutama dalam ekonomi baharu dan digital. Tanpa kita menjejaskan isu-isu yang membebankan rakyat, alam sekitar, kesihatan, keselamatan dan juga kebajikan.

Saya teringatlah, saya kongsi ini sebagai maklumat bersama, Muhammad Rashid Rida, seorang tokoh reformasi Islam yang sangat menekankan keadilan dalam pemikirannya menyebutkan, "*Tidak ada kebenaran yang lebih besar daripada keadilan dan tidak ada kesalahan yang lebih buruk daripada kezaliman ataupun penyelewengan kuasa.*" Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Penjelasan Yang Berhormat Ledang.

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: ...Saya mohon menyokong Belanjawan 2020. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat Ledang.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Ledang. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Adakah Yang Berhormat sedar bahawa peruntukan kepada pembangkang...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Arau, ini bukan sesi soal jawab. Ini ialah sesi perbahasan, kita kena adil kepada rakan-rakan yang lain.

Ahli Yang Berhormat, sekarang saya menjemput Yang Berhormat Sembrong untuk mengambil bahagian. Selepas itu, Yang Berhormat Batu Gajah. Sila.

3.44 ptg.

Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein [Sembrong]: *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua mengizinkan saya mengambil bahagian dalam sesi perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2020 pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengambil kesempatan ini untuk mengungkapkan rasa terima kasih saya yang tidak terhingga kepada seluruh anggota Keselamatan Negara khususnya anggota tentera Malaysia, Angkatan Tentera Malaysia dan Polis Diraja Malaysia yang sentiasa cekal, tabah, ikhlas dan bersungguh-sungguh dalam menyumbang bakti demi mempertahankan keamanan dan juga kedaulatan negara. Secara peribadi saya sentiasa mendoakan semoga segala jasa dan pengorbanan mereka dianugerahkan ganjaran yang setimpal oleh Allah SWT, *Amin Ya Rabbal Alamin*.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masa yang singkat ini saya hanya sempat sebagai Mantan Menteri Pertahanan, melakukan semak dan imbang terhadap hanya beberapa inti pati yang menyentuh soal pertahanan dan keselamatan negara. Ikhlas Tuan Yang di-Pertua, saya kecewa dan bimbang melihat perancangan Kerajaan Pakatan Harapan untuk sektor pertahanan. Nilai peruntukan sebanyak RM15.6 bilion tidak boleh dijadikan sandaran untuk mengukur tahap keseriusan kerajaan bagi memperkasakan pertahanan negara.

Ini kerana yang lebih penting ialah ke mana peruntukan ini akan dibelanjakan. Tahun lalu, Kementerian Pertahanan dibekalkan dengan nilai peruntukan yang hampir sama. Namun, tiada satu pun inisiatif besar, tiada satu pun perancangan strategik yang Kementerian Pertahanan laksanakan. Apabila ditanya apa perancangan sebenar MinDef? Jawapan mereka mudah, tunggu Kertas Putih Pertahanan. Masalahnya setakat ini sudah enam kali Menteri Pertahanan berjanji hendak bentang KPP ini. Ini termasuklah ketika berucap dalam perhimpunan bulanan MinDef pada 14 Oktober baru-baru ini dengan menyatakan KPP akan dibentangkan pada bulan Disember pula.

Jadi sama-samalah kita tunggu dan lihat adakah kali ini KPP betul-betul akan dibentangkan. Akan tetapi, Tuan Yang di-Pertua namun apa yang dijanjikan sekalipun, ia cuma lah dokumen perancangan 10 tahun MinDef. Walhal, perkara yang lebih penting ialah apa inisiatif dan perancangan MinDef untuk tahun 2020 ini. Bukan sahaja untuk memperkasakan pertahanan negara, tetapi juga untuk membela kebajikan anggota dan veteran ATM serta ahli-ahli keluarga mereka. Malangnya dalam Belanjawan 2020, hanya empat kali perihal ketenteraan disebut dan tiada satu pun inisiatif besar dan perancangan strategik yang diumumkan untuk dilaksanakan tahun hadapan untuk keselamatan Sabah misalnya.

Langsung tidak dinyatakan peruntukan keseluruhan yang akan digunakan untuk menjaga keselamatan rakyat Sabah. Satu-satunya perkara yang diumumkan hanyalah perancangan untuk membeli bot pemintas laju, bot pemintas laju. Sedangkan Sabah

merupakan kawasan yang sentiasa perlu diawasi dengan amat rapi. Memandangkan kawasannya bukan sahaja bertentangan dengan Laut Sulu, lokasi penculikan oleh kumpulan militan termasuk Abu Sayyaf. Malah, negeri Sabah amat berhampiran dengan Bandar Marawi Mindanao. Lokasi yang pernah dijadikan sasaran oleh kumpulan Daish untuk bertapak dan seterusnya dijadikan sebagai pusat pemerintahan Daish di Asia Tenggara.

Jadi kerajaan tidak mempunyai pilihan, selain melaksanakan lebih banyak inisiatif keselamatan di Sabah. Dalam hal ini, kerajaan tidak boleh berkira-kira dalam soal peruntukan. Jangan sesekali kita memperjudikan keselamatan rakyat Sabah. Ketika zaman Barisan Nasional, kita telah melaksanakan pelbagai inisiatif demi memastikan tidak seinci pun tanah air Sabah dicerobohi oleh anasir-anasir luar... [Tepuk] Contohnya bagi pertahanan darat, kita menempatkan 13 Briged (ESSCOM) di FELDA Sahabat. Kita menaikkan dua pos kawalan sempadan di Sabah iaitu Pos Saliliran dan Pos Serudong serta membina tiga pos kawalan tambahan bagi menambah keberkesanan pengawasan sempadan daratan sepanjang di antara Sabah, Sarawak dan juga Kalimantan.

Bagi pertahanan laut, kita telah membina dua pangkalan laut- *sea basing*, dengan izin, Pangkalan Laut Tun Azizan di perairan Sandakan, Pangkalan Laut Tun Sharifah Rodziah di perairan Lahad Datu. Kita juga menaik taraf pangkalan TLDM Teluk Sepanggar sebagai hab keselamatan maritim kita. Malah, kita turut melaksanakan inisiatif *Trilateral Maritime Patrol* bersama-sama dengan Indonesia dan Filipina bagi memperkukuhkan kawalan keselamatan di Laut Sulu.

■1550

Bagi pertahanan udara pula, sebanyak lima buah pesawat pejuang Hawk dan empat buah helikopter EC725 ditempatkan di Pangkalan Udara Labuan. Kita juga menaik taraf Pangkalan Udara Labuan serta Lapangan Terbang Lahad Datu sebagai pangkalan operasi hadapan dan *forward operating base* dengan izin untuk helikopter-helikopter ATM.

Untuk Sarawak, kita juga langsung tidak mendengar sebarang inisiatif baru untuk memperkukuhkan keselamatan Sarawak dalam Belanjawan 2020. Sedangkan sepanjang Pakatan Harapan memerintah, sudah beberapa kali sempadan negara cuba dicerobohi anasir luar. Terbaru insiden penculikan rakyat kita di sempadan Sarawak-Kalimantan pada Disember lalu sepatutnya MinDef sudah ada perancangan untuk pastikan kejadian yang sama tidak berulang.

Ketika zaman Barisan Nasional, kita telah melakukan pelbagai inisiatif di Sarawak termasuklah penubuhan Briged ke-31 sempadan, membaik pulih dan membina pos-pos kawalan baru di sempadan dan merancang penubuhan Pangkalan TLDM Bintulu. Sebenarnya banyak lagi inisiatif dan perancangan yang Kerajaan Barisan Nasional laksanakan untuk memastikan dan memperkukuhkan keselamatan Sabah dan Sarawak.

Maka saya menggesa agar Kerajaan Pakatan Harapan bukan sahaja meneruskan inisiatif-inisiatif ini tetapi juga menambah baik banyak inisiatif yang lain. Inisiatif ini juga mestilah diberitahu kepada rakyat Sabah dan Sarawak agar mereka berasa lebih yakin dan mereka rasa lebih selamat. Perkara kedua dalam hal hala tuju MinDef...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Boleh celah?

Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein [Sembrong]: Boleh.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Apakah hala tuju kerajaan dan Menteri Pertahanan sekarang apabila soalan ditanya pasal Beting Patinggi Ali kelmarin dia kata *Coast Guard* China besar, yang kita kecil. Dengan itu kita meningkatkan aset-aset. Adakah dia tahu bahawa untuk hendak bina satu aset yang besar itu mengambil masa tiga tahun. Jadi, apakah perancangan segera yang harus mereka buat? Adakah mereka meneruskan apa yang telah kita laksanakan ataupun cerita kepada orang untuk menambah aset yang bererti kita mengisytiharkan perang dengan negara lain Yang Berhormat?

Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein [Sembrong]: Mungkin saya boleh jawab bagi pihak Menteri Pertahanan. Tunggu kertas putih pertahanan. Yang Berhormat Menteri Pertahanan pada 10 Januari beritahu bahawa kertas putih ini akan dibentangkan bulan September. Pada 29 Januari beliau cakap hendak bentang Julai. Pada Julai beliau ubah pula cakap bentang dalam sidang Parlimen akan datang. Ogos, beliau cakap hendak bentang bulan November. Baru-baru ini beliau cakap selepas Bajet 2020. Jadi, apa Yang Berhormat Arau sebut tadi cukup penting kerana dalam perancangan kita dalam konteks aset-aset pertahanan ia mengambil masa dan penganas tidak akan tunggu kertas putih kita ini. *[Tepuk]*

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh minta pandangan Yang Berhormat? Apa pandangan Yang Berhormat Sembrong apabila Menteri Pertahanan ditanya tentang kekuatan negara kita? Dia kata *we have a 28 jet fly, Sukhoi jet fly but only four can fly*. Macam mana keadaan begini?

Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein [Sembrong]: Menteri Pertahanan pun ada sebut bahawa *China Coast Guard* pun lebih hebat daripada Tentera Laut Diraja Malaysia. Semua ini saya tengok, kita beri ruang hampir dua tahun untuk kerajaan baru ini betul-betul serius memikirkan hala tuju MinDef. Akan tetapi kebelakangan ini kita tengok bahawa perancangan peruntukan tidak berada di atas bumi yang nyata.

Oleh sebab itu kalau kita kata aset tentera udara pun dipertikaikan, aset tentera laut dipertikaikan. Apa opsyennya pada masa dan ketika itu semasa saya Menteri Pertahanan, aset yang sama juga tetapi ini tidak bermakna bahawa kita menyerah kalah. Kita buat inisiatif dengan mengadakan *trilateral*, berkongsi aset bersama-sama dengan Indonesia dan Filipina untuk menjaga keselamatan di Laut Sulu. [Tepuk]

Kalau berhubung kait dengan China, kalau kata *Coast Guard China* itu lebih hebat daripada Tentera Laut Diraja Malaysia, diplomasi pertahanan, apa usaha kita hendak mendekatkan diri kita dengan China? Apa usaha kita mendekatkan diri dengan Amerika Syarikat? Jangan sekali-kali menyerah kalah. Banyak berapa pun peruntukan kita memang tidak cukup kalau hendak bandingkan dengan negara-negara lain dari segi aset pertahanan. Akan tetapi dari segi kedaulatan tanah air kita, kita akan pastikan ia akan dipertahankan sehingga titisan darah terakhir. [Tepuk] Tuan Yang di-Pertua, kita sedar...

Seorang Ahli: Yang Berhormat Jelutong bila hendak bangun? [Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Tidak berani... [Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]

Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein [Sembrong]: Selain kelengkapan ketenteraan yang moden dan terkini serta latihan yang berterusan aspek *morale* anggota juga mesti diberi keutamaan dan perumahan contohnya yang selesa serta kondusif untuk mereka serta ahli-ahli keluarga mereka merupakan salah satu daripadanya. Apatah lagi anggota yang bertugas jauh dari keluarga. Kita mesti pastikan ahli keluarga mereka yang ditinggalkan berada dalam keadaan yang selesa bagi memastikan fokus mereka dalam tugas tidak terganggu.

Oleh sebab itu, perkara kedua yang saya hendak sentuh dalam perbahasan hari ini ialah berhubung kait dengan kebajikan warga ATM.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Boleh?

Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein [Sembrong]: Aspek kebajikan warga ATM...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Sembrong, sedikit Pontian. Mengenai kebajikan, bagaimana pandangan Yang Berhormat Sembrong mengenai dividen dan bonus LTAT?

Tahun	Peratus
2009	14 peratus
2010	14 peratus
2011	15 peratus
2012	16 peratus
2013	16 peratus
2014	15 peratus
2015	12 peratus
2016	12 peratus
2017	12.5 peratus

Mereka ambil alih tinggal dua peratus Yang Berhormat Sembrong. Ya Allah, agaknya apa sebab Yang Berhormat Sembrong? Apa sebab jatuh begitu banyak daripada purata 14 peratus ini kepada dua peratus. Apa pandangan Yang Berhormat Sembrong?

Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein [Sembrong]: Daripada angka-angka yang disenaraikan oleh Yang Berhormat tadi saya pun tidak masuk akal tetapi dia tuduh Kerajaan Barisan Nasional. Dia tuduh pentadbiran terdahulu. Tak kanlah berapa puluh tahun kita telah memberikan dividen begitu besar, baru sekarang tidak sampai dua tahun hanya dua peratus sahaja yang diumumkan baru-baru ini. Itu pun diumumkan lambat.

Bayangkan *morale*, yang kita hendak bincangkan berhubung kait dengan kebajikan anggota kita, perumahan dari segi dividen LTAT. Semua ini penting kerana mereka inilah yang akan berada di barisan hadapan. Kalau perumahan tidak dibela, dividen LTAT tidak nampak bersungguh-sungguh, saya bimbang bahawa akhirnya peralatan canggih macam mana pun tidak akan bantu semangat anggota-anggota kita untuk mempertahankan negara kita ini.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Adakah dia turunkan dividen kepada dua peratus itu untuk membolehkan mereka jual Hotel Royale Chulan kepada Singapura? Oleh kerana apa Yang Berhormat sebut ini agak memeranjatkan kami, apakah Yang Berhormat bercadang supaya Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan ini diberi kepada Menteri Dalam Negeri yang kita rasa lebih layak untuk berbuat demikian? *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Apa ini Yang Berhormat Arau?

Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein [Sembrong]: Itu saya tidak berani. Kalau tidak, Yang Berhormat Jelutong pun masuk selepas ini. Cuma dari segi kenyataan-kenyataan daripada pengurusan LTAT sendiri mereka akan membuat penelitian dan kajian. Jadi mungkin kita juga kena tunggu kertas putih daripada LTAT untuk memastikan...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Sembrong.

Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein [Sembrong]: Ya ada, ada.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya teruja dengan perbahasan Yang Berhormat Sembrong kerana di kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat di sebelah sana, saya terpaksa pujilah, Yang Berhormat memang mempunyai inti pati yang menarik perhatian Dewan yang mulia ini. Jadi saya ada soalan kepada Yang Berhormat Sembrong. Adakah Yang Berhormat setuju bahawa kebanyakan aset ini dibeli ketika pentadbiran adalah di bawah kerajaan yang dahulu? Soalan pertama saya. Setuju kah Yang Berhormat bahawa Yang Berhormat Menteri Pertahanan sekarang memerlukan masa. Belum dua tahun lagi. Memang kedaulatan negara ini adalah isu yang tidak boleh di kompromi. Pakatan Harapan tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak.

Saya juga bersama-sama dengan Yang Berhormat Sembrong bahawa tiada seinci tanah pun yang boleh diambil... [*Dewan riuh*] Akan tetapi persoalan saya adalah ini adalah semua warisan daripada kerajaan dahulu. Bukankah benar bahawa kita memerlukan masa untuk memperbaiki kemantapan aset-aset ini Yang Berhormat?

■1600

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Apakah Yang Berhormat sedar bahawa Yang Berhormat Jelutong ini tanya soalan yang bodoh.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Fasal apa, musuh..

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Arau, jangan guna bahasa yang kurang sopan, tarik balik. Setuju dan janganlah tanya kepada Yang Berhormat Jelutong, dia mana boleh jawab, yang sekarang ini yang berbahas Yang Berhormat Sembrong. Yang Berhormat Sembrong, sila. Yang Berhormat Arau, sabar.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya tanya Yang Berhormat Sembrong, adakah dia kata Menteri Pertahanan baru...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *Shut up*, duduk!

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: *You are stupid. You are a stupid person, you don't...*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Jelutong, sila tarik balik perkataan. Yang Berhormat Arau sudah tarik balik perkataan "bodoh", Yang Berhormat juga sila tarik balik perkataan "*stupid.*" *This is unparliamentarian.*

Kedua-dua belah pihak dua kali lima, sama. Jangan ya, sila Yang Berhormat Jelutong, sila tarik balik.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *You* tidak tarik, maknanya ini sifat DAP, samseng.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Arau, samseng pun tarik balik juga. Dia tidak tarik kerana saya tutup *mic*, sekarang saya buka *mic*.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya tarik balik perkataan *stupid* tapi soalan saya, saya tunggu Yang Berhormat Sembrong, tolong jawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang lain sila duduk.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya hendak tanya, apakah musuh...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Arau, sila duduk. Kita dengar Yang Berhormat Sembrong jawab, sebenarnya masa pun sudah tamat. Kita bagi ruang kepada Yang Berhormat Sembrong untuk jawab, sila.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Yang Berhormat Sembrong, Tuan Yang di-Pertua, sikit saja. Yang Berhormat Sembrong, sikit saja.

Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein [Sembrong]: Mungkin Menteri Pertahanan perlukan masa.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Yang Berhormat Sembrong, sikit saja, sikit.

Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein [Sembrong]: Siapa? Sila.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Kalau tadi Yang Berhormat Jelutong sebut Yang Berhormat Menteri Kewangan perlu masa. Jadi...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Bukan Menteri Kewangan, Menteri Pertahanan, PAS.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Menteri Pertahanan perlukan masa. Jadi, kalau Menteri Pertahanan perlukan masa, setuju kah Yang Berhormat Sembrong, Yang Berhormat Langkawi sebagai Perdana Menteri pun perlukan masa sampai habis penggal *[Ketawa] [Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Sembrong, hanya jawab yang berkaitan.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Mencelah sikit, minta laluan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Apa yang tidak berkaitan, abaikan.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Yang Berhormat Sembrong.

Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein [Sembrong]: Jawapan saya sebiji dengan Yang Berhormat Pengkalan Chepa, saya setuju sangat.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Minta laluan.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Minta laluan, Yang Berhormat Sembrong.

Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein [Sembrong]: Cuma Yang Berhormat Jetulong.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Padang Serai minta laluan.

Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein [Sembrong]: Walaupun Menteri Pertahanan perlukan masa tetapi pegawai-pegawai dengan MINDEF ini sudah berada di sana berpuluh-puluh tahun. Mereka memerlukan kepimpinan. Mereka mesti memerlukan hala tuju... *[Tepuk]* Mereka mesti melihat satu hala tuju yang jelas supaya tidak ada pengalaman pun tidak apa. Akan tetapi sekurang-kurangnya MINDEF berjalan, peruntukan kita digunakan... *[Tepuk]* Bukan setakat gajah dengan gajah bertembung sahaja. Apa yang penting sekarang ialah keselamatan negara tidak boleh diberikan alasan bahawa kita tidak ada pengalaman. Kalau tidak, jangan jadi Menteri Pertahanan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat Jetulong boleh ambil alih. Yang Berhormat Jetulong bagus, bagus sikitlah, tidak melawan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ada lagi satu hendak bagi laluan.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Minta laluan sikit.

Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein [Sembrong]: Saya tahu sudah masa.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Sikit saja.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Yang Berhormat Sembrong, minta laluan.

Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein [Sembrong]: Tuan Yang di-Pertua berikan saya berapa lama lagi?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Sebenarnya masa pun sudah tamat.

Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein [Sembrong]: Saya tahu, banyak lagi isu.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, saya tahu tapi tidak adillah kepada...

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Yang Berhormat, minta laluan.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Minta laluan.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Minta laluan sikit, bekas tentera.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Jelutong, sila duduk.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Bekas tentera.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Mana satu?

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Yang Berhormat Sembrong.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Padang Serai.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Mengenai dengan LTAT.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Padang Serai.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Padang Serai.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Sedar kah Yang Berhormat Sembrong bahawa LTAT telah...

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Yang Berhormat Padang Serai.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat, yang terakhir Yang Berhormat Padang Serai. Itu saja dan singkat.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Mabuk kah Yang Berhormat Kota Melaka ini?

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya selaku bekas tentera, saya respek bekas Menteri Pertahanan, di samping itu juga saya perlu diingatkan jangan politikkan keselamatan negara. Ini adalah tanggungjawab setiap rakyat di dalam Malaysia itu perlu diingatkan... *[Dewan riuh]*

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Yang Berhormat Padang Serai, bagus.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Yang Berhormat Padang Serai lebih layak.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Itu tidak payah jawablah, ini bukan pertanyaan.

Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein [Sembrong]: Saya setuju, saya setuju 100 peratus.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Yang Berhormat Jelutong, duduk! Sudah, cukup-cukup.

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Kalau tidak hendak lawan, jangan jadi Menteri Pertahananlah.

Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein [Sembrong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Yang Berhormat Jelutong, duduk!

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Yang Berhormat Padang Serai, jadi Menteri Pertahanan, Yang Berhormat Jelutong, tukar ke India.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat, sekarang saya menjemput Yang Berhormat Batu Gajah, sila.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat Padang Serai, bagus tahniah. Jadi Menteri selepas ini.

4.04 ptg.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Terima kasih diucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua kerana sudi memberi ruangan kepada Batu Gajah untuk turut mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2020. Tahniah diucapkan kepada Menteri Kewangan kerana membentangkan sebuah bajet yang cukup baik dan inklusif, menjaga kebajikan seluruh rakyat Malaysia, tidak ada sektor ekonomi yang ditinggalkan, malah pengagihan yang cukup adil untuk semua wilayah.

Bajet ini akan menjadi asas kepada Wawasan Kemakmuran Bersama yang telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini. Wawasan Kemakmuran Bersama adalah landasan baru bagi menganjak Malaysia ke arah pembangunan yang mampan dan lebih inklusif. Dasar ini dilancarkan sebagai kesinambungan kepada Wawasan 2020 yang belum sampai ke destinasiya.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks ini saya mohon penjelasan, bagaimanakah Wawasan Kemakmuran Bersama ini berbeza dengan Wawasan 2020? Bagaimanakah kerajaan akan menangani cabaran ekonomi global yang tidak menentu supaya

Wawasan Kemakmuran Bersama juga tidak mengalami kegagalan mencapai matlamatnya? Apakah strategi kerajaan jangka pendek dan jangka panjang supaya kekal berdaya tahan dan bersaing di arena antarabangsa yang semakin mencabar?

Tuan Yang di-Pertua, isu berkaitan dengan hak murid keperluan khas dalam pendidikan inklusif. Baru-baru ini Yang Berhormat Menteri Pendidikan telah melahirkan rasa bimbang dan keraguan, sama ada pegawai-pegawai dan rakan-rakan sekerja di kalangan Kementerian Pendidikan Malaysia akan mendukung semangat yang sama dalam bidang pendidikan untuk anak-anak berkeperluan khas ketika berucap di *Special Educational International Conference (SEIC) 2019* di Hotel Marriot, Putrajaya.

Apakah pelan pemulihan yang telah diambil oleh kementerian berkaitan dengan isu ini? Aspirasi pendidikan inklusif dan jaminan pendidikan berkualiti dilaungkan dengan tangisan sebak oleh Yang Berhormat Menteri dalam SEIC 2019. Inklusif di cita-citakan di peringkat kementerian, malangnya ia tidak capai di peringkat PPD, JPN dan khususnya di peringkat sekolah.

Ramai ibu bapa terpaksa bergelut dengan pihak sekolah yang tidak menerima idea inklusif. PPD dan JPN tidak menyokong ibu bapa, malah berpihak kepada sekolah. Masih ada lagi sekolah-sekolah yang enggan menerima *zero reject policy*. Adakah dasar ini telah diturunkan secara sistematik ke peringkat sekolah? Mohon pencerahan. Tiada maklum balas diberikan kepada aduan yang dibuat oleh ibu bapa melalui saluran e-aduan kementerian pada awal tahun sehingga kini. Sejauh manakah aduan-aduan yang dibuat oleh ibu bapa melalui e-aduan diambil serius oleh kementerian?

Bagaimanakah aduan-aduan ini diproses dan adakah tindakan yang sewajarnya diambil? Adakah maklum balas diberikan kepada individu yang telah membuat aduan tersebut? Sila beri penjelasan berkaitan dengan hal ini.

Tuan Yang di-Pertua, perpaduan kaum sehingga kini banyak menyentuh soal sejarah, punca dan kesan kepada negara. Walau bagaimanapun, penulisan tentang usaha kerajaan bagi menyatukan kaum melalui hubung kait dengan nilai kesederhanaan dalam dasar-dasar nasional memperlihatkan masih kurang dibincangkan. Menurut *Kamus Dewan*, Edisi Keempat, perkataan “perpaduan” berasal daripada kata kukuh dan utuh, bermuafakat dan berunding dengan bersungguh-sungguh. Perpaduan dalam konteks wacana ini membawa maksud rakyat Malaysia yang berbilang kaum mestilah bersatu hati dalam pelbagai perkara bagi menyelesaikan masalah, bermuafakat dalam semua hal, bekerjasama di antara satu sama lain dan berunding untuk bersatu agar menjadi satu bangsa yang kuat dari segi ekonomi dan politik.

Negara-negara seperti Vietnam, Indonesia, China dan India serta jiran-jiran Malaysia yang lain berlumba-lumba untuk mencari kejayaan. Malaysia pula kini banyak bertumpu pada isu-isu yang membawa ketidakharmonian, terlalu banyak isu yang menimbulkan kesangsian, kecurigaan dan ketidakpuasan hati antara kaum yang diterjemahkan sebagai berlebihan, hanya akan mewujudkan ketidakstabilan dan persengketaan yang boleh merugikan negara kita sendiri dan membazirkan usaha-usaha yang telah dizahirkan oleh pemimpin-pemimpin dahulu.

Apakah pandangan dan hala tuju kerajaan dalam hal kesederhanaan berkaitan dengan isu-isu perpaduan ini? Apakah tindakan-tindakan serta polisi yang telah dikeluarkan untuk menyokong dan mendukung konsep kesederhanaan ini? Bagaimanakah kerajaan akan membanteras kegiatan-kegiatan yang menggugat perpaduan kaum dan agensi-agensi manakah yang menyokong kerajaan dalam usaha-usaha ini?

Kerajaan perlu agresif untuk melahirkan bangsa Malaysia yang bersatu padu dalam menghadapi pelbagai cabaran peringkat lokal dan global, termasuk dalam bidang sosial, ekonomi dan politik.

Tuan Yang di-Pertua, syabas saya ucapkan atas keprihatinan kerajaan dalam memperuntukkan elaun khas sebanyak RM200 sebulan bagi anggota bomba. Di sini saya ingin menyentuh berkenaan dengan pegawai tenaga kerja iaitu di bawah Skim Sosial, Pegawai Perhubungan Perusahaan, di mana saya telah dimaklumkan bahawa pegawai-pegawai ini walaupun terlibat secara langsung dalam tugas yang melibatkan kerja-kerja penyiasatan seperti aduan buruh, pemeriksaan tempat kerja, malah pegawai tenaga kerja antara salah satu pegawai penguat kuasa di bawah Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran, di mana pegawai-pegawai ini terlibat secara langsung dalam kes-kes penyiasatan jenayah.

■1610

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Walau bagaimanapun, malangnya hanya pegawai-pegawai tenaga kerja ini tidak diberi elaun siasatan. Sebaliknya lain-lain pegawai penguat kuasa seperti polis, pegawai kastam, imigresen dan maritim ada menerima elaun ini. Perkara ini perlu diteliti dan pegawai tenaga kerja juga harus diberi elaun siasatan sama seperti pegawai-pegawai penguatkuasaan yang lain.

Saya dimaklumkan JPA telah menolak permintaan ini. Saya harap kerajaan akan meneliti semula elaun siasatan bagi pegawai tenaga kerja supaya mereka juga mendapat kemudahan ini untuk kerja-kerja siasatan yang dilakukan agar ia dapat

memberi semangat serta pengiktirafan bagi kerja-kerja yang memudaratkan atau bahaya dilakukan oleh mereka atas dasar perkhidmatan awam.

Tuan Yang di-Pertua, semua murid inginkan kejayaan daripada peperiksaan yang mereka duduki. Setiap kali musim peperiksaan, kerap juga kedengaran isu soalan peperiksaan yang bocor. Setiap kali isu begini timbul, siasatan demi siasatan dilakukan namun mengapa kejadian seumpama ini masih berlaku. Rakyat kini menghadapi cabaran era globalisasi. Pendidikan yang berkualiti dalam pelbagai aspek termasuklah kecemerlangan bidang kokurikulum menjadi matlamat utama sebagai usaha melahirkan generasi alaf baharu yang mampu menangani cabaran-cabaran terkini.

Apakah tindakan atau inisiatif yang diambil oleh kerajaan untuk menangani isu membanteras jenayah kertas bocor dan pada masa yang sama memastikan kita dapat melahirkan generasi muda yang berkaliber dan mempunyai daya saing yang tinggi? Bolehkah tanggungjawab penyediaan kertas peperiksaan diletakkan kepada sekolah masing-masing? Kita harus *think outside the box* dalam hal ini.

Adakah kerajaan boleh menggunakan modus operandi kolej-kolej tempatan? Kolej-kolej tempatan mempunyai pensyarah-pensyarah yang menyediakan kertas peperiksaan mengikut silibus. Kertas ini kemudian diperiksa untuk menilai kualiti oleh beberapa pensyarah lain dan ketua jabatan. Staf yang terlibat diminta menandatangani surat sumpah tidak membocorkan soalan yang disediakan. Setiap sekolah boleh mengikut cara ini supaya soalan tidak bocor dan Malaysia tidak menghadapi isu yang memalukan seperti ini. Sekolah mempunyai guru yang berkebolehan dan pihak kementerian boleh memantau proses ini untuk memperbaiki SOP dari masa ke semasa.

Satu badan pemantau kualiti juga boleh diwujudkan. Saya juga ingin meminta penjelasan Kementerian Pendidikan tentang inisiatif yang difikirkan untuk memodenkan peperiksaan di Malaysia dan sekali gus membanteras isu kebocoran kertas peperiksaan ini. Selain daripada itu saya juga ingin mengetahui apakah rasional Kementerian Pendidikan yang bercadang menghapuskan sistem aliran di sekolah menengah.

Tuan Yang di-Pertua, Pusat Pemulihan Akhlak Batu Gajah telah dibina pada tahun 1992 dan dikenali sebagai *Kinta Prison*. Pada tahun 1952 institusi ini menerima banduanita dan dikenali sebagai *Central Women Prison*. Pada tahun 1959, pusat ini mula menerima orang tahanan dari Ordinan Darurat 1998. Seterusnya ia dipertanggungjawabkan untuk menahan orang di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960. Mulai 22 Mac 1983, institusi ini berubah dan kini dikenali sebagai pusat pemulihan akhlak dan menempatkan orang yang ditahan di bawah Akta Dadah Berbahaya 1985.

Seni bina kolonial bangunan Pusat Pemulihan Akhlak Batu Gajah yang unik dan bersejarah pula dikekalkan sebagai warisan sejarah negara yang mana ia memainkan peranan yang sama penting seperti mana kebudayaan dan kesenian masyarakat dahulu yang menjadi identiti rakyat Malaysia. Ia merupakan khazanah negara yang perlu dilindungi dan dikekalkan. Bangunan yang masih utuh dan kukuh ini telah berusia lebih 100 tahun dan mempunyai nilai sejarah dan warisannya tersendiri. Keunikan bangunan ini perlu dipelihara dan dipulihara sepenuhnya. Harapan saya setinggi gunung sekiranya kerajaan dapat mempertimbangkan bangunan tersebut diwartakan sebagai Bangunan Warisan mengikut Akta Warisan Kebangsaan 2005 [*Akta 645*].

Tuan Yang di-Pertua, kegagalan SEDIC di bawah pemerintahan terdahulu seharusnya menjadi pedoman kepada MITRA di bawah kerajaan baharu yang berlandaskan prinsip ketelusan. Akan tetapi nampaknya MITRA mengulangi perkara yang sama yang hanya akan membawa kepada kegagalan mutlak program ini sehingga membangkitkan kemarahan masyarakat India kepada kerajaan baharu. MITRA sepatutnya tidak membazirkan masa mengulangi program-program yang pernah dilakukan oleh SEDIC dan sebaliknya terus menumpukan kepada program-program peningkatan kapasiti masyarakat India.

MITRA tidak mempunyai visi dan misi yang jelas malah menghadapi kekontangan kepimpinan yang kukuh dan bervisi tinggi dalam merangka perancangan jangka pendek dan jangka panjang. Adalah amat sedih melihat MITRA mencurahkan garam ke dalam laut di mana sebahagian besar peruntukan diberikan kepada badan-badan atau pertubuhan-pertubuhan NGO yang tidak membantu dalam pembangunan sosioekonomi masyarakat India.

Akhirnya Menteri Kewangan dalam pembentangan Bajet 2020 terpaksa membuat teguran secara halus memberi panduan pengagihan peruntukan bagi tahun hadapan iaitu 80 peratus untuk program-program MITRA sendiri dan hanya 20 peratus untuk program-program anjuran pihak lain. MITRA juga didapati mengagihkan sebahagian besar peruntukan bagi program-program pendidikan dan latihan. Apakah matlamat yang ingin dicapai oleh pihak MITRA dengan penubuhan ini? Mengapa penumpuan latihan ini hanya diberikan kepada institusi pendidikan milik swasta yang mengenakan yuran yang tinggi dan bukannya di institusi pendidikan milik kerajaan termasuk di politeknik dan kolej komuniti yang mengenakan yuran yang rendah, malahan percuma?

Saya difahamkan MITRA juga didapati mengagihkan peruntukan geran kepada institusi-institusi pendidikan bertaraf akademik yang tidak berdaftar dengan Jabatan

Pendidikan Swasta, Kementerian Pendidikan atau Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia. Adakah ini benar? Apakah justifikasinya geran untuk kepentingan masyarakat India diberi kepada institusi pendidikan yang tidak berdaftar?

Saya juga dimaklumkan pengagihan dana MITRA juga diberi untuk program-program pendidikan dan latihan yang tidak mendapat akreditasi dan kelulusan pihak Jabatan Pembangunan Kemahiran atau pihak Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Adakah ini benar dan apakah justifikasi institusi-institusi swasta ini juga berlumba-lumba mencari pelajar untuk mengikuti kursus yang mereka tawarkan? Adakah ini menjadi sasaran kita membantu golongan B40?

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya membangkitkan isu perbalahan dalaman Persatuan Karate-Do Malaysia (MAKAF). Memandangkan isu ini boleh diselesaikan di bawah seksyen 23, Akta Pembangunan Sukan iaitu prosedur dalaman bagi menyelesaikan pertikaian adalah tidak wajar perkara ini diheret ke mahkamah oleh mana-mana pihak. Perkara ini boleh diselesaikan di meja perbincangan Pesuruhjaya Sukan. Kenapakah remedi ini tidak dipilih sebelum dibawa ke muka pengadilan?

Saya menyeru supaya Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan campur tangan dengan segera dan menyelesaikan hal ini kerana sukan karate merupakan salah satu sukan yang amat berpotensi bagi merangkul pingat di temasya Sukan Olimpik tahun hadapan di Tokyo. Moga-moga sukan ini terus dapat mencapai kejayaan dan mengharumkan nama negara di pentas antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan pendidikan TVET dan latihan vokasional negara membabitkan kerjasama Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Pendidikan, Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Kemajuan Luar Bandar, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Oleh sebab itu, perkara ini mungkin menyebabkan tiada koordinasi yang baik di antara kementerian-kementerian dan mungkin juga kementerian-kementerian ini menawarkan kursus-kursus yang agak sama dan tidak efektif.

Pada pandangan saya adalah baik kalau ke semua program-program TVET ini diletakkan di bawah penyeliaan satu kementerian, mungkin di bawah Kementerian Sumber Manusia supaya mudah untuk memantau pelaksanaan program-program tersebut. Pada masa yang sama Kementerian Sumber Manusia mempunyai semua informasi dan data untuk mengetahui apakah keperluan tenaga buruh untuk negara. Jadi adalah baik jika TVET dikoordinasikan dan dilaksanakan oleh Kementerian Sumber Manusia secara keseluruhan. Pohon pencerahan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Minta rumuskan ahli Yang Berhormat.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Adakah program TVET ini mendapat sambutan yang cukup daripada anak-anak muda di negara kita? Apakah usaha-usaha kerajaan untuk mempopularkan TVET? Berapakah jumlah penawaran tempat bagi program TVET? Berapakah jumlah permintaan kepada program TVET ditawarkan? Adakah berlaku keseimbangan di antara penawaran dan permintaan tersebut atau terdapat kerugian yang terpaksa ditanggung oleh kerajaan berikutan oleh ketidakseimbangan di antara penawaran dan permintaan ini?

Selain itu, apakah tindakan yang diambil oleh kerajaan untuk menarik perhatian ibu bapa serta pelajar-pelajar bagi meningkatkan keyakinan mereka untuk menceburi program TVET? Adakah pelaksanaan TVET diterima oleh industri dan berapakah peratus industri di Malaysia yang menerima graduan TVET? Berapakah gaji minimum untuk graduan-graduan ini? Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana masa tidak mengizinkan, saya habiskan perbincangan saya di sini dan saya menyokong penuh Bajet 2020 ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Batu Gajah. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Kuala Krai, diikuti oleh Yang Berhormat Tampin.

■1620

4.20 ptg.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Alhamdulillah.* Dipanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya juga dapat saya membahaskan inti Belanjawan 2020 di Dewan yang mulia ini. Saya mulakan dengan firman Allah SWT... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Maksudnya, “*Sesungguhnya Al-Quran ini memberi petunjuk ke jalan yang amat betul yakni agama Islam dan memberikan berita yang menggembirakan orang-orang yang beriman, yang mengerjakan amal-amal soleh bahawa mereka beroleh pahala yang besar*”.

Ayat-ayat Al-Quran bukan sahaja untuk dibaca dalam masjid tetapi perlu dibaca dan difahami dalam seluruh kehidupan kita. Apatah lagi dalam mentadbir sebuah negara, Al-Quran mesti dirujuk untuk mencari penyelesaian sama ada berkaitan ekonomi, pentadbiran, pendidikan, muamalah dan seluruhnya. Ini adalah keyakinan kita sebagai seorang Islam.

Saya melahirkan rasa dukacita bila Yang Berhormat Marang berucap minggu lepas, ada seorang yang memperli dan seakan mengejek dengan menamakan ucapan tersebut sebagai tazkirah Zuhur. Begitu sekali sombongnya beliau, insafah bahawa kita bukan sahaja memerlukan kepada tazkirah di dunia ini tetapi amat berguna kepada kita sehingga ke akhirat jua.

Tuan Yang di-Pertua, saya cetuskan lafaz ucapan perbahasan bajet ini dengan menamakannya sebagai ubat penenang bersulam racun yang berbisa. Pertama, bajet yang telah dibentangkan berkisar soal beberapa habuan gula-gula yang nampaknya manis namun hakikatnya mengandungi racun yang cukup berbisa.

Tuan Yang di-Pertua, soal pemula yang ingin saya singgung adalah berkenaan dengan pendirian kerajaan berkait isu getah. Umum mengetahui getah sangat mendekat dengan rakyat di kawasan saya yakni Kuala Krai. Ternyata selain daripada pengkalan Bantuan Musim Tengkujuh (BMT) yang telah dilaksanakan pada zaman pemerintahan Kerajaan Barisan Nasional, kini tiada rancangan lain yang komprehensif untuk mereka.

Saya yakin mereka semua menunggu penuh debar semasa pembentangan bajet baru-baru ini. Namun, ternyata buat kali keduanya kekecewaan mereka lantas bersambung-sambung bagai menunggu buah yang tidak gugur. Tidak ada sebarang prakarsa oleh pemerintah dalam mempertingkatkan harga getah serta hasilnya.

Kerajaan juga tiada ikhtiar yang meyakinkan bagi melonjakkan kembali industri ini yang mana ia merupakan antara sumber utama kepada negara pada tahun-tahun sebelumnya. Kementerian yang ada sekarang seakan-akan mahu mencuba sesuatu yang baru yang kelihatan aneh malah tidak tentu pula hasil mahsulnya, semisal buluh dan sebagainya. Lalu, ingin saya tegaskan bahawa industri ini masih mapan. Selamatkanlah ia. Ini kerana ternyata nun di bawah sana begitu ramai lagi rakyat yang bersuap rezeki ke mulut-mulut mereka walhasil daripada cairan susu getah ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini bagaimana bajet kali ini sekali lagi seakan-akan lupa tentang Kelantan, perihal pembangunannya, isu lebu rayanya dan barang tentu episod royaltinya. Sememangnya pengagihan projek hanya berfokus kepada negeri-negeri yang sudah maju, status quo Kelantan sebagai anak tiri Kerajaan Persekutuan berterus-terusan sampai ke hari ini bahkan dimomokkan sebagai negeri miskin dan ada yang menuduh dengan tuduhan yang baru pada hari ini yang tidak tahu faktanya daripada mana.

Kesumat serta dendam apakah yang masih bersudut di fikiran kalian sehinggakan kami terhukum terus tanpa penghujung. Seperti mana saban tahun Tuan Yang di-Pertua, Lebuhraya Kota Baharu-Kuala Krai masih tidak ketahuan bila akan

dipersudahkan walaupun dua hari lepas iaitu pada 20 hari bulan Oktober, Yang Berhormat Menteri Kerja Raya telah merasmikan Pakej 2A dari Kadok ke Ketereh sepanjang 6.8 kilometer tetapi pakej-pakej lain sepanjang 41.4 kilometer yang menghubungkan Kota Bharu ke Kuala Krai tidak termasuk Pakej 2B dari Ketereh ke Kok Lanas sepanjang 6.2 kilometer yang sedang dalam pembinaan soalnya bilakah akan dimulakan.

Umum mengetahui bahawa semua projek pakej-pakej yang telah siap dan juga yang sedang dalam pembinaan adalah telah dilaksanakan kelulusannya di zaman pemerintahan kerajaan terdahulu. Jadi, persoalan saya bilakah kerajaan yang ada pada hari ini yang akan melaksanakan pakej-pakej yang berbaki yang masih lagi belum dimulakan. Saya masih mengharapkan pihak kerajaan dapat menyegerakan projek ini khususnya mengutamakan pelaksanaannya dari Kuala Krai ke Machang kerana laluan inilah yang paling memeritkan bagi pengguna.

Soal perjalanan warga yang pulang setiap kali musim perayaan masih digugah dengan lamanya sandaran masa yang tidak pernah regas barang seminit jua pun. Misal terdekat seketika di ambang Aidiladha yang lalu belahan anak-anak Kelantan mengetuk waktu hampir 24 jam satu hari satu malam. Buat mereka tiba di kaki-kaki halaman kampung mereka dari perjalanan dari Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua, menjengah ke sudut royalti pula saya tegaskan lagi ini adalah hak kepunyaan kami. Rakyat negeri Kelantan seluruhnya serasa duka nan menghibakan bagi mentimun kami diperlakukan disuruh tarik saman, kami tarik. Dijanjikan berkali-kali untuk dibayar, sudah diumumkan pun di awal tahun baru ini bulan empat akan dibayar tetapi sampai ke hari ini masih tidak kunjung-kunjung juga.

Tidak ada ribut, tidak pula berdesir angin lantaran tiba-tiba Yang Berhormat Bagan Menteri Kewangan dalam satu sidang akhbar pada minggu lepas menyatakan Kerajaan Pusat telah pun melunasi royalti untuk Kelantan. Bagai mengguntur dan gempita, seluruh buana semenanjung, bermain lidah Sang Menteri. Justeru menyebut bahawa royalti sudah dibayar.

Ternyata Yang Berhormat Bagan tidak berbicara tulus, rasional apakah royalti dibayar dengan jumlahnya tidak sampai RM30 juta. Pendek kata, rasa saya Yang Berhormat Bagan perlu diingatkan tentang satu pantun Melayu yang masyhur.

*Siakap senohong gelama ikan duri;
Bercakap bohong akhirnya jadi Menteri.*

Saya betulkan, "...akhirnya mencuri." ... [Tepuk]

Di Dewan yang mulia ini saya memohon kepada Yang Berhormat Bagan untuk menyatakan secara tepat berapakah sebenarnya nilai royalti Kelantan dan bilakah bayarannya akan dapat dilunaskan. Dedahkan keputusan Mesyuarat Kabinet, apakah bentuk bayaran yang telah pun diputuskan oleh Kabinet, janganlah lagi Yang Berhormat Menteri Kewangan berpusing-pusing kesiangan, berbelit-belit melingkar-lingkar persis ular lagaknya.

Satu lagi soalan yang berpusing dalam benak saya ialah ke manakah perginya wang bayaran tunai ataupun royalti yang telah pun dilunaskan oleh PETRONAS setiap tahun kepada Kementerian Kewangan iaitu bahagian Kelantan sebanyak 50 peratus yang sepatunya dibayar kepada Kelantan. Saya desak agar perbelanjaan yang didedahkan kerana rakyat Kelantan ingin mengetahuinya.

Dalam masa yang sama saya nasihatkan Yang Berhormat Menteri Kewangan janganlah beralasan, setiap kali membuat bayaran, bayaran ter-hak untuk Kelantan dengan menyatakan bahawa kerajaan negeri Kelantan tidak mampu untuk membayar gaji sedangkan saya mengharapkan Yang Berhormat Bagan membuat semakan dengan pejabat beliau adakah terdapat hutang Kerajaan Persekutuan kepada kerajaan negeri Kelantan yang belum lagi dilunaskan khususnya pada tahun 2019 ini seperti contoh premium tanah yang perlu dilunaskan segera oleh pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya tahun 2020 adalah tahun terakhir dalam Rancangan Malaysia Kesebelas. Beberapa projek keutamaan negeri yang telah disenaraikan untuk dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas perlu terus dilaksanakan dengan segera oleh Kerajaan Persekutuan seperti pembinaan Lebuh raya Pantai Timur Fasa 3, menaik taraf Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, pembinaan jalan raya menghubungkan Pasir Putih-Machang-Jeli, penyiapan Lebuh raya *Central Spine Road*, pembinaan Jambatan Palekbang, penerusan Projek Laluan Rel Pantai Timur.

Dalam masa yang sama, saya pada hari ini memohon dan mengharapkan kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar agar dapat melihat keperluan infrastruktur dalam kawasan saya Kuala Krai yang biasanya ditenggelami air antara contoh yang boleh saya sebut pada hari ini ialah jambatan Kampung Belanga, jambatan Kuala Pertang, jambatan Pasir Jering yang amat-amat diperlukan pembinaan segera oleh pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, pendidikan merupakan nadi terpenting dan tunjang sahsiah bagi sesebuah negara. Tahun ini ternyata perihal PTPTN langsung tidak terlantun sebut oleh Yang Berhormat Bagan padahal itulah antara ratiban utama

sebelum mereka ke persada Putrajaya hinggalah ramai anak muda terpedaya. Apa yang pasti kerajaan masih tiada polisi dan kaedah yang jelas untuk memastikan kaedah bayaran balik PTPTN lebih sistematik.

Lantaran itu tiada dasar yang jelas untuk membantu para graduan. Merujuk kepada Kertas Konsultasi Rakyat (KKR) yang di janji akan dikemukakan dan di bentang pada bulan Ogos tahun 2019, sebagai mekanisme baru untuk pembayaran balik PTPTN ini sehingga kini kertas tersebut khabarnya masih belum diluluskan Kabinet, ini sudah masuk bulan Oktober Tuan Yang di-Pertua tercetus tanya bilakah status KKR ini.

■1630

Sudahlah peluang pekerjaan untuk anak muda di luar sana kabur dan tidak terjamin. Kadar pengangguran adalah sekitar 3.3 peratus iaitu lebih setengah juta rakyat Malaysia yang menganggur ataupun masih aktif mencari pekerjaan. Manakala kadar pengangguran di kalangan belia adalah sebanyak 10.9 peratus. Saya pasti ramai anak muda di luar sana berasa sangat tertipu dan saya yakin mereka tidak akan lagi mengundi Pakatan Harapan di masa hadapan. Sudahlah jatuh ditimpa tangga, ingatkan lebih baik rupanya tertipu jua.

Di kesempatan ini saya memohon diberi jawapan apakah langkah-langkah komprehensif yang telah diambil oleh pihak kerajaan untuk pembayaran balik PTPTN. Minggu lepas saya bertemu dengan dua kumpulan mahasiswa dan pimpinan belia. Satunya Ahli Parlimen Belia dan keduanya NGO besar yang mewakili pelbagai NGO mahasiswa, ternyata mereka sedang mengalami keresahan akibat dasar-dasar kerajaan khususnya dalam Belanjawan 2020 yang tidak berpihak kepada mereka seperti persoalan mereka isu baucar buku, isu SL1M, isu pendidikan percuma dan isu kad mahasiswa.

Dalam masa yang sama Ahli Parlimen Belia pula menyatakan keresahan mereka kerana kerajaan pada hari ini acuh tidak acuh sekadar melepaskan batuk di tangga dengan kewujudan program ini. Isu tiada peruntukan disediakan kepada mereka sebelum ini mereka diberikan sebanyak RM3,000 untuk dua tahun. Saya juga ingin mencadangkan agar duit RM500 yang dijanjikan insentif kepada graduan yang menerima tawaran kerja yang menganggur selama 12 bulan diberi secara tunai bukan dikreditkan ke dalam akaun KWSP. Inilah baru realiti seandainya mahu benar-benar membantu.

Tuan Yang di-Pertua, saya tertanya-tanya mekanisme yang akan digunakan oleh Kementerian Pendidikan berkenaan untuk Program Sarapan Percuma yang bakal bermula Januari tahun hadapan. Apakah setiap sekolah mempunyai kelengkapan yang

mencukupi seperti kerusi, meja dan peralatan untuk program ini? Ini kerana ia melibatkan pertambahan murid yang hampir 100 peratus yang bakal menerima program ini berbanding RMT sebelum daripada ini. Bagi mencapai hasrat ini, pengurusan kantin juga terpaksa menambah jumlah makanan. Dalam masa yang sama, ia juga bakal melibatkan masa untuk memulakan waktu persekolahan.

Soalan saya adalah apakah langkah yang telah diambil oleh pihak kerajaan dalam masa yang sama- Menteri Pendidikan dalam ucapannya di *Astro Awani* pada 2 Oktober 2019 menyatakan bahawa pada Januari 2019, para guru tidak lagi akan dibebani dengan urusan perkeranian. Soal saya, apakah langkah yang telah diambil oleh pihak kementerian setakat ini? Adakah perkara ini menjadi kenyataan? Setakat tinjauan saya, guru-guru masih terbeban dengan kerja-kerja perkeranian sehingga ke hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menarik perhatian isu pensyarah dan kakitangan akademik di IPTA yang mengalami keresahan berkaitan kenaikan gaji mereka adalah mengikut permohonan daripada mereka tidak seperti mana kenaikan gaji guru sekolah iaitu kenaikan secara berkala. Saya juga ingin menarik perhatian kerajaan tentang bantuan pendidikan yang dijanjikan oleh Kerajaan Pusat kepada Sekolah Agama Rakyat untuk tahun 2019. Saya difahamkan bahawa bantuan tahun ini iaitu tahun 2019 yang telah pun diluluskan oleh Parlimen oleh Dewan ini pada tahun lepas masih belum diterima oleh sekolah-sekolah berkenaan sehingga kini.

Apakah status terkini berkaitan bayaran tersebut? Ini institusi pendidikan Tuan Yang di-Pertua adalah cukup penting. Di sinilah lahirnya warganegara yang berilmu dan bertamadun. Merekalah yang mengajar adab dan tatasusila. Janganlah pula ada kumpulan lain yang mengajar mereka menjadi biadab.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang baru semalam dibangkitkan iaitu berkaitan dengan hasrat Kerajaan Persekutuan untuk...

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Yang Berhormat maksudkan tadi siapa? DAP atau apa? Yang mengajar biadab itu.

Dr. Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Boleh rujuk kepada akhbar, media sosial dan sebagainya. Kerajaan akan memperkenalkan APKK Persekutuan bagi menggantikan MPKK negeri seperti mana yang diumumkan oleh penyelaras MPKK Persekutuan Kelantan semalam.

Saya ingin kepastian adakah ia keputusan terbaru pihak kerajaan? Seperti mana yang diketahui, penubuhan MPKK adalah merupakan satu kelainan antara kerajaan terdahulu dengan kerajaan sekarang kononnya bagi menampakkan kerajaan hari ini telus rupanya *U-turn* juga. Dalam masa yang sama saya amat kecewa dengan tuduhan

ahli jawatankuasa tersebut ataupun penyelaras MPKK tersebut yang tidak bertanggungjawab dan penuh retorik yang dilemparkan dengan mengatakan geran MPKK khususnya di Kelantan telah digunakan untuk kepentingan parti politik sedangkan terdapat lima ahli dilantik oleh majlis tersebut yang mewakili Kerajaan Persekutuan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Masa sudah tamat sudah Yang Berhormat.

Dr. Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Tuan Yang di-Pertua, yang terakhir adalah komposisi Melayu, Islam dianggarkan sekitar 69 peratus. Daripada 33 juta penduduk di Malaysia dan jumlah yang besar ini harus disatukan terlebih dahulu dengan acuan Islam sebelum dicorakkan dengan lebih progresif buat membina peradaban baru negara ini. Dari segi politik pilihan raya, jumlah pengundi Melayu yang mengundi PAS dan UMNO dalam Pilihanraya Umum Keempat Belas yang lalu adalah sekitar 70 peratus. Sekiranya mereka ini digembleng secara positif, maka satu perubahan yang lebih baik akan dinikmati oleh seluruh rakyat Malaysia.

Saya yakin penyatuan ummah ini bakal menjadi gelombang untuk Pilihanraya Umum Kelima Belas. Saya sudahi dengan sedikit secebis seloka.

*Bajet Pakatan Harapan penuh tipu;
Ramai rakyat tidak suka;
Islam dan Melayu bersatu;
Demi negara Malaysia tercinta.*

Sekian, terima kasih. *Wassalamualaikum warahmatullah.*

Seorang Ahli: *Waalikumussalam.*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Krai.

Sekarang saya jemput Yang Berhormat Tampin diikuti oleh Yang Berhormat Jelebu. Kemudian diikuti oleh Yang Berhormat Padang Serai.

4.36 ptg.

Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]: *Bismillahi Rahmani Rahim...* [Membaca sepotong doa] Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk terlibat sama dalam perbahasan Belanjawan 2020. Oleh sebab masa yang diberikan kepada saya amat terbatas, saya akan membahaskan Bajet 2020 atas tema, "Memacu Pertumbuhan dan Keberhasilan Saksama ke arah Kemakmuran Bersama" kepada beberapa aspek yang saya fokuskan iaitu meningkatkan syiar Islam, pembangunan luar bandar, pertanian dan pendidikan.

Untuk permulaannya, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Menteri Kewangan yang telah membentangkan bajet yang mengambil kira komen dan pandangan yang telah diketengahkan semasa membentangkan Bajet 2019. Saya melihat bajet kali ini mencakupi keseluruhan segmen masyarakat yang telah disentuh dan diambil kira. Bajet yang telah di bentang merangka tujuh strategi dalam memastikan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 akan dapat tercapai.

Kita berharap Bajet 2020 yang di bentang betul-betul dapat diterjemahkan dalam melakar inisiatif pelaksanaannya bagi memastikan tiada sesiapa anggota masyarakat merasa ketinggalan dalam menikmati hasil pembangunan negara pada masa akan datang. Bukan sahaja menumpukan kepada golongan yang telah lama menikmati kemewahan hasil negara tetapi bajet kali ini memfokuskan kepada golongan terbanyak yang sememangnya memerlukan perhatian yang utama oleh kerajaan.

Perkara pertama yang saya hendak sentuh dalam aspek peningkatan syiar Islam. Dalam memperkasa dan meningkatkan syiar Islam, sejumlah RM1.3 bilion yang telah diperuntukkan kepada kementerian yang khusus, mengurus dan mentadbir urusan agama. Peruntukan ini meliputi peningkatan elaun guru KAFA, bantuan khas sebanyak RM500 *one-off* kepada imam, bilal, tok siak, *noja* dan *merbot* serta guru takmir dan ianya wajar dialu-alukan. Ini kerana segmen masyarakat ini telah memberi sumbangan yang amat signifikan kepada masyarakat. Mereka telah memberi sumbangan yang besar kepada pembangunan negara dan nilai harga diri masyarakat. Perkhidmatan mereka kepada perkembangan Islam dan pengukuhan masyarakat Islam patut diberi penghargaan yang sewajarnya kerana keterlibatan mereka dalam masyarakat adalah sesuatu yang amat penting.

Satu lagi segmen yang perlu saya kemukakan ialah masyarakat yang terlibat sebagai petugas di PPDK di bawah Jabatan Kebajikan Malaysia yang mendidik anak-anak orang kurang upaya (OKU) yang hanya menerima gaji RM700 sebulan. Mungkin alasan kerajaan beranggapan bahawa mereka ini adalah pekerja separuh masa padahal mereka bertugas di antara jam lapan hingga dua petang dan memerlukan skil yang cukup tinggi bagi mendidik anak-anak orang kurang upaya.

■1640

Jadi justeru itu, segmen masyarakat ini harus juga dipertimbangkan untuk diambil kira untuk diperbaiki dari segi aspek pertambahan pendapatannya.

Satu peruntukan RM10 juta telah diperuntukkan, difokuskan kepada melaksanakan Program *Rahmatan Lil Alamin*. Kita ingin merakamkan tahniah kepada Yang Berhormat Bagan atas peruntukan ini. Walaupun peruntukan ini kecil dan belum

mencukupi untuk menterjemahkan nilai-nilai *rahmatan lil alamin* dalam memperkukuhkan nilai dan budaya yang berteraskan *rahmah* dalam masyarakat.

Namun saya ingin mengingatkan supaya peruntukan ini harus diurus tadbir dengan telus dan integriti sehingga sampai kepada tujuan yang dimaksudkan. Janganlah peruntukan yang telah diberikan itu dibelanjakan sekadar melaksanakan aktiviti semata-mata, namun yang lebih penting adalah pencapaian maksud, inisiatif *rahmatan lil alamin* itu terserlah dan dapat difahami, diamalkan dalam seluruh segmen masyarakat dan juga institusi. Kita berharap tidak berlaku sebarang ketirisan dan salah laku di dalam mengelolakan urus tadbir kewangan.

Sebagai sebuah negara Islam, sewajarnya persoalan pembangunan dan penghayatan nilai-nilai Islam dalam semua aspek harus menjadi fokus dalam merencanakan ekosistem ekonomi masyarakat dan budaya berteraskan nilai-nilai Islam. Hasrat kerajaan untuk mewujudkan Jawatankuasa Kewangan Islam harus diberikan perhatian yang sewajarnya dan harus diambil perhatian secara serius.

Saya ingin merakamkan tahniah dan syabas kepada Yang Berhormat Bagan kerana memberi landasan khusus untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan kewangan Islam dalam kepelbagaian inisiatif yang dilaksanakan. Kecenderungan ini *in syaa Allah* saya yakin dan percaya akan meletakkan negara di landasan yang betul. Bualan-bualan yang sinis yang mengatakan Islam akan terpinggir dan dipinggirkan di bawah PH adalah kenyataan-kenyataan yang kurang tepat dan perlu diperbetulkan.

Memberi peruntukan kepada usaha dalam merangka *blueprint* ekonomis Islam, menganjurkan inisiatif *outreach* dan kursus-kursus profesional untuk meningkatkan kefahaman Islam mengenai kewangan Islam dan juga potongan cukai bagi kos penerbitan dan potongan cukai tambahan bagi kos tambahan penerbitan sukuk adalah lakaran yang jelas dalam memastikan Islam tidak dipinggirkan dalam Kerajaan Pakatan Harapan... [Tepuk]

Yang Berhormat Bagan juga membentangkan tentang pengurusan dana Islam yang mampan dan bertanggungjawab. Inisiatif ini suatu yang baik dan wajar disokong oleh semua pihak sama ada di sebelah sini ataupun di sebelah sana. Bagi mereka yang cintakannya, tindakan ini boleh berlaku untuk melebarkan kefahaman dan penghayatan ekonomi Islam dan kewangan Islam yang akhirnya dapat diterjemahkan dalam kehidupan bermuamalah dan bernegara. Sekalipun Malaysia telah melaksanakan sistem perbankan Islam lebih awal, namun ia perlu diperkukuhkan dan dipertingkatkan daripada semasa ke semasa.

Saya yakin dan percaya peruntukan Bajet 2020 dalam soal membina ekosistem Islam bukan sahaja mengangkat dan memartabatkan syiar Islam tetapi juga telah cuba meletakkan...

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tumpat minta laluan.

Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]: Pada tempat yang sesuai. Namun harus diberi perhatian ia bukan sahaja memfokuskan kepada...

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Yang Berhormat Tampin, Tumpat minta laluan.

Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]: Ekosistem kewangan Islam tetapi juga kepada ekosistem Islam yang lebih luas, mencakupi ekonomi Islam dalam pelbagai aspek yang berteraskan Islam. Kerana itu bajet yang diperuntukkan wajar dibelanjakan dengan teliti, cermat dan menjurus kepada maksud yang dikehendaki sehingga menjadikan Malaysia terkehadapan dalam melaksanakan ekosistem ekonomi dan kewangan Islam yang lebih kompetitif...

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Mohon laluan.

Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]: Berdaya saing sesuai dengan pengiktirafan Malaysia sebagai sebuah negara Islam.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Mohon laluan.

Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]: Kita harus menyokong sepenuhnya Yang Berhormat Menteri Kewangan walaupun ianya pahit untuk diungkap apabila Yang Berhormat Bagan memfokuskan juga dalam pembentangan bajet untuk meningkatkan...

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Soalan yang berkaitan daripada Tumpat.

Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]: Industri halal di negara ini. Peruntukan sebanyak RM300 juta...

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Saya tidak soal Yang Berhormat Jelutong, saya soal profesor ini.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Duduklah.

Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]: Dalam menyokong PKS...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Tumpat, sila duduk.

Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]: Yang berpotensi dalam...

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Saya minta laluan.

Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]: Produk. Kalau saya tidak benarkan, duduklah.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawī [Tumpat]: Profesor.

Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]: Masa tinggal sedikit lagi. Dengan memberikan keutamaan kepada industri pengeluaran produk halal...

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawī [Tumpat]: Mungkin profesor, saya boleh bantu profesor dalam...

Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]: Adalah suatu perkara yang baik, harus menjadi fokus...

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawī [Tumpat]: Isu memperkukuhkan kewangan ini.

Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]: Kepada PKS kerana industri halal yang mempunyai potensi yang besar dalam pasaran seluruh dunia berjumlah USD3 trilion, urus niaga berkonsepkan halal yang dikendalikan, peruntukan ini amat signifikan dan berpotensi besar kepada perkembangan ekonomi di negara khususnya dalam bidang ekonomi yang berteraskan Islam.

Peruntukan sebanyak RM10 juta disediakan kepada Kementerian Pembangunan Usahawan dalam merangsang pembangunan industri halal adalah wajar kerana sekalipun industri halal ini pasarnya besar namun tanpa ada bibit-bibit rangsangan dalam memastikan keterlibatan masyarakat dalam bidang itu, ianya akan menjadi nilai yang tidak bermakna.

Walaupun kita tidak begitu gembira dengan peruntukan yang diberikan kerana kecil, namun ia suatu nilai yang signifikan sekiranya ia diurus tadbir dengan baik tanpa ada ketirisan dan penyelewengan dengan aktiviti-aktiviti dalam khidmat nasihat pembangunan produk halal dan juga menyediakan platform untuk industri tempatan bersaing di pasaran halal antarabangsa boleh dijadikan asas kepada penyediaan landasan kepada pengukuhan industri halal di negara ini.

Oleh kerana produk halal mempunyai pasaran yang besar, sewajarnya industri ini menjadi fokus bukan sahaja dalam melakarkan Bajet 2020 tetapi juga merangka bajet pada tahun-tahun mendatang. Industri halal bukan sahaja merujuk kepada produk makanan dan minuman tetapi juga merujuk kepada sistem yang melingkari sistem perkhidmatan dan apa jua kaedah yang menghasilkannya. Justeru itu, kerajaan harus juga memperuntukkan perbelanjaan yang berhubung kait dalam membangunkan standard syariah. Dengan adanya standard syariah yang diperakui di peringkat antarabangsa, sudah pasti keyakinan pelabur dalam dan luar negara khususnya negara-negara Islam akan dapat dipertingkatkan.

Satu aspek lagi yang ingin saya sentuh adalah pemotongan cukai di kalangan rakyat Malaysia sama ada individu ataupun syarikat yang memberikan sumbangan tunai dalam aktiviti-aktiviti kebajikan yang diperluaskan kepada sumbangan wakaf tunai khususnya kepada pihak berkuasa agama negeri atau badan-badan yang ditubuhkan oleh pihak berkuasa agama negeri dalam mentadbir wakaf dan sumbangan wakaf tunai kepada universiti awam, instrumen ini suatu pendekatan yang amat signifikan dalam erti menggalakkan rakyat Malaysia terlibat sama bagi membangunkan negara.

Kita dapat banyak pembangunan institusi pendidikan dibangunkan berdasarkan wakaf dan bukan sahaja diletakkan atas tanggungjawab negara tetapi juga tanggungjawab bersama di antara orang yang berada yang mampu untuk melaksanakannya. Kita dapati banyak institusi pendidikan di dunia ini dibangunkan atas inisiatif sumbangan wakaf ataupun *endowment*, masyarakat misalnya Universiti al-Azhar dengan adanya galakan potongan cukai seperti ini akan dapat memberikan impak yang bermakna kepada pembangunan negara.

Oleh sebab itu, saya menyarankan supaya Yayasan Wakaf Malaysia wajar disemarakkan fungsinya dan peranannya lebih ke hadapan kerana dana wakaf kalau difungsikan dengan lebih sistematik dan kontemporari sudah pasti ianya memberi manfaat kepada banyak pihak. Wakaf bukan hanya dari segi aspek harta benda tetapi juga wakaf harus dijuruskan kepada wakaf pendidikan, wakaf kesihatan dan juga wakaf dapur.

■1650

Kita berharap sumbangan tunai ini bukan sahaja wang tunai itu dibelanjakan untuk fizikal, tetapi juga setiap sumbangan yang diberikan itu juga melibatkan perkara-perkara yang berkaitan dengan penyelidikan, pembangunan ilmu dan keusahawanan. Ini kerana kita dapati peruntukan penyelidikan yang diberikan kepada Kementerian Pendidikan berjumlah RM400 juta yang dikemukakan dalam bajet kali ini iaitu penyelidikan FRGS walaupun ada peningkatan dalam bajet tetapi ia tidak memadai.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Minta rumuskan Yang Berhormat, 34 saat lagi.

Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]: *[Ketawa]* Selain daripada itu, pembangunan Islam juga hendaklah menyeluruh soal pembangunan luar bandar yang juga menjadi tumpuan yang paling tuntas dalam melakar bajet pada tahun 2020. Tahniat kepada Yang Berhormat Bagan yang telah memberi tumpuan Bajet 2020 kepada pembangunan luar bandar.

Untuk akhirnya, saya melihat bajet pada kali ini yang melihat bahawa Islam telah diletakkan di tempat yang sewajarnya. Maka semua pihak harus memberi sokongan dan dokongan untuk kita melaksanakannya bersama-sama. Dengan ini, saya menyokong Bajet 2020. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Tampin. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Jelebu.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: *[Mencelah]*Terima kasih Yang Berhormat Tumpat kerana mendengar syarahan Yang Berhormat Tampin.

4.51 ptg.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Yang Berhormat Jelutong duduk dahulu. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, Jelebu mengucapkan terima kasih kerana beri peluang kepada Jelebu untuk terlibat dalam perbahasan Bajet 2020. Sebagai permulaan, saya hendak bawa suara Ahli Parlimen – saya mewakili masyarakat Parlimen Jelebu. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak baca satu pantun.

*Hutan Pergai Bukit Putus,
Tengah-tengah Bukit Tangga,
Air di cincang takkan putus,
Bagai PAS dengan UMNO.*

Salam Muafakat Nasional. Tuan Yang di-Pertua, saya menghabiskan masa...

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai] Macam tidak pantun sahaja itu, tidak *rhymin* je. *[Ketawa]*

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Saya menghabiskan masa hujung minggu saya pada setiap kali selepas waktu Parlimen berakhir pada Khamis, biasanya dan menjadi tradisi saya menghabiskan masa bersama-sama dengan pengundi saya Tuan Yang di-Pertua. Baru-baru ini minggu lepas, saya menghabiskan tiga hari hujung minggu bersama dengan keseluruhan masyarakat Orang Asli di kawasan Parlimen Jelebu. Tiga penempatan kawasan Orang Asli Parlimen Jelebu saya jumpa kebanyakan daripada pemimpin-pemimpin masyarakat Orang Asli, tok-tok batin dan saya hendak bawa ke Dewan Rakyat ini. Ini saya hendak beritahu kepada Dewan Rakyat, bezanya pembangkang sekarang dengan pembangkang dahulu. Pembangkang dahulu pergi ke kawasan kampung fitnah kerajaan. Pembangkang dahulu pergi ke kampung burukkan pemimpin. Akan tetapi pembangkang sekarang ini pergi jumpa rakyat, bawa suara

rakyat terus naik ke Dewan Rakyat untuk diberikan perhatian oleh Kerajaan Pakatan Harapan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Jelebu, minta penjelasan.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Jangan kata dekat PAS Yang Berhormat Jelebu.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Jelebu, minta penjelasan.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Yang Berhormat Jelutong...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Boleh minta penjelasan?

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Saya – *point of order Speaker*, Peraturan Mesyuarat 37(1).

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Minta maaf Yang Berhormat Jelutong.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Yang Berhormat Jelutong, saya tadi sudah – walaupun sudah saya sebut *point of order*, tetapi sekarang ini saya sudah lama cipta satu pantun khas untuk Yang Berhormat Jelutong. Hari ini kerana Yang Berhormat Jelutong ada di Dewan, saya baca pantun itu. Akan tetapi saya cari-cari pantun itu sudah hilang. Saya hendak sebut pantun istimewa untuk Yang Berhormat Jelutong.

Dari Jelutong poie Jelebu,

Menuai padi tiga tangkai,

Wahai Jelutong jangan main serbu,

Kok tongong terus merasai.

Yang Berhormat Jelutong kalau boleh jawab baru saya bagi celahan. *[Ketawa]* Saya hendak baca...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya hendak minta penjelasan tentang isu sama ada kita fitnah...

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Tidak Yang Berhormat Jelutong, *Point of Order 37(7) Speaker*. Saya tidak benar celahan daripada Yang Berhormat Jelutong.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Okey. Jadi maksudnya Yang Berhormat Jelebu takutlah?

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Takut kepada Jelutong?

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Saya bagi Yang Berhormat Jelutong selepas ini ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Jelutong, dia minta supaya Yang Berhormat Jelutong buat pantun juga.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Ha pantun, okey. *Carry on, no problem.*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Silakan Yang Berhormat Jelebu, teruskan.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Tuan Yang di-Pertua, saya baca ini. Saya baca *point to point* kerana saya...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tidak payah pantunlah, saya hendak minta penjelasan sahaja.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Yang Berhormat Jelutong, saya beritahu selepas ini saya bagilah. Bagi saya cakap dahulu. Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Saya hendak baca ini rungutan Orang Asli daripada kawasan Parlimen Jelebu dan saya percaya ini adalah rungutan keseluruhan masyarakat Orang Asli. Pertama, program MySalam proses tuntutan sudah menjadi sangat susah dan sukar. Kedua, pakaian percuma dan kelengkapan masuk sekolah tingkatan satu dan dua sudah ditiadakan. Ketiga, warga pendidik di kalangan masyarakat Orang Asli sekarang semakin berkurangan di Sekolah Kebangsaan Orang Asli dan juga peruntukan khas bagi sekolah-sekolah masyarakat Orang Asli tidak disebut secara khusus di dalam bajet. Seterusnya, bas mengangkut pelajar-pelajar yang telah disediakan sejak 62 tahun yang lalu untuk memberikan kemudahan pelajar-pelajar Orang Asli ke sekolah-sekolah sekarang ini semakin hari semakin dikurangkan. Kelima, bantuan duit poket harian pelajar Orang Asli RM2 sehari oleh JAKOA sudah tiada bermula awal tahun. Tuan Yang di-Pertua, dahulu kita bagi RM2 sehari, sekarang ini sudah tiada untuk masyarakat Orang Asli. Keenam, bantuan hospitaliti pesakit Orang Asli sudah lagi tiada khususnya bagi pesakit yang hendak mendapatkan *follow up treatment* daripada pusat-pusat kesihatan. Apa yang penting sekali, untuk makluman Dewan yang mulia ini ialah bantuan musim tengkujuh menggunakan data RISDA dan juga data daripada IGM sebelum ini dapat bantuan, sekarang ini sudah tidak dapat. Saya sebut lagi satu Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Okey Yang Berhormat Jelebu, saya ada pantun.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Peraturan Mesyuarat 37(7) Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya ada pantun Yang Berhormat Jelebu.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Peraturan Mesyuarat 37(7), saya tarik balik di akhir ucapan saya. Yang Berhormat Jelutong duduk dahulu, nanti saya bagi.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tidak — takut pantun saya?

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Saya tidak pernah takut kepada orang apatah lagi kepada Yang Berhormat Jelutong. *Kang* saya baca lagi sekali pantun, duduk Yang Berhormat Jelutong. *Please, please.*

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Jadi, Yang Berhormat Jelebu takut pada pantun Jelutong lah?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Duduk dahulu Yang Berhormat Jelutong.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Tuan Yang di-Pertua, saya sebut sekali lagi program BSH. Program BSH untuk masyarakat Orang Asli, minta surat nikah. Mana ada masyarakat Orang Asli — yang kebanyakannya tidak ada surat nikah untuk mendapatkan bantuan BSH. Dahulu BR1M semua Orang Asli kita bagi. Kita bagi peringkat BR1M. Kalau Barisan Nasional sampaikan ada seorang tok batin beritahu saya, kalau Barisan Nasional masih lagi menjadi kerajaan sekarang sudah dapat RM1,200, bukan RM300. Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Yang Berhormat Jelebu.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Akhirnya saya hendak beritahu Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Yang Berhormat Jelebu, Puncak Borneo hendak minta penjelasan. Sokong sikit.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Yang Berhormat Puncak Borneo, Yang Berhormat Puncak Borneo. Nanti saya tengah fikir pantun untuk Yang Berhormat Puncak Borneo.

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Sikit, sikit sahaja Yang Berhormat Jelebu.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Apabila saya sudah baca pantun, baru saya suruh Yang Berhormat Puncak Borneo. Peraturan Mesyuarat 37(7).

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Okey, terima kasih. Saya sabar menunggu.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Terima kasih Yang Berhormat Puncak Borneo. *You are a great man* Yang Berhormat Puncak Borneo. Tidak macam Yang Berhormat Jelutong, degil dan keras kepala. Tuan Yang di-Pertua, sejak Pakatan Harapan mengambil alih pentadbiran kerajaan ini, hak dan keistimewaan bukan sahaja untuk orang Melayu, bukan sahaja untuk orang kampung, bukan sahaja untuk peneroka FELDA, malah masyarakat minoriti Orang Asli pun sudah terhakis. Saya hendak minta Kerajaan Pakatan Harapan supaya beri pertimbangan kepada perkara-perkara yang suara hati rakyat yang saya bawa ke Dewan Rakyat, bukan fitnah yang dilakukan oleh kerajaan pembangkang seperti mereka lakukan dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua saya hendak sebut. Ini memang jadi isu sejak dua, tiga hari kebelakangan Tuan Yang di-Pertua. Isu rakyat berkaitan dengan komoditi, berkaitan dengan harga sawit. Kita harga sawit Tuan Yang di-Pertua, saya sudah sebut berkali-kali. Ahli Parlimen daripada kawasan ini sudah sebut berkali-kali harga sawit sejak Mei 2018 sampai 2019 turun, turun dan turun. Bukan saham sahaja turun kata Yang Berhormat Arau, tetapi sawit turun dengan teruk. Sekarang ini kita menyumbang Tuan Yang di-Pertua, saya baca ya. Antara isu yang penting membuatkan India lari daripada mendapatkan sawit daripada Malaysia ialah hasil daripada ucapan Yang Berhormat Langkawi di PBB berkaitan dengan isu Palestin dan Kashmir.

Saya tidak tahu, saya tidak mahu ulas tentang isu ini Tuan Yang di-Pertua tetapi saya hendak tanya, apakah langkah kerajaan untuk mengatasi isu ini? Saya hendak baca ya, selain daripada keratan akhbar, selain daripada saluran berita Youtube India Channel News NewsX, selain daripada berita-berita dan pandangan daripada Persatuan Pedagang Utama Komoditi India, saya hendak sebut bahawa hasil daripada perkara ini berlaku kita kena ingat 2.5 peratus GDP Malaysia datang daripada hasil sawit dan enam juta rakyat Malaysia bergantung kepada hasil sawit. Semua tahu bahawa 50 peratus daripada pengimport sawit India yang bernilai sembilan juta tan setahun itu adalah daripada Malaysia yakni 4.5 juta tan untuk setahun. Untuk sebulan Tuan Yang di-Pertua, India import kita 433,000 tan dan India sudah buat satu kenyataan walaupun bukan kenyataan rasmi daripada Kerajaan India tetapi mereka sudah menghentikan import sawit bermula seawal bulan November dan Disember.

■1700

Kita bayangkan apabila hentinya import sawit bermula daripada November dan Disember, sebanyak 833,000 tan akan mempunyai lambakan dan lebihan sawit yang tidak tahu hendak hantar ke mana sampaikan ada peneroka saya beritahu, peneroka kawasan Parlimen Jekebu beritahu... *"Datuk, boleh tidak kita sewa beberapa lori, kita*

bawa ke koridor Parlimen dan kita lelong sawit ini untuk di beli oleh Ahli-ahli Parlimen”. Saya kata jangan buat kerja gila kerana ini bukannya perangai yang dibuat oleh pembangkang sekarang akan tetapi yang dilakukan oleh kerajaan pembangkang, yang mereka lakukan sebelum ini.

Tuan Yang di-Pertua, jadi saya hendak tanya kepada pihak kerajaan, apakah langkah pihak kerajaan untuk mengatasi masalah lambakan sawit ini dan saya hendak tanya juga kerajaan, Yang Berhormat Menteri Industri Utama ini pun tengoklah. Kenapa pergi kepada negara-negara Afrika seperti Kenya, Tanzania, Ethiopia yang mempunyai GDP *on purchasing parity power* yang begitu rendah berbanding dengan negara kita. Tuan Yang di-Pertua, kita harus *repair relationship* ataupun urusan perdagangan kita dengan China dan India untuk kita perbaiki supaya mereka terus menerus seperti dilakukan oleh Kerajaan Barisan Nasional dahulu supaya market kita terus mendapat tempat di dalam dua negara besar ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang sangat penting yang hendak disebut dalam bulan September yang lalu. Keluar keratan akhbar bahawa sebanyak 21 –10, 11 IPG atau Institut Pendidikan Guru di seluruh negara akan ditutup, tinggal enam sahaja. Saya cuma hendak sentuh secara ringkas, saya hendak minta pihak kementerian, pihak Kerajaan Pakatan Harapan yang sentiasa tidak boleh harap ini buat satu kenyataan rasmi dalam Dewan yang mulia ini Yang Berhormat Jelutong. Buat kenyataan rasmi dalam Dewan yang mulia, bukan kenyataan akhbar bagi tahu bahawa kerajaan tidak tutup 11 IPG ini.

Akan tetapi saya hendak beritahu Dewan yang mulia saya dapat satu *print script* Mesyuarat Ketua Pengarah IPG seluruh negara bersama pengarah-pengarah IPG, hendak tutup 11 IPG, hendak jual tinggalkan enam. Cukuplah jual harta negara yang sudah hampir – kata rakan-rakan tadi RM30 bilion lebih harta negara yang sudah dijual. Kita jaga IPG yang sudah melahirkan banyak generasi pemimpin-pemimpin termasuk Yang Berhormat Jelutong yang dilahirkan oleh institusi pendidikan untuk menjadi Ahli Parlimen sekarang akan tetapi salah guna,

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya hendak sebut ini isu penting sedikit. Saya berterima kasih kepada Yang Berhormat Ledang. Tadi Yang Berhormat Ledang sebut tentang penyakit mental. *Mental illness* atau *mental disorder*. *Mental illness* ini Tuan Yang di-Pertua, bila Yang Berhormat Ledang cakap sejumlah pelajar-pelajar, orang muda yang mengalami tekanan perasaan stres yang mempunyai penyakit mental. Apa yang saya hendak sebut Tuan Yang di-Pertua, adalah kalangan orang dewasa. Penjawat awam seramai 30 peratus yang mengalami masalah mental. Bukan sahaja

penjawat awam Tuan Yang di-Pertua, malah wakil rakyat pun ramai yang kena penyakit mental. *[Ketawa]*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Betul.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Di seluruh negara kita kekurangan *psychiatrist* untuk mengatasi masalah mental dan sebanyak 60 peratus daripada pakar mental ini ada di Klang Valley. Kita ada seorang pesakit mental yang ada di Melaka. Siapa hendak rawat ini?

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Yang Berhormat tahu ada ahli Exco kerajaan negeri rosak mental ada di Melaka. Ada seorang Ahli Exco Kerajaan Negeri Sembilan rosak mental, ada *driver* pukul, samseng jalan raya, pukul manusia, pukul orang di jalan raya. Ini semua masalah mental. Dalam Dewan ini pun ramai yang mengalami masalah mental bila mengadakan provokasi kepada kumpulan-kumpulan Ahli tertentu...

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas] Tidak jelas itu, parti mana Yang Berhormat?

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Kalau tanya parti ini, saya tak hendak cakap. Akan tetapi bila sudah tanya saya jawab. Parti DAP lah yang banyak rasa penyakit mental ini. *[Dewan Riu]* Ini jadi masalah. Terbukti, bukan cakap kosong. Ini Dewan Rakyat saya angkat sumpah sebelum saya masuk ke Dewan Rakyat, terbukti.

Saya hendak minta kerajaan beri perhatian kepada tambah pakar psikiatri di dalam negara kita supaya negara diwakili oleh Yang Berhormat Menteri yang tidak mempunyai atau Yang Berhormat Menteri yang tidak disyaki mengalami *mental illness* untuk berikan servis dan perkhidmatan kepada rakyat secara total Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]: Masjid Tanah.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Yang Berhormat Masjid Tanah okey. *[Dewan Ketawa]* Saya tarik balik 37(7) ya.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]: Terima kasih Yang Berhormat. Stigma pesakit mental ini amat membimbangkan. Saya ingin bertanya adakah perlu untuk kita mengubah supaya untuk jumpa psikiatri itu bukannya satu benda yang luar biasa, maksudnya perlu digalakkan masyarakat kita kalau ada masalah tekanan dan sebagainya bercakap dengan psikiatri. Setuju ataupun tidak?

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Itu sudah betul Yang Berhormat Masjid Tanah akan tetapi masalahnya Yang Berhormat Masjid Tanah yang daripada Melaka ini, daripada negeri Yang Berhormat Masjid Tanah ini. Dahulu Yang Berhormat Masjid Tanah ini sudah okey, sekarang saya ingat Yang Berhormat Masjid Tanah pun sudah sikit-sikit kena *mental illness* ini. [*Dewan Riu*] Ini jadi masalah dan sikit-sikit hendak kena...

Seorang Ahli: Yang Berhormat Jelebu.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Lembah Pantai.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]: Ini jahat betul. [*Dewan riu*] Ini jahat, tarik balik. Ini tidak patut.

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Yang Berhormat Jelebu sudah bagi Yang Berhormat Masjid Tanah, bagi Puncak Borneo sedikit sahaja.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Ya.

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Okey, terima kasih Yang Berhormat Jelebu bagi ruang. Saya hendak minta penjelasan. Sepertimana yang kita tahu Parlimen Jelebu ini sudah dipimpin oleh Ahli Parlimen daripada Barisan Nasional sejak daripada Tahun 1974. Daripada zaman Rais Yatim, Yunus Rahmat, Ibrahim Sareh, semua itu pemimpin-pemimpin yang cukup berwibawa malah ada yang menjadi Yang Berhormat Menteri akan tetapi sayang sekali rakyat Jelebu. Saya ada saudara di sana sebab saya pun Orang Asli, orang asal daripada Sarawak tetapi ada saudara sana. Mereka ini sudahlah Parlimen dia Parlimen Jelebu, dapat debu sahaja.

[*Dewan ketawa*] [*Dewan riu*]

Jadi, saya mohonlah, saya mohon pertolongan daripada – kita kerjasama, saya sokong Yang Berhormat Jelebu, kita bantu Orang Asli ini sebab saya sebagai orang asal saya rasa sangat di pinggir.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Yang Berhormat Puncak Borneo.

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Saya sokong Yang Berhormat Jelebu akan tetapi saya harap...

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Sudahlah cukuplah itu, saya sudah bagi.

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Selepas 45 tahun diperintah di bawah Barisan Nasional.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Tuan Yang di-Pertua, 37(7).

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Saya berharap agar kita sama-sama membela mereka, setuju tak Yang Berhormat Jelebu?

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Saya hendak beritahu Yang Berhormat Puncak Borneo.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik Yang Berhormat Jelebu sila...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Mana Tuan Yang di-Pertua, mana boleh kita buat penilaian sama-sama kita? Kawasan yang paling teruk ialah Yang Berhormat Puncak Borneo hendak beritahu. *What do you want to say? [Dewan Riu]*

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Kerana dianiaya oleh Barisan Nasional pimpinan UMNO.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Yang Berhormat Puncak Borneo.

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Oleh sebab itu Yang Berhormat Puncak Borneo...

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Yang Berhormat Puncak Borneo, sekarang saya hendak menjawab, bila sudah tanya tunggu saya jawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Jelebu, masa sudah habis. Sila.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Saya hendak gulung.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Tutup dengan pantun

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Ada pantun khas untuk Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Jelebu, berani tak bagi saya pantun?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Bagi Yang Berhormat Jelutong pantun.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Boleh bagi Yang Berhormat Jelutong Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila, Yang Berhormat pantun.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Dengar pantun saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Pantun boleh...

Pisang emas dibawa belayar,

Masak sebiji di dalam peti,

Hutang 1MDB kena dibayar,

Rakyat bayar sampai mati. [Dewan riu]

Seorang Ahli: Lain itu.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Boleh tolong jawab?

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Saya boleh jawab pantun Yang Berhormat Jelutong ini akan tetapi fasal...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Masa sudah habis.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Bila kita hendak layan orang ini biar mental yang cerah sedikit. Ini saya baru hendak cakap tentang *mental disorder*. Yang Berhormat Jelutong saya hendak *confirm*, bila Yang Berhormat Jelutong jawab pantun macam itu, ini pantun zaman 40-an.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Bukan, ini zaman sekarang. Yang Berhormat Jelebu yang kurang siuman.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila merumuskan, masa sudah habis.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Tuan Yang di-Pertua, ini semua yang mengacau saya. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak buat – Yang Berhormat Arau hendak celah kah?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sudah, masa sudah habis. tidak ada celahan.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak gulung.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Dari... [*Berucap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya kata tidak ada celahan, masa sudah habis. Saya hendak bagi kepada Yang Berhormat Jelebu. Sila.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Tuan Yang di-Pertua, *mike* tak ada. Sekarang sudah ada. Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya hendak buat satu pandangan. Saya hendak minta supaya Ahli-ahli Parlimen Pakatan Harapan yang di sebelah sana, Ahli Parlimen yang lama, Ahli Parlimen baharu, Ahli Parlimen yang sihat, Ahli Parlimen yang mental *illness, mental disorder whatever*, supaya *speak your mind*. Jangan turut sahaja apa yang dibuat oleh Yang Berhormat Bagan, apa yang di bentang oleh Yang Berhormat Bagan semua setuju.

Kita jaga rakyat, kita bawa rakyat, *please speak your mind*. Kita tahu bahawa ini adalah satu penganiayaan kepada rakyat dan masyarakat daripada pelbagai kaum.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Bagan tidak mencuri duit rakyat bukan macam Yang Berhormat Pekan.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Supaya...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Pekan yang curi duit rakyat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik Yang Berhormat Jelebu, masa sudah tamat. Sudah lebih masa saya beri, sekarang saya jemput Yang Berhormat Padang Serai

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ini pantun ya, binatang lutong...
[Sistem pembesar suara dimatikan]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya tidak benarkan. Minta maaf, saya tidak benarkan saya sudah panggil Yang Berhormat Padang serai untuk teruskan. *[Disampuk]* Tidak boleh, hanya Yang Berhormat Padang serai sahaja saya benarkan untuk bercakap. Selepas Yang Berhormat Padang Serai, Yang Berhormat Betong kemudian diikuti Yang Berhormat Bukit Bintang dan Yang Berhormat Kepala Batas. Sila Yang Berhormat Padang Serai.

5.09 ptg.

Padang Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada Padang Serai untuk bersama-sama memberi input dalam perbahasan belanjawan yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan.

■1710

Pertama sekali, saya ingin mengambil peluang ini untuk mengajak semua rakyat Malaysia, tidak kira bangsa, agama dan warna kulit untuk bersatu padu demi negara Malaysia. Sebagai rakyat Malaysia yang berbilang bangsa dan agama, politik yang memainkan sentimen eksklusif wajib ditolak dan semua Ahli Politik perlu maju ke arah politik yang inklusif supaya perkhidmatan bagi Ahli Parlimen merentas setiap lapisan masyarakat. Apabila rakyat bersatu padu, kita akan mencapai kestabilan, seterusnya mendapat keyakinan pelabur untuk melabur. Selepas itu, kita akan mencapai kemajuan ekonomi yang diinginkan dan seluruh rakyat Malaysia tidak kira bangsa dan agama akan sama-sama mendapat kebaikan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai belanjawan. Saya gembira kerana mendengar rintihan rakyat mengenai keupayaan kos sara hidup yang meningkat di setiap bucu negara ini dalam bandar mahupun di luar bandar. Tambahan kepada bantuan kewangan yang telah diumumkan kepada golongan B40 dan M40. Saya berharap kerajaan juga mempunyai perancangan jangka panjang untuk membantu golongan ini untuk

menaikkan tangga sosial ekonomi mereka. Sebagai Ahli Parlimen yang mewakili kawasan luar bandar, fokus saya adalah kepada golongan B40.

Sebuah kajian pada tahun 2016 oleh *Khazanah Research* mendapati golongan B40 membelanjakan hampir 95 peratus daripada pendapatan mereka untuk membeli barang keperluan harian. Oleh sebab kos sara hidup yang tinggi, rata-rata B40 tidak dapat menabung wang untuk diperlukan pada masa hadapan seperti pendidikan anak-anak, kegunaan ketika usia tua, permasalahan kesihatan dan lain-lain urusan kecemasan.

Selain bantuan kewangan yang diberikan, saya ingin menekankan kepentingan bantuan jangka panjang melebihi bantuan *one-off*, dengan izin, kerana saya risau kita akan melahirkan masyarakat *dependant* ataupun masyarakat yang terlampau bergantung kepada kerajaan. Lagipun saya faham, amat sukar bagi pihak kerajaan untuk memantau sama ada semua penerima bantuan kewangan ini akan betul-betul menggunakan wang untuk keperluan harian ataupun membazirkan. Proses pemantauan juga akan berkos tinggi dan memerlukan ramai tenaga manusia di seluruh negara.

Jadi, cadangan saya supaya proses pemberian wang melalui akaun bank kepada penerima ditukar kepada pemberian kad bantuan sara hidup. Penerima akan menggunakan kad ini terus kepada pasar raya dan kedai keperluan asas. Ini juga seiring dengan aspirasi kerajaan untuk meluaskan teknologi IR 4.0. Dengan menggunakan teknologi ini, bagi memudahkan memberi bantuan kerajaan dan pada yang sama menggalakkan ketirisan dan salah gunakan wang bantuan kepada perkara yang negatif seperti dadah, arak dan berjudi.

Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Boleh minta?

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: ...Saya alihkan pada Angkatan Tentera-masa tidak cukup.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Hendak pantun. Hendak pantun.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Sebagai seorang yang pernah berkhidmat bersama Tentera Malaysia selama 21 tahun, saya juga ingin menyuarakan isu-isu mengenai anggota tentera. Beberapa bulan lalu, seorang ahli perniagaan terkenal mempersoalkan fungsi anggota tentera dengan mengatakan mereka hanya makan dan tidur.

Saya yakin ramai rakyat Malaysia, terutama anggota tentera berasa kesal dengan kenyataan beliau. Walaupun pihak polis tidak berdiam diri dan melakukan siasatan, saya tetap berasa kecewa kerana kenyataan seperti ini dikeluarkan daripada

mulut seorang rakyat Malaysia. Kenyataan ini juga telah memberikan implikasi yang tidak baik terhadap anggota yang telah banyak berkorban keringat, masa dan keluarga untuk berkhidmat kepada negara yang kita cinta. Oleh sebab itu, saya menyambut baik peningkatan dana sebanyak RM1.7 bilion menjadikan jumlah RM15.6 bilion kepada Kementerian Pertahanan, terutama fokus kerajaan untuk menambah baik keseimbangan pertahanan negara.

Tuan Yang di-Pertua, menurut portal data terbuka Malaysia...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Penjelasan Yang Berhormat. Yang Berhormat.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: ...Jumlah pesara tentera pada tahun 2018 adalah....

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Siapakah yang menghina tentera tersebut?

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: ...Melebihi 100 ribu orang, maka diharap semua pesara ini akan menerima manfaat daripada belanjawan tersebut.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat. Arau. Arau.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Selain itu, saya ingin membangkitkan isu jurang pesara yang berpencen dan yang tidak berpencen, jurang yang masih berbeza antara mereka yang bersara sebelum dan selepas 2004. Mereka yang bersara sebelum 2004 mendapat kurang daripada mereka yang bersara selepas 2004. Padahal mereka yang bersara sebelum 2004 berasa pengalaman peperangan yang lebih.

Saya minta pihak kerajaan cakna tentang situasi ini dan faham keperitan mereka yang telah berkorban untuk negara. Pada tahun ini, ada Bantuan Harapan Negara 2019 yang meliputi bantuan kepada veteran ATM pencen dan tidak berpencen. Saya berharap kerajaan dapat mengenal pasti dan memberitahu beberapa jumlah pecahan antara veteran ATM berpencen dan tidak berpencen bagi memberi aspirasi kepada setiap proses pemberian bantuan kepada veteran nanti.

Kemudahan ketegasan diberikan oleh Yang Berhormat Bagan mengenai pertahanan negeri Sabah umum. Saya ingin menambahkan setiap sempadan negara, termasuklah di Semenanjung juga mengalami permasalahan, terutama berkenaan nelayan asing yang sering memasuki zon perairan kita. Ini sedikit sebanyak mengganggu periuk nasi nelayan-nelayan tempatan, terutama di negeri Kedah, Perlis dan Kelantan.

Saya berharap pihak kerajaan akan bersikap lebih tegas terhadap ancaman-ancaman asing dan berikan bantuan sepenuhnya kepada anggota keselamatan negara. Tuan Yang di-Pertua, saya alihkan pada MITRA, Pembangunan Sosioekonomi Komuniti India. Selain itu, pembangunan sosioekonomi kepada komuniti India juga perlu diberi perhatian. Sebagai negara yang berbilang kaum...

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Yang Berhormat Padang Serai. Yang Berhormat Padang Serai, Puncak Borneo hendak minta penjelasan. Boleh sedikit?

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Okey.

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Yang Berhormat Padang Serai, baru-baru ini kita telah mendengar pada 20 Julai yang lalu, dua orang askar telah hilang di Pulau Perak, Kedah dan sehingga ke hari ini mereka belum dijumpai. Saya rasa kenapa kerajaan kita, khasnya Kementerian Pertahanan menghentikan pencarian ini?

Oleh kerana mereka ini telah bekerja dan berusaha untuk mempertahankan negara kita tetapi apabila mereka hilang, seolah-olah mereka ini tidak dihargai. Sebagai anak Dayak yang juga sama keturunan dengan saya, mereka ini harus diberi pembelaan kerana keluarga mereka menunggu-nunggu apakah status mereka? Sama ada mereka masih hidup ataupun mati. Penungguan itu amat menyeksa. Jadi, setuju kah Yang Berhormat Padang Serai untuk menggesa Kementerian Pertahanan untuk *reinstate* pencarian semula askar-askar yang hilang ini? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Padang Serai.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Saya setuju dan juga minta masuk dalam ucapan saya sekali. Saya juga ingin memanjangkan kepada anak-anak di bawah jagaan komuniti MITRA, dapat akses kepada komputer dan juga tambahan bagi elaun RM5,000 setiap tahun bagi meringankan beban mereka, terutama untuk meningkatkan mereka daripada keluarga B40 kepada M40. Pembangunan sosioekonomi komuniti India- SIDEC yang ditubuhkan oleh kerajaan lalu dijumpai menggunakan hampir 800 persatuan yang kononnya NGO tempatan.

Namun, dijumpai melakukan penipuan, termasuk menggunakan alamat yang tidak wujud untuk mohon dana untuk program yang tidak pernah dijalankan. Dalam pemeriksaan dan memantau situasi rakyat yang bertanggungjawab kepada saya di Padang Serai, saya ada beberapa isu yang saya ingin ketengahkan di sini.

Saya harap kita boleh jumpa titik persefahaman dengan pihak kerajaan atas prinsip kemakmuran bersama yang telah diperjuangkan oleh Yang Amat Berhormat

Langkawi. Pertama sekali, saya ingin ketengahkan berkenaan kesesakan jalan yang dihadapi oleh penduduk Parlimen Padang Serai.

Sebagai contoh, di Jalan Hi-Tech ke Jalan Baling yang mengalami kesesakan jalan yang amat teruk. Kedua, Jalan Hi-Tech ke Mutiara, jalan ini perlu dibesarkan kerana mereka yang ingin hantar anak mereka ke sekolah, pergi kerja, harus menunggu berjam-jam kerana jalan yang terlalu sesak.

■1720

Tambahan lagi, kita perlu memperbanyakkan lagi lampu jalan di jalan-jalan utama terutama sekali di waktu malam apabila mereka yang bekerja di bandar harus balik ke luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, lebih lagi kita perlu memantapkan lagi struktur pendidikan di Parlimen Padang Serai. Terdapat sekolah-sekolah di desa yang memerlukan bantuan seperti tandas-tandas yang perlu diperbaiki. Secara khususnya, ada juga sebuah sekolah Tamil yang telah dibina sejak tahun 1935 yang memerlukan baik pulih yang sangat ketara iaitu Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) Ladang BMR. Sekolah tersebut hampir mereput dan hujan sering kali masuk ke dalam bangunan sekolah yang amat membahayakan anak murid di sekolah. Pihak kerajaan harus membuat tinjauan yang komprehensif kepada sekolah-sekolah desa khususnya sekolah-sekolah di kawasan Parlimen Padang Serai.

Seterusnya, kita harus meningkatkan kualiti klinik dan hospital desa yang diwujudkan di kawasan Parlimen Padang Serai. Sering kali penduduk Parlimen Padang Serai memberi komen tentang bagaimana klinik desa kekurangan bilik rawatan. Ada penduduk Padang Serai harus berkongsi bilik rawatan dengan pesakit lain apabila bertemu dengan doktor untuk mendapatkan konsultasi. Saya juga harap pihak kerajaan dapat meninjau dan menambah baik hospital desa kerana ada kalanya penduduk Padang Serai harus meredah jalan lebih kurang 35 kilometer untuk sampai ke hospital besar.

Salah satu isu juga ialah untuk memastikan klinik Padang Serai dijadikan hospital beroperasi 24 jam untuk memerlukan kesihatan rakyat yang tidak menentu. Ambulans di Hospital Kulim berjumlah sembilan buah tetapi lima buah sahaja boleh digunakan. Janji menggantikan tiga buah lagi ambulans baharu tidak ditunaikan. Saya harap pihak Kementerian Kesihatan akan tunaikan tiga buah ambulans yang baharu itu. Jadi, saya rasa pihak kerajaan haruslah melihat keperluan rakyat dalam meningkatkan bukan sahaja fasiliti hospital dan klinik tetapi kemudahan yang mampu menampung penduduk Padang Serai yang kian bertambah.

Akhir sekali tentang khususnya kawasan Padang Serai. Saya rasa pihak kerajaan harus menyemak semula langkah-langkah keselamatan penduduk Padang Serai yang sudah mencecah lebih kurang 70,000 orang. Buat masa kini, hanya ada dua balai polis yang beroperasi di kawasan tersebut. Oleh yang demikian, hanya 50 orang anggota polis yang diketuai oleh berpangkat SSM menjaga lebih kurang 70,000 orang penduduk dalam satu masa. Bilangan ini amat tidak mencukupi untuk menangani masalah kecurian, salah guna dadah dan sebagainya. Dengan itu, saya meletakkan harapan yang amat tinggi kepada pihak kerajaan untuk melihat kembali situasi Padang Serai selepas sekian lama Padang Serai menghadapi masalah yang sama.

Dalam rancangan pembangunan masyarakat India, fokus utama perlu diberikan kepada aset pendidikan. Antara aset penting dalam pendidikan negara yang sering menjadi masalah kepada golongan kurang berkemampuan di Malaysia ini termasuklah komuniti India, adalah proses selepas tamatnya dalam persekolahan. Menurut kajian *Khazanah Research Institute*, golongan etnik India adalah golongan yang paling sukar untuk menaikkan tangga sosioekonomi di mana hanya lima peratus daripada pelajar India yang berada di institusi pengajian tinggi sekarang dibesarkan oleh ibu bapa yang tidak mendapat pendidikan formal sehingga kelulusan pengajian tinggi.

Jika berbanding dengan dua lagi etnik utama iaitu bumiputera dan Cina, peratus pelajar bumiputera datang daripada keluarga tanpa pendidikan formal manakala bagi etnik Cina pula adalah sebanyak 44 peratus. Ini menunjukkan perbezaan yang sangat ketara terhadap pendidikan komuniti India di Malaysia. Itu disebabkan oleh ketidaksaksamaan dalam peluang pendidikan kepada komuniti India ini, peluang masa depan untuk anak muda India mendapat gaji yang lebih tinggi daripada ibu bapa mereka menjadi rendah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Masa dah tamat Yang Berhormat Padang Serai.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Perhatian yang lebih khusus adalah kepada masyarakat luar bandar, bergantung sepenuhnya kepada pelancaran polisi kerajaan untuk mendapatkan tempat di dalam universiti, pra universiti seperti matrikulasi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Padang Serai, masa dah tamat.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Gulung. Ada lagi banyak perkara yang tidak dapat diselesaikan. Saya ingin menamatkan perbahasan saya...

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Sambung tahun depanlah.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Dengan serangkap pantun.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila pantun, sila.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:

*Ke Pekan Hat berbasikal tua;
Sudah lapar mencari sotong;
Belanjawan makbul untuk semua;
Pelbagai sektor semua beruntung.*

Saya menyokong Belanjawan 2020 dengan jayanya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Padang Serai. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Betong.

5.25 ptg.

Datuk Robert Lawson Chuat [Betong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta membahaskan Belanjawan 2020 peringkat dasar. Sebagai Ahli Parlimen dari Sarawak, jujur saya katakan bahawa kami di Sarawak merasakan Belanjawan 2020 juga seperti Belanjawan 2019 iaitu belanjawan yang tidak banyak memberi perhatian kepada rakyat Sarawak dan tidak mendukung laungan kesamarataan dalam pembangunan wilayah atau rakan kongsi- *equal partner*, dengan izin, yang meletakkan Sarawak dan Sabah sama taraf dengan Semenanjung dalam pembentukan negara Malaysia tercinta ini.

Sesungguhnya Belanjawan 2020 yang dibentangkan baru-baru ini hanya sedap didengar dan indah pada bunyinya. Tidak ada yang baharu apabila Yang Berhormat Menteri Kewangan mengumumkan Sabah dan Sarawak terus menjadi antara penerima tertinggi peruntukan Kerajaan Persekutuan dan juga perbelanjaan pembangunan setiap tahun kerana ini adalah amalan kerajaan yang terdahulu sebelum ini.

Dari segi peruntukan pembangunan misalnya, Sarawak diperuntukkan hanya RM4.4 bilion berbanding RM5.2 bilion yang diperuntukkan kepada Sabah. Keseluruhannya berjumlah RM9.6 bilion untuk Sarawak dan Sabah. Ini hanya 17.1 peratus daripada keseluruhan dana pembangunan dalam Belanjawan 2020. Nilai peruntukan ini tidak menggambarkan status Sarawak sebagai rakan kongsi tetap dalam Persekutuan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita melihat jumlah, memang bunyinya seperti tinggi. Namun keperluan pembangunan Sabah dan Sarawak melebihi apa yang diperuntukkan. Sabah dan Sarawak sudah lama tertinggal dari segi arus pembangunan. Maka peruntukan yang lebih tinggi daripada apa yang ada sekarang diperlukan untuk memastikan supaya jurang pembangunan antara Sabah, Sarawak dan Semenanjung

Malaysia dirapatkan. Ditambah pula dengan kadar kemiskinan yang tinggi, dengan jurang yang luas antara bandar dan luar bandar, selain sebagai sebuah negeri yang mencatatkan purata pendapatan yang rendah, maka jumlah peruntukan ini ternyata tidak mencukupi. Ia tidak mencukupi untuk memastikan kemakmuran rakyat Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, ini amat mengecewakan kerana kita sebenarnya amat berharap agar kesamarataan wilayah yang disebut-sebut selama ini dapat diterjemahkan dalam peruntukan dana yang lebih adil, sebaliknya Sarawak mendapat jumlah yang jauh kecil berbanding peruntukan bagi Semenanjung Malaysia. Jumlah peruntukan yang diberikan itu juga menunjukkan Pakatan Harapan tidak menepati janji-janjinya kepada Sarawak semasa Pilihanraya Umum Ke-14 di mana Manifesto PH telah menjanjikan 30 peratus dana pembangunan akan diagihkan kepada Sarawak dan Sabah tetapi terbukti kini ia hanya janji kosong sahaja.

Jika beginilah caranya Kerajaan Persekutuan mengagihkan peruntukan, maka saya berpandangan Kerajaan Persekutuan di bawah PH tidak berhasrat dan komited untuk membangunkan negeri Sarawak. Hasrat untuk merapatkan jurang pembangunan terutama dari segi infrastruktur di antara Sarawak, Sabah dan Semenanjung nampaknya tidak akan dicapai dalam masa terdekat.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tambah mengecewakan lagi apabila tiada lagi langsung soal royalti minyak dan gas 20 peratus disebut di dalam ucapan belanjawan ini sedangkan itulah janji utama Pakatan Harapan iaitu janji nombor 3 di dalam manifesto atau Buku Harapan.

■1730

Dalam manifesto katanya Kerajaan Pakatan Harapan akan menambah jumlah royalti petroleum kepada Sabah dan Sarawak. Serta negeri-negeri pengeluaran petroleum yang lain kepada 20 peratus atau nilai yang bersamaan sebagai salah satu langkah pembahagian hasil petroleum yang lebih adil. Rupa-rupanya semua itu hanya janji kosong yang ditabur hanya untuk memenangi pilihan raya.

Walaupun Yang Berhormat Menteri Kewangan pada pembentangan belanjawan 2020 berkata kerajaan bercadang untuk menggandakan pemberian khas tahunan di bawah Perkara 112D, Perlembagaan Persekutuan kepada Sabah dan Sarawak bermula tahun 2020 kepada kadar RM53.4 juta untuk Sabah dan RM32 juta untuk Sarawak. Meskipun Sarawak mendapat pertambahan RM32 juta berbanding RM16 juta sebelumnya namun ia tetap kecil berbanding jumlah daripada 20 peratus royalti minyak

sebagaimana dijanjikan dalam Manifesto Pakatan Harapan sedangkan pengeluaran hasil minyak Sarawak boleh mencecah ratusan ringgit setahun.

Selain itu, jumlah RM32 juta itu bukanlah satu angka yang mengujakan memandangkan Sarawak adalah sebuah negeri yang besar hampir sama dengan keluasan Semenanjung Malaysia dan di depan pelbagai cabaran bentuk muka bumi yang menyukarkan. Apakah formula digunakan untuk mencapai kepada angka tersebut?

Tuan Yang di-Pertua, bidang pendidikan adalah tanggungjawab kerajaan pusat ini termaktub dalam Perlembagaan Malaysia dan Kementerian Pendidikan dalam belanjawan ini telah menerima peruntukan besar iaitu RM60.2 bilion. Dari jumlah itu, peruntukan RM100 juta adalah untuk pembinaan semua sekolah daif di seluruh negara dan RM2.9 bilion untuk bantuan pendidikan bagi golongan miskin. Peruntukan untuk membaiki sekolah-sekolah daif juga dikurangkan kepada RM783 juta sahaja untuk seluruh Malaysia.

Sebelum ini, di bawah Kerajaan BN sebanyak RM2.5 bilion telah diperuntukkan di mana Sabah dan Sarawak masing-masing menerima RM1 bilion untuk membaik pulih dan menaik taraf sekolah-sekolah daif. Itu pun tidak menyatakan secara perincian butiran dana untuk Sarawak bagi tujuan membaik pulih sekolah-sekolah daif yang merupakan isu penting bagi rakyat di Sarawak. Walaupun Sarawak sudah membayar RM350 juta bayaran awal sebagai kontra untuk dana sejumlah RM1 bilion yang telah dijanjikan sebelum ini.

Tuan Yang di-Pertua, kami rakyat Sarawak mahu projek naik taraf dan membina semula sekolah daif di Sarawak dipercepatkan untuk menjamin kebajikan anak-anak dan guru-guru supaya pada akhirnya pencapaian anak-anak itu sendiri dapat dipertingkatkan. Oleh sebab itu, kerajaan negeri Sarawak dalam belanjawan negeri 2019 yang lalu telah mengambil langkah berani dengan memperuntukkan sejumlah RM81.7 juta untuk pendidikan dan sekolah-sekolah di Sarawak walaupun kerajaan negeri sedar bidang pendidikan adalah di bawah Kerajaan Pusat.

Untuk makluman Dewan ini, kerajaan Sarawak juga sebelum ini telah menyediakan peruntukan sebanyak RM50 juta untuk menyambung bekalan tenaga elektrik ke 113 sekolah kepada grid utama SESCO untuk mendapat bekalan elektrik 24 jam.

Akan tetapi, projek ini belum dapat dilaksanakan kerana masih menunggu persetujuan kerajaan pusat. Oleh sebab masalah yang saya nyatakan tadi, maka sekolah-sekolah daif di Sarawak tidak dapat diperbaiki atau di naik taraf secepat

mungkin dan yang menjadi mangsa adalah anak cucu kami rakyat Sarawak. Di Sarawak juga terdapat ramai pelajar yang dikategorikan sebagai miskin dan memerlukan bantuan. Amat diharapkan pelajar-pelajar ini akan terus mendapat bantuan pendidikan daripada peruntukan yang diberikan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi sektor pertanian. Belanjawan kali ini sangat mengecewakan kerana tidak ada perincian yang jelas mengenai program sokongan kepada para petani. Selain itu, tidak ada program pemberian subsidi untuk tanaman lain seperti lada, kelapa sawit dan lain-lain. Di Sarawak masyarakat luar bandar amat terkesan dengan penurunan harga tanaman komoditi seperti kelapa sawit, lada dan getah yang merupakan sumber pendapatan utama para penduduk di luar bandar.

Namun, dalam belanjawan terbaharu ini Kerajaan Pakatan Harapan tidak memperlihatkan sebarang inisiatif baharu untuk meringankan bebanan rakyat terutama rakyat di kawasan luar bandar. Bagi mewakili penduduk luar bandar di Sarawak yang bergantung kepada pertanian, saya ingin memohon agar kerajaan meluaskan lagi program mempelbagaikan tanaman kepada Sarawak *Crop Diversification Programme*, dengan izin. Bagi tanam getah, saya mohon kerajaan meneruskan bantuan untuk projek tanaman baharu getah untuk pekebun kecil di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, tindakan Kerajaan Persekutuan mewujudkan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) yang kononnya berperanan sebagai pelengkap dan memperkukuhkan lagi pentadbiran kampung bagi memastikan program-program Kerajaan Persekutuan memberi manfaat sepenuhnya kepada rakyat Sarawak. Sebenarnya lebih banyak mendatangkan keburukan daripada kebaikan. Apa yang mereka lakukan bila melantik pemimpin masyarakat sendiri sebenarnya hanya akan memecahbelahkan rakyat Sarawak di peringkat akar umbi.

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Yang Berhormat Betong, Puncak Borneo minta penjelasan sedikit sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puncak Borneo minta laluan.

Datuk Robert Lawson Chuat [Betong]: Tidak cukup masa.

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Sedikit sahaja.

Datuk Robert Lawson Chuat [Betong]: Atau dengan kata lain, Kerajaan Persekutuan hanya berniat untuk membahagikan dan menguasai atau memerintah rakyat Sarawak. Ramai rakyat Sarawak yang menyatakan mereka tidak bersetuju dengan tindakan itu yang lebih kelihatan seperti 'ada udang di sebalik batu' bukan sahaja ada unsur politik malah boleh menggugat keamanan serta perpaduan di samping memberi kesan buruk terhadap kelestarian adat pelantikan yang sedia wujud diamalkan

dan diterima sebelum ini. Sarawak sebenarnya sedia menerima sebarang pembaharuan demi pembangunan negara dengan syarat ia dilaksanakan dengan niat ikhlas dan praktikal di samping menghormati Sarawak sebagai rakan kongsi yang sama taraf dengan Semenanjung Malaysia.

Sebelum ini, Kerajaan Persekutuan telah bersetuju untuk tidak memperkenalkan atau menubuhkan MPKK di Sarawak sebaliknya mengekalkan Jawatankuasa Kemajuan Dan Keselamatan Kampung (JKKK) sedia ada. Malah, Kerajaan Persekutuan bersetuju dengan pandangan bahawa kewujudan badan lain akan menyebabkan kekeliruan dan memecahbelahkan rakyat. Ini kerana pada masa ini JKKK yang sedia ada terbukti sangat baik dan masih relevan sebagai jentera akar umbi yang cekap di negeri Sarawak terutama bertindak sebagai jambatan antara rakyat dan kerajaan. Dengan itu tidak perlu mempunyai badan alternatif untuk ditubuhkan seiring dengan JKKK.

Tuan Yang di-Pertua, kewujudan MPKK di Sarawak diyakini akan menyebabkan penduduk di rumah panjang dan kampung berpecah-belah kerana wujud dua lapisan kepimpinan yang berbeza dalam sebuah rumah panjang atau kampung atau komuniti. Ini kerana di Sarawak kriteria asal dalam memilih pemimpin adalah dengan mendengar suara rakyat yang mencadangkan calon pilihan mereka sebagai pemimpin.

Dengan itu, saya ingin mengesah Kerajaan Persekutuan supaya tidak perlu meneruskan usaha mewujudkan MPKK ini jika mereka melihat perpaduan masyarakat di Sarawak lebih penting daripada tujuan politik. Ingin saya ingatkan di sini bahawa kita anak Sarawak harus berhati-hati dan bersama-sama menolak kewujudan MPKK tanpa mengira fahaman politik. Kuasa politik tidak harus diperoleh melalui tindakan dengan mewujudkan perpecahan tetapi harus diperoleh dengan keikhlasan, akauntabiliti, kepimpinan dan agenda masa depan sesebuah parti politik.

Peruntukkan dana untuk pinjaman rumah panjang. Kerajaan terdahulu amat prihatin terhadap keperluan masyarakat Dayak yang tinggal di rumah panjang. Saya ingin memohon kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan agar terus menyalurkan peruntukkan seperti dahulu untuk tujuan sebagai dana pusingan bagi pinjaman rumah panjang di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpandangan Belanjawan 2020 ini lebih berpaksi kepada Semenanjung Malaysia dan kawasan bandar. Ia memang memberi fokus kepada golongan B40 walau bagaimanapun, fokusnya lebih kepada golongan B40 di bandar. Di Sarawak masih terdapat ramai yang tinggal di luar bandar dan pedalaman tidak ada peruntukkan khusus untuk golongan B40 di luar bandar dan pedalaman. Pendek kata, Belanjawan 2020 tiada peruntukan yang khusus untuk rakyat luar bandar

dan bagi Sarawak yang hampir seluas Semenanjung Malaysia kira-kira 43 peratus penduduknya adalah tinggal di kawasan luar bandar atau pedalaman.

■1740

Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya tiada yang luar biasa bagi rakyat Sarawak dalam Belanjawan Persekutuan 2020, walaupun kebergantungan pendapatan negara masih berasaskan dari minyak dan gas yang juga disumbangkan dari hasil bumi Sarawak. Dengan ini Tuan Yang di-Pertua, Terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk berbahas.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Betong. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Bukit Bintang.

5.40 ptg.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan Negara 2020. Pertamanya, saya ingin menolak dakwaan dan tohmahan golongan pembangkang menuduh Belanjawan 2020 sebagai belanjawan DAP dibentangkan oleh Menteri Kewangan. Ini tidak benar sama sekali bahawa inti pati belanjawan hanya mementingkan dan mengutamakan penyokong-penyokong DAP ia adalah belanjawan negara yang disediakan untuk semua lapisan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta ubahlah sikap dan pemikiran serta persepsi terhadap Kerajaan Malaysia Baharu yang mengutamakan kemakmuran bersama, jangan menilai dari sudut dan sisi yang negatif. Semaikanlah perasaan sangka baik dan buanglah jauh-jauh perasaan sangka buruk.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga sekarang pun saya tidak melihat Belanjawan Alternatif barisan pembangkang rakyat suka membuat perbandingan mana dia Belanjawan Alternatif pembangkang yang kononnya mempunyai dasar awam lebih baik dari kerajaan. Akan tetapi, yang ada hanya ulasan dan pelbagai tidak sekata dan lebih bersifat sentimen semata-mata yang kononnya kerajaan tidak pandai mentadbir negara. Anggapan negatif ini tidak seharusnya dilayan.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 2020 masih belanjawan yang terbaik dan saksama melayani kehendak semua golongan dan peringkat. Sungguhpun peruntukan belanjawan kurang dari tahun sebelumnya iaitu pada tahun 2019, peruntukan sebanyak RM314.5 bilion dan pada tahun 2020 peruntukan hanya RM297 bilion tidak bermakna ia belanjawan yang gagal. Kerajaan berbelanja mengikut kemampuan yang ada. Kerajaan masih mampu menyediakan sebanyak RM241 bilion bagi belanja mengurus dan

sebanyak RM56 bilion bagi belanja pembangunan. Rakyat menyambut baik apabila kerajaan mengumumkan bahawa GST tidak akan dilaksanakan semula. Ini bererti rakyat tidak akan terpaksa membelanjakan lebih lagi, ia pun sudah satu rahmat bagi Malaysia.

Cuma yang penting bagi kerajaan dan rakyat berganding bahu dan sama-sama meningkatkan produktiviti dengan ikhlas dan rajin berusaha. Ambillah iktibar yang diajar atas teguran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sewaktu merasmikan sebuah Kongres Maruah Melayu baru-baru ini supaya jangan malas bekerja, rajin berusaha permintaan beliau supaya rakyat mengubah sikap patut diutamakan. Marilah kita bekerja bersungguh-sungguh supaya negara boleh berpendapatan tinggi dan berkesamaan.

Bagaimanakah program Tahun Melawat Malaysia 2020 boleh menjana lebih pendapatan negara? Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh satu aspek penting bagi negara apabila tahun 2020, negara akan melancarkan Tahun Melawat Malaysia 2020. Ini bukan program sambil lewa dan main-main, tolonglah ambil serius. Pelancongan merupakan salah satu sumber pendapatan negara. Hasil dari pertukaran wang asing pada tahun 2018, nilai tambah kasar industri pelancongan berkembang 10 peratus kepada RM220.6 bilion, mewakili KDNK Malaysia sebanyak 15.2 peratus. Menyediakan 3.5 juta peluang pekerjaan, menyumbang sebanyak 23.5 jumlah pekerjaan negara. Manakala dalam akaun imbalan pembayaran komponen kerajaan mencatatkan aliran tunai bersih sebanyak RM30 bilion dalam tahun 2018. Kuala Lumpur tercatat sebagai salah satu destinasi 100 buah bandar raya di dunia dan impak perjalanan Muslim sedunia yang pertama.

Tuan Yang di-Pertua, bagi tahun 2019 pula, ketibaan pelancong dianggarkan mencecah sebanyak 28.1 juta orang dengan jumlah pendapatan sebanyak RM92.2 bilion. Dari segi Indeks Perbandingan Negara dilihat Malaysia jatuh di tempat ketiga iaitu 1.23 bagi tahun 2017. Manakala Thailand jatuh di tempat pertama indeks 3.01. Filipina jatuh ke tempat kedua indeks 1.45. Oleh yang demikian, saya difahamkan kerajaan menyasarkan ketibaan pelancong bagi Tahun Melawat Malaysia 2020 berjumlah 37 juta orang dan anggaran kutipan hasil sebanyak RM100 bilion.

Untuk mencapai sasaran ini, beberapa langkah perlu diambil iaitu pertama peruntukan bagi Kementerian Pelancongan, Seni Dan Kebudayaan hendaklah ditambah dari RM1.1 bilion kepada RM2 bilion. Peruntukan khas untuk Tahun Melawat Malaysia 2020 hendaklah bertambah dari RM90 juta ke sekurang-kurangnya RM150 juta bagi program meningkatkan kesedaran promosi Tahun Melawat Malaysia 2020.

Janji kerajaan hendaklah mengagihkan kutipan sebanyak 50 peratus cukai pelancongan ke setiap negeri hendaklah dilaksanakan segera bagi membolehkan pihak

negeri dan agensinya melaksanakan segera program masing-masing. Setakat ini, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur masih belum mendapat agihan itu. Walhal, kutipan cukai pelancongan bukan sedikit, promosi pelancongan luar negeri hendaklah diperhebat bagi seluruh dunia. Agensi-agensi pelancongan dalam dan luar negeri wajar memainkan peranan hebat. Janganlah bergantung kepada kerajaan semata-mata. Agensi kerajaan dan swasta haruslah memainkan peranan yang berkesan, jangan sekadar bijak berforum, seminar dan mesyuarat, tetapi pelan tindakan hendaklah berjalan.

Kedua, laluan penerbangan, jalan laut dan darat ke Malaysia hendaklah semakin mudah seperti menambah bilangan penerbangan ke Malaysia dari semua arah.

Ketiga, halangan imigresen hendaklah dipermudahkan tanpa mengabaikan keselamatan negara. Misalnya *visa on arrival* menerusi negara ketiga hendaklah dihapuskan tanpa dikenakan apa-apa bayaran. Negara Thailand mengalami peningkatan kemasukan pelancong asing kerana kemasukan mereka tanpa bayaran. *Visa on arrival* melalui negara ketiga lebih menyusahkan kerana Malaysia dijadikan destinasi pelancong terakhir.

■1750

Usaha menarik pelancong dari China hendaklah dipertingkatkan. Cuba kita kaji kenapa kita kalah dengan Thailand dan Filipina daripada segi ketibaan pelancong asing padahal destinasi dan kemudahan pelancong negara kita tidak kurang baik.

Keempat, tunggu sehingga lewat hingga tiga jam di kaunter Imigresen KLIA atau KLIA 2. Lebih kaunter haruslah dibuka untuk mempercepatkan proses kedatangan teramai ramai pelancong melawat Malaysia khususnya dalam tahun hadapan, Tahun Melawat Malaysia 2020; dan

Kelima, fasiliti dan kemudahan pelancong termasuk sifat keramahan warga kita haruslah dipertingkatkan.

Tuan Yang di-Pertua, hasil kutipan cukai pelancong haruslah diagihkan kepada Wilayah Persekutuan oleh kerana semua negeri di Malaysia pun dapat sebanyak 50 peratus dalam kutipan hasil cukai pelancong. Akan tetapi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur tidak dapat. Saya harap kementerian boleh mengambil kira sebab Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan ialah tempat yang mengutip separuh daripada kutipan hasil dalam pelancongan ini. Ini haruslah untuk merancang dan membuat produk pelancongan di Wilayah Persekutuan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan sektor pendidikan mendapat peruntukan terbesar mengatasi kementerian lain. Kementerian Pendidikan menerima peruntukan

sebanyak RM64.1 bilion mengatasi Kementerian Kewangan sebanyak RM37.8 bilion dan Kementerian Kesihatan menerima peruntukan sebanyak RM30.6 bilion. Ini menunjukkan kerajaan mementingkan pendidikan rakyat, kebajikan dan kesihatan rakyat di samping mengurus pembayaran balik hutang negara. Itulah sebab jumlah perbelanjaan diturunkan kerana kerajaan lebih mengutamakan pembayaran balik hutang.

Pendidikan pula, saya mendapati agihan peruntukan kepada setiap lapisan dan peringkat dalam sektor pendidikan adalah agihan yang adil. Semua pihak mendapat bahagian masing-masing. Tidak timbul siapa dapat banyak, siapa dapat sedikit. Peruntukan penyelenggaraan dan menaik taraf sekolah mendapat tambahan kepada RM735 juta yang diagihkan kepada 12 jenis sekolah. Di kawasan saya, terdapat sebuah sekolah lama sejak zaman penjajah yang bangunannya sungguh usang tetapi masih digunakan untuk menempatkan murid-murid sekitar itu. Sekolah Kebangsaan Jalan Batu, Kuala Lumpur, bangunan ini sungguh daif di tengah-tengah Ibu Kota Kuala Lumpur ini.

Tuan Yang di-Pertua, setelah masuk tahun yang kedua pentadbiran Kerajaan PH, nampaknya belum memenuhi janji manifesto pilihan raya- PRU Ke-14 iaitu untuk mengiktiraf sijil kelulusan UEC. Kerajaan masih teragak-agak untuk mengiktiraf walaupun telah dibahaskan dan disetujui. Apakah kerajaan menunggu masa sehingga menjelang PRU Ke-15 baru mahu mengiktirafnya? Di peringkat antarabangsa, sijil UEC sangat diperlukan dan para pelajarnya lebih cemerlang dalam keputusan.

Umpamanya mereka cemerlang dalam jurusan undang-undang, perakaunan dan lain-lain. Oleh itu, saya menggesa kerajaan supaya memberi pengiktirafan kelulusan UEC kerana sokongan rakyat dalam PRU Ke-14 tahun lalu adalah keyakinan mereka bahawa Kerajaan PH setia menunaikan janji. Tidak perlulah ditangguhkan sehingga menunggu sokongan rakyat.

Misalnya di kawasan saya Tuan Yang di-Pertua, di Wilayah Persekutuan, saya mendapati ada peruntukan untuk penyelenggaraan rumah awam sebanyak RM100 juta. Saya harap wang ini boleh membaiki semua kecacatan atau kelemahan di Wilayah Persekutuan untuk memastikan perkhidmatan Pakatan Harapan berjanji dalam pilihan raya- PRU Ke-14. Dengan ini, saya menyokong Belanjawan 2020. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Bukit Bintang.

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Kepala Batas. Silakan Yang Berhormat.

5.56 ptg.

Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakatuh* serta salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang yang diberikan kepada saya untuk turut mengambil bahagian dalam perbahasan peringkat dasar Rang Undang-undang Perbekalan 2020 ataupun Belanjawan 2020 pada petang yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita dah dengar banyak pandangan yang telah dilontarkan oleh Ahli-ahli Parlimen, rakan-rakan daripada kalangan MP. Ada yang menyatakan dalam bentuk bantahan, ada yang menyokong, ada yang mengeluarkan kritikan pedas dan tak kurang juga yang mengemukakan saranan-saranan yang cukup penting bagi didengar oleh pihak pemerintah.

Kepada saya, belanjawan ini merupakan sebuah naskhah dan dokumen yang amat penting. Ia adalah sebuah naskhah yang bukan hanya untuk kita buat suka-suka ataupun sebuah naskhah yang hanya sekadar mengandungi amaun dan angka. Ia adalah sebuah naskhah yang merupakan kandungan perancangan pemerintah yang ada kaitan dengan kehidupan manusia yang bernama rakyat.

Maka sebab itulah saya fikir bahawa dalam perbahasan berkaitan dengan belanjawan ini, kita perlu berbahas dengan cara yang jujur dan terbuka dan tentu sekalilah pihak pemerintah perlu juga menerima pandangan-pandangan, saranan daripada kami Ahli Parlimen yang mewakili rakyat ini secara terbuka dan secara jujur untuk kita angkat negara ini atas nama kemakmuran bersama dan juga kesejahteraan bersama.

Tuan Yang di-Pertua, secara ikhlas, saya nyatakan bahawa saya lihat belanjawan kali ini terdapat beberapa perkara yang saya anggap janggal dan juga pelik dan juga keliru. Saya sebut kenapa wujud kejanggalan, kepelikan dan kekeliruan ini adalah kerana berdasarkan kepada dua premis penting.

Premis yang pertama, Belanjawan 2020 ini menampakkan ketiadaan kesinambungan di antara Belanjawan 2019 dengan 2020. Ada perkara-perkara yang disebut begitu penting dalam 2019 tetapi malangnya dilenyapkan sama sekali dalam Belanjawan 2020. Dengan izin, belanjawan kali ini *there is a serious disconnect* ataupun *discontinuity* apa yang terzahir sebagai perkara yang begitu penting dalam 2019 malangnya tidak ataupun sudah ditiadakan dalam Belanjawan 2020.

Perkara kedua ialah belanjawan ini seakan menampakkan wujud satu bentuk vakum dalam libat urus dengan kementerian-kementerian ataupun dengan *the client*

ministries. Seakan wujud *disengagement* yang menampakkan banyak dasar-dasar yang diperjuangkan oleh kementerian, malangnya semangat itu tidak dijelmakan dan dizahirkan dalam belanjawan kali ini. Saya bagi contoh, umpamanya pada Belanjawan 2019 disebut secara begitu penting sekali bahawa kerajaan akan untuk kali pertamanya memperkenalkan *Airport Real Estate Investment Trust* ataupun *Airport REIT*. *Airport REIT* ini dikatakan bakal dapat menjana pendapatan baharu untuk kerajaan sebanyak RM4 bilion.

Malahan dengan izin, dikatakan *Airport REIT* ini adalah *REIT* yang pertama *of its kind in the world*. Akan tetapi malangnya bila mana datang Belanjawan 2020, tak disebutkan langsung.

■1800

Saya secara peribadi sebenarnya saya bersetuju dengan *airport REIT*, peringkat awal. Walaupun saya sudah *reservation*, sebab *REIT* ini adalah salah satu instrumen yang lebih baik dalam kita hendak mencari dana daripada *out right sales* sebagaimana dilakukan oleh kerajaan sekarang. Sememangnya kerajaan dalam tempoh 61 tahun telah mempunyai pelbagai aset, bangunan-bangunan seperti bangunan Parlimen ini, universiti, sekolah-sekolah, *airport*, bangunan-bangunan kedutaan-kedutaan di luar negara. Ini semua adalah aset-aset yang membawa nilai kadang-kadang mencecah, bukan hanya puluhan, malahan ratusan bilion.

Ada aset-aset ini yang boleh menjana pendapatan semula kepada kerajaan. *REIT* adalah salah satu instrumen yang cukup penting yang boleh menjana pendapatan. *Airport* merupakan *a REITable asset*. Aset yang boleh dikatakan *a productive asset*. Aset yang mungkin ada penjana *operating income*. Oleh sebab itulah bila saya disebut, maka benda ini bukan hanya mendapat perhatian daripada kalangan MP, tetapi mendapat perhatian daripada seluruh dunia. Oleh sebab ini *the first kind in the world*. Bila mana tidak disebut dalam 2020 ini, seakan-akan ia satu perkara yang amat janggal.

Adakah dalam perjalanan 2019 ke 2020 perkara ini hilang begitu sahaja? Adakah ia ini satu rancangan yang bersifat *afterthought*? Adakah Menteri Kewangan yang hanya bersifat *afterthought* ataupun *try and error*? Oleh sebab itulah saya mengharapkan jawapan daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan berkaitan dengan perkara yang saya anggap janggal yang tidak disebut dalam Belanjawan 2020. Demikian juga program-program yang saya fikirkan amat penting. Antaranya program *apprenticeship* dan *graduate enhancement programmed for employability* ataupun GENERATE. Pada 2020 diganti dengan Malaysia Kerja, #Malaysia*Kerja.

Sedangkan #Malaysia@Kerja sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Rembau, ia tidak akan berupaya *to address the issue* berkaitan dengan pengangguran di kalangan graduan, sebab yang paling penting adalah bukan soal *unemployment*, tetapi *employability* di kalangan graduan. Paling penting untuk ditekankan adalah *upskilling every skilling* dan program yang dikatakan GENERATE ini adalah program yang baik. Program yang dikatakan memberi impak kepada 4,000 graduan pada 2019 dengan peruntukan yang cukup banyak. Malangnya, tidak disebut langsung.

Jadi, kita tidak tahu apakah berlaku kepada program yang sebegini penting dan signifikan sehinggakan ia tidak ditiadakan langsung di dalam Belanjawan 2020. Demikian juga program seperti *Bootcamp*, TVET, Dana Wibawa TVET, dulunya disebut, hari ini tidak ada langsung dan yang paling amat mengejutkan saya ialah tentang Hab Halal Global. Dahulu diberi *prominence* berkaitan dengan perkara ini dalam Belanjawan 2019. Berapa jumlah PKS bumiputera dalam Halal Hab yang mendapat akses kepada dana RM100 juta yang lalu. Tahun lalu diadakan Skim Pembiayaan PKS Patuh Syariah RM1 bilion.

Malahan hari ini, Belanjawan tidak sebut langsung tentang Hab Halal Global ini. Jadi, inilah saya fikir satu kejanggalan, *arising from the serious disconnect* antara 2019 dengan 2020. Selain daripada itu, tentang *disengagement* dengan kementerian-kementerian, seakan-akan si pengelola Perbendaharaan Negara ini tidak ada langsung rasa hormat tentang kehendak-kehendak Menteri-menteri yang mengetuai kementerian masing-masing. Salah satu kementerian yang saya sifatkan amat malang ialah Kementerian Pembangunan Usahawan. Kalau dalam 2019 dinyatakan dengan jelas dan terang, salah satu paksinya adalah untuk menjadikan negara Malaysia negara keusahawanan.

To make Malaysia as entrepreneurial nation. Malangnya, dalam bajet Belanjawan 2020 yang ditambah sekitar RM20 juta sahaja untuk Kementerian Pembangunan Usahawan. RM20 juta hendak buat apa? Kereta terbang pun belum tentu boleh buat. Ini adalah. [Disampuk]

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Kepala Batas, ini yang Yang Berhormat Kepala Batas sebut bahawa semacam tidak ada perbincangan antara kementerian dan Menteri Kewangan. Satu lagi contoh ialah KPKT, Yang Berhormat Menterinya ada di sini. Beliau ada menyebut bahawa beliau tidak tahu mengenai keputusan Kementerian Kewangan untuk menurunkan had RM1 juta kepada RM600 ribu. Jika dahulu, Perdana Menteri pada ketika itu Yang Berhormat Pekan, Menteri Kewangan dia akan menelefon Menteri-menteri ketika membuat ucapan bajet

dan bertanya adakah apa yang hendak diumumkan itu sesuai ataupun tidak. Saya kira ini tidak dibuat oleh Yang Berhormat Bagan. Apa pandangan Yang Berhormat Kepala Batas?

Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]: Pertama, saya minta supaya dimasukkan dalam ucapan saya. Kedua, memang benar. Seakan-akan Kementerian Kewangan ini menjadi, Timbalan Menteri ada di sini, seakan-akan menjadi macam *jack of all trades but master of none*. Agak malang Menteri-menteri yang mengetuai kementerian, malangnya kerana semangat apa diperjuangkan oleh kementerian masing-masing, tidak di zahir dan dijelmakan dalam kementerian. Saya hendak tanya tentang berkaitan dengan Dasar Keusahawanan Negara.

Ini disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, mampu kah Malaysia untuk naik Indeks Keusahawanan daripada hari ini berada di tangga ke 58, ke tangga 35 dalam tempoh lima tahun. Ini dasarnya, bukan disebut oleh Yang Berhormat Menteri, disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Mampu kah untuk mempertingkatkan sumbang PKS kepada KDNK sebanyak 45 *percent*, pada waktu ini berada pada 35 *percent*. Mampu kah menaikkan pekerjaan PKS kepada 72 *percent* dalam lima tahun? Sekarang ini berada pada 60 *percent*. Mampu kah untuk mempertingkatkan sumbangan nilai PKS kepada eksport, kepada 25 peratus? Sekarang masih berada dalam berlegar di sekitar 15 ke 17 peratus. Bolehkah perolehan koperasi dipertingkatkan ke RM50 bilion dalam lima tahun, sedangkan sekarang berada pada RM40 bilion. Ini semua pastinya akan menemui kesukaran untuk dicapai, kalau terdapat seakan *disengagement* di antara Kementerian Kewangan bersama dengan kementerian-kementerian yang menjadi pelanggan ataupun *the client ministry*.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang sama juga yang dibangkitkan tentang kaedah-kaedah pengagihan peruntukan-peruntukan kepada kementerian. Salah satu Kementerian Pelajaran. Banyak diperbahaskan berkaitan dengan penyelenggaraan sekolah. Ada yang merasakan ini adalah pengagihan yang dibuat secara *distorted* ataupun secara *uneven*. Sekolah Jenis Kebangsaan diberi RM50 juta, Sekolah Kebangsaan mendapat RM300 juta dan disebut angka-angka dari segi jumlah keseluruhan sekolah. Saya fikir kalau ada *engagement* dengan kementerian, tentulah kaedah mekanisme yang paling baik yang boleh saya syorkan kepada Kementerian Kewangan adalah geran per kapita. Kenapa tidak diperkenalkan geran per kapita? Ini sebab penyelenggaraan ini berkaitan dengan penggunaan manusia.

Semacam kalau kita ambil contoh, dua tandas. Satu tandas diguna oleh 100 orang dengan satu lagi tandas diguna oleh 10 orang. Penyelenggaraan yang manakah

yang memerlukan pembiayaan yang lebih, tentulah yang 100 orang. Sekolah Kebangsaan mempunyai jumlah populasi hampir 4.5 juta. Manakala, Sekolah Jenis Kebangsaan kebanyakan ada di sekitar 500 ribu. Bererti, kalau kita buat geran per kapita, ia akan memberi pengagihan yang jauh lebih adil tanpa mengira — kalau SJKC itu banyak pelajar, diberi yang lebih. Akan tetapi, kalau di kalangan sekolah yang ada itu terdiri dari sekolah-sekolah yang hanya mempunyai SKM, sekolah kurang murid, pengagihan tentulah akan menjadi *question*. Ini bukan suatu benda yang bersifat rasis bila mana kita mempertikaikan, tetapi kaedahnya perlu diperkenalkan secara lebih tuntas yang boleh memberi keadilan.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua saya hendak tekan juga berkaitan dengan isu yang disebut sebagai Wawasan Kemakmuran Bersama yang saya sifatkan satu wawasan yang baik. Namun, ia perlu diterjemahkan hasrat ini secara keterangkuman, secara *inclusivity* dan juga mengambil kira semua aspek dengan penyediaan-penyediaan yang memungkinkan rakyat menikmati kehidupan yang apa yang disebutkan sebagai salah seorang daripada MP kita, *decent living*. Namun, ini menjadi perkara yang menjadi tanda tanya di Pulau Pinang, negeri saya. Terutamanya, perkara yang membabitkan projek PSR, *Penang South Reclamation*, dengan izin. Benda ini disuarakan bukan hanya menjadi isu politik, ia disuarakan oleh golongan nelayan, disuarakan oleh golongan akademia, NGO, *civil society* dan ini adalah suatu perkara yang perlu ditangani oleh pihak kerajaan. Saya merasa lebih risau bila mana jawapan yang diberi oleh Menteri Pertanian dalam Dewan yang mulia ini berkaitan projek PSR. Ini bukan datang daripada pembangkang, ini datang daripada pihak kerajaan sendiri. Beliau menyatakan bahawa projek PSR ini akan menyebabkan 10 ribu nelayan yang akan terkesan. Bila sebut 4,000 ke 5,000 datang daripada Pulau Pinang, manakala lagi 6,000 datang daripada Perak Utara.

■1810

Sebanyak hampir nilai RM555 juta, separuh bilion akan terkesan nilai perniagaan 511 penternak *aquaculture* dengan nilai RM1.6 bilion. Demikian juga pasir yang bakal diambil daripada Perak. Selain daripada itu, Majlis Perancang Fizikal Negara yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada waktu ini hanya bersifat *advisory*, tidak ada punca kuasa.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak ada kerangka undang-undang yang komprehensif untuk lihat benda yang berkaitan dengan *reclamation* ini. Saya hendak ambil contoh kalau di Singapura antara negara yang mempunyai aktiviti *reclamation* yang paling besar dalam rantau ini. Di Singapura mereka ada *Foreshores Act* atau Akta

Pantai Pasang Surut yang memberi penekanan bukan hanya DEIA yang diperlukan tetapi seandainya berlaku sebarang bentuk penambakan laut melebihi daripada lapan hektar, ia perlu dibawa ke Parlimen.

Saya fikir sudah tiba masanya bahawa Majlis Perancang Fizikal Negara ini mesti bersifat *regulatory*. Saya harap bahawa ini dapat juga dipertimbangkan dan juga diambil perhatian oleh pihak kerajaan.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya masih mempertahankan pandangan bahawa Belanjawan 2020 ini hakikatnya tidak bersandar kepada semangat dan naluri ekonomi yang tepat dan betul. Belanjawan 2020 masih mempunyai kekhuatiran dan kerisauan yang sebenar-benar membantu untuk mengangkat keampuhan ekonomi rakyat secara keseluruhan. Wawasan Kemakmuran Bersama yang baik ini tidak wajar sama sekali meminggir kepentingan kelompok minoriti. Wawasan Kemakmuran Bersama tidak sewajarnya bermula dengan langkah yang kekok dan sumbang. Ia harus bermula dengan faham belanjawan yang menghargai realiti sebenar sebuah negara bangsa.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Kepala Batas. Apabila pulau jadian tiga pulau itu siap, bererti nelayan di tempat itu sudah tidak lagi boleh mencari rezeki seumur hidup mereka. Di atas pulau itu pula akan didirikan rumah-rumah mewah, kondominium yang hebat-hebat, harganya melambung tinggi. Adakah nelayan boleh memiliki rumah-rumah itu?

Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]: Itu saya kata, apa guna kita ada *shared prosperity* tetapi *the shared prosperity* ini tidak dirasai oleh golongan-golongan yang berada di bawah. Jumlah 10,000 nelayan bukan jumlah yang sedikit, jumlah yang besar. Oleh sebab itulah cukup penting kerajaan meneliti balik Projek PSR dan seandainya boleh kami di pihak pembangkang minta supaya projek ini dibatalkan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Kepala Batas. Sekarang giliran Yang Berhormat Kalabakan. Silakan.

6.13 ptg.

Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]: *Bismillahir Rahmanir Rahim*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Syukur ke hadrat Ilahi kerana berkat limpah kurnia-Nya kita dianugerahkan kesempatan masa dan kesihatan untuk menyertai perbahasan Belanjawan 2020 yang mencerminkan aspirasi Kerajaan Malaysia baru dan harapan rakyat Malaysia. Mewakili penduduk Parlimen Kalabakan, saya mengucapkan setinggi-

tinggi penghargaan kepada kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Berhormat Menteri Kewangan kerana tidak mengabaikan kepentingan rakyat Sabah.

Dengan peruntukan RM5.2 bilion kepada Sabah, kita amatlah berbesar hati. Demikian juga dengan pakej bernilai RM600 juta untuk Projek Jalan Kalabakan-Serudong sejauh 40 kilometer. Pembinaan Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) serta kuarters perumahan kerajaan. Kita juga amat gembira dengan perancangan membina Lebuhraya Trans Borneo sepanjang 165 kilometer untuk menghubungkan wilayah Sabah, Sarawak dan Kalimantan Timur, Indonesia yang bakal menjadi lokasi ibu kota Republik Indonesia.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga peruntukan sebanyak RM783 juta yang dikhususkan oleh Kerajaan Pusat untuk usaha membaik pulih sekolah-sekolah daif terutamanya yang masih 587 bilangannya di Sabah. Jika ketirisan dalam pelaksanaan dapat dibendung, pasti banyak sekolah daif dapat dipulihkan. Malah peruntukan besar juga disediakan untuk Projek Bekalan Air Luar Bandar, Projek Bekalan Elektrik Luar Bandar, pembangunan jalan luar bandar serta pelaksanaan projek-projek untuk memberi manfaat kepada warga Sabah. Kita mempunyai banyak rangkaian sungai-sungai yang besar dan kecil di Sabah tetapi kita sering dilanda dengan masalah bekalan air bersih untuk dinikmati oleh penduduk setempat.

Hingga hari ini, masih terdapat kampung-kampung di tempat saya seperti Brantian dan Sungai Udin tiada bekalan air walaupun kampung-kampung ini sudah wujud lebih 30 tahun. Projek pembinaan dan takungan air Gudang 4, dalam kawasan Parlimen Kalabakan yang sudah diluluskan beberapa tahun lalu harus disegerakan agar satu takungan air yang besar yang dapat menyelesaikan masalah bekalan air untuk kawasan Parlimen Tawau dan Kalabakan di kala kemarau ataupun musim hujan.

Bekalan elektrik Southern Link sehingga pekan Kalabakan juga harus segera dipertingkatkan pada satu kapasiti yang mencukupi untuk menampung permintaan dalam usaha kita mewujudkan suasana yang lebih kondusif untuk pelabur datang ke Kalabakan.

Namun, kita juga sebenarnya masih ternanti-nanti pengumuman yang boleh menjadi peristiwa penting dalam sejarah negara ini iaitu saat Kerajaan Pusat memberi royalti minyak 20 peratus kepada Sabah. Mudah-mudahan masanya akan tiba jua, *insya-Allah*.

Kita akui peruntukan yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan memang meningkat untuk Sabah. Namun kita kluatir jika peruntukan yang sudah

diumumkan itu tidak dapat diturunkan sepenuhnya. Dalam belanjawan terdahulu, kita dapati sebahagian daripada keseluruhan peruntukan yang diturunkan sekali gus membayangkan koordinasi sistem penyampaian yang masih lemah antara Kerajaan Persekutuan dan negeri. Kita berasa seperti menanggung kerugian dalam perkara sebegini kerana angka yang besar disebut semasa pembentangan belanjawan tidak seindah hakikat yang berlaku dan situasi begini masih belum menguntungkan Sabah sebagai rakan kongsi dalam pembentukan Malaysia.

Sebagaimana yang kita ketahui, kita menuntut autonomi pendidikan dan kesihatan sejajar dengan pembentukan dua kementerian berkaitan iaitu Kementerian Pelajaran dan Inovasi Sabah serta Kementerian Kesihatan dan Kesejahteraan Rakyat Sabah. Pada masa yang sama, kita melihat Belanjawan 2020 seperti kurang memberi tumpuan kepada aspek penjagaan keselamatan perairan Pantai Timur Sabah sedangkan sehingga hari ini, kita masih lagi dikenakan dengan penguatkuasaan perintah berkurung.

Perintah berkurung seperti yang diumumkan Pesuruhjaya Polis Sabah pada 7 Oktober lepas diteruskan sehingga 23 Oktober itu meliputi perairan Tawau, Semporna, Kunak, Lahad Datu, Kinabatangan, Sandakan, Beluran serta Kalabakan. Perintah berkurung yang berkuat kuasa dari jam enam petang hingga enam pagi itu semenjak tahun 2013 yang kini sudah tujuh tahun dikuatkuasakan membayangkan betapa pentingnya aspek keselamatan dititikberatkan di Zon Selamat Pantai Timur Sabah atau ESSZONE.

Sekalipun kes pencerobohan serta ancaman culik untuk tebusan atau KFR tidak sekerap seperti sebelum ini, namun kita tidak boleh memandang ringan risiko ancaman kerana faktor sempadan yang begitu dekat dengan lokasi aktif aktiviti jenayah rentas sempadan. Kita berharap, aspek keselamatan tidak dikesampingkan khususnya perkara yang melibatkan kepentingan dan kebajikan rakyat Sabah yang bekerja dalam bidang perkapalan, aktiviti perikanan dan pelancongan di Pulau Indah yang memerlukan perhatian khusus daripada kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, kita berharap kerajaan tidak terlepas pandang dengan keadaan pelaksanaan ataupun kemudahan yang berstatus uzur dan tidak selamat untuk didiami oleh pasukan keselamatan yang bertugas di kawasan Pantai Timur Sabah. Misalnya ada blok bangunan di Kompleks Ibu Pejabat Polis Daerah Tawau yang tidak dihuni sepenuhnya kerana tidak selamat diduduki. Malah terdapat 80 unit rumah yang mempunyai dua bilik tidur yang dilihat tidak relevan untuk keselesaan anggota polis dan keluarga mereka.

Malah, semenjak tahun 2014 lagi hanya 16 rumah melibatkan lapan blok kediaman anggota pangkat rendah Batalion 14, Pasukan Gerakan Am atau PGA Tawau yang digunakan dan 198 buah rumah lagi diisytiharkan tidak selamat untuk diduduki. Kita juga prihatin dengan keperluan tambahan aset-aset penting terutamanya bot laju untuk kegunaan pasukan keselamatan kita menjaga perairan negara daripada sebarang ancaman dan membolehkan tindakan pantas diambil jika ada aktiviti mencurigakan.

Tuan Yang di-Pertua, Sabah masih berbicara mengenai isu kekurangan fasilitet kesihatan dan pendidikan. Kita berharap kementerian mempertimbangkan cadangan membina sebuah klinik kesihatan di Kampung Pasir Putih Tawau yang padat dengan penduduk dan sebuah sekolah rendah baharu di kawasan ladang Benta Wawasan Sendirian Berhad Kalabakan, sebuah ladang yang besar seluas 20,000 hektar dan terletak 30 kilometer dari sekolah terdekat di FELDA Umas.

■1820

Pergerakan keluar masuk harian ke sekolah anak-anak kecil di peringkat sekolah rendah amatlah membimbangkan. Pembaikan bilik-bilik darjah SMK Kalabakan juga harus disegerakan. Sekolah ini sangat-sangat memerlukan bangunan asrama dan rumah guru untuk mengatasi masalah ketidakhadiran murid yang dilaporkan tinggi disebabkan masalah perjalanan ke sekolah yang melelahkan dan ketidakpastian keadaan permukaan jalan laluan daripada penempatan-penempatan pekerja ladang yang bertaburan dan jauh dari sekolah. Guru-guru juga harus berulang-alik dari bandar Tawau sejauh 95 kilometer sehala untuk mengajar di SMK Kalabakan disebabkan ketiadaan kuarters guru disediakan dan juga faktor ketiadaan kediaman yang boleh disewakan. Sememangnya isu-isu berkaitan kemudahan prasarana dan sosioekonomi masih lagi menjadi isu utama di Sabah. Kita berharap lebih banyak peluang pekerjaan dapat diwujudkan untuk anak-anak tempatan menjana pendapatan masing-masing.

Harus juga dinyatakan, kita cukup teruja dengan komitmen kerajaan untuk merangsang pembangunan rancak Industri 4.0, ekosistem 5G, e-sukan dan sebagaimana yang diharap akan memberi kesan positif kepada bidang-bidang digital. Kita juga melihat usul pindaan Perkara 1(2), Perjanjian Malaysia bakal diluluskan oleh Dewan yang mulia ini di dalam masa yang terdekat dan pelbagai projek-projek pembangunan infrastruktur hak asas dapat disegerakan di Sabah yang selama ini tertinggal. Walaupun sebenarnya Sabah adalah negeri yang kaya dengan hasil mahsul tetapi mundur dalam banyak segi pembangunan dan ekonomi. Dengan wawasan dan hala tuju jelas yang digariskan oleh Dato' Seri Ketua Menteri dan barisan Kabinet Sabah, saya yakin kita mempunyai kerajaan negeri yang boleh membawa Sabah ke satu tahap

kemakmuran yang boleh dinikmati oleh segenap masyarakat Sabah yang terkenal dengan sikap kesabaran dan toleransi yang tinggi. Kita berdoa semoga Malaysia akan terus berkembang baik sebagai sebuah negara membangun yang terkehadapan di rantau Nusantara dalam pelbagai bidang pada tahun 2020. Seterusnya, menjadi model sebuah kerajaan yang baharu yang boleh dibanggakan oleh kita semua.

Dengan ini, Kalabakan mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Kalabakan. Seterusnya, Yang Berhormat Setiu, silakan.

6.23 ptg.

Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang kepada Setiu untuk sama-sama turut membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tahun 2020. Ucapan saya pada hari ini akan tertumpu kepada beberapa perkara utama. Pertama, isu yang berkait dengan masalah hakisan pantai di Setiu iaitu infrastruktur di kawasan Setiu. Kedua, isu cakna OKU. Ketiga, isu Program Subsidi Bersasar Petrol. Keempat, tanaman semula FELDA. Kelima, isu pengangguran. Keenam, isu pendidikan. Ketujuh, isu pindaan Akta Perhubungan Perusahaan 1967. Kelapan, isu penurunan harga ambang hartanah.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh yang pertama sekali berkait dengan isu hakisan pantai di Setiu. Di mana di kawasan Setiu ada dua kawasan yang menghadapi hakisan yang kritikal, yang memerlukan perhatian daripada kementerian terbabit. Pertama, hakisan pantai di kawasan Pengkalan Maras, Mengabang Telipot. Walaupun projek pembinaan *nearshore breakwater* ini telah mendapat kelulusan daripada kerajaan sebanyak RM90 juta. Namun begitu, pembinaan projek dijangka bermula pada tahun 2021.

Oleh kerana itu, rakyat memerlukan keprihatinan Kerajaan Persekutuan untuk menyegerakan kelulusan projek darurat bagi berhadapan dengan musim tengkujuh, musim peralihan monsun yang akan berlaku pada bila-bila masa sahaja. Mengikut laporan daripada Jabatan Pengaliran dan Saliran (JPS) kerugian yang telah dialami sehingga Januari yang lalu adalah dianggarkan sebanyak RM3.75 juta dan meningkat kepada RM7.51 juta pada bulan Ogos. Apa yang lebih membimbangkan, kerugian ini dijangka akan terus meningkat kepada RM23.75 juta sekiranya masalah ini tidak diatasi segera. Oleh kerana dijangkakan sepanjang Oktober hingga Disember ini, hakisan ini

akan merosakkan tanah perkuburan Islam, premis-premis perniagaan, chalet, jalan-jalan berturap dan kawasan pendaratan ikan. Isu hakisan pantai ini juga telah berlaku di Pantai Rhu Sepuluh sebagai salah satu tempat rekreasi dan perkelahan daerah Setiu. Amat menyedihkan jika pihak kerajaan tidak mengambil tindakan segera bagi mengatasi isu ini.

Hakisan ini bukan sahaja mengancam tapak Pekan Budaya yang merupakan salah satu kawasan tumpuan pelancong, malah ia juga mengancam tempat pengumpulan hasil laut serta infrastruktur awam. Sekali gus mengurangkan kedatangan pelancongan menyebabkan ekonomi penduduk sekitar akan turut terjejas. Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengambil kesempatan pada petang ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan kerana telah mengumumkan pembinaan sebuah klinik baru di Setiu. Walau bagaimanapun, banyak isu yang telah saya sentuh dalam ucapan sebelum ini seperti pembinaan klinik baru Jabi, isu pembinaan *breakwater* di muara Sungai Merang. Walaupun kerajaan telah memperuntukkan RM500,000 untuk penyelesaian sementara pada bulan Julai yang lepas tetapi awal Oktober baru-baru ini kawasan muara menjadi cetek seperti sedia kala. Jadi, pembinaan *breakwater* yang dicadangkan sebanyak RM200 juta perlu disegerakan bagi mengatasi masalah ini.

Pembinaan Balai Polis Alor Lek, menaik taraf Pondok Polis Jabi, isu selekoh berbahaya, isu jambatan sempit, pembinaan jalan Hulu Seladang ke Permaisuri bagi mengatasi banjir, isu Hospital Besut yang sudah terlampau sesak dan wad yang terlalu usang. Begitu juga isu Hospital Setiu yang lengkap dari segi prasarana tetapi ketiadaan doktor pakar. Isu kelengkapan Balai Bomba Setiu, isu Masjid FELDA Chalok Barat yang pada suatu ketika dulu telah dibuat satu perjanjian bahawa kos pembinaan ditanggung separuh oleh Majlis Agama Islam Negeri Terengganu dan separuh lagi ditanggung oleh FELDA. Akan tetapi projek ini terbengkalai disebabkan janji FELDA tidak dapat ditunaikan.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang ketiga yang ingin saya sentuh pada petang ini ialah berkaitan dengan isu OKU. Allah SWT telah menyebut di dalam Al-Quran dalam Surah Al-Fath, ayat 17 [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] maksudnya, "*tidaklah menjadi salah kepada orang buta dan tidaklah menjadi salah kepada orang tempang dan tidaklah menjadi salah kepada orang yang sakit yang tidak turut berperang kerana masing-masing ada uzurnya dan ingatlah sesiapa yang taat kepada Allah dan RasulNya akan dimasukkannya ke dalam syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai dan sesiapa yang berpaling ingkar akan diseksa dengan azab yang tidak terperi sakitnya*"

Di dalam Dewan yang mulia ini saya ingin menegaskan, Belanjawan 2020 sekali lagi mengetepikan golongan ini. Buktinya, peruntukan RM23 juta yang disediakan bagi memastikan kemudahan mesra OKU di sekolah-sekolah, walhal berdasarkan statistik sehingga Julai 2018, pecahan terbesar bagi golongan ini ialah purata umur 19 hingga 60 tahun iaitu mereka yang telah melepasi alam persekolahan dengan kadar 72.9 peratus daripada keseluruhan jumlah orang OKU. Di mana bantuan serta keprihatinan kerajaan bagi golongan OKU ini?

■1830

Apa yang lebih malang saya mendapati golongan OKU ini khususnya yang beragama Islam sukar mendapat didikan agama sedangkan mereka adalah pecahan terbesar iaitu 281,834 orang daripada 464,672 orang.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang keempat berkait dengan program subsidi petrol di mana penghapusan subsidi petrol apabila bermulanya minyak petrol diapungkan, maka para peniaga akan menaikkan harga barangan sesuka hati. Jelas kos sara hidup rakyat semakin meningkat, rakyat makin merana. Persoalannya sejauh manakah kajian yang dilakukan oleh kerajaan dalam menetapkan nilai RM30 subsidi kereta 1,600 cc ke bawah dan RM12 subsidi motor bagi 1,500 cc ke bawah. Bayangkan jika kadar penggunaan petrol sebanyak RM20 sehari, maka subsidi RM30 ini hanya boleh digunakan sekadar sehari setengah. Hari-hari lain golongan B40 dan M40 tetap dikenakan bayaran minyak tanpa subsidi. Di manakah logiknya kerajaan hendak bantu rakyat. Rakyat terus ditipu dan terus terbeban.

Begitu juga dengan nasib golongan muda yang terlibat dengan ekonomi gigs seperti *GrabFood*, *BungkusIt* dan *Foodpanda* dengan pendapatan tidak tetap yang diperoleh. Mereka juga terbeban dengan harga petrol yang tidak mustahil yang akan meningkat bila-bila masa. RM12 hanya mampu menampung kira-kira 2, 3, atau 4 hari sahaja. Di manakah belas kasihan kerajaan dalam masalah ini? Tambahan pula sejauh manakah jaminan kerajaan dapat memastikan dengan kejatuhan harga minyak mentah dunia boleh menurunkan semula harga barang yang telah meningkatkan disebabkan oleh kenaikan harga minyak mentah sebelum ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada 9 Januari yang lalu, saya telah mengeluarkan satu komen berkait dengan peruntukan diberikan kepada Sekolah Menengah Persendirian Cina (SMPC). Akta Pendidikan 1961 telah memperuntukkan bahawa SMPC tidak berhak untuk mendapat bantuan kerajaan kecuali jika sekiranya SMPC bersetuju untuk menukarkan kepada SMJKC, Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Cina. Oleh itu

sejak 1992, SMPC tidak pernah menerima apa-apa peruntukan seperti mana yang dijanjikan.

Walau bagaimanapun sejak kerajaan baharu, kerajaan Pakatan Harapan, akta serta perjanjian tidak diendahkan. Pada tahun 2019, RM12 juta sudah disalurkan dan pada tahun 2020 dinaikkan kepada RM15 juta. Persoalannya, apakah justifikasi kerajaan atas tindakan tersebut sedangkan ia jelas melanggar Akta Pendidikan dan SMPC itu sendiri yang bersetuju untuk tidak menerima apa-apa bantuan peruntukan daripada kerajaan?

Tuan Yang di-Pertua, berkait dengan isu pengangguran, berdasarkan kajian yang telah dibuat, pengangguran siswazah Melayu pada tahun 2017 dan tahun 2018 menunjukkan secara konsisten bahawa semakin tinggi kelulusan, semakin tinggi peluang pengangguran. Amat menyedihkan....

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Setiu.

Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]:berdasarkan data juga menunjukkan graduan dan kakitangan keluarga B40 adalah yang paling ramai menganggur atau bekerja dengan gaji di bawah kelayakan akademik seperti kerani, pekerja upahan dan sebagainya.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: *[Bangun]*

Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Saya berharap dengan pengumuman belanjawan yang diberikan kepada Kementerian Belia dan Sukan benar-benar mampu mewujudkan peluang pekerjaan sebanyak 350 ribu peluang seperti mana diuar-uarkan. Hal ini kerana dikhuatiri peluang-peluang pekerjaan yang bakal diwujudkan tidak mampu menghasilkan pendapatan yang sesuai dengan kelulusan serta kelayakan akademik mereka.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Pontian minta laluan tadi. Silakan.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Ya, apa yang Yang Berhormat Setiu sebut tadi mengenai pengangguran adalah kerana *mismatch* antara penawaran dan juga pengeluaran. Oleh kerana itu, pada pandangan Yang Berhormat Setiu, adakah sepatutnya bajet yang besar diperuntukkan untuk melatih semula anak-anak kita ini kepada bidang-bidang yang sesuai supaya *mismatch* itu boleh dihapuskan? Apa pandangan Yang Berhormat Setiu.?

Selain daripada itu jika Sekolah Menengah Persendirian Cina diberikan peruntukan, apa kata kalau kita beri juga peruntukan kepada Sekolah Menengah Persendirian Melayu dan Sekolah Menengah Persendirian India, RM250 ribu setiap sekolah. Apa pandangan Yang Berhormat Setiu?

Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Ya, saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat Pontian. Kita mesti wujudkan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Pontian dan saya bersetuju juga dan rancangan Yang Berhormat Pontian supaya peruntukan yang sama diberi kepada Sekolah Menengah Persendirian Melayu dan Sekolah Menengah Persendirian India.

Tuan Yang di-Pertua, perkara seterusnya yang saya ingin sentuh berkenaan isu penanaman semula peneroka FELDA, peneroka kecil. Saya mengucapkan terima kasih di atas tindakan kerajaan kerana telah memperuntukkan RM250 juta bagi program meningkatkan pendapatan 11,600 orang peneroka dan RM300 juta bagi hapus kira faedah pinjaman peneroka. Namun begitu saya kira amat tidak wajar untuk kerajaan menghapuskan pemberian bantuan kepada pekebun kecil bagi tujuan penanaman semula. Alasannya hanya ingin memberi keadilan kepada semua peneroka. Penukaran skim bantuan kepada pinjaman itu sendiri langsung tidak memberikan keadilan kepada mereka. Peneroka persendirian sewajar disokong. Malah yang berlaku bantuan peneroka ini yang ingin berdikari ditarik haknya. Persoalannya, ini kah yang dimaksudkan dengan keadilan?

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh berkait isu pindaan Akta Perhubungan Perusahaan 1967 yang telah dipinda dengan persetujuan Ahli Dewan Rakyat pada 9 Oktober yang lalu. Bagaimanapun saya mendapat makluman bahawa Yang Berhormat Menteri telah membuat pembohongan di dalam Dewan yang mulia ini. Kenyataan yang mengatakan Yang Berhormat Menteri telah mendapat persetujuan pihak yang berkepentingan seperti MTUC dan Jawatankuasa Teknikal, Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan (NLAC) adalah pembohongan sama sekali. Saya mendapat maklumat bahawa pihak berkepentingan dipinggirkan sedangkan sebelum dibentangkan dalam Dewan yang mulia, Yang Berhormat Menteri telah berjanji akan dibahaskan dengan persetujuan NLAC ini. Namun apa yang berlaku, Yang Berhormat Menteri sendiri yang mengarahkan senarai cadangan itu dihantar ke Jabatan Peguam Negara tanpa kelulusan NLAC ini.

Tuan Yang di-Pertua, yang akhir sekali yang ingin saya sentuh ialah saya dapati bahawa, saya menjangkakan satu bajet yang dibentangkan ini berjaya memuaskan hati rakyat pada mulanya. Malangnya berdasarkan tinjauan yang dilakukan oleh Astro AWANI, sebanyak 84 peratus mengundi Belanjawan 2020 tidak memenuhi harapan rakyat. Oleh kerana itu, saya ingin menyuarakan beberapa perkara. Pertama berkenaan isu penurunan nilai ambang bagi kondominium dan pangsapuri yang diturunkan daripada RM1 juta kepada RM600 ribu. Sedangkan negeri Selangor, Yang Berhormat

Menteri Besar Selangor telah menyatakan kadar minimumnya ialah RM2 juta dan kerajaan Johor mengekalkan pada harga RM1 juta.

Isunya apakah kerajaan telah benar-benar membuat kajian secara holistik sebelum mengeluarkan kenyataan sedemikian. Isunya bukan saja berkaitan dengan lambakan warga asing. Tidak mustahil warga asing seperti dari Singapura mampu membeli hartanah dengan hanya dengan harga sedemikian rupa. Malah hartanah yang diumumkan jauh daripada nilai ambang nilai yang sebenar. Di China rumah sebesar 1,000 kaki per segi dengan harga boleh mencecah 5 juta kepada 6 juta. Saya kira kaedah ini hanya akan menguntungkan pemaju, rakyat tetap akan merana. Hal ini kerana rakyat masih lagi tidak mampu untuk membeli rumah-rumah tersebut. Justeru itu, kerajaan sewajarnya menyelesaikan masalah asas yang dihadapi oleh rakyat.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah habis Yang Berhormat. Sila gulung.

Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]: Tuan Yang di-Pertua, walaupun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengatakan bahawa Belanjawan 2020 ini untuk semua, tetapi apabila kita melihat komen-komen dan kritikan daripada pelbagai pihak, bukan sekadar daripada Ahli Parlimen yang berada dalam Dewan yang mulia ini, malah pandangan-pandangan masyarakat luar daripada pelbagai golongan membuktikan bahawa Belanjawan 2020 sebenarnya tidak memberi banyak faedah kepada rakyat. Setakat itu yang dapat saya sampaikan. *[Membaca sepotong doa] Wassalamualaikum warahmatullah wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: *Walaikumsalam.* Terima kasih Yang Berhormat Setiu, sekarang saya menjemput Yang Berhormat Merbok, silakan.

■1840

6.40 ptg.

Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang dalam perbahasan ini. Saya akan berusaha seringkas mungkin dalam perbahasan ini di saat menjelang senja dan seboleh mungkin mengelakkan pertindihan daripada pembahas-pembahas lain.

Tuan Yang di-Pertua, menelaah helaian demi helaian bajet 2020 mengingatkan saya firman indah Surah Yusuf ayat 47 hingga 49 ketika mana mentafsirkan mimpi Raja Mesir, Yusuf menjawab, *“Hendaklah kamu menanam bersungguh-sungguh tujuh tahun berturut-turut, kemudian apa yang kamu ketam biarkanlah ia pada tangkai-tangkainya kecuali sedikit pada bahagian yang kamu jadikan untuk makan. Kemudian akan datang selepas tempoh itu tujuh tahun kemarau yang besar yang akan menghabiskan makanan yang kamu sediakan baginya kecuali sedikit daripada apa yang kamu simpan.*

Kemudian akan datang pula sesudah itu tahun yang padanya orang ramai beroleh rahmat hujan dan padanya mereka dapat memerahi iaitu hasil anggur, zaitun dan sebagainya”.

Firman indah ini sebenarnya merupakan panduan kepada kita untuk menguruskan harta negara dan dalam konteks *maqasid* syariah yang menjadi teras dalam pentadbiran kerajaan meletakkan kepentingan untuk menjaga harta negara yang mana merangkumi proses mengembangkan harta dan membelanjakan dengan bijaksana dan tersusun.

Dalam ayat ini jua boleh disimpulkan bahawa menyediakan satu pelan strategik bagi menghadapi satu keadaan kemuncupan ekonomi yang tidak diduga dan model kitaran ekonomi yang telah dibuat oleh Nabi Yusuf ini berdasarkan mimpi Raja Mesir amatlah sesuai diimplikasikan. Adalah menjadi amanah besar kepada kerajaan hari ini menguruskan harta dengan teliti, kekuasaan bukanlah satu lesen untuk menggunakan harta negara demi kepentingan peribadi, keluarga dan kroni yang hingga rakyat terpaksa menanggung beban hutang yang berpanjangan. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan kepada Yang Berhormat Menteri tahniah di atas pembentangan bajet 2020 ini yang mana saya yakin ia bukanlah suatu yang mudah di saat semua unjuran ekonomi ini menunjukkan situasi ekonomi yang tidak menentu serta pada masa yang sama terpaksa berhadapan dengan persepsi masyarakat yang menyandarkan harapan yang tinggi untuk melihat perubahan selepas 9 Mei.

Tuan Yang di-Pertua, sepanjang perbahasan ini pelbagai persepsi kita dengar daripada pelbagai pihak disuarakan. Ada yang mengatakan bajet ini *useless*, ada juga yang sebut bajet kapitalis, ada juga yang sebut bajet ini bajet Yang Berhormat Bagan dan yang terbaru hari ini mengatakan bajet *kodokushi* iaitu *lonely death*.

Tidak kurang juga pihak-pihak yang mengambil kesempatan mengutip data-data secara terpilih bagi memenuhi cita rasa dan berusaha menutupi segala usaha kebaikan yang kerajaan telah lakukan. *[Tepuk]*

Sebagai contoh, telah diumumkan sebanyak RM445 juta diperuntukkan kepada kumpulan usahawan Bumiputera namun ironinya belum pun bajet habis di bentang oleh Yang Berhormat Bagan sudah di-viral-kan slaid-slaid pembentangan bajet secara terpilih yang meniup api perkauman jauh dari kebenaran pembentangan yang sebenar.

Di manakah hujah berlaku adillah kamu meskipun terhadap musuhmu sendiri yang selalu kita laung-laungkan nan hakikatnya sebenarnya kita masih lagi jauh dengan budaya politik matang. Dalam Dewan yang mulia ini sewajarnya pembangkang menjadi

semak dan imbang kerana kerajaan yang kuat memerlukan pembangkang yang juga hebat.

Tuan Yang di-Pertua, secara umum mengetahui kerajaan terbelenggu dengan hutang akibat daripada polisi selama ini yang tidak begitu diendahkan. Ketirisan yang berlaku puluhan tahun mengakibatkan pembaziran ratusan bilion duit rakyat maka inilah sebenarnya cabaran besar Kerajaan PH untuk melakukan islah sehabis daya untuk membina semula negara ini.

Pembentangan bajet kali ini menyaksikan Kementerian Pendidikan menerima peruntukan sebanyak RM64.1 bilion diikuti oleh Kementerian Kewangan RM37.8 bilion dan Kementerian Kesihatan sebanyak RM30.6 bilion jelas menunjukkan Kerajaan PH meletakkan keutamaan relung yang sangat dekat dengan rakyat iaitu sektor pendidikan dan kesihatan.

Tahniah juga saya ucapkan kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan atas usaha berterusan memperkasakan pendidikan negara sejak peralihan Mei 2018 jelas kepada rakyat usaha gigih Kementerian Pendidikan menangani keciciran pelajar, memberi akses pendidikan kepada semua kanak-kanak dan memperbaiki infrastruktur sekolah-sekolah luar bandar.

Peruntukan besar kepada Kementerian Pendidikan amat saya sokong kerana pendidikan adalah nadi kepada perpaduan kaum, penyediaan tenaga kerja dan kemakmuran negara. Generasi yang berilmu, berintegriti, berakhlak mulia punyai daya tahan dan berfikiran kreatif lahir dari proses pendidikan yang unggul sejak di bangku sekolah lagi. Harus diingat tokoh falsafah Brazil yang akrab dengan dunia pendidikan iaitu Paulo Freire pernah menyebut, "*Guru adalah subjek proses belajar dan murid adalah objeknya*". Ternyata beliau sememangnya mengangkat martabat guru sebagai sumber untuk mengeluarkan golongan tertindas menjadi insan mulia melalui pendidikan.

Dalam naratif baru pendidikan Malaysia yang di canang seluruh pelosok negara tema, "Guru Berjiwa Pendidik" membawa maksud tentang kepercayaan bahawa guru menyedari bahawa anak-anak Malaysia ini mempunyai *dignity*, maruah mereka diangkat melalui pendidikan dan untuk mengangkat maruah insan seiring konsep *karamatul* insan semuanya adalah kerana komitmen para guru yang menabur bakti di negara kita ini.

Maka di kesempatan ini saya ingin menarik perhatian KPM tentang keadaan guru kita di luar sana. Ramai sebenarnya guru-guru kita berusaha meningkatkan potensi diri dengan melanjutkan pelajaran di peringkat Ijazah Sarjana Muda hingga ke peringkat *Master* dan *PhD*. Ada antara mereka melanjutkan pelajaran tanpa biasiswa bertungkus-

lumus menyiapkan tesis melalui rantau perjalanan dalam *Master* dengan PhD dengan belanja sendiri.

Akan tetapi sehingga hari ini tiada insentif pun bagi guru-guru dalam perkhidmatan yang memperoleh Ijazah Sarjana dan PhD, tiada sebarang kenaikan gaji atau gred gaji yang DG41 tetap dengan DG41, DG44 masih dengan gred DG44 dengan tangga gaji yang sama walaupun memiliki *Master* dan PhD. Saya mohon KPM dan Jabatan Perkhidmatan Awam mengkaji hal ini.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Dewan yang mulia, memandangkan Kementerian Pendidikan mendapat bajet yang terbesar maka saya mahu masih lagi menyentuh dalam konteks pendidikan. Merujuk kepada siaran akhbar Berita Harian 11 September 2019 dengan tajuk utamanya, “21 Institut Pendidikan Guru (IPG) bakal ditutup” telah mengejutkan ramai pemegang taruh pendidikan bahkan menjadi modal politik murahan.

Namun, *alhamdulillah* beberapa jam selepas itu Yang Berhormat Menteri telah memberi respons pantas dan menafikan perkara tersebut. Kita harus sama-sama ingat IPG umpama kilang yang mencetak guru-guru terlatih di sekolah rendah dan menengah. Keputusan kerajaan terdahulu menukar fungsi 10 buah IPG kepada Pusat Latihan TVET, Pusat Latihan Politeknik dan PERMATA Negara. Tinggal lagi 17 IPG yang aktif melatih bakal-bakal guru dalam program Ijazah Sarjana Muda Perguruan dan Program Diploma Pasca Siswazah.

Maka, saya menyeru kepada KPM memberi perhatian kepada IPG supaya terus kekal menyediakan tenaga kerja terbaik dalam bidang pendidikan kerana pensyarah-pensyarah di IPG yang mengajar bakal-bakal guru sejumlah 95 peratus daripada mereka adalah asal usulnya adalah cikgu yang mengajar di sekolah-sekolah. Namun gred gaji pensyarah-pensyarah ini juga tidak setara dengan pensyarah di universiti yang terus dinaikkan ke gred 52 selepas memiliki Ijazah Doktor Falsafah. Saya juga mohon KPM melihat hal ini dan saya mohon kerajaan juga membuat keputusan yang tuntas tentang masa depan IPG supaya tidak dijadikan polemik ataupun modal politik murahan sesetengah pihak di kemudian hari.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Dewan yang mulia, perkara yang akan saya sentuh seterusnya adalah pengurusan polarisasi wanita dan kanak-kanak. Tahniah kepada kerajaan yang dengan beraninya menggubal dasar-dasar *gender mainstreaming* sebagai keutamaan. Peranan dan sumbangan wanita turut disebut di kebanyakan perenggan dalam Belanjawan 2020.

Ini merupakan permulaan yang baik dan saya yakin dengan dasar-dasar yang berasaskan gender sensitiviti ini akan meningkatkan lagi penyertaan kepimpinan wanita.

Saya menyeru agar kes-kes keganasan rumah tangga mesti dilihat dengan lebih secara serius. Akta-akta membela serta melindungi wanita yang dirancang iaitu Akta Gangguan Seksual dan Akta Keselamatan Gender atau Akta Anti Diskriminasi harus disegerakan.

Pemeriksaan kepada golongan suri rumah serta mengiktiraf posisi suri rumah tidak lagi dilihat atau ditulis dalam borang-borang sebagai tidak bekerja tetapi dilihat sebagai *Director of Operation (DO)*, tugas mulia yang harus dijenamakan untuk mengangkat nilai tiang seri sebuah keluarga. Kadar penyertaan tenaga buruh wanita masih lagi jauh daripada sasaran 60 peratus. Saya ingin mengulangi dan menegaskan bahawa kajian terkini Bank Dunia merumuskan bahawa sekiranya semua halangan terhadap wanita dihapuskan pendapatan per kapita negara akan meningkat sebanyak 26.2 peratus. Kita harus bergerak ke arah itu.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, pujian harus diberikan kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang berjaya menyediakan sebanyak 66 Taman Asuhan Kanak-kanak (TASKA) dengan peruntukan sejumlah RM10 juta pada tahun 2019 berbanding sasaran awal cuma sebanyak 50 taska. Maka, penambahan Bajet 2020 sebanyak RM30 juta saya yakin akan lebih banyak taska di hospital dan sekolah akan dilaksanakan. Usaha-usaha ini akan mengurangkan beban wanita dalam mengurus tugas hakiki dan mengimbangi peranan mereka dalam kerjaya dan juga masyarakat.

Kita sendiri melihat kejayaan atlet wanita seperti Datuk Nicole David, Pandalela Renong dan Farah Anne Abdul Hadi yang bertaraf dunia merupakan satu lagi pembuktian kemampuan wanita yang akhirnya sejumlah RM10 juta diperuntukkan untuk pembangunan atlet wanita. Secara kesimpulan ringkas, berikanlah bajet kepada pembangunan wanita kerana terbukti sudah akan lebih banyak kejayaan pembangunan akan dilakar membina masa depan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh pula isu belia. Orang muda juga turut mendapat fokus dalam bajet kali ini melalui program-program yang telah diatitkan. Diharapkan pelaksanaan Malaysia Kerja, Graduan Kerja, Wanita Kerja, Watan Kerja dan Perantis Kerja mampu mengurangkan pengangguran berterusan di kalangan belia dan graduan kerana ketidakpadanan antara permintaan dan penawaran buruh.

■1850

Saya juga amat menyokong dan menyambut usaha kerajaan meneliti semula Akta Kerja 1955 yang meliputi cuti bersalin, memanjangkan lebih masa bagi golongan kurang berkemampuan daripada RM2,000 kepada RM4,000, menambah baik pengendalian aduan gangguan seksual dan peraturan larangan diskriminasi agama,

kaum dan juga jantung. Saya menyokong keseriusan kerajaan dalam membangunkan modal insan menambahkan bajet RM5.9 bilion berbanding RM5.7 bilion pada tahun lepas bagi mengarusperdanakan TVET.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat kesedaran awal yang mana baru-baru ini 9 Oktober dilaporkan oleh berita *Astro Awani*, KPWKM akan mewujudkan Akta Profesion Kerja Sosial untuk mengiktiraf program-program kerja sosial yang sama seperti kumpulan peguam dan doktor. Ini juga akan membuka peluang kepada graduan kerja sosial untuk mengisi keperluan terhadap permintaan kerja sosial. Kerja-kerja sosial tidak sepatutnya dipandang sepi kerana bidang dan perkhidmatan kerja-kerja sosial amat penting dalam menangani cabaran dan permasalahan sosial dalam masyarakat yang semakin meruncing.

Merujuk kajian oleh MAMPU yang dijalankan mulai 26 November 2018 sehingga Jun 2019 mendapati nisbah pekerja sosial di JKM berbanding populasi penduduk Malaysia adalah 1:8,576. Diharapkan ini juga adalah ruang dan peluang untuk mereka yang cintakan kerja-kerja sosial dalam mengimbangi masalah masyarakat.

Saya ingin menarik perhatian Menteri Belia dan Sukan, situasi sedia ada belia-belia kita di kawasan menghadapi banyak rintangan dalam pembangunan modal insan. Prasarana serta kemudahan masih lagi berkurangan di kawasan saya sendiri dalam daerah Kuala Muda. Setakat semakan April 2019, terdapat 109 persatuan belia yang berdaftar yang aktif lebih kurang 10 peratus, populasi belia sekitar 20,000 orang hingga 50,000 orang.

Namun, masih belum ada kompleks belia pun untuk anak-anak muda beraksi. Peruntukan di peringkat komuniti sangat minimum dan kerap kali belia terpaksa keluar daripada kawasan untuk mendapatkan pengisian-pengisian program pembangunan kepimpinan. Selain daripada itu program-program yang tidak juga konsisten.

Melalui Belanjawan 2020 sebanyak RM138 juta diperuntukkan untuk Kelab Pemuda Belia (YPC). Suatu yang menggembirakan buat anak-anak muda dan diharapkan pelaksanaannya menjauhi amalan *political patronage* seperti yang dilaung-laungkan. Saya amat mengharapkan agar persatuan-persatuan pertubuhan belia sedia ada tidak dikesampingkan sebaiknya dilakukan penstrukturan semula pemerksaan serta pengupayaan agar terus bernafas sepanjang menjadi pemegang tampuk negara suatu hari nanti.

Saya juga ingin menyentuh sedikit isu kesihatan yang mana kerajaan memperuntukkan RM30.6 bilion bagi meningkatkan langkah pencegahan bagi mengurangkan beban perbelanjaan kesihatan awam. Naik taraf peralatan

pengubahsuaian infra dan kemudahan perubatan termasuk ambulans dan sistem rekod elektronik sememangnya suatu yang diharap-harapkan selama ini.

Malaysia telah mencatat inflasi penjagaan tertinggi di Asia selepas Vietnam. Laporan Ketua Audit Negara 2018 menunjukkan 58.7 peratus sehingga 74.5 peratus pesakit dirawat di Jabatan Trauma dan Kecemasan hospital awam dalam tempoh kurang empat hingga enam jam. Kadar pesakit diabetes di Malaysia juga merupakan yang tertinggi di Asia dan antara yang tertinggi di dunia. Gaya hidup dan populasi menua (*aging*) yang mana turut meningkatkan perbelanjaan kesihatan.

Namun, ingin saya menarik perhatian agar mengubah *mindset* kita untuk mencipta usia penuaan yang sihat. Ia harus dimulakan dari sekarang. Kegemukan atau obesiti antara faktor mempercepatkan penuaan dan menyumbang kepada kemerosotan tahap kesihatan. Kempen gaya hidup sihat, pengambilan makanan yang betul harus digerakkan dengan lebih luas dan bersungguh-sungguh termasuk kita semua yang berada di dalam Dewan ini kerana kita sendiri ada contoh depan mata Yang Amat Berhormat Langkawi dalam usia 94 tahun masih gagah berdiri mengurus negara, maka bayangkanlah kalau kita punya ramai contoh yang sebegini.

Seterusnya, ini adalah saya ingin sentuh sedikit, mungkin ini adalah sesuatu yang setuju untuk tidak bersetuju peruntukan untuk pembangkang. Institusi *reform* bermakna mengiktiraf pilihan rakyat, mencadangkan semua *Member of Parliament* (MP) menerima peruntukan pengurusan pejabat yang sama di pihak kerajaan bahkan juga pembangkang. Sebagai contoh jika kerajaan menerima peruntukan...

Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]: Hidup Merbok!

Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok]: Pengurusan pejabat sebanyak RM300,000...

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]: Hidup Merbok!

Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok]: Maka jumlah yang sama perlu diberikan kepada Ahli-ahli Parlimen pembangkang juga. Kenapa saya sebut bajet pengurusan pejabat yang sama? Ini kerana itu adalah hak asas yang kerajaan boleh berikan kerana kerajaan yang kuat memerlukan pembangkang yang hebat untuk melakukan semak dan imbang. Akan tetapi ingat ya, pengurusan pejabat sahaja bukan peruntukan lain. [*Dewan ketawa*]

Seterusnya, akhir sekali. Okey, saya ingin sebut mengenai pelancongan sebab di Merbok ini kita ada tapak arkeologi Sungai Batu yang terbukti lebih tua usianya mendahului beberapa abad dua khazanah tapak arkeologi terkemuka di Angkor Wat, *Cambodia* dan Kuil Borobodur. Maka saya mengharap kerajaan memberikan

promosi ataupun fokus kepada lokasi ini. Ini adalah fakta, bukan auta. Ini kerana Angkor Wat setiap tahun mengutip kutipan tiket ratusan juta. Kalau kita boleh dapatkan satu hingga dua peratus jumlah pelawat Angkor Wat, mampu memberikan limpahan besar kepada sektor pelancongan tempatan. Saya mengharapkan kerajaan dapat memberikan fokus yang serius untuk sama-sama mempromosikan tapak arkeologi Sungai Batu ini.

Akhir sekali, saya ingin mencadangkan agar ada mekanisme memantau belanjawan agar ianya telus dan perlu ada jawatankuasa khas atau *Select Committee* bagi memantau kementerian-kementerian. Kita harus penuh sedar urusan pembangunan apa jua terkait dengan rakyat wajib menjadi keutamaan dan sentiasa digerakkan.

Akhir sekali, setiap bentuk bantuan yang diberikan saya mengharapkan tidak menatijahkan kebergantungan yang berpanjangan ataupun *dependency syndrome* kerana hakikatnya *dependency syndrome* ini adalah suatu sikap yang mana keyakinan atau kepercayaan yang tidak boleh menyelesaikan masalah sendiri tanpa bantuan daripada luar sedangkan Allah SWT sebut sudah, "*tidak akan mengubah nasib sesuatu kaum selagi mereka tidak mengubah diri mereka sendiri.*"

Maka, meningkatkan pendapatan dengan memberikan subsidi bukan satu-satunya jawapan untuk semua permasalahan. Maka pendekatan Kerajaan Pakatan Harapan mestilah baru dan berbeza. Mengambil kata-kata WS Rendra sebagai ingatan, "*perjuangan adalah pelaksanaan kata-kata.*" Dengan ini Merbok menyokong Belanjawan 2020. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Merbok. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Parit Sulong.

6.56 ptg.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua di atas peluang untuk sama-sama berbahas dalam belanjawan untuk membincangkan mengenai Belanjawan 2020. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memulakan perbahasan ini dengan menzahirkan rasa kecewa saya di atas Belanjawan 2020 yang jelas telah gagal untuk melakukan *structural reform*, dengan izin seperti mana yang dijanjikan oleh Pakatan Harapan sebelum PRU.

Philips Alston dia ini adalah pelapor khas kemiskinan dan hak asasi manusia PBB, membuat pendedahan pada 23 Ogos 2019. Apa yang dikatakan, dia katakan bahawa jurang kemiskinan sekarang ini semakin melebar. Laporan ini mengungkapkan

bahawa kadar kemiskinan yang sebenar itu menurut laporan tersebut adalah kira-kira 15 peratus dan dakwaan 0.4 peratus adalah tidak realistik. Ini memang sangat mengejutkan Tuan Yang di-Pertua.

Dasar Ekonomi Baru (DEB) telah diperkenalkan oleh Tun Razak dalam Rancangan Malaysia Kedua. Tujuannya apa? Tujuannya adalah untuk mencapai perpaduan negara dan yang paling pentingnya adalah untuk membasmi kemiskinan. Seminggu sebelum bajet dibentangkan, Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB2030) telah dihidangkan kepada rakyat. Saya lihat objektifnya adalah untuk menstrukturkan ekonomi, menangani ketidaksamaan dan membina negara.

Namun, saya tidak nampak WKB 2030 yang mempunyai matlamat pengagihan ekonomi yang adil dan inklusif didukung dengan satu pelan tindakan yang komprehensif oleh Kementerian Kewangan. Saya percaya wawasan hanya akan menjadi wawasan kalau tidak didukung dengan satu pendanaan yang mencukupi.

Jadinya persoalannya sekarang apakah benar dakwaan mengenai jurang kemiskinan yang semakin melebar seperti yang didakwa oleh pihak PBB ini? Apakah langkah-langkah daripada pihak kerajaan dalam menghadapi masalah jurang kemiskinan yang semakin melebar ini sekiranya benar? Sekiranya dakwaan ini benar juga, ianya juga akan akhirnya mewujudkan satu gelombang pergolakan sosial ataupun *social unrest* di kalangan masyarakat di Malaysia.

Pada pandangan saya dalam kita endak mengurangkan jurang kemiskinan ini, saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan mengenai apakah jenis inisiatif di dalam Belanjawan 2020 ini yang dapat membentuk kepada tiga persoalan utama yang perlu dijawab iaitu yang pertamanya adalah *job creation* ataupun mencipta satu peluang pekerjaan. Keduanya pula adalah *wealth creation*. Saya melihat ini adalah salah satu daripada caranya adalah melalui keusahawanan, mewujudkan lebih banyak lagi usahawan.

■1900

Ketiga, adalah mewujudkan satu *market* baru ataupun *new market*, dengan izin pasaran baru, perniagaan baru. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak merujuk kepada satu perangkaan demografi bagi suku tahun pertama 2019, Malaysia ini 15.80 juta penduduknya adalah wanita. Bermaksud hampir setengah daripada *population* adalah wanita. *The power of parity: How advancing women's equality can add \$12 trillion to global growth* yang diterbitkan oleh McKinsey Global Institute menunjukkan bahawa 12 trilion boleh disumbangkan kepada KDNK global menjelang tahun 2025 sekiranya agenda pemerksaan wanita dilakukan dengan holistik dan berkesan.

Laporan Bank Dunia pula, baru-baru ini turut mengatakan bahawa pendapatan per kapita Malaysia boleh meningkat sebanyak 26.2 peratus dengan pendapatan tahunan purata sebanyak USD2,250 jika semua halangan ekonomi untuk wanita ini dihapuskan di negara ini. Betul memang di dalam bajet ada menyatakan satu sasaran untuk mewujudkan 33,000 peluang pekerjaan melalui wanita kerja. Akan tetapi perinciannya saya tidak nampak secara jelas. Itu yang saya kesalkan.

Ini kerana menurut laporan *The State of Households 2018* yang dikeluarkan oleh KRI bahawa jumlah wanita yang menganggur bagi tahun 2017 sahaja adalah 58 peratus kalau kita bandingkan sebanyak 3.2 peratus golongan lelaki dan yang paling menyedihkan lagi kebanyakan wanita itu adalah mereka yang berpendidikan tinggi dan berada di dalam lingkungan umur kerja ataupun *working age*, dengan izin di antara 25 tahun dan 54 tahun.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Nga Kor Ming) **mempengerusikan mesyuarat**]*

Jadinya bila kerajaan mengumumkan akan memberikan insentif sebanyak RM500 untuk wanita yang bekerja. Saya hendak bertanya kepada pihak kerajaan cara pemberian insentif ini, adakah ianya akan dimasukkan terus sebagai caruman KWSP atau akan diwujudkan satu tabung khas atau bagaimana. Jadi kerajaan kena menjelaskan mengenai perkara ini supaya apa, supaya rakyat tidak keliru sebab wanita yang mungkin mendapat kerja melalui insentif ini akan merasakan bahawa RM500 itu mereka akan dapat *on the spot*, dengan izin.

Oleh sebab itulah kena ada satu mekanisme ataupun satu cara agihan yang perlu dijelaskan kepada rakyat dan perlu diperincikan. Jadinya kerisauan saya pula adalah jumlah pekerjaan yang bakal diwujudkan ini, adakah ianya akan memberi ruang yang cukup kepada wanita yang berkecayak.

Tuan Yang di-Pertua, selain apabila kita bercakap mengenai penambahan pekerjaan pula, saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan adakah satu jawatankuasa telah dibentuk antara agensi termasuklah daripada JTK dalam kita hendak menentukan *demand and supply*, dengan izin bagi membolehkan kita mempunyai satu angka yang terperinci. Jadinya susulan daripada itu, saya ingin bertanya juga kepada pihak kementerian mengenai sama ada Kementerian Sumber Manusia mempunyai jumlah pekerjaan yang boleh diberikan ataupun dinyatakan, berapakah jumlah pekerjaan yang boleh dikeluarkan ataupun diberikan kepada mereka yang menganggur.

Kalau kita lihat di UK, terdapat satu skim yang bernama *returners scheme*, tujuannya apa? Tujuannya adalah untuk membantu profesional wanita untuk kembali bekerja untuk mendapatkan jawatan yang sama seperti yang pernah mereka jawat sebelum ini. Jadinya saya hendak bertanya juga kepada pihak kerajaan, sama ada wanita profesional yang kembali bekerja nanti di bawah inisiatif ini akan mendapat peluang yang sama ataupun mereka akan mendapat peluang yang lebih baik dan sesuai dengan kelayakan dan pengalaman mereka.

Jadinya Tuan Yang di-Pertua, memandangkan masa pun tidak banyak, saya ingin bertukar kepada satu subjek iaitu mengenai *digital economy*. *Digital economy* ini adalah satu bidang yang semasa saya membuat PhD saya, itu adalah tajuk tesis saya. Jadinya kita boleh melihat *digital economy* ini adalah sebagai satu sumber baru untuk merencanakan ekonomi negara. Banyak data-data boleh menyokong mengenai perkara ini.

Apabila ianya secara tidak langsung boleh dilihat sebagai sumber ekonomi baru, ianya juga boleh merencanakan ekonomi negara. Itu tidak termasuk sejumlah ataupun seramai 276,000 orang usahawan digital yang telah dilahirkan oleh kerajaan terdahulu termasuk pelbagai program dengan Program *Digital Free Trade Zone* yang diusahakan bersama usahawan terkenal Jack Ma dan pelbagai juga yang dilakukan.

Jadinya sehubungan kepada itu, saya juga melihat seolah-olahnya fokus di dalam bajet ini lebih menjurus kepada syarikat-syarikat besar dan kurang diberi perhatian terhadap usahawan-usahawan setaraf termasuk usahawan digital ini. Jadinya dalam waktu yang sama, saya juga tertarik dengan inisiatif kerajaan untuk meneruskan dan juga menyokong serta menggalakkan satu inovasi kewangan digital baru melalui *Equity Crowdfunding* ataupun ECF dan juga P2P yang memperuntukkan tambahan RM50 juta.

Jadinya saya hendak memaklumkan juga, hendak bertanya dengan pihak kerajaan. ECF ini adalah satu alternatif *financing* untuk membantu terutamanya setaraf *companies*, usahawan-usahawan muda untuk menjana pendapatan melalui perniagaan *online* dan pelbagai lagi. Saya hendak beri contoh ada sebuah syarikat yang dinamakan Skolafund. Skolafund ini digunakan untuk dibuat di *raise fund through public* untuk membantu rakan-rakan mereka yang lain di dalam universiti. Akan tetapi baru-baru ini ia telah mendapat kelulusan dan telah *exit* daripada skim ECF itu dan memulangkan dividen kembali kepada mereka yang telah membuat *investment*.

Jadi, saya cuma hendak bertanya kepada pihak kerajaan, adakah sekarang ini ada 10 buah syarikat yang telah mendapat *license* untuk menjadi pengendali ECF ini

tetapi ada yang aktif, ada yang tidak aktif. Jadinya saya hendak bertanya kepada pihak kerajaan...

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Pasit Sulong sedikit.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Daripada— saya minta maaf sebab sudah tidak ada masa, banyak lagi.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Sedikit, sedikit sahaja.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Minta maaf sangat adik kesayangan.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Alamak sayang.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Sila duduk sudah diberikan kasih sayang.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Jadi, saya minta maaf banyak-banyak. Jadi, ada tidak insentif yang diberikan kepada syarikat-syarikat yang aktif. Maksudnya mungkin dari segi insentif, dari segi *tax* dan sebagainya, adakah kerajaan mempunyai satu cara dan menjadikan ia sebagai rangsangan.

Selepas itu saya tengok dekat Malaysia ini *awareness* sangat kurang sebab ramai yang tidak tahu apa ECF itu kecuali mereka yang terlibat dengan platform ECF dan mereka yang berkepentingan. Jadi, bagaimanakah cara dan apakah yang dilakukan oleh pihak kerajaan untuk mengatasi masalah-masalah ini.

Ada beberapa perkara yang saya hendak bawa terutamanya mengenai kawasan. Kawasan saya Tuan Yang di-Pertua adalah kawasan sawit. Sekarang ini memang tengah banjir, tengah ribut. Jadi, saya hendak minta juga kementerian juga membantulah juga, janganlah duduk diam sahaja. Saya selaku wakil rakyat apabila *call* orang buat tidak tahu sahaja. Semua pergi Tanjong Piai. Kawasan Parlimen Parit Sulong tengah banjir sekarang ini, tengah ribut.

Selain daripada itu, saya juga hendak tanya. Ini mengenai isu sawit. Isu sawit ini ia telah menjadi satu polemik global semenjak negara India memboikot mengimport sawit daripada Malaysia ekoran daripada kenyataan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini. Jadi saya cuma hendak bertanya kepada pihak kementerian, apakah sebenarnya pendirian kerajaan dalam hal ini, adakah ada apa-apa dasar baru atau langkah proaktif serta inovatif yang diambil untuk berhadapan dengan kejatuhan harga komoditi ini. Adakah terdapat apa-apa pasaran baru dan yang paling penting saya hendak bertanya kepada kementerian.

■1910

Adakah kementerian merasakan yang kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu menggugat industri sawit di negara Malaysia ini? Oleh sebab kita perlu tahu. Kalau tidak di kawasan harga bukan makin naik tetapi makin turun dengan penambahan *stockpile* dan segalanya. Saya perlu— saya merasakan ia perlu diambil, masalah ini perlu diambil secara serius terutamanya oleh pihak kementerian.

Yang terakhir ia— ini saya, ia Daerah Batu Pahat ini ia ada empat Parlimen. Ia ada satu isu yang dahulu masa kerajaan sekarang adalah pembangkang dia memang *fight* untuk buat demo dan buat segalanya. Ini fasal Pusat Pengumpulan Sampah Bukit Payung, bukan kawasan saya. Kawasan Seri Gading tetapi sebelah dengan saya. Apabila ia sebelah dengan saya, termasuklah kita berada sekali di situ. Dahulu kata hendak berhenti Tuan Yang di-Pertua, hendak berhenti. Demo, demo, demo semua hendak berhenti. Ini diteruskan balik.

Jadi, sebenarnya saya hendak tanya, apa pendirian kerajaan mengenai Pusat Pengumpulan Sampah Bukit Payung ini? Oleh sebabnya saya sudah bawa, sudah lama saya bangkitkan perkara ini, masih lagi tidak selesai. Jadinya saya hendak supaya jawapan itu diberikan kepada kita pada hari ini.

Sebagai penutup, saya juga ingin kerajaan menyatakan pendirian secara menyeluruh kepada persoalan saya bagaimana belanjawan ini boleh membentuk *well creation, job creation* dan juga *new market, new business market*, dengan izin. Ini kerana jika negara masih berada dalam kemiskinan yang semakin melebar serta ekonomi yang tidak menentu, ia akan memberi mudarat kepada Malaysia.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: [*Bangun*]

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Disebabkan itu jugalah saya ingin...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Parit Sulong.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: ...mengajak rakyat terutamanya di Tanjong Piai terjemahkan undi mereka kepada Barisan Nasional nanti.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Ya, Yang Berhormat Parit Sulong.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Sebagai tanda protes kepada Belanjawan 2020 ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Pontian, lain kali mahu minta jalan cepat sikit. Masa sudah tamat, baru hendak minta laluan.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Okey. Ada lagi? Sudah habis.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Sebenarnya masa sudah tamat.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Usahawan digital semasa...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Soalan terakhir.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Parit Sulong jadi Pengerusi MATRADE. Kita ada bantu untuk usahawan-usahawan digital ketika Yang Berhormat Parit Sulong, Pengerusi MATRADE. Adakah perkara itu diteruskan sekarang, bantuan kepada usahawan digital di MATRADE?

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Itu tidak dijelaskan spesifik, sebab itu saya ingin bertanya dan usahawan digital ini adalah satu cara untuk menggalakkan lebih penambahan pendapatan dan segalanya terutamanya ramai daripada *digital businesses* ini adalah daripada golongan wanita. Kalau misalannya kerajaan sekarang tidak meneruskan usaha itu, maknanya *sorry* lah ia tidak selari dengan apa yang dikehendaki oleh rakyat Malaysia. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Parit Sulong. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Jelutong. Selepas ini Yang Berhormat Kemaman.

7.03 mlm.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Penjelasan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya mengambil kesempatan...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Jelutong.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Pontian, sila duduk.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya tidak mahu diganggu.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Oh! Tidak mahu diganggu.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya tidak mahu diganggu.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Dia belum mula lagi, apa penjelasan?

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Takut nampak? Yang Berhormat Jelutong takut kah Yang Berhormat Jelutong?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Pontian, jangan bazir masa.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: ...Di sini ingin merujuk kepada inti pati ucapan Yang Berhormat Bagan 95 muka surat, padat. Sejak pembentangnya, saya telah membaca setiap muka surat. Saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini kepada isu pertamanya ialah muka surat 95. Di mana Yang Berhormat Bagan telah menyediakan satu peruntukan yang begitu besar bagi tujuan menyediakan kuarters untuk anggota-anggota PDRM dan juga meningkatkan elaun dan juga kuarters bagi anggota tentera. Ini adalah perkara yang saya ingin mengambil kesempatan untuk memuji.

Di kawasan saya Parlimen Jelutong, saya mempunyai dua buah balai polis. Pertamanya ialah Balai Polis Jelutong. Kedua, IPD Timur Laut. Saya berharap peruntukan ini akan dapat disalurkan ke Balai Polis Jelutong dan IPD Timur Laut untuk memastikan bahawa kuarters-kuarters di tempat tersebut dapat dibina kuarters-kuarters yang baharu supaya anggota-anggota polis kita dapat tinggal dengan selesa, kaum keluarga mereka dalam keadaan selesa. Di mana mereka akan terus dapat memberi perkhidmatan yang terbaik di dalam menjaga keamanan dan keselamatan di kawasan saya. Saya berharap di seluruh Malaysia juga kuarters dan juga peralatan dan juga balai-balai polis dapat dimantapkan lagi, di mana kemudahan-kemudahan yang baharu dapat disediakan seperti kereta peronda dan sebagainya.

Kedua, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan kerana telah menyediakan pembayaran elaun bagi anggota-anggota bomba. Di mana walaupun telah diuar-uarkan elaun ini telah diumumkan oleh kerajaan dahulu, kita bersyukur bahawa elaun ini dapat dibayar pada masa sekarang. Kita lihat bahawa kalau boleh pada masa yang akan datang, kita minta supaya elaun ini dapat ditambah.

Ini kerana kita lihat jasa dan sumbangan anggota bomba terutamanya apabila kita menghadapi masalah bukan sahaja untuk memadam api tetapi bila sahaja kita mempunyai masalah di kawasan kita. Apa-apa sahaja terutamanya semasa banjir dan sebagainya, mereka sedia untuk memberi bantuan. Di sini, sekali lagi saya ingin merakamkan ucapan jutaan terima kasih kepada anggota-anggota bomba di kawasan

saya, terutamanya di Jalan Perak yang sentiasa sedia membantu saya melaksanakan tanggungjawab sebagai seorang wakil rakyat.

Pada masa yang sama, saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan kerana pada muka surat 30 kita lihat banyak juga peruntukan yang telah disediakan kepada petani dan juga peladang, peneroka FELDA, peneroka FELCRA dan sebagainya. Saya ingin memuji Yang Berhormat Menteri Kewangan yang juga menyediakan elaun sara hidup nelayan yang ditingkatkan daripada RM200 kepada RM250 sebulan. Ini menunjukkan bahawa Kerajaan Pakatan Harapan tidak menghampakan rakyat terutamanya golongan pendapatan rendah, terutamanya petani, peladang, pesawah dan juga golongan nelayan.

Pada masa yang sama, saya ingin juga bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan. Saya berharap beliau akan dapat juga memberi penjelasan tentang jumlah-jumlah yang masih terhutang kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri. Kita lihat bahawa terdapat individu-individu tertentu yang keluarganya. Beliau sendiri berhutang RM10.3 juta. Anak lelaki beliau berhutang RM37.6 juta dan anak perempuan beliau juga berhutang sebanyak RM10.3 juta. Maafkan saya, beliau sendiri berhutang kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri RM1.69 bilion. Anak perempuan beliau berhutang...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Boleh mencelah?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya tidak bagi peluang. Duduk Yang Berhormat Pontian, jangan sibuk.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Pendapatan dana politik dan pendapatan luar negara, LHDN kata tidak dikenakan...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat, saya tidak bagi peluang.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Tidak dikenakan cukai.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tolong, saya tidak bagi peluang.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Tidak bagi peluanglah, duduk.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya tidak bagi peluang.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Takutlah Yang Berhormat Jelutong ini.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya ingin tanya...

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Bila orang cakap dia masuk.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Adakah ini merupakan sebab-sebab mengapa Kerajaan Pakatan Harapan tidak dapat melaksanakan semua janji dalam manifesto? Ini kerana kita lihat jumlah yang terhutang kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri adalah jumlah yang begitu banyak. Kita tahu siapa beliau. Beliau sendiri berhutang RM1.69 bilion. Anak perempuan beliau RM10.3 *million*. Anak lelaki beliau berhutang RM37.6 *million*. Banyak sangat jumlah yang terlibat.

Now, saya juga ingin menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat di sini kepada satu lagi isu yang menarik, iaitu isu berkenaan dengan kesihatan. *Now*, saya memuji Yang Berhormat Menteri Kewangan di atas belanjawan yang telah dibentangkan, yang menyediakan dana yang cukup baik bagi mengatasi masalah-masalah kesihatan yang telah dihadapi oleh rakyat.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tumpat.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Pada masa yang sama, saya ingin menarik perhatian. Yang Berhormat Tumpat, saya tidak bagi, nanti saya bagi. Saya akan bagi Yang Berhormat Tumpat. Saya ada satu persoalan yang saya akan tanya.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang lain, sila duduk. Teruskan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya ingin tanya kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan, kalau boleh dana yang berlebihan disediakan kepada klinik kesihatan di Jalan Perak, kawasan saya. Saya difahamkan mereka memerlukan ambulans dan juga beberapa kelengkapan lain. So, saya pada masa yang sama ingin memohon kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan, kalau boleh bukan sahaja balai bomba di kawasan saya, IPD Timur Laut di kawasan saya, Balai Polis Jelutong di kawasan saya tetapi juga balai bomba di kawasan saya diberi perhatian.

■1920

Isu yang saya ingin menyentuh di sini juga adalah berkenaan dengan banjir. Saya menyeru Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk juga menyediakan dana bagi tujuan projek penebatan banjir di Jalan Sungai Pinang. Setiap kali bila berlakunya banjir, memang rakyat di kawasan saya susah dan saya yakin dan percaya Yang Berhormat Menteri Kewangan Menteri kesayangan kita, Menteri yang menjaga rakyat di seluruh Malaysia... [*Dewan riuh*] Akan juga memberi perhatian kepada...

Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]: Projek baharu.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Rakyat di kawasan Jelutong. Isu akhir yang saya ingin menyentuh adalah berkenaan dengan isu keamanan iaitu juga telah disentuh oleh...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat, penjelasan Yang Berhormat.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya akan beri Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Pasal Jelutong.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya akan beri...

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Jelutong, Lenggong.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya akan beri...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Pasal banjir ini Yang Berhormat Jelutong.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya akan beri selepas...

[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Arau...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Biar Yang Berhormat Jelutong teruskan dahulu, selepas itu dia baru bagi laluan. Nanti, sabar.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Jelutong, satu...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya akan beri semua. Satu isu yang disentuh oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan yang menyayat hati saya, menyentuh saya sebagai seorang rakyat Malaysia adalah...

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Puji Yang Berhormat Bagan sahaja ini.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Dengar ucapan saya...

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Pujilah Yang Berhormat Menteri KPKT sama.

Timbalan Yang di-Pertua [Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Lenggong.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Ya, pada masa yang sama ya.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Menteri KPKT pujilah sama. Dia pun teruk bekerja.

Timbalan Yang di-Pertua [Nga Kor Ming]: Cakap dengan baik, melainkan perkara yang tidak berkaitan. Sila.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Bajet bukan Yang Berhormat Bagan buat seorang?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Dengar lah Yang Berhormat.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Menteri KPKT pun buat juga, pujilah sama.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Di muka surat 95 untuk makluman semua iaitu muka surat terakhir perenggan 224. Yang Berhormat Menteri Kewangan telah mengatakan Malaysia baharu adalah milik semua tanpa mengira umur, kaum, agama, latar belakang atau geografi. Saya sebagai seorang rakyat Malaysia yang cintakan keamanan, perpaduan, keharmonian. Kita tinggal di negara ini yang merupakan rumah kita.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Mahu ketawalah Yang Berhormat Jelutong.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: *Please lah. I am not here to do a sandiwara like you people. You listen to me very carefully. [Disampuk] I am telling you, you fellows, you listen to me very carefully. I'm not...*

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Bagus Yang Berhormat Jelutong, hari ini tiada sandiwara bagus.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara] ...Cakap macam ini.*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *You have to listen to us.*

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Oleh sebab itu bila orang lain bercakap, hormat... *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Teruskan Yang Berhormat Jelutong. Yang lain sila duduk.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara] ...Dia tidak pernah hormat pada orang.*

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Orang lain bercakap, Yang Berhormat tidak pernah hormat.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Dia tidak pernah hormat.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Kita ingin perpaduan kita sentiasa dipelihara.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Akan tetapi Yang Berhormat Jelutong takutlah, takut...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya ingin tanya, Yang Berhormat Arau saya tidak bagi peluang. *Please let me go on. I will finish, I will give you a chance. I am a man, I will give you a chance...* *[Dewan riuh]*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, Yang Berhormat Arau. Yang lain sila duduk. Jangan saya ulangi lagi. Hari pun sejuk, jangan panaskan Dewan ini. Sila.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Yang di-Pertua, Kami bercakap ini...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya ingin tanya kepada...

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Jelutong penakutlah, bagi lah peluang. Kita mahu tanya.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya ingin tanya kepada Yang Berhormat Langkawi, dengar soalan saya.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Bukan, kita bukan boleh jawab. Kita yang tanya...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Sekarang dia tanya kepada Yang Berhormat Langkawi, bukan tanya kepada Yang Berhormat Arau ataupun Yang Berhormat Lenggong. Yang Berhormat Arau, Yang Berhormat Lenggong tunggulah giliran. Sila Yang Berhormat.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kami pun bakal Perdana Menteri juga. Yang Berhormat...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Sebagai rakyat Malaysia berbilang kaum, kita telah mengundi Kerajaan Pakatan Harapan untuk kita bersama-sama memacu negara ini ke tahap yang lebih mantap lagi...

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Mengapa kita pula? Saya tidak undi.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya di sini hendak bertanya...

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Saya tak undi juga Pakatan Harapan...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya sebagai seorang yang selalu menyokong saranan-saranan yang dibuat oleh Tok Guru Nik Aziz. [*Dewan riuh*]

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Mengapakah kita perlu seorang pendakwah agama daripada luar negara yang mengucar-ngacirkan negara kita?

Seorang Ahli: Mana ada.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya hendak bertanya, saya ingin merayu sebagai seorang *backbencher*. Saya ada ramai pengundi-pengundi Melayu di kawasan saya. Kenapakah kita perlu Dr. Zakir Naik terus kekal di sini? Beliau menyebabkan perpecahan, perbalahan di antara rakyat Malaysia berbilang kaum.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Soalan itu Yang Berhormat Jelutong tanya Yang Berhormat Langkawi kan?

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Itu bohonglah. Yang Berhormat Jelutong yang rasa begitu. Kita orang tak ada apa pun.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Yang Berhormat Jelutong tanya Yang Berhormat Langkawi kah itu?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya merayu kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri saya, apa salahnya?

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Okey bagus, tanya Yang Berhormat Langkawi.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Akan tetapi Yang Berhormat Langkawi tidak ada, macam mana hendak jawab? [*Berucap tanpa menggunakan pembesar suara*] [*Dewan riuh*]

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat okey, bagi pihak Yang Berhormat Langkawi, saya dengar.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, teruskan Yang Berhormat Jelutong.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya sebagai seorang *backbencher* menggunakan Dewan yang mulia ini untuk bertanyakan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri saya yang saya yakin terbuka kepada pendapat, bukan seperti dahulu.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak ada.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya merayu supaya Dr. Zakir Naik dihantar kembali ke India supaya perpaduan rakyat Malaysia berbilang kaum terjamin. *[Dewan riuh]*

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat... *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya akan pertimbangkan bagi pihak Yang Berhormat Langkawi. Saya akan pertimbangkan...

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Buat surat rasmi. Tak payah cakap sinilah. *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ahli Yang Berhormat Jelutong bertanya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Yang lain bukan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Mengapa sibuk sangat? *[Dewan riuh]* Dia bukan bertanya kepada sebelah sini. *[Disampuk]* Jelas, saya dengar dia bertanya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Yang bukan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sila sabar. *[Dewan riuh]* Jangan jaga tepi kain orang. Sila.

Puan Wong Shu Qi [Kluang]: Yang Berhormat Arau tidak sabar kah?

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Kita hendak sokong soalan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]: Yang disentuh berkait dengan Dr. Zakir Naik.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin teruskan. Di sini kita lihat sebenarnya...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *You all* baru kawan dengan Yang Berhormat Langkawi, kita sudah kawan lama.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: *No, I will*— okey, Yang Berhormat Arau saya bagi peluang.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Arau ini bukan pasal kawan ataupun lawan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Akan tetapi saya akan dengar pandangan dia.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ini ditujukan kepada pihak eksekutif.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya juga akan siasat.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya telah...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Arau sila duduk.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ada 12 orang *expatriate* yang menjadi sami, saya juga hendak... *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Arau, ini bukan soal sami atau *expatriate*. Jangan bangkitkan perkara yang tidak berkaitan. Sila teruskan Yang Berhormat Jelutong.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya ada lihat *YouTube* ataupun membaca saranan arwah Tok Guru Nik Aziz. Beliau mengatakan sebegini. “*Di negara Malaysia Tuhan telah mengadakan pelbagai kaum...*”

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Sebutkan nama Tuhan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya lah...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Dengar soalan saya.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Ya lah, arwah Tok Guru Nik Aziz sebut Tuhan, sebutkan nama Tuhan.

Dr. Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Ayat arwah Tok Guru Nik Aziz.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Jangan kacaulah.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Yang Berhormat Jelutong boleh ikut saya sebut. *[Dewan riuh]*

Dr. Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Ayat arwah Tok Guru Nik Aziz yang mana?

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Saya akan sebut nama Tuhan, Yang Berhormat Jelutong ikut saya, boleh? *[Sistem pembesar suara dimatikan]*
[Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ini sekarang bukan kuliah ataupun tazkirah. Sekarang adalah perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan. Sila.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Terima kasih, so kita...

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Tumpat, jangan ganggu perbahasan saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Tumpat, sila duduk!

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Yang Berhormat Jelutong sangat minat dengan Tok Guru. Hendak ikut Tok Guru, ikut saya. Saya bawa apa yang disebut oleh Tok Guru.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Tumpat bukan Tok Guru.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Tumpat kalau kamu ikut Tok Guru kamu tidak akan terima rasuah lah. Bodohlah! *You* orang terima rasuah! [*Dewan riuh*]

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tarik balik yang tadi itu... [*Dewan riuh*] Terima rasuah...

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Hei! Yang Berhormat Jelutong, sedap-sedap tuduh ini, apa Yang Berhormat Jelutong?

Beberapa Ahli: Tarik balik. [*Dewan riuh*]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Jelutong teruskan menggulung, sila.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Yang Berhormat Menteri Kewangan kamu itu yang rasuah.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: [*Berucap tanpa menggunakan pembesar suara*]... Bodohlah.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tarik balik perkataan bodoh.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Yang Berhormat Menteri Kewangan kamu yang rasuah.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tarik balik bodoh.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Yang Berhormat Menteri Kewangan kamu itu yang rasuah...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ahli-ahli Yang Berhormat. Sila menggulung. [*Dewan riuh*]

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Yang Berhormat Menteri Kewangan kamu itu yang rasuah...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Semua bertenang. Sudah dekat waktu Maghrib. Sila bertenang, sabar. *[Dewan riuh]* Sila menggulung, masa hampir tamat.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua, jadi... *[Dewan riuh]*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tarik balik perkataan bodoh.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Saya sangat tenang akan tetapi Yang Berhormat Menteri Kewangan kamu itu yang rasuah.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tidak Yang Berhormat Tumpat, dengar perbahasan saya. Kalau Yang Berhormat...

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Yang Berhormat Menteri Kewangan kamu yang rasuah. *[Dewan riuh]*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Dia cakap bodoh... *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Sila menggulung. Ayat penggulangan terakhir.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Masa sudah habis, Yang Berhormat Jelutong sila duduk. Saya ganti Tuan Yang di-Pertua. Duduk.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Soalan bajet yang saya hendak tanyakan kepada Yang Berhormat Jelutong.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Sila duduk, sila duduk. Masa *you* sudah habis. *[Dewan riuh]*

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya tak diberi peluang untuk menggulung. *[Dewan riuh]*

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Tidak payah gulung, duduk.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tidak ada masa. *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang lain duduk. Saya sekarang jemput Yang Berhormat Jelutong untuk menggulung. Singkat.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Jadi, perkataan bodoh dibenarkan..

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Saya mahu tanya soalan kepada Yang Berhormat Jelutong.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Yang di-Pertua benarkan perkataan bodoh, bodoh!

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya yang berkaitan dengan bajet.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Arau, jangan hina Majlis. Sila.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya yang berkaitan dengan bajet terhadap Yang Berhormat Jelutong.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Sebenarnya masa dia pun sudah tamat, jangan kita bazirkan. Menggulung ayat terakhir, sila sebelum saya jemput lagi Ahli Yang Berhormat.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dari Lutong pergi ke Jelutong

Jumpa kelapa tenggelam timbul,

Negeri... [Sistem pembesar suara dimatikan]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Arau, tak payah berpantunlah. *[Dewan riuh]* Sila Yang Berhormat Jelutong cepat, yang terakhir sebelum saya jemput Yang Berhormat...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong pembentangan bajet ini dan saya memohon supaya...

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Yang Berhormat Menteri Kewangan kamu itu yang rasuah.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Rakyat di luar sana tidak termakan dengan fitnah oleh UMNO dan PAS. Saya mohon menyokong. *[Dewan riuh]*

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Yang Berhormat Menteri Kewangan kamu itu yang rasuah.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kita lawan pilihan raya pula. Kita tumpaskan PH...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Saya menjemput Yang Berhormat Kemaman. Sila, bahas dengan penuh tenang ya.

Beberapa Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

7.30 mlm.

Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat sejahtera.

Beberapa Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

■1930

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Lenggong, jangan berhijrah ke tempat orang lain.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Bodoh daripada Menteri tau. Okey. Okey.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Lenggong sudah salah duduk tempat. Sila balik ke kerusi anda.

Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman]: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, Perkara 46.

Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman]: ...kerana memberi peluang kepada saya untuk sama-sama mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2020 ataupun Belanjawan 2020 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada Jumaat 11 Oktober yang lalu. Pembentangan Belanjawan 2020 ini merupakan tahun terakhir bagi Rancangan Malaysia Ke-11. Pelbagai pandangan dan kritikan dalam perbahasan Ahli-ahli Yang Berhormat yang dikemukakan dalam Dewan yang mulia ini diharapkan menjadi panduan kepada pihak kerajaan demi untuk pembangunan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyebutkan beberapa perkara dalam ucapan perbahasan saya pada petang ini. Pertama, berhubung dengan isu petani dan nelayan. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih di atas kenaikan elaun sara hidup nelayan daripada RM200 kepada RM250 walaupun sebelum ini kerajaan berjanji untuk menaikkan elaun sara hidup nelayan kepada RM450 sebulan. Saya melihat dalam belanjawan kali ini, kerajaan lebih memberi manfaat kepada golongan tertentu. Akan tetapi meminggirkan golongan petani mahupun nelayan sedangkan mereka turut menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara kita.

Walaupun peruntukan yang diberikan kepada Kementerian Pertanian Industri dan Asas Tani diunjurkan meningkatkan dalam Belanjawan 2020 sebanyak RM500 juta berbanding sebelum ini. Namun, ia lebih terarah kepada perbelanjaan mengurus dan bukannya perbelanjaan pembangunan. Walaupun peruntukan kepada kementerian pembangunan secara asasnya meningkat tetapi sebahagian perincian yang berikut menunjukkan beberapa pemotongan belanjawan yang dilakukan oleh pihak kerajaan.

Antaranya berkaitan peruntukan pertanian yang dipotong daripada RM194.1 juta kepada RM180 juta, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia dipotong daripada RM156 juta

kepada RM143 juta, bahkan peruntukan kepada Lembaga Getah Malaysia juga dipotong berbanding dengan sebelumnya dengan peruntukan RM10 juta pada tahun sebelumnya. Oleh itu, saya memohon penjelasan daripada pihak kerajaan berkenaan perkara ini. Hal ini cukup mengecewakan warga petani dan nelayan yang saya kira seharusnya diberi perhatian sewajarnya kepada golongan bawahan di dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, isu peneroka dan ketidakstabilan harga komoditi. Di kesempatan ini, saya ingin menyentuh isu peruntukan warga peneroka dan pekebun kecil dalam belanjawan baru-baru ini yang amat mengecewakan. Pertama, berkaitan pengumuman kerajaan untuk dana tanam semula sebanyak RM550 juta kepada pekebun kecil dengan kadar faedah 2 peratus selama 12 tahun, termasuk moratorium selama empat tahun. Bukan bentuk pinjaman bagi tanam semula sawit yang pekebun kecil mahukan tetapi mereka ingin kerajaan mengembalikan semula subsidi tanam semula kelapa sawit yang sebelum ini diberikan sebanyak RM7,000 bagi setiap ekar yang dimiliki oleh petani.

Walaupun kadar faedah yang dikenakan rendah tetapi kerajaan perlu ingat, selepas menuai mereka tidak mendapat hasil yang penuh kerana terpaksa membayar pinjaman yang dibuatnya. Di manakah pembelaan untuk mereka ini? Saya berharap kerajaan lebih prihatin terhadap nasib yang menimpa pekebun kecil dan mengembalikan semula peruntukan menjaga kebajikan mereka.

Kedua, dalam peruntukan program bagi meningkatkan pendapatan peneroka yang berjumlah RM250 juta hanya menumpukan kepada 11,600 orang peneroka sahaja, sedangkan jumlah keseluruhan peneroka adalah 112,635 orang. Persoalannya, kenapa hanya sebilangan kecil sahaja yang terlibat dan bagaimana pula dengan nasib sebahagian yang lain iaitu lah 101,035 orang peneroka lagi. Oleh itu, sejauh manakah pihak kerajaan memandang serius soal ini secara teliti dan menyeluruh agar golongan peneroka mahupun pekebun kecil yang ada di seluruh negara terbela?

Saya juga ingin menyentuh soal komoditi sawit yang ada pada hari ini seperti mana yang disebutkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sebelum ini. Sama ada komoditi sawit dan juga getah yang masih berada di tahap yang tidak stabil sehingga menjejaskan pendapatan para peneroka, pekebun kecil sawit dan juga penoreh getah di negara kita pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam isu perumahan, sejak akhir-akhir ini sektor perumahan dilihat berhadapan dengan kemelut harga rumah yang semakin tinggi dan lambakan hartanah yang tidak terjual sehingga merencatkan ekonomi negara. Tidak

dinafikan dalam pembentangan bajet baru-baru ini, pelbagai inisiatif dilakukan oleh pihak kerajaan bagi menyelesaikan isu ini. Namun begitu, persoalannya sejauh mana inisiatif yang disediakan benar-benar memenuhi permintaan kemampuan rakyat untuk memiliki hartanah sendiri dalam negara kita pada hari ini.

Kerajaan dilihat lebih mementingkan orang asing dan memulaukan rakyat sendiri. Apabila harga kondominium dan pangsapuri di bandar yang boleh dibeli oleh warga asing daripada RM1 juta diturunkan kepada RM600 ribu. Ini secara tidak langsung dilihat sengaja membuka pintu kepada jutawan asing untuk mengaut kemewahan di negara kita. Kemungkinan akan berlaku peningkatan lebih daripada 1 peratus jumlah hartanah yang dimiliki oleh warga asing di dalam negara kita pada hari ini.

Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]: Yang Berhormat Kemaman. Setiu minta laluan. Terima kasih Yang Berhormat Kemaman. Beri *dak*?

Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman]: Sila. Sila. Sila.

Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]: Berdasarkan kepada cadangan kerajaan untuk menurunkan harga rumah kepada warga asing daripada RM1 juta kepada RM600 ribu, adakah perkara yang dibuat oleh Kerajaan Pakatan Harapan ini ada tujuan di sebalik batu? Dengan tujuan untuk menambahkan lagi warga asing yang suatu masa nanti ia boleh dapat kerakyatan bila dia beli rumah dengan RM600 ribu ini mereka semua pakat beli dan lepas itu, mereka dapat menambahkan lagi bilangan kerakyatan bagi anak-anak mereka selepas itu.

Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman]: Ya, Yang Berhormat Setiu. Apa yang kita nampak kemungkinan-kemungkinan itu akan berlaku. Oleh kerana warga asing berada di negara kita bila pemilikannya adalah pemilikan yang tetap, sudah tentu mereka berada di negara kita. Apabila mereka berada di negara kita, kemungkinan besar suatu hari mereka akan menjadi warganegara kita. Ini kemungkinan-kemungkinan besar dan ini lah yang diperkatakan oleh sebahagian rakyat di negara kita pada hari ini yang menimbulkan kebimbangan terhadap isu perumahan daripada harga RM1 juta kepada RM600 ribu yang diturunkan.

Saya difahamkan mengikut kenyataan akhbar ini, bagaimana KPKT akan bincang dengan MOF berhubung dengan harga kondominium ini kepada warga asing. Ini suatu perkara yang kita rasakan bahawa ada sesuatu kenapa pihak kewangan yang menurunkan harga tetapi pihak KPKT tidak mengetahui. Ini suatu pertanyaan yang saya ingin tahu kenapa ini boleh berlaku dalam Kabinet kita, dalam kerajaan kita pada hari ini? Suka untuk saya menyatakan bahawa pemilikan hartanah warga asing perlu dikawal selia dengan berhati-hati...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Arau, Arau.

Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman]: Ya, sila.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Apakah Yang Berhormat hendak minta penjelasan supaya Menteri bangun bagi penjelasan bahawa Menteri tidak tahu, Menteri Kewangan yang memandai? So, silakan Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Arau. Sila ikut peraturan mesyuarat.

Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman]: Kita prihatin kepada Menteri KPKT.
[Ketawa]

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya, dia seorang yang bagus. Sila minta penjelasan Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Sekarang sesi perbahasan, bukan penggulungan. Menteri tidak boleh jawab. Sila teruskan Yang Berhormat.

Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman]: Boleh masuk dalam ucapan saya, *insya-Allah* akan dijawab oleh Menteri Kewangan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Arau tahu tetapi sengaja tidak mahu tahu.

Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman]: Suka untuk saya menyatakan bahawa pemilikan hartanah warga asing perlu dikawal selia dan berhati-hati serta diperhalusi lagi tanpa mengeluarkan sebarang keputusan yang dilihat tidak sistematik, sekali gus merugikan masa depan negara kita. Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada satu isu lambakan hartanah strata ataupun bertingkat yang terlalu banyak unit-unit baharu dibina yang menyebabkan hartanah ini dijual terlalu tinggi sehingga mencecah lebih RM500 ribu untuk *apartment* yang bersaiz sekitar 900 hingga 1,000 kaki persegi, khususnya di Lembah Klang.

■1940

Kerajaan perlu memastikan juga rumah yang dibina memenuhi permintaan dan bukannya mengikut keperluan golongan tertentu seperti mana yang berlaku pada hari ini yang mungkin lebih pro kepada pemaju, lebih menguntungkan kepada pemaju sahaja. Jurang perbezaan dalam pembinaan rumah yang dilihat berat sebelah perlu dihapuskan bagi menepati permintaan semua golongan sekali gus mengelak lambakan rumah yang tidak terjual. Pada masa yang sama, isu lambakan rumah lot-lot bumiputera yang tidak terjual juga perlu diambil perhatian dalam belanjawan ini.

Apa yang ingin saya tekankan adalah sejauh mana situasi sebenar berkaitan pemilikan, penjualan hartanah lot bumiputera ini dikaji dan diteliti oleh pihak kerajaan.

Apa guna terus memberikan kuota misalnya 30 peratus kuota kepada bumiputera sebagai syarat pembangunan tetapi akhirnya tidak terjual dan dibuka semula sebagai lot bukan bumiputera. Selain itu, tipu daya halus pemaju terhadap pembeli khususnya bumiputera dengan memanipulasikan diskaun seharusnya tidak berlaku dan pihak kerajaan perlu mengambil tindakan tegas terhadap isu ini yang mengakibatkan rumah kuota bumiputera tidak terjual.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan seharusnya memastikan pemaju membina lebih banyak rumah mampu milik mengikut keperluan dan permintaan rakyat, bukannya rakus membina rumah-rumah yang mewah dengan mengaut keuntungan semata-mata dan akhirnya tidak terjual sehingga terbengkalai sekali gus merencatkan ekonomi negara. Melepaskan unit bumiputera ataupun mengurangkan harga lantai untuk pembeli warga asing dari RM1 juta kepada lebih rendah bukanlah satu langkah yang sepatutnya kerana ia tidak akan membuat pemaju berkehendak untuk membina lebih banyak rumah mampu milik malah semakin ghairah membina rumah yang boleh dijual kepada warga asing satu hari nanti.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengambil kesempatan untuk menyuarakan hasrat rakyat di kawasan Kemaman dengan harapan mendapat perhatian daripada pihak kerajaan demi menjamin kebajikan dan kemaslahatan rakyat di kawasan Kemaman khususnya.

Pertama, saya ingin menarik perhatian supaya pihak kerajaan memberi peruntukan untuk membina dua buah dewan sekolah di Sekolah Menengah Badrul Alam Shah, Kemasik Terengganu, Kemaman dan juga *Terengganu Elite School Mak Lagam* (TESMAL) yang saya dimaklumkan SMK BAS mempunyai seramai 1,009 orang pelajar termasuk pelajar *Form 6*, malah sekolah tersebut juga dijadikan pusat pemindahan banjir. Manakala *Terengganu Elite School* (TESMAL) yang ada di Kemaman pula merupakan sekolah elit tetapi malangnya tiada dewan disediakan dan selalunya perjumpaan guru dan murid diadakan di surau, malah kadang-kadang di kantin sekolah sahaja. Oleh itu, saya mengharapkan supaya dapat membina dewan di kedua-dua buah sekolah ini bagi keselesaan pelajar-pelajar dan juga guru-guru yang ada di kedua-dua sekolah tersebut.

Keduanya, saya ingin menyuarakan juga hasrat supaya pihak kerajaan dapat memberi peruntukan untuk mendalamkan jajaran Sungai Kuala Kemaman yang semakin cetek memandangkan sungai tersebut merupakan laluan utama keluar dan masuk bagi bot-bot nelayan ke laut untuk menangkap ikan serta laluan *vesse/*beberapa agensi kerajaan yang terlibat di kawasan Kemaman.

Ketiganya, saya ingin memohon iaitu dinaikkan taraf Pondok Polis Cheneh Baru, Kemaman yang sebelum ini Pondok Polis Cheneh Baru diharapkan dapat dinaikkan taraf kepada Balai Polis Kemaman kerana operasi yang begitu luas dengan penduduk yang begitu ramai dan pelbagai agensi yang ada di kawasan ini juga yang kita harapkan supaya dapat dinaikkan taraf.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya. Yang Berhormat, sila menggulung.

Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman]: Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya memohon pihak kerajaan mengambil perhatian untuk melebarkan susur jalan keluar lebuhraya LPT2 di Kerteh yang sekarang ini jalannya agak sempit dan telah berlaku beberapa kemalangan yang melibatkan juga kemalangan maut. Oleh itu saya mengharapkan pihak kerajaan memberi perhatian kepada beberapa perkara yang saya sebutkan khususnya melibatkan projek dan pembangunan yang perlu diberi perhatian oleh pihak kerajaan khususnya di kawasan Kemaman.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya mengharapkan supaya belanjawan yang dibentangkan ini juga *insya-Allah* mudah-mudahan saya mengharapkan supaya pembangunan yang seimbang tanpa meminggirkan Malaysia Barat, Malaysia Timur, Pantai Barat dan Pantai Timur. Oleh itu, saya harapkan supaya belanjawan ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat, masa sudah tamat.

Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman]: ...dapat memberi peruntukan yang sebaiknya, mudah-mudahan demi kesejahteraan rakyat seluruhnya. Saya rasa sekadar itu Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih. Yang Berhormat sebut akhir, akhir, akhir banyak kali tapi tak berakhir. *[Ketawa]* Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Kuala Kedah, lepas itu satu lagi Kuala, Yang Berhormat Kuala Kangsar. Sila Yang Berhormat Kuala Kedah.

7.46 mlm.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: *Bismillahir Rahmanir Rahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bersyukur kerana diberikan peluang untuk turut sama membahaskan Belanjawan 2020 yang merupakan tahun yang sangat penting bagi kita di Malaysia. Saya mengambil peluang di sini untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan dan seluruh pasukan beliau yang telah menghasilkan satu belanjawan yang pada pandangan saya, berkemampuan untuk merangsang aktiviti

ekonomi dan memacu pertumbuhan ekonomi negara di ketika keadaan kewangan serantau dan global sangat sukar.

Tuan Yang di-Pertua, tak dapat dinafikan kesukaran kewangan yang berlaku sekarang kerana saya difahamkan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) lima kali membuat penilaian semula tentang unjuran pertumbuhan global dan setiap kali dibuat, diturunkan unjuran pertumbuhan tadi. Ini menunjukkan bahawa ianya sangat sukar. Saya juga bersyukur kerana di antara negara-negara ASEAN, hanya Malaysia dan Vietnam sahajalah yang tidak mengalami pengecutan ekonomi (*economy contraction*). Singapura yang gagah perkasa dan teguh itu pun mengalami *contraction* ataupun pengecutan ekonominya pada suku yang lepas.

Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan daripada faktor yang menyumbang kepada masalah kewangan global ini adalah di luar kawalan kita. Perang dagang yang sangat panjang dan paling panjang dalam sejarah di antara Amerika Syarikat dan China itu di luar kawalan kita. *Brexit* di luar kawalan kita yang akan menyebabkan kurangnya wang dan kurangnya aktiviti ekonomi global. Ketegangan di Timur Tengah khususnya perang di Yaman, itu di luar kawalan kita. Oleh kerana itulah maka kita perlu merangsang aktiviti ekonomi di dalam negara kita. Itulah pada pandangan saya diusahakan dalam belanjawan ini. Saya berasa sangat teruja kerana di dalam kesukaran ini, kita masih dapat mengenal pasti segala sektor yang boleh digunakan untuk mengembangkan, memperbanyakkan dan merencanakan aktiviti ekonomi di negara kita.

Begitu pun Tuan Yang di-Pertua, ada prasyarat untuk berjaya. Prasyarat untuk berjaya bagi belanjawan ini ialah pelaksanaan dan ini pada tahun kedua, akan ke tahun kedua pemerintahan Kerajaan Baharu Pakatan Harapan yang saya lihat ialah kelemahan dalam pelaksanaannya. Setahun yang lepas kita boleh berikan diskaun kerana kerajaan baharu tetapi pelaksanaannya saya rasa perlu dilihat kembali. Pelaksanaan yang berkesan dan penyertaan rakyat yang betul, mencukupi dan berkesan dari pelbagai sektor, itulah kunci kepada kejayaan belanjawan ini. Kelewatan yang keterlaluan juga adalah kegagalan pelaksanaan kerana segala impak positif sesuatu projek pembangunan itu akhirnya ia jadi hilang apabila ia tiba dan sampai kepada rakyat dalam keadaan yang sangat lewat dan lambat.

■1950

Juga apabila terlalu lambat sesuatu projek itu berjalan, maka kesan merangsang ekonominya itu tidak kelihatan dan akhirnya tidak terasa pun dan untuk itu saya ada contoh di kawasan saya ada satu jabatan, Tuan Yang di-Pertua. Jambatan ini akhirnya rosak dan tidak dapat digunakan di Sungai Batang dalam kawasan Parlimen Kuala

Kedah dan daripada tarikh jambatan itu dikenal pasti rosak, ditutup dan dibuat keputusan itu membina yang baharu kementerian yang berkenaan mengambil masa hampir satu tahun untuk membina jambatan baharu.

Saya cukup setuju dan cukup *salute*, saya tabik kepada kerajaan kerana sentiasa berpegang kepada mantera *open tender* atau tender terbuka kerana ini memberikan kita harga yang terbaik, kualiti yang terbaik dan juga ia menjamin bahawa amanah yang kita pegang duit rakyat tadi kita laksanakan dengan baik.

Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, kena ada pengecualian dalam kes tertentu *it is ridiculous to build a bridge, to repair a bridge— to take one year to repair a bridge, it is ridiculous* dengan izin, tidak masuk akal. Ini kerana, seseorang boleh sahaja jatuh dan maut. Kalau seseorang jatuh kerana jambatan itu lambat dibaiki dan maut maka dengan izin, *it is one death to many*. Satu kematian yang terlalu banyak. Ini kerana benda itu boleh dicegah.

Saya faham bahawa kita hendak baik, kita hendak elok, kita hendak jaga amanah duit rakyat tadi, kita mahu tawaran yang terbaik dan kita pula sedang meninggalkan era kegelapan skandal-skandal kewangan, projek-projek yang menelan banyak duit tetapi hasilnya kurang kita meninggalkan itu semua.

Akan tetapi kena ada pengecualian, kena ada kewarasan dengan mengendalikan tender terbuka tadi. Kalau jambatan, kalau sesuatu itu perlu cepat kena dibuat cepat. Kalau perlu maka kita berikan kuasa untuk runding terus ini hanya kepada seseorang yang berwibawa dan seseorang yang boleh bertanggungjawab dan seseorang yang bersedia menjawab kepada masyarakat dan juga kepada SPRM. Maka, kita berikan. Maka, carilah penender dan kontraktor dan bina benda-benda yang tidak dapat ditangguh begitu lama.

Satu lagi contoh ialah, Rancangan Tebatan Banjir di Parlimen Kuala Kedah. Rancangan Tebatan Banjir ini tertangguh lama di zaman BN sehingga orang-orang di tempat itu mengatakan projek ini tidak siaplah sampai kiamat. Maka, kami tidak marah. Cuma elokkan sahaja untuk kami keluar masuk. Akhirnya, apabila dibentuk kerajaan baharu pada bulan Ogos Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdana Menteri sendiri sampai ke sana melihat projek-projek tadi dan memberikan peruntukkan RM60 juta.

Akan tetapi, sehingga tarikh ini kerja buat untuk membina jambatan baharu yang berkaitan dengan Rancangan Tebatan Banjir itu masih belum dijalankan. Saya faham bahawa kita perlu melihat kembali setiap projek, tengok di mana kita boleh jimatkan lagi selamatkan duit rakyat tetapi *there has to be a limit*, Tuan Yang di-Pertua. Kalau sudah kita dapat jimatkan sejuta bagi satu jambatan tidak perlu kita tengok dua tiga kali. Kita

boleh ambil pandangan kedua dan terus kita jalankan terus. Kita jangan teragak-agak kerana bila akhirnya kita menjalankan projek tadi impaknya sudah tidak ada kepada masyarakat, kepada rakyat, kemarahan rakyat dan akhirnya impak ekonominya kontraktor pun bila sudah setahun tidak ada projek segala alatan-alatannya, jenteranya semua habis rosak dan tidak dapat digunakan.

Maka, saya memohon supaya kita lihat kembali isu ini, ini tidak sama sekali bermaksud saya menyokong runding terus. Saya bermaksud dalam kes tertentu yang telah lama tertanggung dan telah banyak dikaji tidak perlu dibuat kajian, kajian dan kajian lagi kerana akhirnya ia merugikan rakyat. Kita akhirnya Tuan Yang di-Pertua kena menyasarkan yang terbaik bukan kesempurnaan. *We aim for excellent but not perfection* kita tengok keadaan juga. *Sometime we have to be practical, we have to be pragmatic.* Saya rasa kena ada mekanisme yang praktikal. Syarat untuk tender runding terus ini kenalah sangat ketat dan hanya apabila ada keperluan mendesak dan kena ada orang yang mengambil tanggungjawabnya dan SPRM kena memantau.

Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks pelaksanaan ini maka sukacita saya menarik perhatian Dewan kepada Program Makanan Percuma di sekolah. Program ini memerlukan pelaksanaan yang sangat baik untuk berjaya. Jika program ini— hendaklah jangan menjadi satu lagi seperti Program Rancangan Tambahan. Kita mencari kontraktor makanan, dia menyediakan makanan, kita bagi dana dan diberi kepada para pelajar itu tidak ada faedahnya.

Ia adalah satu program yang melibatkan setiap orang, pelajar, guru-guru, ibu bapa, Persatuan Ibu Bapa dan Guru-guru, masyarakat setempat, pengeluar bahan makan setempat, dan juga ekonomi setempat hendaklah lebih rancak apabila program ini berjalan. Ia bukanlah memesan makanan, membuka bungkusan dan makan, tidak. Ia pada saya hendaklah berlaku seperti di Jepun program makanan yang paling berjaya di dunia ini di sekolah ialah di Jepun dan itu disebut sebagai salah satu sebab orang Jepun kurang diabetes, kurang obesiti, kurang penyakit kronik kerana mereka diajar daripada kecil bagaimana menyediakan makanan, makan, dan selepas makan dan memilih makanan.

Maka, program makan percuma ini hendaklah berlaku demikian. Pelajar hendaklah terlibat dalam menyediakan makanan, berbincang tentang makanan, melihat apa yang boleh dimakan, apa sihat dan apa yang tidak sihat. Teorinya kena betul. Kemudian terlibat menyediakan dan selepas makan terlibat membersihkan dan mengemaskan tempat makan. Maka, ia menjadi sebahagian daripada proses pelajaran pembelajaran, guru dan lain-lain lagi kena ada. Pembekal-pembekal bahan-bahan

makan di ekonomi setempat itu hendaklah kita rangsang maka barulah program ini tidak akan memakan begitu banyak belanja dan dana tetapi akan memberikan kebaikan yang maksimal.

Tuan Yang di-Pertua, dengan cara ini *insya-Allah* pelajar-pelajar kita akan juga seperti pelajar Jepun terelak akhirnya dalam hidup mereka daripada penyakit kronik. Ini kerana sebab penyakit kronik yang terbesar ialah pemakanan yang tidak betul dan untuk itu maka untuk program pemakanan ini, teorinya kena betul ia bukan kalori seperti yang banyak disyorkan oleh Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pendidikan itu tidak betul. Teori kalori *in* kalori *out* itu tidak betul. Ia hendaklah fokus kepada zat pemakanan, makanan berzat kepada nutrien dan kekurangan nutrien itu hendaklah diatasi.

Saya ingin menyebut sepintas lalu bahawa ketika Jepun menakluki Malaya di Syonan di Singapura, dia ada program tertentu yang dianggap berjaya pada ketika itu dalam rekod Jepun ada. Dia memberikan minyak sawit merah kepada pelajar-pelajar tadi yang kurang makan tetapi dia beri minyak sawit merah. Itu membantu menyerap zat makanan. Maka, kita hendaklah dalam program ini unik pada tempat itu makanan tradisional, makan tempatan dan minyak sawit merah hendaklah ada.

Contohnya, makanan yang sangat berzat, *nutrient-dense food* dengan izin. Maka baharulah program ini boleh berterusan kos tidak keluar tinggi dan boleh terus dalam hidup pelajar tadi. Kalau kita mengimport makanan luar dan mereka hanya makan itu tidak betul Tuan Yang di-Pertua. Maka, saya mendoakan kejayaan pada program ini. Cuma, saya ingin mengingatkan bahawa ia bukan satu lagi program untuk kita beri wang kepada kantin dan kontraktor makanan tetapi untuk menjadikan pembelajaran tentang makanan itu. Sebab makanan itu dan pemakanan dan proses menyediakan makanan semuanya benda yang serius dan pelajar ini boleh belajar supaya sepanjang hayat mereka akan faham tentang ini.

Seterusnya, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Industri Utama kerana segala yang mereka telah lakukan dalam keadaan sukar kepada komoditi ini untuk sawit. Saya faham dan saya tahun apa yang dilakukan dan kerana kebetulan saya mengikuti ini daripada tahun 2016 sebagai jurucakap sawit Malaysia. Cuma, saya hendak mengingatkan bahawa kejayaan memasarkan sawit sangat bergantung kepada dua faktor yang merupakan tonggak.

Pertama, kita kena yakinkan dunia bahawa sawit kita sawit yang mampan maka ia kena ada *certification*. Dia kena ada sijil. Maka, MSPO atau RSPO itu hendaklah dilaksanakan kepada setiap pengeluar sawit. Kedua, kita kena meyakinkan dunia bahawa kita sama sekali tidak akan melakukan *deforestation* atau penyahhutan.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa ladang sawit kita hanyalah sejumlah 6.5 juta hektar. Maka itu hendaklah diulang, ulang, ulang oleh segala menteri melainkan dan segala ketua menteri dan menteri besar tidak boleh ada negeri lain tanpa persetujuan melanggar peraturan ini membuka ladang sawit lain. Bila kita yakinkan dunia bahawa sawit kita sawit kita itu mampan dan ia tidak berlaku *deforestation*, kita tidak akan ada masalah *insya-Allah* untuk menjual sawit kita dan ia komoditi yang sangat penting.

■2000

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Industri Utama juga kerana menyebut buluh dalam perbelanjaan ini. Buluh disalah ertikan, saya dengar sebelah sana ada orang sebut di belakang rumah dia ada banyak buluh, ada di tepi-tepi jalan banyak buluh. Akan tetapi, buluh adalah salah satu daripada komoditi yang akan menjadi pasaran yang sangat besar. Mengikut *International Network for Bamboo and Rattan* (INBAR) pasaran buluh pada tahun 2018 ialah RM240 bilion dan ia berkembang sebanyak lima peratus setiap tahun. Ini kerana buluh ialah tumbuhan eko, tumbuhan hijau ia menghasilkan 35 peratus lebih oksigen, ia mengikat 40 peratus lebih karbon dioksida dan ia menyuburkan tanah dan arang buluh *is a next big thing*.

Negara Jepun menutup reaktor nuklearnya dan dia memerlukan arang buluh. Akan tetapi tidak ada syarikat Malaysia yang berkemampuan untuk menandatangani persetujuan membekalkan 1,000 juta buluh setiap tahun. Maka pasarannya sangat besar dan ia sangat hijau dan ia sangat mesra alam, maka ambillah peluang. Kita melawak dan kita gelak itu sahaja, tetapi teruskanlah kerana ini satu peluang yang sangat besar. Ia tidak merosakkan alam.

Tuan Yang di-Pertua, akhir beberapa patah tentang kawasan saya. Saya mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Menteri Kewangan kerana menaikkan elaun sara hidup nelayan kepada RM250 dari RM200. Elaun anggota bomba, itu sangat penting kerana di musim panas yang lepas sampai tujuh kebakaran sehari di kawasan saya. Insentif hasil tangkapan ikan dinaikkan sebanyak 23 peratus, jadi RM121.2 juta, saya ucap terima kasih. Subsidi harga padi naik 20 peratus jadi RM620 juta, itu juga saya ucap terima kasih. Subsidi baja padi ditambah sebanyak RM162.5 juta jadi RM395 juta naik 69.9 peratus. Insentif tuai padi naik sebanyak 63.4 peratus jadi RM460 juta. Maka itu *insya-Allah* berita baik untuk kawasan saya yang ramai petani dan nelayan dan semoga ia bermanfaat.

Akhir sekali sebagai penutup, saya minta supaya Terminal Feri Kuala Kedah yang juga telah dirancang, diluluskan dan telah dikeluarkan tender supaya dijalankan

pembinaannya segera pelaksanaannya kerana sudah setahun setengah hampir-hampir. Sudah hampir setahun sejak Menteri Pengangkutan pergi ke kawasan saya dan memberikan lampu hijau. Maka pelaksanaan kena jalan, kalau tidak impaknya tidak ada. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Kedah. Sekarang saya menjemput wakil dari Perak iaitu Yang Berhormat Kuala Kangsar.

8.03 mlm.

Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana memberi Kuala Kangsar peluang untuk turut sama dalam perbahasan Belanjawan 2020. Memandangkan Tahun Melawat Malaysia Tuan Yang di-Pertua semakin tiba, saya ingin menyentuh isu cukai pelancongan yang mula dikuatkuasakan pada September 2017. Pada masa dahulu, pihak pembangkang ketika kami kerajaan begitu kuat mengkritik pelaksanaan cukai pelancongan ini kononnya cukai ini membebankan para pelancong yang akan memberi impak buruk kepada pendapatan pelancongan negara. Kini menjadi usaha kerajaan yang dahulunya pengkritik berjemaah nombor satu cukai ini.

Sebanyak 50 peratus daripada kutipan cukai pelancongan pada tahun 2018 telah diagihkan kepada kerajaan negeri pada hujung Mac tahun ini dengan Sabah penerima agihan paling tinggi sebanyak RM12.67 juta diikuti Pulau Pinang dan Selangor. Rakyat bertanya, bagaimanakah kerajaan memanfaatkan cukai ini, apakah jenis pembangunan dan aktiviti-aktiviti pembangunan prasarana pelancongan di lokaliti-lokaliti tertentu.

Walaupun agihan sebanyak 50 peratus kutipan cukai pelancongan tetap diteruskan, namun agihan tersebut tidak akan memberi apa-apa makna jika Kementerian Pelancongan gagal mewujudkan penyegeraan atau *synchronization* dengan izin dengan kerajaan-kerajaan negeri dalam memastikan keperluan serta fasiliti pelancongan benar-benar tersedia di negeri-negeri dan perbezaan dan pertindihan tidak terus berlaku. Kuala Kangsar salah satu destinasi pelancongan, sudah pasti mengharapkan lebih banyak fasiliti pelancongan di kawasan saya.

Mengenai destinasi-destinasi *Malaysian Airlines*, apakah justifikasi menamatkan laluan-laluan dan destinasi-destinasi akhir-akhir ini. Tidakkah ia akan merumitkan dan mengekang kemasukan pelancong kepada negara kita. Saya juga syorkan kita mengadakan lebih banyak kerjasama dengan SIA kerana SIA mempunyai banyak destinasi-destinasi di seluruh dunia. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih

kepada Yang Berhormat Menteri kerana meneruskan usaha baik Mantan Yang Berhormat Menteri Pelancongan yang telah memulakan usaha penerbangan terus kepada pulau-pulau destinasi pelancongan seperti ke Pulau Pinang pada tahun 2018, Langkawi pada tahun 2019 dan selepas ini ke pulau-pulau di Sabah, *insya-Allah*.

Kita juga baru mendapat berita baik mengenai syarikat penerbangan Qatar yang baru bermula operasi pada 15 Oktober 2019 yang lalu secara terus dari Doha ke Langkawi. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, berapakah jangkaan pelancong yang akan tiba dengan usaha terbaru ini. Sektor Eropah yang mana? Adakah perjanjian-perjanjian yang khusus telah dibuat di antara kita dan Qatar?

Berikutan jerebu yang melanda negara, berapakah kerugian yang dialami dalam sektor pelancongan Yang Berhormat Menteri. Adakah kita akan mengambil kira perkara ini dalam anggaran pendapatan sektor pelancongan. Pada tahun 2017, kita telah memulakan *IndiGo flight fleet* dari India. Berapa kemasukan penerbangan dalam seminggu dan apakah data-data dibandingkan di antara tahun 2017, tahun 2018 dan tahun 2019? Adakah kerajaan bersedia untuk melakukan promosi yang lebih agresif dengan pelancong-pelancong India berikutan ketidakpuasan mereka dengan kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Bangsa-Bangsa Bersatu. Dijangka hampir setengah dari anggaran kedatangan pelancong dari India telah dibatalkan, adakah ini benar?

Mohon Yang Berhormat Menteri nyatakan apakah jumlah penginapan-penginapan yang sedia ada dan yang akan dibina menjelang Tahun Melawat Malaysia. Hotel bajet dari taraf lima bintang ke tiga bintang, Airbnb dan *homestay* mohon ia diberi mengikut negeri. Ini penting sebab masalah penginapan masih menjadi perkara yang belum selesai.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri pernah menyatakan *blueprint* budaya akan dikeluarkan pada suku ketiga tahun ini, sehingga kini kami masih menunggu *blueprint* itu. Oleh sebab saya hendak melihat apakah perbandingan di antara yang terdahulu dan sekarang dan sekiranya ada, Yang Berhormat Menteri wajib menyatakan apakah justifikasinya supaya budaya sebenar rakyat negara ini tetap lestari dan tulen.

Di dalam keghairahan kerajaan untuk mempersiapkan segala fasiliti dan usaha menjayakan Tahun Melawat Malaysia 2020, jangan dilupa tentang kekurangan yang ada di Jabatan Imigresen Malaysia. Kerajaan melalui Kementerian Dalam Negeri perlu memberi penekanan dalam mewujudkan *efficiency* dalam pengendalian keluar masuk pelancong asing mahupun kargo. Tiada gunanya peruntukan berbilion-bilion ringgit

untuk program *Visit Malaysia Year 2020* sekiranya kemasukan utama dan sistem dan operasi Jabatan Imigresen Malaysia di lapangan terbang tidak memuaskan. SOP yang diamalkan selama ini perlu disemak semula demi memastikan tiada lagi masalah-masalah seperti kesesakan di ruang menunggu berlarutan sehinggakan ia boleh menjadi punca kepada imej buruk industri pelancongan dan hal ehwal keselamatan negara.

Berkenaan levi pelepasan, apakah sudah ada penelitian semula oleh kementerian berkenaan dengan keberkesanan cukai tersebut terhadap perolehan pelancongan negara sebelum ini boleh diimplementasikan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam soal hasil percukaian dari industri pelancongan, dalam soal GST pula, penghapusan GST telah memberi kesan kepada penurunan kutipan hasil pelancongan negara yang dianggarkan sebanyak RM4 bilion hingga RM6 bilion pada tahun 2020. Satu kerugian yang tidak masuk akal dan SST sudah terbukti bukanlah satu amalan percukaian yang efisien bahkan ia turut menjejaskan proses perolehan negara. Apakah anggaran hasil pendapatan percukaian SST mengambil kira ketirisan yang bakal berlaku di dalam industri pelancongan.

Tuan Yang di-Pertua, jika tidak dapat— kita perlu melihat dapatan dalam statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia untuk tahun 2017, purata pendapatan rakyat yang mempunyai sekurang-kurangnya pendidikan di peringkat universiti, kolej ialah sebanyak RM4,320. Untuk mereka yang hanya mempunyai taraf pendidikan di peringkat menengah dan rendah, purata pendapatan mereka adalah sebanyak RM2,055 dan RM1,649. Bagi mereka yang langsung tidak berpendidikan formal, purata gaji mereka adalah sebanyak RM1,410. Manakala untuk tahun 2018, terdapat sedikit peningkatan purata pendapatan untuk keempat-empat kumpulan tersebut,

Jika kita lakukan perbandingan ke atas keempat-empat kumpulan tersebut, kita akan menyedari bahawa jurang pendapatan antara mereka sangat besar. Misalnya perbezaan purata pendapatan bagi tahun 2018 antara kumpulan yang berpendidikan tinggi dengan kumpulan berpendidikan menengah adalah sebanyak RM2,438. Belum lagi kita bandingkan purata pendapatan kumpulan berpendidikan tinggi dengan kumpulan berpendidikan rendah, bezanya adalah sebanyak RM2,732. Perbezaan jurang pendapatan inilah yang menjadikan kuasa membeli rakyat berbeza mengikut kerjaya kerana sebilangan besar kerjaya yang menawarkan gaji yang tinggi adalah kerjaya yang memerlukan seorang individu itu memiliki sekurang-kurangnya diploma ataupun ijazah sarjana muda.

■2010

Dalam permasalahan ekonomi sebegini, apakah pendirian Kerajaan Pakatan Harapan dalam memastikan mereka yang tidak berpendidikan tinggi ditawarkan peluang ekonomi yang saksama dengan mereka yang mempunyai peluang segulung diploma ataupun ijazah.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak setuju gaji minimum ditingkatkan hanya di bandar-bandar dan yang terpilih sahaja. Apa niat sebenar Kerajaan Pakatan Harapan ini? Mengikut strata pula, seperti yang kita tahu dan jangkakan, perbezaan pendapatan antara mereka yang menetap di kawasan bandar dan luar bandar adalah sangat ketara. Untuk tahun 2017, perbezaan purata pendapatan antara mereka yang berada di bandar dan luar bandar adalah sebanyak RM998 manakala untuk tahun 2018, perbezaan purata pendapatan antara dua strata tersebut meningkat sebanyak RM193 dan menjadikan perbezaan purata RM1,191.

Peningkatan jurang pendapatan antara bandar dan luar bandar ini sungguh membimbangkan memandangkan kos sara hidup rakyat semakin meningkat di bawah pemerintahan rejim Pakatan Harapan. Janganlah ditekan lagi dan dilebarkan lagi jurang yang sedia ada di antara dua kelompok ini sebab dua kelompok ini semakin ketara jurangnya dan jelas polanya mengikut kaum dan ternyata aspek ini menekan rakyat daripada kaum Melayu yang ramai di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan tadi, apalah ertinya kenaikan kadar gaji minimum jika kerajaan masih gagal menawarkan peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat tetapi terima kasih juga kerana ada hal-hal yang berkaitan dengan hal-hal kerja di dalam belanjawan ini. Akan tetapi berdasarkan empat program yang dikhaskan dalam agenda *Malaysia World* ini, saya dah ada beberapa persoalan yang memerlukan respons dan penjelasan Yang Berhormat Menteri. Boleh saya katakan sebagai cadangan dalam menjaring graduan-graduan yang menganggur, kuota yang perlu dikhaskan dalam Program Graduan Kerja ini adalah 70 peratus ke 35 peratus iaitu 70 peratus untuk graduan luar bandar dan 30 peratus untuk graduan dari kawasan bandar.

Demi merealisasikan kesaksamaan gender dalam Program Graduan Kerja tersebut, daripada kuota 70 peratus untuk graduan luar bandar, setengah harus dikhaskan kepada graduan wanita luar bandar. Saya yakin ekonomi sosial dapat disuburkan dengan adanya penglibatan yang saksama oleh kedua-dua gender dalam penghasilan ekonomi rakyat melalui Program Graduan Kerja ini. Insentif dengan izin, sebanyak RM500 sebulan selama dua tahun lebih molek jika dimanfaatkan untuk

pembayaran automatik kepada PTPTN dan MARA dan mereka yang mempunyai hutang tertunggak daripada pinjaman pendidikan.

Secara totalnya, jika cadangan tersebut diguna pakai, insentif RM500 tersebut dapat mengurangkan hutang pinjaman pendidikan mereka yang tertunggak secara bulanan untuk dua tahun. Sebanyak RM12,000 dapat disalurkan kepada PTPTN atau MARA sebagai pembayaran semula atau *repayment* oleh seorang graduan yang mendapat manfaat daripada insentif ini.

Kerajaan Barisan Nasional telah memperuntukkan sebanyak RM4.4 bilion kepada golongan mahasiswa. Dalam bajet terakhir Kerajaan Barisan Nasional, hampir RM3 bilion dikhaskan untuk mahasiswa negara. Bandingkan mahasiswa pada zaman Pakatan Harapan. Mahasiswa tertipu dengan janji-janji kononnya Pakatan Harapan ingin mewujudkan pendidikan percuma. Pakatan Harapan yang kononnya ingin menaikkan pemberian kepada mahasiswa jika menang Pilihan Raya Ke-14. Lepas PRU14, tidak ada satu pun inisiatif kerajaan yang benar-benar mengangkat martabat pendidikan negara melalui pembangunan mahasiswa. Siapa mahasiswa di mata Kerajaan Pakatan Harapan? Apakah mahasiswa berpuas hati sekadar Program *Food Bank* di universiti?

Dengan ketiadaan peruntukan khas untuk golongan mahasiswa dalam belanjawan, dapatlah disimpulkan bahawa Belanjawan 2020 ini merupakan belanjawan yang tidak peduli mahasiswa. Kerajaan gagal dalam melaksanakan janji untuk mewujudkan *inclusivity* dengan izin, dalam pendidikan seperti mana yang diharapkan oleh golongan B40 yang semakin terhimpit dengan tekanan ekonomi. Peruntukan khas wajib ada untuk pemimpin masa depan negara kita. Saya yakin sekiranya golongan mahasiswa terus terabai, tahap kualiti pendidikan negara akan terus merosot dan kesannya lebih ramai lagi golongan muda yang gagal mendapatkan hak pendidikan khususnya Melayu Bumiputera B40.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada sedikit masa sahaja lagi. Dalam berbicara soal pemerksaan wanita ataupun *women empowerment* dengan izin, perkara yang terpenting sekali adalah tidak lain dan tidak bukan ialah penglibatan wanita dalam meraikan penghasilan ekonomi negara melalui pekerjaan dan mendapat pembelaan secara tuntas daripada segi peranan mereka sebagai seorang anggota masyarakat yang berpaksikan sebuah unit keluarga hinggalah sebagai warga korporat di pentas global. Saya jangkakan pada awalnya dan dengan adanya seorang Timbalan Perdana Menteri Malaysia yang pertama daripada golongan wanita dan juga Yang Berhormat Menteri

yang bertanggungjawab menjaga hal wanita, semestinya *goodies* dengan izin, yang lebih menarik dan luar biasa dapat ditawarkan kepada wanita Malaysia.

Ini sahaja kah tawaran untuk wanita Malaysia, Yang Amat Berhormat? Itu sahaja kah nilai wanita Malaysia kepada negara dan sebagai *equal partner* dengan izin di arus perdana negara. Mana tidaknya, adakah kerajaan serius bagi terus memastikan Syarikat-syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) serta badan-badan berkanun diwajibkan untuk mempunyai sekurang-kurangnya 30 peratus golongan wanita dalam lembaga pengarah sebelum akhir 2018 seperti yang dibuat oleh Kerajaan Barisan Nasional, yang diperjuangkan oleh Kerajaan Barisan Nasional. Saya berharap Yang Amat Berhormat dapat mencadangkan bukan hanya 30 peratus tetapi 50 peratus komposisi wanita di dalam GLC-GLC.

Apakah usaha alternatif untuk memastikan jurang pendapatan di antara gender dapat dikurangkan dan lebih baik dihapuskan sama sekali dan apa pula diskriminasi kenaikan pangkat yang bertepatan dengan SDG Bangsa-bangsa Bersatu. Tidak ada *urgency* dengan izin, kepada keluhan-keluhan golongan wanita yang berkerjaya. Jurang pendapatan antara gender adalah satu masalah yang perlu diberi penekanan oleh kerajaan ini. Kesaksamaan gender di ruang ekonomi perlu diberi pengukuhan dan diperhebatkan dengan memperbanyakkan lagi usaha inisiatif kerajaan dalam mengangkat golongan wanita sebagai antara tonggak penting dalam penjanaaan ekonomi dan kesejahteraan negara.

Saya ada beberapa persoalan dan cadangan dengan program *Women at Work* ini. Persoalan saya adalah, sektor atau industri tempatan manakah yang akan disuaipadankan dengan menjayakan Program Wanita Kerja ini dan apakah jaminan kerajaan untuk memastikan 33,000 peluang pekerjaan itu wujud dan bukan janji-janji palsu, mimpi ngeri wanita Malaysia. Mengenai RM500 insentif tambahan selama dua tahun itu tidak perlulah dikreditkan ke dalam akaun KWSP sebaliknya terus dijadikan sebagai *direct incentive* dengan izin kepada akaun bank penerima. Pemberian insentif yang berbentuk wang seperti diperuntukkan dalam Program Wanita Kerja perlu *sincere* dengan izin dan *straight forward*, dengan izin.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Yang Berhormat Kuala Kangsar.

Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]: Hal ini penting dalam mewujudkan kuasa membeli kepada golongan wanita yang bekerja.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Yang Berhormat Kuala Kangsar, minta laluan Yang Berhormat Kuala Kangsar. Pendang.

Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]: Saya sikit sahaja masa, 22 saat sahaja. Minta maaf.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Sikit masa, 22 saat. Ada satu soalan sahaja, sikit sahajalah.

Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]: Ada 20 saat sahaja, saya minta maaf ya. Minta maaf Yang Berhormat Pendang.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Sampai 8.30 itu.

Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]: Tak, tak juga. *[Ketawa]* Apakah makna pemberian insentif jika ia tidak dapat digunakan secara fizikal oleh rakyat. Mengenai pengeluaran rawatan IVF daripada KWSP. Tuan Yang di-Pertua, bagi saya sedikit masa lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, sila menggulung.

Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]: Kerajaan perlu serius. Seharusnya kejayaan dan kegagalan rawatan ini diambil kira. Adakah pemohon dapat mengeluarkan peruntukan ini beberapa kali hingga berjaya dan apakah syarat-syaratnya? Apa guna memberi kelonggaran sekiranya matlamat sebenar tidak mampu dicapai. Apa penyelesaian bagi wanita yang amat memerlukan rawatan ini sekiranya akaun kedua tidak mencukupi? Saya meletakkan perbezaan ideologi politik sebagai sempadan tetapi Kuala Kangsar bersedia bekerjasama dalam menjayakan apa jua usaha ke arah memartabatkan wanita Malaysia.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, pesanan saya kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan. Menggunakan pelabelan yang menjangkau keretorikan yang melampau dan menganggap rakyat tidak faham terutama sekali yang di luar bandar dan pedalaman amat mengecewakan. Cukup-cukuplah. Yakinlah bajet ini akan mengukur betapa kerajaan ini langsung tidak menghargai dan memahami kehendak rakyat yang mengharap yang lebih baik daripada kerajaan yang megah dengan slogan 'Malaysia Baharu' nya. Satu lagi retorik yang memualkan. Yang baharu hanyalah sikap yang merendah-rendahkan keupayaan rakyat di semua peringkat. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Kangsar. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Klang, sila.

8.19 mlm.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ada lebih kurang 10 minit. Ada satu *advertisement Bloomberg* yang mengatakan, 'Give me ten minutes, I'll give you the world'. So, saya minta kawan-kawan Ahli Parlimen,

give me ten minutes and I'll give you the world. [Ketawa] Ini *advertisement* lah, *advertisement*. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin ucapkan tahniah kepada Kerajaan Pakatan Harapan...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Penutup dunia daripada Yang Berhormat Klang.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Yang telah membentangkan bajet yang kedua untuk meneruskan usaha meringankan beban rakyat di samping itu mengaitkan pentadbiran negara dengan visi kemakmuran bersama ataupun *Shared Prosperity Vision 2030*.

■2020

Dasar kerajaan untuk meneruskan peruntukan atau Skim Bantuan Sara Hidup pada tahun akan datang dengan jumlah RM5 bilion dan memperluaskan skim lagi untuk meliputi golongan lain yang berpendapatan rendah seperti individu bujang atau OKU, usaha kerajaan prihatin ini haruslah disokong. Usaha untuk membantu golongan yang memerlukan seperti isi rumah B40, terutamanya individu yang hidup di bawah garis kemiskinan adalah amat dialu-alukan. Dasar Kerajaan Pakatan Harapan untuk mengurangkan jurang pendapatan di antara bandar dan luar bandar seperti mana diumumkan dalam ucapan Bajet juga perlu diberi kepujian.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memanjangkan dan juga ingin membangkitkan beberapa isu yang berkaitan untuk pertimbangan pihak kerajaan. Pertama, jurang pendapatan di antara *top 20* dengan B40 masih wujud dan menjadi lebih luas dalam lima tahun yang lalu. Perbezaan bulanan antara *top 20* dan B40 telah menjadi luas daripada RM1,935 pada tahun 1989 kepada RM10,148 pada tahun 2016. Ini menunjukkan bahawa peluasan—itu lima kali ganda daripada tahun 1989 hingga 2016. Kedua, mengikut kajian Khazanah *Research Institute* (KRI), pengagihan pendapatan *income share* purata isi rumah B40 dan M40 hanya setakat 17.7 peratus dan 29.4 peratus kepada purata pendapatan *top 20* pada tahun 2016.

Ini menunjukkan bahawa, trend pengagihan pendapatan masih luas di antara orang-orang kaya dan orang-orang miskin di negara kita. Tuan Yang di-Pertua, tanda baik pentadbiran sesebuah negara mengamalkan prinsip kemakmuran bersama adalah pengagihan kekayaan negara yang sedia ada dengan lebih saksama terutamanya menjaga kebajikan golongan yang paling tidak berkemampuan tanpa mengira kaum atau agama. Soalan di depan kita Tuan Yang di-Pertua ialah bagaimana visi *shared prosperity* ini dapat mengurangkan jurang kekayaan di antara orang miskin dan kaya demi kesejahteraan masyarakat.

Saya minta Menteri Hal Ehwal Ekonomi untuk memberi pencerahan bagaimana gap di antara orang kaya dan orang miskin dapat dikurangkan. Bagaimana dapat dikurangkan, sebab saya dapati bahawa dalam laporan yang telah dikeluarkan, tidak menunjukkan *implementation* bagaimana gap di antara orang kaya dan orang miskin dapat dikurangkan. Menurut definisi kemiskinan relatif ataupun *relative poverty*, terdapat 1.54 juta isi rumah yang dikatakan hidup dalam kemiskinan relatif pada tahun 2016. Ini adalah penambahan setengah juta isi rumah sejak tahun 1995. Kalau kita menggunakan satu lagi angka kalau kita nampak tinggikan, *poverty line index* atau *poverty line income* kepada 1,500 yang dipakai sekarang adalah 980.

Akan tetapi, kalau kita menggunakan 1,500 seperti yang digunakan oleh Kerajaan Negeri Selangor, maka kita dapati bahawa kemiskinan di Malaysia akan menjadi terlalu tinggi daripada apa yang dikemukakan oleh pihak kerajaan iaitu 0.4 peratus. Tuan Yang di-Pertua, PLI yang digunakan memberi kadar kemiskinan sebanyak 0.4, ia memang tidak realistik. Mengikut pengiraan PLI, perbelanjaan bagi setiap isi rumah adalah kira-kira RM8.00 sehari. RM8.00 sehari setiap ahli keluarga. Ini sukar diterima pada masa kini. Jika kerajaan adalah serius dalam menangani masalah kemiskinan.

Jelas penggunaan PLI yang bermasalah akan memberi gambaran atau anggaran kemiskinan yang salah. Kerajaan selama ini telah menyatakan bahawa kemiskinan hampir dibasmi di Malaysia, tetapi pandangan ini tidak betul dan mendapat tentangan daripada beberapa kumpulan kepentingan di Malaysia dan juga luar negeri termasuk Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu. Profesor Philip Alston UN *rappporteur on poverty* yang telah melawat Malaysia dan juga berjumpa dengan beberapa kumpulan yang dikatakan kumpulan kepentingan yang bekerja dengan isu kemiskinan, berpendapat bahawa kadar kemiskinan di Malaysia sepatutnya adalah di antara 16 peratus dan 20 peratus bukan 0.4 peratus yang dikatakan.

Saya bercadang supaya Kementerian Hal Ehwal Ekonomi mengulang kaji garis kemiskinan atau *poverty line income* supaya isu-isu yang berkaitan dengan kemiskinan lebih mencerminkan realiti terkini.

Isu yang seterusnya Tuan Yang di-Pertua adalah berkait dengan gaji minimum. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan, terima kasih kepada kerajaan kerana bercadang untuk meningkatkan gaji minimum ke RM1,200, walaupun hanya dilaksanakan di bandar-bandar utama. Persoalan saya, mengapa cadangan kerajaan hanya berhenti setakat sahaja di bandar-bandar utama? Bagaimana kerajaan akan

mendefinisikan bandar-bandar utama memandangkan 87 peratus daripada seluruh negara boleh diklasifikasikan sebagai kawasan bandar.

So, saya ingat kerajaan mesti memberi satu kriteria untuk menentukan manakah bandar-bandar utama dan mana-mana bandar yang tidak utama. Menurut kajian dan pengiraan gaji hidup yang diperkenalkan oleh Bank Negara Malaysia pada tahun 2017, gaji hidup di Kuala Lumpur bagi seorang individu adalah RM2,700 sebulan. Bagi seorang pasangan dengan dua anak pula adalah RM6,500 sebulan. Nilai anggaran Bank Negara Malaysia tidak jauh daripada Buku Panduan Belanjawanku yang dikeluarkan oleh KWSP ataupun EPF untuk warga Lembah Klang pada awal tahun ini. Bagi individu perseorangan adalah RM2,490 manakala sebuah pasangan dengan dua orang anak adalah lebih kurang RM6,620.

Masalahnya Tuan Yang di-Pertua ialah hampir 50 peratus pekerja dewasa di Kuala Lumpur memperoleh gaji kurang daripada RM2,500 sebulan pada tahun 2016. Untuk merealisasikan inspirasi *Income Concept Shared Prosperity Vision 2030*, di sini saya menyeru kerajaan menaikkan gaji minimum dengan gaji hidup. *Minimum wage* dengan *a living wage* untuk memastikan rakyat yang telah menyumbang tenaga buruh kepada ekonomi negara boleh hidup dengan lebih bermaruah dan menampung kos hidup yang semakin melambung tinggi.

Cadangan saya Tuan Yang di-Pertua kepada kerajaan supaya merujuk kepada sistem di UK, di mana mereka ada kadar Gaji Minimum Negara, *National Minimum Wage* dan Gaji Hidup Negara ataupun *National Living Wage*. Perbezaan adalah berdasarkan umur pekerja. Saya berasa peningkatan gaji minimum adalah penting bagi pekerja berumur 25 tahun dan ke atas. Ini adalah kerana mereka memerlukan perlindungan gaji yang lebih tinggi sewaktu kebanyakan daripada mereka akan membina keluarga baharu, selepas perkahwinan dan sebagainya.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, sumbangan pampasan tenaga pekerja ataupun dalam bahasa Inggeris, *Compensation of the employees* (CE). Ini adalah kepada KDNK. Ini adalah ukuran atau gaji yang dibayar kepada pekerja secara keseluruhan di Malaysia berbanding dengan KDNK. Soalan di depan kita ialah bagaimana untuk mencapai sasaran *Shared Prosperity Vision 2030* iaitu sebanyak 48 peratus daripada KDNK akan pergi kepada golongan pekerja.

This is the challenge, how do we make sure that the government workers in this country realize the 48 percent. Pada masa ini, tahap pencapaian *compensation of the employees* ialah 35.7 peratus KDNK. Akan tetapi, cabaran yang telah dikemukakan oleh *shared prosperity vision* adalah 48 peratus. Persoalan saya kepada Yang Berhormat

Menteri Sumber Manusia ialah apakah langkah kerajaan yang akan diambil untuk menambah baik dan memperkukuhkan Undang-undang Buruh untuk memastikan kerajaan dapat mencapai sasaran tersebut.

Bagaimana Wawasan Kemakmuran Bersama boleh dilaksanakan supaya pengagihan kekayaan dan hasil pertumbuhan ekonomi dapat manfaat kepada golongan pekerja di Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali dalam seksyen ini. Saya ingin tanya kepada pihak kerajaan khususnya Kementerian Hal Ehwal Ekonomi ialah bilakah pelan *implementation* ataupun pelan implementasi *shared prosperity vision* termasuk sasaran-sasaran tertentu akan dikemukakan. Ini adalah penting dan saya percaya kerajaan harus memberi *priority* keutamaan kepada pelan *implementation*.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Yang Berhormat Klang, sekejap sahaja. Hendak sentuh isu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Klang. Saya hendak sentuh sedikit. Saya tertarik dengan ucapan Yang Berhormat Klang berkenaan dengan...

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Bukan Lembah Klang, Klang.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Yang Berhormat Klang berkenaan dengan pemuda tadi. Saya hendak tanya minta kita buat satu sistem yang boleh kita bantu anak muda kita berkenaan dengan sekarang ini dibelenggu dengan hutang PTPTN dan juga kos hidup yang tinggi. Adakah kita boleh buat satu cadangan untuk *caucus* membincangkan anak-anak muda semua ini kerana mereka ini adalah generasi akan mengambil alih negara. Saya hendak minta pandangan daripada Yang Berhormat Klang. Saya nampak sedap tadi, benda yang dibangkitkan

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Sila menggulung Yang Berhormat Klang.

■2030

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Terima kasih atas pandangan Yang Berhormat tadi. Saya minta isu ini dimasukkan, pedang. Minta maaf, Yang Berhormat Pendang. Ucapan Yang Berhormat Pendang dimasukkan ke dalam ucapan saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, Yang Berhormat Pendang bukan pedang.

Beberapa Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Minta kerajaan dapat jawab soalan ini. Memperkukuhkan sektor perubatan awam.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Sila menggulung Yang Berhormat.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Tuan Yang di-Pertua, sebagai wakil rakyat Parlimen Klang, saya ingin merakamkan terima kasih setinggi-tingginya kepada kerajaan atas pertimbangan untuk menaik taraf dan membesarkan Hospital Tengku Ampuan Rahimah Klang. Kapasiti hospital yang sedia ada sering tidak cukup untuk memenuhi permintaan yang tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyambut baik peruntukan sebanyak RM60 juta untuk vaksin *pneumococcal* kepada semua kanak-kanak demi kesihatan awam. Dasar ini dijanjikan dalam manifesto Pakatan Harapan dan mendapat sokongan *World Health Organization*. Saya difahamkan Tuan Yang di-Pertua bahawa vaksin ini belum dimasukkan ke Program Imunisasi Nasional ataupun *National Immunization Programme*. Saya harap KKM akan berunding untuk mendapat harga terbaik dengan syarikat-syarikat perubatan. Saya mohon pencerahan daripada kementerian mengenai kedua-dua isu ini.

Saya mencadangkan juga agar kerajaan dapat mempertimbangkan kemasukan vaksin ubat generik supaya harga vaksin boleh jadi lebih berpatutan bagi pihak KKM dan lebih ramai rakyat Malaysia dapat dilindungi oleh vaksin ini. Walaupun jumlah nilai peruntukan meningkat tetapi Tuan Yang di-Pertua, tambahan perbelanjaan KKM tidak mencukupi. Peruntukan bagi tahun 2020 hanya 6.7 peratus berbanding daripada tahun yang lepas. Kadar pertumbuhan ini adalah terendah dalam empat tahun yang lalu atau pun seolah-olah tambahan sebanyak RM2 bilion seperti tahun-tahun yang lepas.

Janji utama Manifesto Pakatan Harapan terhadap peruntukan perbelanjaan KKM sebanyak empat peratus KDNK nampaknya semakin jauh daripada kebolehan untuk menunaikan janji.

Di sini saya juga ingin membangkitkan persoalan berkenaan laporan *National Cancer Registry* yang tidak dikemaskinikan semenjak tahun 2011. Tuan Yang di-Pertua, lapan tahun telah berlalu dan kerajaan belum lagi mengemukakan *National Cancer Registry* yang terkini. Saya berharap laporan terperinci ini boleh terus dikemukakan kepada orang awam. Ia juga akan memberi *the state of play* dalam *World Against Cancer*.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pada tahun 2011, KKM telah memberitahu kita bahawa satu daripada 10 wanita di Malaysia akan mendapat kanser dan satu daripada sembilan lelaki dewasa akan juga mendapat kanser. Ini satu nombor yang begitu *shocking*. So, oleh kerana itu harus kerajaan mempercepatkan

mengemukakan *National Cancer Registry* demi kepentingan rakyat. Tuan Yang di-Pertua, saya juga minta pencerahan daripada KKM mengenai pelan untuk membeli ubat-ubatan secara pukal ataupun *bulk* bagi institusi-institusi di bawah *Ministry of Education and Ministry of Defense*. Ini akan dapat mengurangkan harga ubat.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi isu berkait dengan *Ministry of Health* atau KKM ialah sama ada kerajaan akan mempertimbangkan untuk membenarkan kemasukan versi generik DGT ataupun *dolutegravir* DGT adalah ubat utama ataupun ubat untuk merawat dan menangani penyakit AIDS dan kos ubat original ataupun kos *the pattern of medicine* sebenarnya adalah lebih kurang RM500 hingga RM600.

Akan tetapi ini masih terlalu mahal untuk kebanyakan orang. Kos ubat generik adalah separuh daripada kos asal yang boleh dibeli dengan RM160. So, saya minta kerajaan supaya menggunakan cara-cara yang sedia ada supaya kita dapat menggunakan *medicine* generik DGT kepada pesakit-pesakit untuk menangani penyakit AIDS.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, masalah jerebu yang melanda negara kita pada bulan lalu jangan sesekali kita lupakan. Itu bukan sahaja isu alam sekitar tetapi juga isu pertumbuhan sektor ekonomi yang mapan serta isu kesihatan awam. Saya pernah menyeru penubuhan satu pasukan penyiasatan bersama di antara Malaysia, Indonesia dan Singapura berfungsi untuk membawa sesiapa yang bertanggungjawab terhadap kebakaran hutan di serantau ini ke muka pengadilan.

Persoalan kepada Menteri, setuju kah Menteri dengan cadangan saya supaya kita mengikut jejak Singapura menggubal satu rang undang-undang seperti *Transboundary Haze Pollution Act 2014*. Undang-undang ini boleh dikuatkuasakan untuk menyaman syarikat-syarikat yang terlibat. Saya minta kerajaan senaraikan langkah-langkah yang akan diambil ataupun telah diambil untuk melaksanakan *Transboundary Haze Pollution Act 2014*. Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ini kali keempat akhir sekali.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: ...Ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat menyambut Hari Deepavali kepada semua Ahli Parlimen Hindu dan juga... *Deepavali naal vaazhthukkal*. Akhir sekali, saya juga mengambil kesempatan ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Inilah dia, apabila *mike* sudah buka tidak pernah berhenti.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: ...Untuk pesan kepada Polis Diraja Malaysia dan juga Kerajaan Malaysia supaya membebaskan kawan-kawan kita yang ditahan di bawah SOSMA. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Klang. Ahli-ahli Yang Berhormat, setakat ini seramai 101 orang Ahli Parlimen telah berjaya mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2020. Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Rabu 23 Oktober 2019. *Deepavali vaazhthukkal.*

[Dewan ditangguhkan pada pukul 8.35 malam]